



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI SABAH SIRI 2

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

**AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

NEGERI SABAH SIRI 2

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
	JABATAN KERJA RAYA SABAH
3	Projek Pembinaan Kompleks Ibu Pejabat Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah
	LEMBAGA PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN BANDAR
12	Pengurusan Program Penyewaan Rumah Dan Penempatan Semula
	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
20	Pengurusan Kawal Selia Air
	DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU
46	Pengurusan Pengenaan Dan Kutipan Cukai Taksiran
	LEMBAGA PEMEGANG AMANAH TAMAN-TAMAN SABAH
65	Pengurusan Kemudahan Pelancongan Taman-Taman Sabah
	JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN DAN PERUSAHAAN TERNAK
89	Pengurusan Ternakan Lembu dan Kambing
	JABATAN PERHUTANAN SABAH
105	Pengurusan Projek Pelancongan
	MAJLIS DAERAH TENOM MAJLIS DAERAH NABAWAN MAJLIS DAERAH TAMBUNAN
134	Pengurusan Perolehan
	KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
150	Sabah Development Bank Berhad
	KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
169	Syarikat Desa Plus Sdn. Bhd.
193	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri.
2. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 25 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.
3. Saya berharap laporan ini yang mengandungi kajian Audit terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 4 Jabatan, 6 Agensi dan 2 Syarikat Kerajaan Negeri Sabah akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.
4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

28 September 2016



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. JABATAN KERJA RAYA SABAH

- Projek Pembinaan Kompleks Ibu Pejabat Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah

1.1. Pada 16 April 1984, Pulau Labuan telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan dan semua Agensi Kerajaan Negeri Sabah yang berada di Pulau Labuan telah dipindahkan ke tanah besar kecuali Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah (JPDS). JPDS merupakan agensi Kerajaan Negeri di bawah Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah (KPI). Fungsi JPDS adalah mengawal dan menguruskan sistem lalu lintas air yang cekap dan selamat di pelabuhan-pelabuhan, dermaga-dermaga dan sungai-sungai di Sabah. Pada tahun 2008, JPDS telah memohon tanah seluas 15 ekar di Kampung Andus, Kimanis Papar bagi tujuan pembinaan kompleks Ibu Pejabat JPDS, rumah bot, gudang, kuarters kakitangan dan menara sistem permonitoran trafik perkapalan dengan anggaran kos RM59.55 juta. Objektif pembinaan kompleks Ibu Pejabat JPDS adalah untuk menjadi pusat pentadbiran dan menempatkan 72 orang kakitangan JPDS Labuan. Selain itu, pembinaan menara sistem permonitoran adalah untuk memantau lalu lintas/trafik kapal yang memasuki perairan Negeri Sabah. Projek tersebut telah di laksana dan dipantau oleh Jabatan Kerja Raya Sabah (JKR Sabah). Setakat bulan April 2016, 3 daripada 6 komponen projek telah siap dilaksanakan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM19.01 juta atau 31.9% daripada RM59.55 juta anggaran kos keseluruhan projek.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga April 2016 mendapati kerja-kerja pembinaan kompleks Ibu Pejabat JPDS adalah memuaskan kerana pelaksanaan 3 daripada 6 komponen projek telah dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui iaitu:

- Pelaksanaan Komponen Utama Projek Fasa II tertangguh kerana ketiadaan peruntukan.
- Jalan masuk ke tapak jeti melalui tanah persendirian dan proses pengambilan belum bermula.
- Kerja yang dilaksanakan tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan.

1.3. Bagi memantapkan pengurusan projek pembinaan jangka panjang seperti ini adalah disyorkan JKR Sabah mengambil tindakan berikut:

1.3.1. Pihak Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi pelaksanaan komponen projek mengikut fasa pembangunan yang telah dirancang.

1.3.2. Pihak JKR Sabah mengenal pasti kesemua aspek pelaksanaan projek di peringkat awal seperti penyediaan jalan masuk yang sesuai supaya tidak menghalang pelaksanaan projek seterusnya.

2. LEMBAGA PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN BANDAR

- Pengurusan Program Penyewaan Rumah Dan Penempatan Semula

2.1. Program Penyewaan Rumah Dan Penempatan Semula (PPPS) di bawah Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar (LPPB) merupakan satu program di mana LPPB menyewakan rumah kepada golongan berpendapatan rendah dan setinggan pada kadar antara RM124 hingga RM170 sebulan. Sehingga 31 Disember 2015, LPPB bertanggungjawab mengurus 5 buah projek PPPS iaitu Taman Jaya Diri dan Taman Bukit Setia di Kuala Menggatal, Pangsapuri Tanjung Aru, Taman Puri Warisan 3A dan Taman Puri Warisan 3B di Kalansanan, Inanam. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, LPPB telah berjaya mengutip sewa sejumlah RM12.71 juta. Manakala, sejumlah RM6.18 juta daripada RM8.1 juta atau 76.3% peruntukan penyenggaraan yang diluluskan telah dibelanjakan. LPPB turut menerima peruntukan daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan berjumlah RM2.37 juta dengan 100% telah dibelanjakan bagi tempoh yang sama. Secara keseluruhannya, pengurusan PPPS oleh LPPB adalah memuaskan kerana pihak LPPB telah menyewakan rumah kepada golongan sasaran mengikut syarat kelayakan yang ditetapkan dan melaksanakan kerja penyenggaraan rumah mengikut rancangan penyenggaraan tahunan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu diambil tindakan penambahbaikan oleh pihak LPPB seperti berikut:

- Bangunan flat 5 tingkat dengan kos pembinaan sejumlah RM9.42 juta belum diduduki sejak siap pada 31 Mei 2015 kerana belum memperoleh Sijil Layak Menduduki.
- Tunggakan sewa (termasuk air) berjumlah RM1.2 juta dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 131 bulan belum dikutip.

2.2. Bagi tujuan penambahbaikan terhadap pengurusan Program Penyewaan Rumah Dan Penempatan Semula oleh Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar (LPPB), pihak Audit mengesyorkan pihak LPPB mengambil tindakan seperti berikut:

2.2.1. Mengambil tindakan segera membuat permohonan Sijil Layak Menduduki bagi bangunan flat 5 tingkat yang telah siap dibina dengan menyempurnakan beberapa kerja yang disyaratkan oleh agensi berkaitan.

2.2.2. Bersikap tegas dan proaktif dalam memungut tunggakan sewa terhadap penyewa yang tertunggak melebihi 3 bulan sewa. Selain itu, tunggakan sewa bagi penyewa pasif hendaklah dilaporkan dalam Penyata Kewangan LPPB bagi memberi gambaran sebenar kedudukan tunggakan PPPS.

3. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

- Pengurusan Kawal Selia Air

3.1. Enakmen Sumber Air Negeri Sabah telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 30 September 1998 dan dikuatkuasakan pada 1 Jun 2000. Enakmen ini adalah untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan sumber air Negeri Sabah, bagi menggalakkan penggunaan air secara teratur, saksama dan cekap serta memaksimumkan manfaat-manfaat ekonomi, sosial dan persekitarannya untuk masa hadapan. Melalui enakmen ini, Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) telah dilantik sebagai Pengarah Sumber Air yang akan bertanggungjawab dalam pengurusan sumber air di Negeri Sabah. JPS telah mewujudkan Bahagian Pengurusan Sumber Air yang berfungsi untuk menguruskan tadahan, aktiviti-aktiviti air dan badan air di seluruh Negeri Sabah. Bahagian ini diketuai oleh seorang Jurutera J44 dan dibantu oleh 9 orang pegawai. Objektif Pengurusan Kawal Selia Air adalah pengurusan yang berkekalan untuk sumber air Negeri Sabah bagi menggalakkan penggunaan air secara teratur, saksama dan cekap dan memaksimumkan manfaat-manfaat ekonomi, sosial dan persekitarannya untuk masa hadapan dan bagi perkara-perkara berkaitan serta bersamping dengannya. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, Bahagian Sumber Air telah diperuntukkan sejumlah RM680,000 untuk mengurus dan sebanyak RM560,000 atau 82.53% telah dibelanjakan.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac 2016 hingga Julai 2016 mendapati, Pengurusan Kawal Selia Air di Negeri Sabah dari segi kajian keperluan air, pematuhan kualiti air, pewartaan kawasan tadahan, pelaksanaan pelesenan dan penguatkuasaan serta perjawatan adalah kurang memuaskan. Berikut adalah perkara yang memerlukan penambahbaikan oleh JPS Sabah:

- Kajian keperluan air tidak dilaksanakan di peringkat daerah untuk menilai kesediaan air berbanding permintaan air. Selain itu, pembinaan empangan belum dilaksanakan kerana menunggu kelulusan *Lab Value Engineering*.
- Ujian terhadap kualiti air sungai mencatatkan pelanggaran parameter walaupun tidak melebihi 34.57% bagi ujian COD, *Aluminium*, *Ferum*, *Total Coliform*, Warna dan Mangan bagi tahun 2013 hingga 2015.
- Kawasan tadahan air di 79 lembangan sungai belum diwartakan.
- Fungsi pelesenan dan penguatkuasaan belum dilaksanakan.

3.3. Bagi memastikan pengurusan kawal selia air dapat dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, adalah disyorkan JPS Sabah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

3.3.1. Satu badan kawal selia air hendaklah ditubuhkan bagi memastikan pengurusan kawal selia air dijalankan dengan cekap dan teratur.

3.3.2. JPS hendaklah mempercepatkan proses pewartaan bagi memastikan kawasan tadahan air sentiasa dilindungi serta menguatkuasakan perlesenan bagi menjaga hasil dan memantau aktiviti air.

4. DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

- Pengurusan Pengenaan Dan Kutipan Cukai Taksiran

4.1. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (Dewan Bandaraya) ditubuhkan dengan rasminya pada 2 Februari 2000 melalui Enakmen Bandaraya Kota Kinabalu 1996 (Bil. 15 Tahun 1996) setelah diwarta dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah pada bulan November 1996. Kawasan perkadaran meliputi seluruh kawasan daerah Kota Kinabalu dengan keluasan 90,449 ekar atau 366 kilometer persegi yang dibahagikan kepada kawasan operasi (kawasan yang dikenakan cukai) dan kawasan kawalan (kawasan yang belum dikenakan cukai). Keluasan kawasan operasi Dewan Bandaraya ialah 26,910 ekar atau 29.8% daripada keluasan kawasan perkadaran dan kawasan tersebut dibahagi kepada 3 bahagian iaitu *urban*, *sub urban* dan *new rating area*. Dewan Bandaraya ditadbir oleh Mayor, pegawai dan kakitangan. Antara aktiviti Dewan Bandaraya adalah mengurus kutipan cukai am, cukai saluran najis, penyenggaraan jalan raya, perparitan dan lampu jalan. Cukai taksiran merupakan hasil utama Dewan Bandaraya iaitu melebihi 60% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Dewan Bandaraya. Pada tahun 2015, sejumlah 92,809 harta pegangan direkodkan dalam kawasan operasi Dewan Bandaraya termasuk harta pegangan persendirian, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Berdasarkan jumlah tersebut, cukai taksiran yang dikutip daripada pemilik hartanah berjumlah RM84.67 juta. Pada tahun 2013 dan 2014, cukai taksiran menyumbang 72.4% dan 68.4% daripada pendapatan Dewan Bandaraya yang masing-masing berjumlah RM80.88 juta dan RM85.14 juta.

4.2. Pengauditan terhadap Pengurusan Pengenaan Dan Kutipan Cukai Taksiran telah dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2016. Secara keseluruhannya, Pengurusan Pengenaan Dan Kutipan Cukai Taksiran Dewan Bandaraya adalah baik dari segi prestasi kutipan cukai taksiran tahunan, penilaian semula hartanah dan tempoh proses penilaian hartanah. Bagaimanapun, terdapat kelemahan seperti berikut:

- Tunggakan cukai taksiran melebihi 5 tahun berjumlah RM13.27 juta.
- Tindakan kutipan tunggakan cukai taksiran kurang berkesan.

4.3. Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi Pengurusan Dan Pengenaan Kutipan Cukai Taksiran, pihak Audit mengesyorkan selain tindakan yang telah dilakukan Dewan Bandaraya turut membuat lawatan fizikal ke lokasi pemilik hartanah yang mempunyai tunggakan cukai taksiran yang tinggi atau melebihi tempoh 3 tahun bagi mengenal pasti sebab sebenar pemilik gagal menjelaskan bil cukai taksiran yang dihantar setiap tahun.

5. LEMBAGA PEMEGANG AMANAH TAMAN-TAMAN SABAH

- Pengurusan Kemudahan Pelancongan Taman-Taman Sabah

5.1. Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah (TTS) ditubuhkan pada tahun 1964 merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar Sabah (KePKAS). Objektif penubuhan TTS adalah untuk melindungi selamanya kawasan yang mengandungi nilai-nilai geografi, biologi, dan sejarah alam semula jadi sebagai warisan Negara bagi kepentingan pendidikan dan rekreasi manusia sejagat. Bagi melaksanakan fungsinya, TTS merancang dan melaksanakan pelbagai projek kemudahan pelancongan seperti projek membina pejabat, asrama, restoran, kedai cendera mata, pusat penerangan/pameran, *chalet*, jeti, pelantar pemandangan, jalan dan pembelian bot dan enjin sangkut. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, TTS telah menerima peruntukan berjumlah RM19.44 juta untuk melaksanakan 88 projek daripada Kerajaan Persekutuan, Negeri dan dana TTS sendiri.

5.2. Pengauditan terhadap pengurusan kemudahan pelancongan oleh TTS yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2016 mendapati pengurusannya adalah memuaskan dari segi prestasi pelaksanaan projek dan penyenggaraan kemudahan pelancongan yang disewa oleh syarikat konsesi. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Dokumen kontrak/perjanjian tidak menjaga kepentingan Kerajaan.
- Kerja pembinaan projek kurang berkualiti/kemas.
- Kemudahan pelancongan tidak digunakan.
- Syarat perjanjian penswastan operasi kemudahan pelancongan tidak dipatuhi.
- Kemudahan rosak tidak disenggara.
- Tunggakan sewa tahunan, yuran konservasi dan sumbangan konservasi berjumlah RM4.48 juta.

5.3. Bagi menambah baik pengurusan kemudahan pelancongan TTS untuk menyediakan tempat penginapan, kemudahan dan perkhidmatan kepada pelancong tanpa menjejaskan kawalan dan penjagaannya dengan teratur dan Kerajaan mendapat *value for money*, TTS disyorkan untuk mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

5.3.1. Merancang semua perolehan secara tahunan dengan mematuhi peraturan perolehan yang berkuat kuasa.

5.3.2. Memastikan semua projek yang dilaksanakan perlu dimanfaatkan dan disenggara secara berjadual bagi mengelakkan berlaku pembaziran wang Kerajaan kerana tidak digunakan.

5.3.3. Memastikan spesifikasi kerja dan syarat-syarat perjanjian disediakan dengan lengkap, jelas dan terperinci. Pemantauan dan penguatkuasaan syarat perjanjian yang teliti perlu dibuat bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara.

6. JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN DAN PERUSAHAAN TERNAK

- Pengurusan Ternakan Lembu dan Kambing

6.1. Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak (JPHPT) bertanggungjawab untuk menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri ternakan di Negeri Sabah agar menjadi mapan dan berdaya saing. JPHPT memelihara sebanyak 8,917 ekor ternakan dari jenis mamalia dan unggas di 22 buah pusat pembiakan bagi pelaksanaan program pembiakan, pengeluaran baka dan bibit serta pembangunan industri ternakan. Sebanyak 17 daripada 22 buah pusat pembiakan dikhususkan sebagai ladang untuk menternak lembu dan kambing manakala 5 buah pusat pembiakan lagi menternak unggas, itik, payau dan kerbau. Pusat pembiakan JPHPT diwujudkan bertujuan untuk menghasilkan bahan genetik berkualiti untuk diperluaskan penggunaannya kepada penternak. Hasil daripada program pembiakan yang sistematik di pusat pembiakan dapat dimanfaatkan bagi meningkatkan pengeluaran daging melalui penjualan ternakan atau stok ternakan di pusat pembiakan sebagai baka atau bibit kepada penternak. Pengeluaran baka jantan dan bibit ternakan bertujuan memenuhi keperluan pembangunan industri bagi menghasilkan daging lembu dan kambing serta mengurangkan import. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, JPHPT menerima peruntukan sejumlah RM13.98 juta dan sejumlah RM12.75 juta telah dibelanjakan untuk pengurusan ternakan lembu dan kambing.

6.2. Pengauditan yang dijalankan antara Februari hingga April 2016 mendapati, pengurusan ternakan lembu dan kambing di 7 buah pusat pembiakan JPHPT adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- Pengeluaran baka dan bibit tidak mencapai sasaran.
- Pusat pembiakan beroperasi di bawah kapasiti.
- Pusat pembiakan tidak disenggara.
- Pelupusan ternakan tidak direkod dengan lengkap.

6.3. Bagi memastikan pengurusan ternakan lembu dan kambing dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, adalah disyorkan JPHPT mengambil langkah berikut:

6.3.1. Mengkaji semula pengeluaran baka dan bibit agar mencapai sasaran yang ditetapkan.

6.3.2. Menambah baik dan mengoptimumkan kemudahan penternakan di pusat pembiakan.

6.3.3. Merekodkan pelupusan ternakan dengan lengkap bagi memudahkan pengesanan dan pemantauan proses pelupusan.

7. JABATAN PERHUTANAN SABAH

- Pengurusan Projek Pelancongan

7.1. Jabatan Perhutanan Sabah (Jabatan) selain daripada bertanggungjawab dalam mengurus dan mengawal aktiviti hutan, juga terlibat dalam aktiviti pembangunan projek pelancongan berasaskan alam semula jadi. Objektif aktiviti pembangunan tersebut adalah untuk menyediakan prasarana bagi menggalakkan aktiviti eko-pelancongan; menjana pendapatan negeri daripada sektor eko-pelancongan; dan mempromosi, memupuk serta menggalakkan kesedaran orang awam mengenai kepentingan pendidikan, konservasi alam sekitar dan habitat hidupan liar melalui pengurusan hutan lestari. Sejumlah RM32.02 juta telah diperuntukkan dalam RMKe-10 bagi membiayai aktiviti pembangunan projek pelancongan. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 terdapat 8 projek dijalankan yang mana 2 projek dibiayai oleh peruntukan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM18.24 juta yang disalurkan kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Manakala 6 projek lagi telah dibiayai oleh peruntukan Kerajaan Negeri berjumlah RM13.78 juta dan disalurkan kepada Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KePKAS).

7.2. Pengauditan yang telah dijalankan pada bulan April hingga Mei 2016 terhadap 7 projek yang dilaksanakan di 7 lokasi sekitar Sabah mendapati prestasi perbelanjaan, kutipan hasil dan bilangan pelawat, pengurusan kontrak, pelaksanaan program kesedaran, penyediaan borang maklum balas pelanggan dan latihan pegawai yang dilaksanakan adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian dan tindakan seperti berikut:

- Hasil kerja kurang memuaskan dan tidak siap.
- Kemudahan tidak digunakan.
- Kemudahan rosak tidak disenggara.
- Kemudahan dibina tidak mengambil kira ciri-ciri keselamatan.

7.3. Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan projek pelancongan yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan, beberapa syor Audit yang perlu diambil tindakan adalah seperti berikut:

7.3.1. Memastikan kemudahan yang dibina seperti kolam renang di Hutan Lipur Kawang dan *genset room* di *Kawag Riverside Lodge* dapat digunakan secara optimum agar tidak berlaku pembaziran wang kerajaan.

7.3.2. Memastikan kemudahan yang dibina mempunyai ciri-ciri keselamatan bagi menjamin keselamatan pengguna.

7.3.3. Menubuhkan Akaun Amanah bagi kutipan hasil daripada pusat sejadi agar dapat digunakan untuk penyenggaraan kemudahan.

**8. MAJLIS DAERAH TENOM
MAJLIS DAERAH NABAWAN
MAJLIS DAERAH TAMBUNAN
- Pengurusan Perolehan**

8.1. Majlis Daerah Tenom (MDTnm), Majlis Daerah Nabawan (MDN) dan Majlis Daerah Tambunan (MDTbn) merupakan 3 daripada 24 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Sabah yang diwujudkan di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (No. 11). Setiap PBT bertanggungjawab terhadap pentadbiran, perancangan dan pembangunan kawasan operasi di bawah pentadbirannya. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, Majlis Daerah Tenom (MDTnm), Majlis Daerah Nabawan (MDN) dan Majlis Daerah Tambunan (MDTbn) telah melaksanakan sebanyak 1,310 perolehan melibatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Dana Majlis berjumlah RM17.39 juta. Pelaksanaan perolehan 3 Majlis ini bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah mengikut kaedah pembelian/pemberian terus, sebut harga dan lantikan terus. Pengauditan terhadap pengurusan perolehan PBT telah dijalankan pada bulan Mac hingga Mei 2016. Pada keseluruhannya, pihak Audit mendapati pengurusan perolehan di MDTnm, MDN dan MDTbn adalah kurang memuaskan. Perkara berikut perlu diberi perhatian dan diambil tindakan pembetulan:

- Sebanyak 32 perolehan bernilai RM201,295 daripada Dana Majlis di MDTnm dan MDN tidak mematuhi had nilai perolehan yang ditetapkan.
- Sebanyak 6 perolehan di MDTnm dan 22 perolehan di MDN masing-masing bernilai RM21,491 dan RM150,037 yang menggunakan Dana Majlis sepatutnya dilaksanakan dengan kaedah sebut harga/tender telah dilaksanakan menggunakan kaedah pembelian/pemberian terus.
- Sebanyak 89 perolehan telah lewat dibayar di MDTnm dan MDN.
- Sebanyak 3 kerja bernilai RM14,500 di MDN dibuat tidak mengikut spesifikasi.
- Sebanyak 3 kemudahan awam di MDN dan satu di MDTbn telah mengalami kerosakan dan kecurian disebabkan tiada pemeriksaan dan penjagaan keselamatan.

8.2. Bagi memastikan perolehan PBT dapat dilaksanakan dengan teratur dan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dibuat serta kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang lagi pada masa hadapan, adalah disyorkan supaya Majlis Daerah Tenom (MDTnm), Majlis Daerah Nabawan (MDN) dan Majlis Daerah Tambunan (MDTbn) mengambil tindakan seperti berikut:

8.2.1. Merancang semua perolehan secara tahunan dengan mengambil kira kedudukan kecairan PBT dan mematuhi peraturan perolehan yang berkuat kuasa.

8.2.2. Penyeliaan rapi dibuat terhadap kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor bagi memastikan spesifikasi yang ditetapkan dipatuhi.

8.2.3. Semua projek yang dilaksanakan perlu disenggara secara berjadual agar tidak berlaku pembaziran wang Kerajaan kerana tidak dapat digunakan.

9. KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

- Sabah Development Bank Berhad

9.1. Pada 9 Ogos 1977, Bank Pembangunan Sabah telah diperbadankan oleh Kerajaan Negeri Sabah sebagai sebuah syarikat awam berhad di bawah Akta Syarikat 1965. Setahun kemudian, namanya telah ditukar kepada Sabah Development Bank Berhad (SDB). Pada tahun 1996, SDB telah dibeli oleh Suria Capital Holdings Berhad iaitu sebuah syarikat pelaburan di Sabah. Bagaimanapun, pada tahun 1999 SDB telah dibeli semula oleh Kerajaan Negeri Sabah bagi membolehkan SDB bergerak sebagai perantara kewangan yang aktif kepada Kerajaan Negeri Sabah. Pada tahun 2015, SDB mempunyai modal saham dibenarkan dan berbayar masing-masing berjumlah RM1 bilion dan RM550 juta. SDB berperanan sebagai sebuah syarikat berorientasikan keuntungan dan bergerak seiring dengan rancangan pembangunan dan objektif negeri dan negara. Objektif SDB adalah menjalankan pelbagai jenis perniagaan berkaitan bank pembangunan dan membantu perniagaan enterprise di Malaysia. Aktiviti utama SDB adalah menjadi pembiaya kewangan untuk projek-projek pembangunan seperti perkilangan, perumahan, resort dan pembinaan.

9.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga April 2016 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah baik di mana keuntungan terkumpul syarikat pada 31 Disember 2015 berjumlah RM375.68 juta; SDB berjaya mencatat keuntungan 3 tahun berturut-turut; dan mematuhi manual prosedur pengurusan pinjaman dan tadbir urus korporat. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui dan secara ringkasnya dijelaskan dalam perenggan berikut:

- Jumlah *non-performing loan* (NPL) meningkat daripada RM671.66 juta pada tahun 2013 kepada RM753.47 juta pada tahun 2015.
- Pencapaian sebenar jumlah pinjaman antara RM261.50 juta (36.3%) hingga RM1,909.75 juta (156.5%) berbanding sasaran. Sasaran yang ditetapkan adalah tidak realistik bagi tempoh 2013 hingga 2015.
- Tiga syarikat subsidiari mengalami defisit dalam dana pemegang saham berjumlah antara RM0.60 juta hingga RM56.86 juta setakat 31 Disember 2014.

9.3. Bagi memantapkan pengurusan SDB dari aspek pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut:

9.3.1. Menyediakan sasaran jumlah pinjaman yang lebih praktikal dan realistik dengan mengawal pemberian pinjaman.

9.3.2. Memastikan hanya peminjam yang mempunyai nilai cagaran munasabah dan memenuhi kriteria minimum diberi pinjaman bagi mengelakkan atau mengurangkan risiko pinjaman menjadi NPL atau lapuk.

9.3.3. Menetapkan KPI agar tadbir urus korporat berada pada tahap yang lebih baik.

10. KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

- Syarikat Desa Plus Sdn. Bhd.

10.1. Desa Plus Sdn. Bhd. adalah merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri di bawah Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Syarikat ini ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 5 Ogos 1995 dengan nama Vikajaya Sdn. Bhd. sebelum ditukar nama kepada Desa Plus Sdn. Bhd. (DPSB) pada 15 Mei 1996 dengan saham dibenarkan berjumlah RM5 juta dan berbayar penuh sejumlah RM2 juta. DPSB mempunyai 4 syarikat subsidiari dan 1 syarikat bersekutu. Objektif utama DPSB adalah untuk mencapai misi kecemerlangan dalam produk dan perkhidmatan serta memaksimumkan nilai pemegang saham, memastikan produk dan perkhidmatan dihasilkan dan diedarkan pada kos yang kompetitif, komited untuk keselamatan makanan dan kelestarian alam sekitar, menarik dan mengekalkan bakat terbaik dalam industri makanan serta membina pertumbuhan perniagaan di persekitaran. Aktiviti utama yang dijalankan oleh DPSB adalah menguruskan pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu serta pengurusan Kumpulan Desa.

10.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga April 2016, mendapati pada umumnya prestasi kewangan DPSB adalah baik di mana syarikat berjaya mencatat keuntungan bersih 3 tahun berturut-turut berjumlah antara RM4.90 juta hingga RM6.41 juta. Manakala keuntungan terkumpul pada 31 Disember 2015 berjumlah RM99.93 juta. Dari segi pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat masih terdapat kelemahan. Secara ringkasnya kelemahan yang diperhatikan adalah:

- Pulangan daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari adalah tidak memuaskan di mana daripada 4 syarikat subsidiari yang dilaburkan, 3 syarikat mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM32.63 juta.
- Projek lewat disiapkan.
- Tanah Kumpulan Desa di Kg. Mesilau, Kundasang dicero boh.
- Ikrar Integriti Korporat belum ditandatangani.
- Manual Prosedur bagi pengurusan aset tidak lengkap.

10.3. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat DPSB adalah memuaskan. DPSB adalah disyorkan untuk mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

10.3.1. Merangka penyusunan semula syarikat yang mempunyai kerugian melebihi 3 tahun bagi menjaga kepentingan pihak Kerajaan.

10.3.2. Merancang dengan teliti pelan pembangunan projek untuk mengelak perubahan kerja dan tambahan masa yang akan meningkatkan kos dan penyelenggaraan.

10.3.3. Memastikan tindakan susulan diambil terhadap kes pencerobohan dan penempatan setingan di Kg. Mesilau, Kundasang.



AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

JABATAN KERJA RAYA SABAH

1. PROJEK PEMBINAAN KOMPLEKS IBU PEJABAT JABATAN PELABUHAN DAN DERMAGA SABAH

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Pada 16 April 1984 Pulau Labuan telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan dan semua Agensi Kerajaan Negeri Sabah yang berada di Pulau Labuan telah dipindahkan ke tanah besar kecuali Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah (JPDS). JPDS merupakan agensi Kerajaan Negeri di bawah Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah (KPI). Fungsi JPDS adalah mengawal dan menguruskan sistem lalu lintas air yang cekap dan selamat di pelabuhan-pelabuhan, dermaga-dermaga dan sungai-sungai di Sabah.

1.1.2. Pada tahun 2008, JPDS telah memohon tanah seluas 15 ekar di Kampung Andus, Kimanis, Papar bagi tujuan pembinaan kompleks Ibu Pejabat JPDS, rumah bot, gudang, kuarters kakitangan dan menara sistem permonitoran trafik perkapalan dengan anggaran kos RM59.55 juta. Objektif pembinaan kompleks Ibu Pejabat JPDS adalah untuk menjadi pusat pentadbiran dan menempatkan 72 orang kakitangan JPDS Labuan. Sementara itu, pembinaan Menara Sistem Permonitoran adalah untuk memantau lalu lintas/trafik kapal yang memasuki perairan Negeri Sabah. Setakat bulan April 2016, 3 daripada 6 komponen projek telah siap dilaksanakan melibatkan perbelanjaan sejumlah RM19.01 juta atau 31.9% daripada RM59.55 juta anggaran kos keseluruhan projek. Projek tersebut telah di laksana dan dipantau oleh Jabatan Kerja Raya Sabah (JKR Sabah).

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pembinaan kompleks Ibu Pejabat JPDS telah dibuat dengan cekap, berkesan dan ekonomi bagi mencapai objektif pembinaannya.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek perancangan dan pelaksanaan pembinaan kompleks Ibu Pejabat JPDS di Kampung Andus, Kimanis, Papar. Semakan terhadap fail dan dokumen berkaitan projek telah dijalankan di JKR Sabah, JPDS Labuan dan Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (JPAS). Selain itu, pemeriksaan fizikal telah dijalankan bersama pegawai JKR dan JPDS pada bulan April 2016. *Exit Conference* bersama wakil Pengarah JKR telah diadakan pada 25 Julai 2016 yang turut dihadiri Pengarah JPDS, wakil Kementerian Kewangan, Jabatan Tanah Dan Ukur Sabah (JTU) dan JPAS.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga April 2016 mendapati kerja-kerja pembinaan kompleks Ibu Pejabat JPDS adalah memuaskan kerana pelaksanaan 3 daripada 6 komponen projek telah dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui iaitu:

- Pelaksanaan Komponen Utama Projek Fasa II tertangguh kerana ketiadaan peruntukan.
- Jalan masuk ke tapak jeti melalui tanah persendirian dan proses pengambilan belum bermula.
- Kerja yang dilaksanakan tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan.

1.4.1. Prestasi Pembinaan Kompleks Ibu Pejabat JPDS.

1.4.1.1. Kemajuan Projek

Pembinaan kompleks Ibu Pejabat JPDS telah dibahagikan kepada 2 fasa iaitu Fasa I melibatkan kerja-kerja penyediaan tapak, penimbunan tapak dan pembinaan jalan menuju ke jeti. Fasa II pula melibatkan kerja-kerja pembinaan bangunan yang terdiri daripada pembinaan ibu pejabat dan pentadbiran JPDS, rumah bot, gudang, menara sistem permonitoran perkapalan dan kuarters kakitangan. Mengikut perancangan projek dan pelan pembangunan (DP) projek Fasa I dan Fasa II akan dimulakan pada 15 Ogos 2009 dan dijangka siap dalam tempoh 2 tahun iaitu pada 14 Ogos 2011. Maklumat lanjut berkaitan prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1

Prestasi Perbelanjaan Dan Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembinaan Kompleks Ibu Pejabat, JPDS

Fasa	Komponen Projek Yang Dirancang	Anggaran Kos (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	Peratus Pencapaian (%)	Ulasan
I	Penyediaan tapak, penimbunan tapak dan pembinaan jalan masuk ke jeti	11,682,100	11,675,252	100	Kerja siap.
II	Pembinaan Ibu Pejabat dan Pentadbiran (termasuk Rumah Pengarah dan Timbalan Pengarah)	9,079,070	0	0	Belum dibina.
	Pembinaan Rumah Bot	781,660	336,000	100	Siap (penjimatan kos sejumlah RM445,660).
	Pembinaan Kuarters Kakitangan (2 buah)	4,719,220	2,564,540	54.3	Satu kuarters siap dibina.
		7,799,550	0	0	
	Gudang	781,660	0	0	
	Kerja-kerja <i>internal</i> , <i>external</i> dan <i>professional fees</i>	24,711,200	741,080	3	Kerja-kerja <i>internal</i> dan <i>external</i> serta rumah sampah.
	Pembinaan Menara Sistem Permonitoran Trafik Perkapalan	0	3,690,590		Siap dan digunakan.
Jumlah		59,554,460	19,007,462	31.9	

Sumber: JKR Sabah

- a. Berdasarkan **Jadual 1.1** di atas, pihak Audit mendapati pencapaian fizikal pelaksanaan projek pembinaan kompleks Ibu Pejabat, JPDS bagi Fasa I dan Fasa II (melibatkan pembinaan menara sistem pemantauan perkapalan, rumah bot dan satu blok kuarters kakitangan daripada 2 kuarters yang dirancang) telah siap sepenuhnya. Manakala sebahagian komponen bangunan dalam Fasa II seperti bangunan ibu pejabat dan pentadbiran, rumah pengarah dan timbalan pengarah serta gudang belum lagi dibina. Pembangunan projek ini hanya bermula pada bulan Mei 2010 dan belum siap sepenuhnya.
- b. Setakat bulan April 2016, jumlah perbelanjaan projek adalah RM19.01 juta atau 31.9% daripada anggaran kos berjumlah RM59.55 juta. Dari aspek penggunaan, pihak Audit mendapati projek menara sistem pemantauan trafik perkapalan telah digunakan dan berfungsi dengan baik. Bagaimanapun, rumah bot dan kuarters kakitangan belum digunakan kerana bekalan elektrik belum disambung.

1.4.1.2. Perancangan Projek

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM11.7 juta bagi melaksanakan projek Fasa I. Manakala pelaksanaan Fasa II adalah bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM7.33 juta daripada RM59.55 juta untuk projek Fasa II. Peruntukan tersebut telah diberikan pada tahun 2012 dan 2014 iaitu RM3.69 juta dan RM3.64 juta masing-masing untuk membina menara sistem pemantauan perkapalan dan pembinaan sebuah kuarters kakitangan serta rumah bot. Projek Fasa II tidak dilaksanakan sepenuhnya kerana kekangan kewangan Kerajaan Negeri. Oleh itu, rancangan untuk memindahkan operasi dan kakitangan JPDS Labuan dari Pulau Labuan ke tanah besar Sabah tidak dapat dilaksanakan. **Berdasarkan maklum balas semasa mesyuarat exit pada 25 Julai 2016, pihak JKR Sabah dan JPDS akan memohon peruntukan daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah untuk menyiapkan projek tersebut.**

1.4.1.3 Penyediaan Pelan Projek

Penyediaan pelan projek adalah penting untuk memastikan projek dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi menjimatkan kos. Pada 16 Oktober 2008, JPDS telah menyediakan *conceptual plan* di mana pelan tersebut dijadikan panduan penyediaan *Development Plan* (DP) bagi projek Pembinaan Kompleks Ibu Pejabat, JPDS. Semakan Audit mendapati DP dan *master plan* projek telah disediakan oleh konsultan pada 18 Ogos 2009. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- a. Kontrak Fasa I telah ditandatangani oleh JKR dengan kontraktor pada 13 November 2010. Mengikut perjanjian kontrak bagi projek Fasa I, keperluan tanah yang digunakan untuk menimbus tapak kompleks Ibu Pejabat JPDS seluas 15 ekar adalah 228,068 MC bernilai RM6.09 juta. Semakan Audit terhadap baucar bayaran,

dokumen sokongan dan surat JPDS kepada JTU mendapati kawasan yang ditimbus adalah 22 ekar dan bukannya 15 ekar seperti yang diluluskan. Kerja penimbunan tersebut telah melebihi 7 ekar dan belum mendapat kelulusan pihak JTU. Oleh itu, tindakan kontraktor/JKR telah mencerooboh tanah Kerajaan Negeri. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Ogos 2016, pihak JPDS telah memulakan langkah-langkah untuk memohon lebihan keluasan tanah sebanyak 7 ekar setelah projek Fasa I tersebut dilaksanakan.**

- b. Jalan masuk ke tapak jeti adalah melalui tanah persendirian dan belum selesai/dibayar pampasan seperti **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**. Ini disebabkan Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan untuk bayaran pampasan pengambilan tanah. Kesannya, kos projek akan meningkat dan pemilik tanah boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap JPDS. **Berdasarkan maklum balas semasa mesyuarat exit pada 25 Julai 2016, permohonan *right of way* dan *acquisition* hanya akan dibuat kepada pemilik tanah persendirian setelah projek jeti dilaksanakan.**

Gambar 1.1
Tanah Persendirian/Milik Individu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Andus, Papar
Tarikh: 21 April 2016

Gambar 1.2
Jalan Ke Tapak Jeti Melalui Tanah Persendirian



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Andus, Papar
Tarikh: 21 April 2016

1.4.1.4. Proses Perolehan Dan Pemilihan Kontraktor

Perolehan kerajaan hendaklah dilakukan mengikut peraturan berkuat kuasa. Sebarang pengecualian daripada peraturan hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu. Semakan Audit mendapati proses perolehan dan pemilihan kontraktor bagi projek cadangan Pembinaan Ibu Pejabat JPDS (Fasa I) - (a), Pembinaan Menara Sistem Pemonitoran Trafik Perkapalan - (b) dan Pembinaan Kompleks Ibu Pejabat JPDS (Fasa II) - (c) adalah mematuhi peraturan.

1.4.2. Pelaksanaan Projek

1.4.2.1. Pembinaan Kompleks Ibu Pejabat JPDS (Fasa I dan II)

Pada 5 Mei 2010, pihak JKR telah mengeluarkan *Letter of Intent* kepada Pemborong Bukit Warisan bagi kerja penimbunan tanah untuk projek kompleks Ibu Pejabat JPDS di Kampung Andus, Kimanis, Papar (Fasa I) melalui kaedah *design & build* dengan kos berjumlah RM11.68 juta. Pada 14 Mei 2010, pihak kontraktor telah menerima surat tawaran dan bersetuju untuk melaksanakan dan menyempurnakan projek tersebut dengan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Pada 13 November 2010, perjanjian telah ditandatangani antara JKR Sabah dan pihak kontraktor serta tapak projek telah diserahkan kepada pihak kontraktor. Kerja-kerja telah dimulakan pada 13 November 2010 dan siap pada 12 November 2011 iaitu selama 12 bulan. Berikutnya pada 28 Mac 2014, pihak JKR telah mengeluarkan *Offer Letter* kepada Jasa Aktif Sdn. Bhd. untuk projek kompleks ibu pejabat JPDS Fasa II dengan kos berjumlah RM3.64 juta dan perjanjian telah ditandatangani pada tarikh yang sama. Tapak projek telah diserahkan kepada pihak kontraktor pada 28 Mac 2014 dan siap pada 27 September 2015 iaitu selama 18 bulan.

1.4.2.2. Pembinaan Menara Sistem Pemonitoran Trafik Perkapalan

Pada 24 Julai 2012, pihak JKR telah menawarkan Kasi (Malaysia) Sdn. Bhd. untuk melaksanakan projek tersebut di atas dan dijangka siap pada 23 Mei 2013 iaitu selama 10 bulan dengan kos berjumlah RM3.69 juta. Projek telah dimulakan pada 24 Julai 2013 dan siap pada 30 Jun 2014 iaitu lewat selama 13 bulan 6 hari. Pihak kontraktor telah mendapat kelulusan tempoh lanjutan masa sebanyak 3 kali.

1.4.2.3. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

i. Projek Pembinaan Kompleks Ibu Pejabat JPDS (Fasa II)

Pemeriksaan Audit pada 18 hingga 22 April 2016 bersama Jurutera JKR dan Pegawai JPDS mendapati beberapa kerja tidak mengikut spesifikasi seperti 3 soket dapur di 3 unit rumah tidak dipasang, 2 lampu kalimantang kawasan koridor tidak dipasang dan 3 *shower* bagi 3 buah rumah dipasang terlalu rendah. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Ogos 2016, kerja-kerja tersebut telah dibaiki dan disempurnakan seperti di Gambar 1.3 hingga Gambar 1.8.**

Gambar 1.3
Soket Elektrik Belum Dipasang



Sumber: Jabatan Kerja Raya Sabah
Lokasi: Kuarters Kakitangan JPDS
Tarikh: 22 April 2016

Gambar 1.4
Soket Elektrik Telah Dipasang



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Kuarters Kakitangan JPDS
Tarikh: 8 Ogos 2016

Gambar 1.5
Lampu Kalimantan Belum Dipasang




Sumber: Jabatan Kerja Raya Sabah
Lokasi: Kuarters Kakitangan JPDS
Tarikh: 22 April 2016

Gambar 1.6
Lampu Kalimantan Telah Dipasang



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Kuarters Kakitangan JPDS
Tarikh: 8 Ogos 2016

Gambar 1.7
Shower Rendah (5.6')



Sumber: Jabatan Kerja Raya Sabah
Lokasi: Kuarters Kakitangan JPDS
Tarikh: 22 April 2016

Gambar 1.8
Ketinggian Shower 7.3'



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Kuarters Kakitangan JPDS
Tarikh: 8 Ogos 2016

ii. Projek Pembinaan Menara Sistem Pemonitoran Trafik Perkapalan

- **Pintu Pagar Menara Sistem Pemonitoran**


Mengikut BQ, daun pintu masuk adalah *double leaf mild steel* berukuran 6100 mm X 2100 mm dengan kos RM35,000. Pemeriksaan Audit mendapati pintu masuk ke Menara Sistem Pemonitoran adalah berukuran 2290 mm X 1950 mm seperti di **Gambar 1.9** dan **Gambar 1.10**.

Gambar 1.9
Pintu Masuk Ke Menara Sistem Pemonitoran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Menara Sistem Pemonitoran JPDS
Tarikh: 19 April 2016

Gambar 1.10
Ukuran Daun Pintu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Menara Sistem Pemonitoran JPDS
Tarikh: 19 April 2016

- **Pemasangan Penyaman Udara (Air-Conditioner)**

Mengikut BQ, penyaman udara yang perlu dipasang di ruang tingkat 5 adalah jenis *Ceiling Cassette Split* berjenama Panasonic atau York dengan kos RM15,000 untuk 2 unit. Pemeriksaan Audit mendapati penyaman udara yang dipasang adalah jenis Topaire seperti di **Gambar 1.11** dan **Gambar 1.12**.

Gambar 1.11
Dua Unit Penyaman Udara Di Tingkat 5



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Menara Sistem Pemonitoran JPDS
Tarikh: 19 April 2016

Gambar 1.12
Compressor Jenama Topaire



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Menara Sistem Pemonitoran JPDS
Tarikh: 19 April 2016

- **Intercom And Door System**

Mengikut BQ, kontraktor dikehendaki membekal dan memasang *Digital Intercom System Main Controller* untuk pintu masuk tingkat bawah *interlink* dengan komputer pada kos RM33,500. Pemeriksaan Audit mendapati *Intercom and Door Access System* telah dibekalkan dan dipasang seperti di **Gambar 1.13** dan **Gambar 1.14**. Bagaimanapun, temu bual pihak Audit dengan pegawai JPDS yang bertugas mendapati *Door Access System* tersebut tidak berfungsi dan rosak sejak beliau mula bertugas pada bulan November 2014. Selain itu, didapati pintu keluar di atas bangunan (*upper deck*) yang rosak telah dibaiki tetapi daun pintu tidak ditukar dan kelihatan berongga dan bukan jenis *solid timber* seperti di **Gambar 1.15**.

Gambar 1.13
Pintu Masuk Tingkat Bawah Menara Sistem Permonitoran Yang Rosak




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Menara Sistem Permonitoran JPDS
Tarikh: 6 Mei 2016

Gambar 1.14
Suis Kawalan Pintu Di Tingkat 5 yang Tidak Berfungsi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Menara Sistem Permonitoran JPDS
Tarikh: 6 Mei 2016



Gambar 1.15
Pintu Di Upper Deck Berongga

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Menara Sistem Permonitoran JPDS
Tarikh: 6 Mei 2016

- Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Ogos 2016, pihak kontraktor bersetuju dengan pemotongan bayaran akhir dalam akaun muktamad berdasarkan perubahan nilai barangan yang akan ditentukan kelak.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan pengurusan projek pembinaan jangka panjang seperti ini adalah disyorkan JKR Sabah mengambil tindakan berikut:

1.5.1. Pihak Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi pelaksanaan komponen projek mengikut fasa pembangunan yang telah dirancang.

1.5.2. Pihak JKR Sabah mengenal pasti kesemua aspek pelaksanaan projek di peringkat awal seperti penyediaan jalan masuk yang sesuai supaya tidak menghalang pelaksanaan projek seterusnya.

LEMBAGA PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN BANDAR

2. PENGURUSAN PROGRAM PENYEWAAN RUMAH DAN PENEMPATAN SEMULA

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Program Perumahan Rakyat (PPR) Untuk Disewa merupakan antara program Kerajaan yang diperkenalkan pada bulan Februari 2002 untuk menyediakan keperluan kediaman kepada golongan berpendapatan rendah dan setingan. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Jabatan Perumahan Negara (JPN) merupakan agensi pelaksana bagi projek PPR di seluruh Malaysia. Pengurusan PPR dipertanggungjawabkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selepas diserahkan oleh KPKT dan JPN. Di negeri Sabah, pengurusan PPR merupakan tanggungjawab PBT dan Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar (LPPB). Laporan Perangkaan Suku Tahun Pertama 2015 oleh JPN telah mencatatkan sebanyak 13,534 unit rumah PPR telah disewa oleh golongan sasar di seluruh negeri Sabah.

2.1.2. JPN telah menyerahkan 2 buah projek PPR iaitu Taman Jaya Diri (TJD) dan Taman Bukit Setia (TBS) kepada LPPB masing-masing pada 3 Ogos 2000 dan 8 Mac 2001 yang melibatkan sebanyak 1,345 unit rumah untuk disewakan kepada kumpulan sasar. Di bawah pengurusan LPPB, projek PPR diletakkan di bawah Program Penyewaan Rumah Dan Penempatan Semula (PPPS). PPPS sedia ada milik LPPB adalah Pangsapuri Tanjung Aru (PTA), Taman Puri Warisan 3A (TPW 3A) dan Taman Puri Warisan 3B (TPW 3B) yang melibatkan sebanyak 1,101 unit rumah. Antara ciri-ciri rumah sewa PPPS adalah flat 5 tingkat dengan 2 atau 3 bilik tidur, satu ruang tamu, dapur serta bilik air dengan keluasan antara 550 hingga 650 kaki persegi dan kemudahan yang disediakan adalah balai raya, surau, tadika serta ruang kedai. Sehingga 31 Disember 2015, LPPB bertanggungjawab mengurus 5 buah projek PPPS (termasuk 2 buah projek PPR) seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Senarai Program Penyewaan Rumah Dan Penempatan Semula

Bil.	Nama Projek	Peruntukan	Pemilik Tanah	Agensi Pelaksana	Tahun Siap Dibina	Bil. Unit Rumah Sewa	Kadar Sewa Sebulan (RM)
1.	PTA	Negeri	SPNS	SPNS	1971	317	170
2.	TJD	Persekutuan	LPPB	JPN	2000	895	124
3.	TBS	Persekutuan	LPPB	JPN	2001	450	124
4.	TPW 3A	Negeri	LPPB	LPPB	2004	299	150
5.	TPW 3B	Negeri	KKTP	LPPB	2005	485	150
Jumlah						2,446	

Sumber: Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar

Nota: SPNS - Suruhanjaya Perumahan Negeri Sabah, KKTP - Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan

2.1.3. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, LPPB telah berjaya mengutip hasil sejumlah RM12.71 juta melalui kutipan sewa rumah PPPS. Selain itu, bagi memastikan bangunan, rumah serta kemudahan di PPPS dapat disenggara dan digunakan, peruntukan mengurus sejumlah RM8.1 juta telah diluluskan dengan sejumlah RM6.18 juta atau 76.3% telah dibelanjakan bagi tempoh yang sama. Selain itu, LPPB turut menerima peruntukan untuk tujuan penyenggaraan PPPS daripada Kerajaan Persekutuan iaitu KPKT berjumlah RM2.37 juta dengan 100% telah dibelanjakan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Kutipan Hasil, Peruntukan Mengurus Diluluskan Dan Perbelanjaan Sebenar
Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Butiran	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
Kutipan Hasil	4.10	4.29	4.32	12.71
Peruntukan Mengurus Diluluskan	2.70	2.72	2.68	8.10
Perbelanjaan Mengurus Sebenar	1.91	1.86	2.41	6.18
Pencapaian Perbelanjaan Mengurus (%)	70.7	68.4	89.9	76.3
Peruntukan Persekutuan Diterima	0.74	0.69	0.94	2.37
Perbelanjaan Persekutuan Sebenar	0.74	0.69	0.94	2.37
Pencapaian Perbelanjaan Persekutuan (%)	100	100	100	100

Sumber: Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Program Penyewaan Rumah Dan Penempatan Semula telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap bagi mencapai objektif LPPB dalam menyediakan keperluan kediaman dan penempatan semula kepada golongan sasar.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop kajian adalah meliputi pengurusan PPPS, dari segi perancangan pembinaan, rumah sewa yang diperuntukkan, penyenggaraan dan kutipan hasil. Skop pengauditan melibatkan tahun 2013 hingga 2015 dengan lawatan dijalankan ke 5 lokasi PPPS iaitu Pangsapuri Tanjung Aru; Taman Jaya Diri dan Taman Bukit Setia, Kuala Menggatal; dan Taman Puri Warisan Fasa 3A dan Taman Puri Warisan Fasa 3B, Kalansanan, Inanam. Metodologi pengauditan adalah mendapatkan maklumat awal melalui taklimat oleh pegawai LPPB semasa mesyuarat *Entrance Conference*, membuat semakan serta menganalisis data daripada fail, rekod, minit mesyuarat atau dokumen lain yang berkaitan serta menemu bual pegawai bertanggungjawab bagi mendapatkan ulasan berkaitan dengan pengurusan PPPS. Sebanyak 300 borang soal selidik turut diedarkan kepada penyewa bagi mendapatkan maklum balas mengenai rumah sewa yang diperuntukkan oleh pihak LPPB. Selain itu, mesyuarat *Exit Conference* bersama Timbalan Pengurus Besar LPPB telah diadakan pada 22 Julai 2016 yang turut dihadiri oleh wakil daripada pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan Kementerian Kerajaan Tempatan Dan

Perumahan Sabah bagi membincangkan penemuan Audit serta mendapatkan maklum balas pihak terlibat.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan PPPS oleh LPPB adalah memuaskan kerana pihak LPPB telah menyewakan rumah kepada golongan sasaran mengikut syarat kelayakan yang ditetapkan dan melaksanakan kerja penyenggaraan rumah mengikut rancangan penyenggaraan tahunan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu diambil tindakan penambahbaikan oleh pihak LPPB seperti berikut:

- Bangunan flat 5 tingkat dengan kos pembinaan sejumlah RM9.42 juta belum diduduki sejak siap pada 31 Mei 2015 kerana belum memperoleh Sijil Layak Menduduki.
- Tunggakan sewa (termasuk air) berjumlah RM1.2 juta dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 131 bulan belum dikutip.

2.4.1. Prestasi Penyewaan Rumah PPPS

Antara objektif LPPB adalah menyediakan kediaman dan penempatan semula kepada golongan berpendapatan rendah dan setingan. LPPB mempunyai sebanyak 2,446 unit rumah yang boleh disewakan kepada golongan sasaran pada kadar antara RM124 hingga RM170 sebulan. Semakan Audit mendapati prestasi pencapaian PPPS adalah baik kerana semua 2,446 unit rumah atau 100% telah disewakan sepenuhnya kepada kumpulan sasaran seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Prestasi Pencapaian PPPS

Bil.	Nama Projek	Bil. Unit Rumah Sewa	Bil. Unit Rumah Sewa Diisi	Peratus Pengisian PPPS (%)
1.	Pangsapuri Tanjung Aru	317	317	100
2.	Taman Jaya Diri, Kuala Menggatal	895	895	100
3.	Taman Bukit Setia, Kuala Menggatal	450	450	100
4.	Taman Puri Warisan 3A, Kalansanan, Inanam	299	299	100
5.	Taman Puri Warisan 3B, Kalansanan, Inanam	485	485	100
Jumlah		2,446	2,446	

Sumber: Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar

2.4.2. Pemilihan Penyewa Rumah PPPS

Pihak LPPB telah membuat tapisan permohonan mengikut syarat kelayakan yang telah ditetapkan bagi memastikan golongan yang mendiami rumah PPPS merupakan golongan yang benar-benar layak menyewa rumah berkenaan. Antara syarat yang ditetapkan adalah pemohon seorang warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas, tertakluk kepada polisi semasa Kerajaan dari segi tumpuan pemindahan sesuatu penempatan setingan atau terbuka kepada semua yang bergaji rendah dan had siling gaji yang ditetapkan adalah di

bawah RM2,500 sebulan kecuali bagi mangsa kebakaran, perpindahan, arahan Menteri atau sebagainya. Pemeriksaan Audit terhadap 169 rekod permohonan rumah sewa bagi tahun 2013 hingga 2015 mendapati semua pemohon telah memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, prestasi penyewaan dan pemilihan penyewa rumah PPPS adalah baik kerana 100% unit rumah telah disewakan kepada golongan sasar yang layak.

2.4.3. Flat 5 Tingkat Dengan Kapasiti Sebanyak 80 Unit Rumah Belum Diduduki

2.4.3.1. Projek Fasa 1, ERHP Kinarut South merupakan projek pembinaan flat 5 tingkat dengan kapasiti sebanyak 80 unit rumah yang ditawarkan kepada kontraktor secara lantikan terus dengan kelulusan daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Projek ini telah siap pada 31 Mei 2015 dengan kelulusan pelanjutan masa sebanyak 5 kali selama 530 hari tempoh kecacatan berakhir pada 30 Mei 2016. Lawatan Audit pada bulan Mei 2016 mendapati bangunan flat 5 tingkat berkenaan seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2** belum dapat diduduki sejak siap pada tahun 2015 kerana permohonan Sijil Layak Menduduki belum dikemukakan kepada Majlis Daerah Papar (MDP), *sewerage treatment plant* (STP) tidak berfungsi dan pelan saliran mengikut Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) belum diluluskan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).

Gambar 2.1

Flat 5 Tingkat Belum Diduduki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: ERHP Kinarut South, Papar
Tarikh: 27 Mei 2016

Gambar 2.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: ERHP Kinarut South, Papar
Tarikh: 27 Mei 2016

2.4.3.2. Lawatan Audit pada tarikh yang sama mendapati kerja-kerja menurap lot tempat letak kereta dan menaik taraf STP telah dilaksanakan seperti di **Gambar 2.3** dan **Gambar 2.4**. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan bahawa Sijil Perakuan Siap bagi STP belum dikeluarkan oleh pihak LPPB. Manakala, saliran mengikut piawaian JPS masih dalam proses pembinaan seperti di **Gambar 2.5**.

Gambar 2.3
Lot Tempat Letak Kereta
Yang Telah Diturap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kinarut, Papar
Tarikh: 27 Mei 2016

Gambar 2.4
Sewerage Treatment Plant
Yang Telah Dinaik Taraf



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kinarut, Papar
Tarikh: 27 Mei 2016



Gambar 2.5
Saliran Dalam Pembinaan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kinarut, Papar
Tarikh: 27 Mei 2016

2.4.2.3. Kesan daripada kelewatan memperolehi Sijil Layak Menduduki bagi bangunan flat berkenaan menyebabkan seramai 80 orang pemohon yang layak masih dalam senarai menunggu kerana belum ada unit rumah yang kosong boleh disewa. **Berdasarkan maklum balas pihak Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar pada 27 September 2016, Sijil Perakuan Siap STP telah dikeluarkan oleh pihak konsultan pada 19 September 2016. Selain itu, saliran mengikut MASMA telah siap dibina dan menunggu kelulusan pelan daripada JPS yang telah dikemukakan melalui Majlis Daerah Papar kepada JPS pada 3 Mei 2016. Manakala, permohonan untuk Sijil Layak Menduduki bangunan akan dikemukakan kepada pihak MDP dalam tempoh masa terdekat selepas mendapat kelulusan MASMA.**

Pada pendapat Audit, kelewatan mendapatkan Sijil Layak Menduduki menyebabkan flat berkenaan lewat dimanfaatkan oleh golongan sasar.

2.4.4. Kutipan Hasil

Kadar sewa rumah PPPS adalah masing-masing sejumlah RM124 sebulan bagi rumah sewa di Taman Jaya Diri dan Taman Bukit Setia, Kuala Menggatal; RM150 sebulan bagi rumah sewa di Taman Puri Warisan 3A & 3B, Kalansanan, Inanam dan RM170 sebulan bagi Pangsapuri Tanjung Aru.

2.4.4.1. Prestasi Kutipan

- a. Bagi tahun 2013 hingga 2015, LPPB telah mensasarkan kutipan sewa sejumlah RM16.78 juta dan sejumlah RM12.71 juta atau 75.7% berjaya dipungut bagi tempoh yang sama. Butiran lanjut mengenai sasaran hasil dan kutipan hasil sebenar adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Prestasi Kutipan Hasil Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Pencapaian (%)
2013	5.57	4.10	73.6
2014	5.64	4.29	76.1
2015	5.57	4.32	77.6
Jumlah	16.78	12.71	75.7

Sumber: Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar

- b. Analisis Audit mendapati bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 pungutan hasil LPPB tidak mencapai sasaran hasil yang ditetapkan iaitu masing-masing hanya RM4.1 juta atau 73.6%, RM4.29 juta atau 76.1% dan RM4.32 juta atau 77.6% berjaya dikutip berbanding pungutan sewa yang disasarkan. Pada tahun 2014, jumlah kutipan hasil telah meningkat sejumlah RM0.19 juta atau 4.4% berbanding pungutan sewa pada tahun 2013 yang berjumlah RM4.10 juta. Manakala pada tahun 2015, pungutan hasil telah meningkat sejumlah RM0.03 juta atau 0.7% berbanding tahun 2014. Semakan Audit mendapati pihak LPPB sentiasa memantau pembayaran sewa rumah dengan mengemukakan notis tuntutan hutang kepada setiap penyewa yang mempunyai sewa tertunggak serta memotong bekalan air jika penyewa tidak menjelaskan bayaran bulanan sewa rumah.

2.4.4.2. Tunggakan Sewa

a. Penyewa Aktif

Sehingga 31 Disember 2015, semakan Audit mendapati tunggakan sewa berjumlah RM1.20 juta daripada seramai 1,855 orang penyewa dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 131 bulan. Pihak LPPB didapati telah menjalankan pelbagai cara untuk mengutip sewa tertunggak seperti mengeluarkan notis tuntutan hutang, memotong bekalan air penyewa dan mengambil tindakan undang-undang. Temu bual

Audit dengan pegawai bertanggungjawab mendapati sikap penyewa yang sering melengahkan bayaran sewa dan faktor masalah kewangan penyewa menyebabkan sewa rumah tertunggak. Kesannya, hasil Kerajaan lewat dikutip.

b. Penyewa Pasif

Penyewa pasif merupakan bekas penyewa rumah yang telah menamatkan penyewaan dan mengosongkan rumah. Semakan Audit mendapati seramai 46 orang merupakan penyewa pasif yang telah menamatkan penyewaan rumah dari tahun 2013 hingga 2015 tetapi masih mempunyai tunggakan berjumlah RM43,018. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada penyewa pasif berkenaan telah menjelaskan tunggakan sewa berkenaan kerana tidak ada rekod mengenainya diselenggara. Selain itu, pemeriksaan Audit mendapati tunggakan sewa bagi penyewa pasif ini tidak direkodkan dalam Penyata Kewangan LPPB. Kesannya, potensi kehilangan hasil Kerajaan dan Penyata Kewangan LPPB tidak menunjukkan amaun penghutang sebenar dan tepat.

- c. Berdasarkan maklum balas pihak Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar pada 22 Julai 2016 dan 5 Ogos 2016, pihak LPPB berusaha mengutip tunggakan sewa daripada penyewa aktif dengan mengeluarkan notis tuntutan hutang, notis penarikan balik rumah, memotong bekalan air penyewa dan mengambil tindakan undang-undang. Manakala bagi penyewa pasif, pihak LPPB mengalami kesukaran untuk mengutip tunggakan sewa kerana penyewa berkenaan tidak dapat dihubungi melalui alamat dan telefon. Bagaimanapun, pihak LPPB telah mengeluarkan notis tuntutan hutang bertarikh 1 Ogos 2016 kepada penyewa pasif berkenaan.**

Pada pendapat Audit, tindakan LPPB untuk mengutip tunggakan sewa adalah kurang memuaskan kerana ada penyewa yang tertangguh sewaan terlalu lama sehingga melebihi 10 tahun. Selain itu, tunggakan sewa daripada penyewa pasif tidak dilaporkan dalam Penyata Kewangan LPPB dan tindakan kutipan tidak diambil sewajarnya.

2.4.5. Penyenggaraan

Penyenggaraan aset Kerajaan perlu dilaksanakan bagi memastikan aset berfungsi dengan baik, selamat digunakan, meningkatkan keupayaan serta memelihara dan memanjangkan jangka hayat. Semakan Audit mendapati pihak LPPB telah menyediakan program penyenggaraan aset Kerajaan mengikut kaedah penyenggaraan pencegahan atau penyenggaraan pemulihan bagi memastikan bangunan dan unit rumah berkeadaan baik dan selamat. Pemeriksaan Audit mendapati kerja-kerja penyenggaraan yang melibatkan kos tinggi dirancang terlebih dahulu seperti penyenggaraan *sewerage treatment plant*, *fencing*, *water tank* dan lain-lain. Selain itu, pihak LPPB menjalankan pembaikan secara *ad hoc* yang dilaksanakan oleh kontraktor dilantik seperti membaiki *beam* simen, *hinges* pintu tandas,

singki rosak, paip air rosak atau bocor, *gully trap* dan *mainhole*, atap dan siling bocor serta lain-lain. Keadaan ini disokong dengan maklum balas daripada soal selidik kepuasan pelanggan. Berdasarkan audit yang dijalankan 96.2% penyewa berpuas hati dengan keselesaan rumah yang didiami manakala 78.8% dan 70.5% berpuas hati dengan tahap kebersihan kawasan persekitaran dan perkhidmatan kawalan keselamatan yang disediakan. Selanjutnya 75.6% bersetuju bahawa aduan kerosakan diambil tindakan serta merta oleh pihak LPPB. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Maklum Balas Penyewa Terhadap Rumah Sewa Yang Disediakan Oleh Pihak LPPB

Bil.	Butiran	Tahap Kepuasan Penyewa (Orang)		Peratus Pencapaian Tahap Kepuasan Penyewa (%)	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	PPPS yang disewa adalah selesa?	150	6	96.2	3.8
2.	Kawasan persekitaran blok yang dihuni bersih dan memuaskan?	123	33	78.8	21.2
3.	Kawalan keselamatan di kawasan sekitar PPPS adalah memuaskan?	110	46	70.5	29.5
4.	Adakah aduan kerosakan diambil tindakan serta merta oleh LPPB?	118	38	75.6	24.4

Sumber: Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, penyenggaraan bangunan dan unit rumah PPPS adalah baik kerana telah dilaksanakan mengikut program penyenggaraan yang ditetapkan dan tahap kepuasan penyewa terhadap rumah sewa yang disediakan oleh LPPB adalah baik.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan terhadap pengurusan Program Penyewaan Rumah Dan Penempatan Semula oleh Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar (LPPB), pihak Audit mengesyorkan pihak LPPB mengambil tindakan seperti berikut:

2.5.1. Mengambil tindakan segera membuat permohonan Sijil Layak Menduduki bagi bangunan flat 5 tingkat yang telah siap dibina dengan menyempurnakan beberapa kerja yang disyaratkan oleh agensi berkaitan.

2.5.2. Bersikap tegas dan proaktif dalam memungut tunggakan sewa terhadap penyewa yang tertunggak melebihi 3 bulan sewa. Selain itu, tunggakan sewa bagi penyewa pasif hendaklah dilaporkan dalam Penyata Kewangan LPPB bagi memberi gambaran sebenar kedudukan tunggakan PPPS.

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

3. PENGURUSAN KAWAL SELIA AIR

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Enakmen Sumber Air Negeri Sabah telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 30 September 1998 dan dikuatkuasakan pada 1 Jun 2000. Enakmen ini adalah untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan sumber air Negeri Sabah, bagi menggalakkan penggunaan air secara teratur, saksama dan cekap serta memaksimumkan manfaat-manfaat ekonomi, sosial dan persekitarannya untuk masa hadapan. Melalui enakmen ini, Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) telah dilantik sebagai Pengarah Sumber Air yang akan bertanggungjawab dalam pengurusan sumber air di Negeri Sabah.

3.1.2. JPS telah mewujudkan Bahagian Pengurusan Sumber Air yang berfungsi untuk menguruskan tadahan, aktiviti-aktiviti air dan badan air di seluruh Negeri Sabah. Bahagian ini diketuai oleh seorang Jurutera Gred J44 dan dibantu oleh 9 orang pegawai.

3.1.3. Objektif Pengurusan Kawal Selia Air adalah pengurusan yang berkekalan untuk sumber air Negeri Sabah bagi menggalakkan penggunaan air secara teratur, saksama dan cekap dan memaksimumkan manfaat-manfaat ekonomi, sosial dan persekitarannya untuk masa hadapan dan bagi perkara-perkara berkaitan serta bersamping dengannya.

3.1.4. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, Bahagian Pengurusan Sumber Air telah diperuntukkan sejumlah RM0.68 juta untuk mengurus dan sebanyak RM0.56 juta atau 82.4% telah dibelanjakan seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Pengurusan
Tanah Dan Pembangunan Tanah Bagi Tahun 2013 hingga 2015

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
2013	0.24	0.19	79.2
2014	0.23	0.18	78.3
2015	0.21	0.19	90.5
Jumlah	0.68	0.56	82.4

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan kawal selia air telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2013 hingga 2015. Pengauditan dijalankan di Bahagian Pengurusan Sumber Air JPS, ibu pejabat JPS dan lawatan di 3 buah daerah iaitu Penampang, Tambunan dan Tawau. Selain itu, data yang berkaitan daripada beberapa jabatan seperti Jabatan Air Negeri Sabah (JANS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) diperoleh untuk tujuan analisis Audit. Semakan Audit telah dibuat terhadap rekod, dokumen, penyata dan laporan yang dihasilkan. Temu bual juga diadakan dengan pegawai JPS dan jabatan yang terlibat dalam pengurusan kawal selia air. Selain itu, pengauditan ini dibantu oleh Bahagian Pengauditan Air, Putrajaya. *Exit Conference* bersama Timbalan Pengarah JPS telah diadakan pada 19 Julai 2016 yang turut dihadiri oleh wakil Pejabat Hasil Bumi, JANS, JAS, JKNS, Jabatan Perhutanan, Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan Negeri Sabah.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac 2016 hingga Julai 2016 mendapati, Pengurusan Kawal Selia Air di Negeri Sabah dari segi kajian keperluan air, pematuhan kualiti air, pewartaan kawasan tadahan, pelaksanaan pelesenan dan penguatkuasaan serta perjawatan adalah kurang memuaskan. Berikut adalah perkara yang memerlukan penambahbaikan oleh JPS Sabah:

- Kajian keperluan air tidak dilaksanakan di peringkat daerah untuk menilai kesediaan air berbanding permintaan air. Selain itu, pembinaan empangan belum dilaksanakan kerana menunggu kelulusan *Lab Value Engineering*.
- Ujian terhadap kualiti air sungai mencatatkan pelanggaran parameter walaupun tidak melebihi 34.57% bagi ujian COD, *Aluminium*, *Ferum*, *Total Coliform*, Warna dan Mangan bagi tahun 2013 hingga 2015.
- Kawasan tadahan air di 79 lembangan sungai belum diwartakan.
- Fungsi pelesenan dan penguatkuasaan belum dilaksanakan.

3.4.1. Kuantiti Air

3.4.1.1. Kajian Keperluan Air

- a. Enakmen Sumber Air Sabah No. 6 Tahun 1998, Seksyen 4(1)(b), Majlis Sumber Air berfungsi melapor kepada Menteri tentang keadaan sumber air. Seksyen 12(2)(h), fungsi Pengarah Sumber Air untuk mengumpul dan menyelenggarakan data sumber air dan melaporkan kepada Majlis dan Menteri tentang keadaan sumber air. Seksyen 53 (1), pengarah hendaklah menubuhkan dan mengendalikan suatu pengkalan data sumber air bagi negeri dan hendaklah melaporkan kepada majlis tentang kesediaannya, kualiti dan keadaan sumber air.

- b. Semakan Audit terhadap *Report On Condition Of Water Resources In Sabah* yang telah disediakan oleh JPS pada tahun 2008 mendapati setakat tahun 2008 terdapat 6 daripada 24 daerah tidak dapat menampung permintaan berbanding kesediaan air antara 106.83% hingga 215.26% di mana kesediaan air di daerah Tawau, Kunak dan Semporna tidak mencukupi untuk menampung permintaan sehingga 215.26% seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Domestic Water Demand And Water Availability By District For All Availability Records

Bil.	District	Availability Water For Domestic Water With Allowance For Environment Flow		Availability Water For Domestic Water With Allowance For Environment Flow		Population In 2008	Domestic Water Demand		Percentage Of Demand Over Availability All Records (%)
		m ³ /s	ML/D	m ³ /s	ML/D		m ³ /s	ML/D	
1.	Kota Kinabalu + Penampang + Tuaran	2.07	178.85	4.84	418.18	849,195	2.21	191.06	106.83
2.	Sandakan + Kinabatangan	11.45	989.28	96.95	8376.48	671,292	1.75	151.03	15.27
3.	Tawau+Kunak+ Semporna	0.67	57.89	0.41	35.42	553,859	1.44	124.61	215.26
4.	Beaufort + Kuala Penyu	3.85	332.64	73.65	6363.36	95,910	0.25	21.58	6.49
5.	Beluran	9.04	781.056	3.79	327.456	100,537	0.26	22.62	2.90
6.	Keningau	2.84	245.376	2.84	245.376	225,232	0.59	50.67	20.65
7.	Kota Belud	1.77	152.93	10.41	899.42	87,543	0.23	19.70	12.88
8.	Kota Marudu + Kudat	0.84	72.58	1.56	134.78	163,519	0.43	36.79	50.69
9.	Lahad Datu	1.40	120.96	0.40	34.56	199,690	0.52	44.93	37.14
10.	Nabawan	6.47	559.01	17.81	1538.78	28,054	0.07	6.31	1.13
11.	Papar	1.95	168.48	5.55	479.52	125,361	0.33	28.20	16.74
12.	Penampang	0.27	23.33	1.84	158.98	187,255	0.49	42.13	180.60
13.	Pitas	0.34	29.376	5.56	480.384	41,793	0.11	9.40	32.01
14.	Ranau	5.04	435.46	41.43	3579.55	96,663	0.25	21.75	4.99
15.	Sipitang	0.34	29.38	1.58	136.51	34,386	0.09	7.74	26.34
16.	Tambunan	0.41	35.42	2.36	203.90	37,556	0.10	8.45	23.85
17.	Tenom	5.09	439.78	44.48	3843.07	54,702	0.14	12.31	2.80
18.	Tongod	3.65	315.36	56.6	4890.24	39,008	0.10	8.78	2.78
19.	Tuaran	1.80	155.52	3.00	259.20	100,117	0.26	22.52	14.48

Sumber: *Report On Condition Of Water Resources In Sabah 2008*

- c. Selain itu, kajian *Review Of The National Water Resources Study (2000-2050) And Formulation Of National Water Resources Policy* telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia bersama Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia pada tahun 2011. Kajian ini bertujuan mengenal pasti peningkatan permintaan air dan keperluan memelihara air untuk manusia dan alam semula jadi, mengambil kira pembaharuan sektor air untuk membolehkan pengagihan sumber air yang terhad dengan lebih cekap dan saksama. Semakan Audit mendapati jumlah kesediaan air di Negeri Sabah pada tahun 2010 hingga 2050 adalah melebihi permintaan sebanyak 88.70% hingga 92.99% seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Total Consumptive Water Demand Againsts Total Surface Water Availability For All Sectors

Year	2010	2020	2030	2040	2050
Effective Rain (mm)	177.0				
Total Consumptions Water Demand (mm)	12.4	18.4	18.9	19.6	20.0
Excess (mm) – Unregulated Flows	164.6	158.6	158.1	157.4	157.0
Percentage (%)	92.99	89.43	89.32	88.93	88.70

Sumber: Review Of The National Water Resources Study (2000-2050) And Formulation Of National Water Resources Policy

- d. Analisis Audit terhadap **Jadual 3.3** mendapati jumlah air di permukaan dapat menampung keperluan air di Negeri Sabah dan mencatatkan air di permukaan melebihi permintaan sebanyak 157 mm pada tahun 2050. Walau bagaimanapun, didapati jumlah lebihan air di permukaan berbanding permintaan menyusut sebanyak 4.62% ataupun 7.6 mm pada tahun 2050 berbanding 2010. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 15 Julai 2016, memaklumkan bahawa JPS telah mengambil langkah untuk hanya menjalankan analisis 5 tahun sekali yang mana laporan seterusnya untuk tahun 2015 sedang disediakan dan perlu dibentangkan pada tahun 2016.**

3.4.1.2. Penyimpanan Air Di Empangan

- a. Empangan untuk bekalan air mentah adalah suatu struktur penahan yang merentasi sungai dengan kiri dan kanannya terdapat bukit-bukit yang tinggi. Empangan jenis *earth-filled* dibina daripada tanah di tengahnya, batu di luarnya dan di bahagian limpahnya dengan konkrit. Di Negeri Sabah terdapat 7 buah empangan yang diurus oleh JANS seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Senarai 7 Buah Empangan Di Negeri Sabah

Bil.	Nama Loji Rawatan Air	Empangan	Keluasan Kawasan Tadahan (km ²)	Isi Padu (mcm)	Lokasi/Sungai Yang Terlibat
1.	Moyog	Babagon	30	23.78	Sg. Babagon
2.	Silam	Sepagaya	25.9	1.306	Sg. Sepagaya
3.	Semporna	Timbangan	21.7	0.67	Sg. Timbangan
4.	Milau	Milau	18.9	31.96	Sg. Milau
5.	Segaliud	Betotan	11	35.00	Off River Storage (ORS)
6.	Telibong II	Telibong II ORS Dam	1.75	10.55	Off River Storage (ORS)
7.	Pinangsoo	Pinangsoo	3.37	0.49	Bunded Storage

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

- b. Semakan Audit terhadap Laporan Kapasiti Air di Empangan pada tahun 2013 hingga 2015 yang disediakan oleh JANS mendapati paras empangan mencatatkan kenaikan tertinggi sebanyak 1.66 meter melebihi paras maksimum di Empangan Sepagaya dan penurunan tertinggi sebanyak 12.16 meter di Empangan Babagon pada tahun 2015 seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Paras Air Dalam Empangan Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Paras Air Dalam Empangan (M)		Babagon	Sepagaya	Timbangan	Milau	Betotan	Telibong II ORS Dam
Maksimum		130.5	80	55.5	34	30	27
Kritikal		120	76	53.65	29	26.5	10
2013	Kenaikan Tertinggi	0.04	0.26	0	0	0	0.22
	Penurunan Tertinggi	9.85	3.34	0.90	2.95	2.57	1.44
2014	Kenaikan Tertinggi	0.07	0.42	0	0	0.18	0.04
	Penurunan Tertinggi	7.17	4.78	2.50	2.95	2.73	1.41
2015	Kenaikan Tertinggi	0.03	1.66	0	0.15	0.03	0.02
	Penurunan Tertinggi	12.16	1.66	2.50	2.65	4.53	0.94

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

- c. Analisis terhadap **Jadual 3.5** mendapati, pada tahun 2013 hingga 2015 Empangan Sepagaya mencatatkan kenaikan paras air tertinggi iaitu sebanyak 0.26 meter dari paras maksimum pada tahun 2013, 0.42 meter pada tahun 2014 dan 1.66 meter pada tahun 2015. Empangan Babagon mencatatkan penurunan tertinggi iaitu sebanyak 9.85 meter dari paras maksimum pada tahun 2013, 7.17 meter pada tahun 2014 dan 12.16 meter pada tahun 2015. Selain itu didapati sepanjang tahun 2013 hingga 2015 kesemua empangan tersebut mengalami penurunan paras air antara 0.9 meter hingga 12.16 meter.
- d. Empangan Babagon terletak di Daerah Penampang merupakan sumber utama kepada Loji Rawatan Air Moyog berkapasiti untuk merawat 170 juta liter air sehari. Lawatan Audit di Empangan Babagon pada 11 Mei 2016 mendapati paras air berada di bawah paras kritikal iaitu 111.86 meter ataupun 39% penyimpanan air berbanding kapasiti maksimum seperti di **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.2**.

Gambar 3.1
Paras Air Empangan Babagon
Di Bawah Paras Kritikal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Empangan Babagon
Tarikh: 11 Mei 2016

Gambar 3.2
Menara Kawalan Empangan Babagon




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Empangan Babagon
Tarikh: 11 Mei 2016

- e. Menurut makluman JANS, keadaan ini berlaku disebabkan fenomena El Nino dan paras air pada hari lawatan merupakan antara paras air terendah yang pernah dicatatkan. Akibatnya, JANS mengambil langkah untuk mengurangkan penggunaan air dari Empangan Babagon dan menggunakan sumber air dari Sungai Moyog untuk disalurkan ke Loji Rawatan Air Moyog.

3.4.1.3. Pembinaan Empangan di Daerah Tawau

- a. JANS telah mencadangkan pembinaan empangan air Daerah Tawau melalui Skim Bekalan Air Tawau Fasa III. Projek pembinaan empangan ini akan memenuhi keperluan dua jabatan iaitu JANS bagi membekalkan air yang cukup untuk loji rawatan air dan Jabatan Pengairan Dan Saliran bagi mengawal masalah banjir.
- b. Semakan Audit mendapati pembinaan empangan yang bernilai RM415.43 juta melalui pemberian pinjaman persekutuan ini bermula pada RMK-10 dengan melaksanakan kajian reka bentuk konsep. Pada tahun 2013, kajian telah dibentangkan kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA). Permohonan asal hanya melibatkan skop empangan untuk bekalan air. Namun, semasa mesyuarat pada 5 November 2015, EPU Sabah memohon supaya skop diluaskan dan dimasukkan fungsi tebatan banjir. Menurut makluman pihak JANS di mesyuarat *exit* pada 19 Julai 2016, *Value Management Evaluation* telah dilaksanakan pada tahun 2014.
- c. Sehingga kini didapati projek ini masih dalam proses perancangan di mana status projek adalah di peringkat pelaksanaan *Lab Value Engineering (Lab VE)* oleh Unit Pengurusan Nilai Bahagian Pengurusan Projek Kompleks (PROKOM) JKR Malaysia seperti di **Carta 3.1**.

Carta 3.1
Kemajuan Proses Cadangan Pembinaan Empangan Tawau



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

- d. Proses perancangan yang mengambil masa menyebabkan golongan sasar lewat mendapat manfaat daripada projek tersebut. Masalah kekurangan air di Daerah Tawau telah mendapat liputan media seperti di **Keratan Akhbar 3.1** dan **Keratan Akhbar 3.2**.

Keratan Akhbar 3.1

Liputan Media Masalah Kekurangan Air di Daerah Tawau



TELUS & TULUS

Sinar

ONLINE

DAPATKAN EDISI SINAR DIGITAL.
HANYA RM30 SEBULAN.
LANGGANI SEKARANG



ENGLISH Nasional Politik Edisi Semasa Bisnes Global Hiburan Sukan Kolon

VIRAL FAKTA AUTA GPS BESTARI KAMPUS TURBO REHAL ULTRAS UMPAN WO


AWARD WINNING
Baby Bottles & Baby Products

Discount Up To **60% off**


[Buy Now](#)
T&C apply

Kemarau jejkaskan 20,000 pengguna air di Tawau

23 MAC 2015

[Like](#) [1k](#)
[Share](#)
[Tweet](#)



Gambar hiasan

TAWAU - Kira-kira 20,000 pengguna di Tawau terjejas apabila paras air sungai di Loji Utara menurun sebanyak 50 peratus ekoran musim kemarau yang berlarutan di daerah ini.

Jurutera Jabatan Air Bahagian Tawau Bahrin Antonio berkata berikutan penurunan paras air sungai dari 0.8 meter kepada 0.4 meter secara purata dalam sehari, pengeluaran air menurun iaitu daripada 50 juta liter kepada 25 juta liter sehari.

"Ini adalah penurunan pengeluaran air paling buruk pernah berlaku sejak bencana El Nino pada 1999," katanya kepada pemberita selepas meninjau Loji Utara di sini, hari ini.

Beliau berkata antara kawasan yang terjejas ekoran penurunan pengeluaran air di Loji Utara ialah kawasan Jalan Apas bermula dari Batu 1 hingga Batu 11, Sin Onn, Air Panas dan Bandar Sri Indah.

Berikutan itu, Jabatan Air Bahagian Tawau berusaha mendapatkan bantuan daripada Jabatan Air di Lahad Datu dan Kunak, selain menyewa lori lori tangki untuk membekalkan air ke kawasan terjejas.

"Kami juga melakukan catuan air tetapi sentiasa menggerakkan enam lori tangki untuk membekalkan air ke kawasan terbabit.

"Oleh itu, penduduk yang menerima bekalan air dari lori tangki itu diminta meletakkan bekas air di hadapan rumah bagi memudahkan kerja pembekalan air," katanya.

Bagaimanapun, Bahrin menjelaskan gangguan bekalan air itu belum di tahap kritikal kerana Loji Utara hanya menampung 30 peratus pengguna di daerah ini.

Sebanyak 70 peratus lagi iaitu bagi kira-kira 40,000 pengguna menerima bekalan air dari Loji Cintamata. - Bernama

Keratan Akhbar 3.2

Liputan Media Masalah Kekurangan Air di Daerah Tawau



BORNEO POST *online*
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

沙巴癌症讲座会
8月18日晚上7点,在沙巴隆里举行! 曹春主任大马抗癌巡回讲座

NEWS ▾ BUSINESS ▾ SPORTS ▾ UTUSAN BORNEO ▾ THESUNDAYPOST COLUMNS BPO SEEDS

Berita Sabah

Jangan tangguh pembinaan empangan air di Gudang Empat

March 4, 2016, Friday

沙巴癌症讲座会
主题: 癌症来临, 我们如何面对? 曹春主任大马抗癌巡回讲座





FOKUS: Tawfiq (topi biru) mendengar taklimat daripada wakil Jabatan Air Tawau dan pengendali Loji Rawatan Air Jalan Utara semasa melakukan tinjauan.

TAWAU: Pembinaan empangan air di Gudang Empat disifatkan satu-satunya kaedah penyelesaian terbaik untuk jangka masa panjang bagi mengatasi isu bekalan air di Tawau, malah perlu dipercepatkan kerana ke-perluannya amat mendesak.

Sehubungan itu, kerajaan pusat menerusi Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dirayu supaya tidak melambat-lambatkan proses pembinaan projek bernilai lebih RM400 juta itu.

Menteri Belia dan Sukan merangkap Ketua UMNO Bahagian Tawau Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan berkata kerajaan negeri tidak berkira mengenai peruntukan dalam bentuk 'soft loan' yang dipersetujui asalkan pembinaan empangan itu dapat dilaksanakan.

"Jangan bertanggung lagi, jika kesemua keperluan (dokumentasi dan hal-hal berkaitan) sudah disediakan, kita minta ihsan kerajaan Persekutuan untuk menyegerakannya.

"Kita tidak mahu rakyat yang ketika ini bergantung sepenuhnya kepada hujan terus menderita akibat kemerosotan bekalan air di loji-loji rawatan air di daerah ini," katanya.

Tawfiq berkata empangan baharu itu berperanan penting untuk menstabilkan bekalan air ke loji-loji rawatan yang ada untuk disalurkan ke seluruh daerah ini pada masa hadapan.

Menurutnya, empangan terbabit juga bukan sekadar memainkan peranan pada musim kemarau, tetapi turut mampu mengatasi masalah banjir apabila musim tengkujuh.

"Kita juga perlu bersiap sedia kerana jika projek empangan ini dilaksanakan pada tahun ini bermakna kita terpaksa menunggu sehingga lima tahun untuk menikmati manfaatnya.

"Projek sebegini lazimnya mengambil masa lima tahun disiapkan, namun kita akan berhadapan masalah ini untuk tempoh lebih lama lagi jika tidak dibina pada tahun ini," katanya.

Menyentuh inisiatif jangka pendek pula, ADUN Apas itu berkata alternatif penyelesaian masalah di Loji Rawatan Air Jalan Utara dan Cintamata juga boleh diatasi dengan memanfaatkan kelebihan bekalan di Loji Apas-Balung.

Tawfiq berkata alternatif itu antara pelan jangka pendek yang dirancang untuk meringankan beban pengguna yang terkesan akibat kekurangan air khususnya loji di Jalan Utara.

"Kita boleh memanfaatkan loji di Apas-Balung untuk membantu menampung keperluan loji di Jalan Utara yang mempunyai paras air terlalu rendah sehingga adakalanya kering.

"Namun kita memerlukan beberapa komponen seperti alat penjana pam, tangki dan logistik lain," katanya sambil mengesahkan kertas kerja sudah dihantar berhubung perkara itu.

Beliau berkata permohonan peruntukan mengenai inisiatif berkenaan diserahkan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

"Kita berharap KKLW dapat meluluskan peruntukan ini segera sebagai usaha kita untuk mengimbangi masalah kekurangan bekalan air di kawasan memerlukan," katanya.

Untuk rekod, projek pembinaan empangan air di Gudang Empat untuk Projek Bekalan Air Tawau Fasa III terbabit sudah pun tertangguh pembinaannya semenjak 2014.

Pada pendapat Audit, satu kajian yang lebih terperinci berkaitan ketersediaan sumber air perlu dijalankan oleh pihak JPS Sabah mengambil kira perubahan cuaca dan kemarau panjang seperti El Nino yang kerap berlaku sejak kebelakangan ini. Selain itu, kajian keperluan air di setiap daerah adalah perlu untuk menilai ketersediaan air berbanding permintaan. Proses menunggu kelulusan *Lab VE* yang lama menyebabkan pembinaan empangan di Daerah Tawau belum dapat dilaksanakan.

3.4.2. Pemantauan Kualiti Air Sungai

3.4.2.1. Program pemantauan kualiti air sungai dilaksanakan oleh JAS di bawah program *Water Quality Index* berdasarkan piawaian *National Water Quality Standards for Malaysia* (NWQS). Lokasi persampelan adalah di 62 kawasan sungai yang telah dikenalpasti. Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan JANS melaksanakan pemantauan kualiti air mentah mengikut piawaian *National Standard for Drinking Water Quality* (Edisi 2004) yang masing-masing di bawah program Kawalan Mutu Air Minum Kebangsaan (KMAM) dan *Quality Assurance Programme* (QAP) di mana lokasi persampelan adalah di muka sawk atau loji rawatan air. KKM telah mengambil sampel di 57 lokasi manakala JANS di 55 lokasi. Klasifikasi kualiti air JAS dan jenis ujian yang dilaksanakan oleh agensi tersebut adalah seperti di **Jadual 3.6** dan **Jadual 3.7**.

Jadual 3.6
Klasifikasi Kualiti Air JAS Mengikut *Water Quality Index* (WQI)

<i>Sub Index And Water Quality Index</i>	<i>Index Range</i>		
	Bersih	Sederhana Tercemar	Tercemar
Water Quality Index (WQI)	81 - 100	60 - 80	0 - 59

Sumber: Jabatan Alam Sekitar


Jadual 3.7
Jenis Ujian Parameter

Bil.	Agensi Pemantau			
	KKM (Parameter)		JANS (Parameter)	
1.	Total Coliform	5000 mpn/100 ml	Kekeruhan	1000 NTU
2.	E-coli	5000 mpn/100 ml	Warna	300 TCU
3.	Kekeruhan	1000 NTU	pH	6.5 – 9.0
4.	pH	6.5 – 9.0	Ammonia	1.5
5.	Chemical Oxygen Demand (COD)	10 mg/l	Ferum	1.0 mg/l
6.	Ferum	1.0 mg/l	Mangan	0.2 mg/l
7.	Aluminium	0.2 mg/l		
8.	Mangan	0.2 mg/l		

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

3.4.2.2. Semakan Audit terhadap Laporan Data Kualiti Air Sungai bagi tahun 2005 hingga 2015 daripada JAS mendapati 4,714 atau 81.11% daripada 5,812 bilangan ujian menunjukkan WQI air sungai adalah bersih. Manakala sebanyak 1,014 atau 17.45% ujian menunjukkan WQI air sungai adalah sederhana tercemar dan selebihnya 84 atau 1.45% adalah tercemar seperti di **Carta 3.2** dan **Jadual 3.8**.

Carta 3.2
Kategori Air Sungai Mengikut Peraturan Bagi Tahun 2005 Hingga 2015



Sumber: Jabatan Alam Sekitar


Jadual 3.8
WQI Air Sungai Bagi Tahun 2005 Hingga 2015

Tahun	Bil. Ujian WQI					
	Bersih	Peningkatan/ (Penurunan)	Sederhana Tercemar	Peningkatan/ (Penurunan)	Tercemar	Peningkatan/ (Penurunan)
2005	396	-	88	-	17	-
2006	398	2	87	(1)	13	(4)
2007	456	58	67	(20)	5	(8)
2008	437	(19)	90	23	8	3
2009	435	(2)	102	12	10	2
2010	422	(13)	112	10	3	(7)
2011	481	59	52	(60)	3	0
2012	488	7	44	(8)	5	2
2013	458	(30)	78	34	1	(4)
2014	372	(86)	134	56	10	9
2015	371	(1)	160	26	9	(1)
Jumlah	4,714	-	1,014	-	84	-

Sumber: Jabatan Alam Sekitar

3.4.2.3. Analisis Audit terhadap **Jadual 3.8** mendapati WQI air sungai bersih mencatatkan penurunan sebanyak 117 atau 23.97% pada tahun 2015 berbanding tahun 2012 dan peningkatan yang ketara apabila bilangan WQI air sungai sederhana tercemar meningkat pada tahun 2015 sebanyak 116 atau 263.64% berbanding tahun 2012 seperti di **Carta 3.3**.

Carta 3.3
Tren Kategori Sungai



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

3.4.2.4. Semakan Audit terhadap Laporan Analisis Pelanggaran Kawasan Muka Sauk Loji Rawatan Air Tahun 2013 hingga 2015 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah di bawah Program Kawalan Mutu Air Minum (KMAM) mendapati sebanyak 2,750 atau 8.86% daripada 31,024 ujian dibuat telah berlaku pelanggaran bagi setiap parameter. Bilangan pelanggaran tertinggi adalah COD iaitu sebanyak 362 atau 34.7% daripada 1,047 bilangan ujian. Seterusnya adalah pelanggaran aluminium iaitu sebanyak 327 atau 31% daripada 1,055 ujian dan diikuti pelanggaran *ferum* iaitu sebanyak 247 atau 24.97% daripada 989 ujian dibuat seperti di **Jadual 3.9** dan **Carta 3.4**.


Jadual 3.9
Pelanggaran Parameter Ujian Kualiti Air Mentah Di Muka Sauk Loji Rawatan Air

Tahun	2013			2014			2015			Jumlah		
Butiran Ujian	A	B	C	A	B	C	A	B	C	A	B	C
COD	294	160	54.42	350	81	23.14	403	121	30.02	1,047	362	34.57
Aluminium	293	94	32.08	378	108	25.57	384	125	32.55	1,055	327	31.00
Ferum	286	79	27.62	340	76	22.35	363	92	25.34	989	247	24.97
Total Coliform	2,112	248	11.74	2,241	423	18.88	2,303	506	21.97	6,656	1,177	17.68
Mangan	285	23	8.07	368	35	9.51	365	40	10.96	1,018	98	9.63
E.coli	2,062	62	3.01	2,239	30	1.34	2,302	221	9.60	6,603	313	4.74
Kekeruhan	2,176	117	5.38	2,241	5	0.22	2,248	6	0.27	6,665	128	1.92
pH	2,281	78	3.42	2,350	13	0.55	2,360	7	0.30	6,991	98	1.4

Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Nota: A – Bilangan Ujian; B – Bilangan Pelanggaran; C – Peratus Pelanggaran

Carta 3.4
Peratusan Pelanggaran Parameter Air Mentah Bagi Tahun 2013 Hingga 2015



Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

3.4.2.5. Analisis Audit mendapati kekerapan pelanggaran parameter air mentah di 15 muka sawk loji rawatan air pada tahun 2013 hingga 2015 adalah berlaku di daerah Beaufort, Kinabatangan, Kunak, Sandakan, Tawau dan Tongod Pelanggaran parameter yang berlaku adalah COD, ferum, total coliform, mangan, E.coli, kekeruhan dan pH seperti di **Jadual 3.10**.

Jadual 3.10
Kekerapan Pelanggaran Parameter Ujian Kualiti Air Mentah Di 6 Daerah
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Daerah	Beaufort			Kinabatangan			Kunak			Sandakan			Tawau			Tongod		
Jenis Ujian	A	B	C	A	B	C	A	B	C	A	B	C	A	B	C	A	B	C
Total Coliform	436	127	29.13	135	7	5.19	60	11	18.33	515	8	1.55	606	181	29.87	25	5	20
E. Coli	435	19	4.37	133	0	0	60	2	3.33	467	0	0	606	56	9.24	23	0	0
Kekeruhan	447	9	2.01	154	0	0	259	6	2.32	544	0	0	614	0	0	134	2	1.49
pH	345	6	1.74	153	1	0.65	311	7	2.25	546	0	0	614	1	0.16	63	3	4.76
COD	51	28	54.90	25	11	44	35	13	37.14	52	13	25	75	38	50.67	13	3	23.08
Ferum	51	44	86.27	25	24	96	43	2	4.65	52	30	57.69	76	21	27.63	13	2	15.38
Aluminium	51	41	80.39	26	22	84.62	43	24	55.81	51	4	7.84	75	38	50.67	14	10	71.43
Mangan	50	8	16	26	1	3.85	43	0	0	51	11	21.57	75	5	6.67	13	0	0

Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Nota: A – Bilangan Ujian; B – Bilangan Pelanggaran; C – Peratus Pelanggaran

3.4.2.6. Analisis terhadap **Jadual 3.10** mendapati pelanggaran tertinggi parameter *total coliform* dan *E. coli* ialah di Daerah Tawau iaitu masing-masing sebanyak 29.87% dan 9.24%, parameter kekeruhan di Daerah Kunak iaitu sebanyak 2.32%, parameter pH di Daerah Tongod iaitu sebanyak 4.76%. Selain itu, pelanggaran tertinggi parameter COD ialah di Daerah Beaufort iaitu sebanyak 54.90%, parameter ferum dan aluminium di daerah Kinabatangan iaitu masing-masing sebanyak 96% dan 84.62% dan parameter mangan di Daerah Sandakan iaitu sebanyak 21.57%.

3.4.2.7. Ujian kualiti air telah dilaksanakan bersama JKNS semasa lawatan Audit pada 11 Mei 2016 di muka sawk Madsiang dan Kasigui, pada 12 Mei 2016 di muka sawk Sungai Tondulu dan pada 16 Mei 2016 di muka sawk LRA Cinta Mata, Merotai, Apas Balung dan Utara. Keputusan ujian yang telah dijalankan ke air sungai di muka sawk LRA adalah seperti di **Jadual 3.11**.

Jadual 3.11
Ujian Kualiti Air Semasa Lawatan Audit Oleh JKNS

Ujian	Muka Sauk						
	Madsiang	Kasigui	Tondulu	Cinta Mata	Merotai	Apas Balung	Utara
Total Coliform (<5000MPN/100ml)	9,200	16,000	320	490	16,000	790	>16,000
E. Coli (<5000MPN/100ml)	1,300	2,400	220	78	3,500	130	5,400
Ammonia (<1.5mg/l)	0.09	0.1	0.09	0.09	0.1	0.2	0.1
Florida (<1.5mg/l)	0.09	0.09	0.09	0.09	0.09	0.09	0.09
Klorida (<250mg/l)	0.9	0.9	0.9	0.09	3.0	2.0	1.0
Ferum (<1mg/l)	0.12	0.45	0.07	0.5	4.53	0.71	1.67
Mangan (<0.2mg/l)	0.06	0.19	0.02	0.07	0.34	0.05	0.19
Aluminium	0.11	0.53	0.04	0.36	2.68	0.66	1.07
Nitrate (<10mg/l)	0.49	0.49	0.49	0.49	2.61	0.49	0.49

Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

3.4.2.8. Menurut JKNS, bagi parameter total coliform dapat dilihat bagi beberapa lokasi persampelan di daerah Penampang dan Tawau yang mencatatkan bacaan melebihi nilai piawaian. Secara umumnya, risiko pencemaran mikrob adalah berkait rapat dengan sumber air yang tercemar dengan najis daripada manusia atau haiwan. Ujian terhadap parameter ferum dan mangan untuk daerah Tawau bagi LRA Merotai dan LRA Utara menunjukkan bacaan yang melebihi nilai piawaian yang ditetapkan. Kandungan ferum dan mangan hadir secara semula jadi dalam tanah dengan kuantiti yang tinggi. Antara contoh aktiviti yang boleh meningkatkan kandungan ferum dan mangan dalam air mentah ialah seperti pembukaan tanah yang akan menyebabkan mineral semula jadi ini meresap masuk ke dalam air mentah tersebut.

3.4.2.9. Semakan Audit terhadap Laporan Pematuhan Kualiti Air Mentah Bagi *Quality Assurance Programme* (QAP) daripada JANS pada tahun 2013 hingga 2015 mendapati ujian terhadap 3 parameter mencatatkan pelanggaran parameter yang tertinggi iaitu ferum 593 atau 30.26% daripada 1,960 bilangan ujian, warna 307 atau 15.66% daripada 1,960 bilangan ujian dan mangan 234 atau 11.94% daripada 1,960 bilangan ujian seperti di **Jadual 3.12**.

Jadual 3.12
Pencapaian Pematuhan Kualiti Air Minum Bagi Program QAP Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	2013			2014			2015			Jumlah		
Jenis Ujian	A	B	C	A	B	C	A	B	C	A	B	C
Ferum	255	72	28.24	792	235	29.67	913	286	31.33	1,960	593	30.26
Warna	255	41	16.08	792	122	15.40	913	144	15.77	1,960	307	15.66
Mangan	255	22	8.63	792	97	12.25	913	115	12.60	1,960	234	11.94
Kekeruhan	255	2	0.78	792	9	1.14	902	15	1.66	1,949	26	1.33
pH	255	1	0.39	792	14	1.77	913	6	0.66	1,960	21	1.07
Ammonia	255	3	1.18	792	5	0.63	913	1	0.11	1,960	9	0.46

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

Nota: A – Bilangan Ujian; B – Bilangan Pelanggaran; C – Peratus Pelanggaran

3.4.2.10. Analisis Audit mendapati pelanggaran tertinggi parameter ferum dan warna dicatatkan di daerah Beaufort iaitu masing-masing sebanyak 82.33% dan 37.35% manakala parameter mangan di daerah Sandakan iaitu sebanyak 33.33% pada tahun 2013 hingga 2015 seperti di **Jadual 3.13**.

Jadual 3.13
Pencapaian Pematuhan Kualiti Air Minum Bagi Program QAP
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Daerah	Ferum			Mangan			Warna		
	A	B	C	A	B	C	A	B	C
Kota Kinabalu	480	36	7.50	480	35	7.29	480	27	5.63
Papar	231	59	25.54	231	12	5.19	231	29	12.55
Tuaran	19	4	21.05	19	0	0.00	19	1	5.26
Keningau	253	101	39.92	253	18	7.11	253	33	13.04
Beaufort	249	205	82.33	249	54	21.69	249	93	37.35
Kota Belud	166	5	3.01	166	2	1.20	166	23	13.86
Kudat	97	19	19.59	97	30	30.93	97	11	11.34
Ranau	127	12	9.45	127	9	7.09	127	7	5.51
Sandakan	111	60	54.05	111	37	33.33	111	25	22.52
Lahad Datu	138	51	36.96	138	23	16.67	138	37	26.81
Semporna	47	19	40.43	47	7	14.89	47	7	14.89
Tawau	42	22	52.38	42	7	16.67	42	14	33.33
Jumlah	1,960	593	30.26	1,960	234	11.94	1,960	307	15.66

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

Nota: A – Bilangan Ujian; B – Bilangan Pelanggaran; C – Peratus Pelanggaran

3.4.2.11. Penurunan kualiti air mentah ini disebabkan oleh aktiviti pembukaan tanah baru, pertanian, perindustrian dan penduduk setempat. Kesan penurunan kualiti air mentah ini akan mengakibatkan pertambahan kos rawatan air loji rawatan air. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 15 Julai 2016, memaklumkan bahawa kerjasama dengan agensi-agensi yang menjalankan pemantauan kualiti air telah dijalankan dari semasa ke semasa melalui Jawatankuasa Pengurusan Tadahan Daerah (DCMC).**

Pada pendapat Audit, kualiti air sungai di Negeri Sabah adalah memuaskan kerana 4,714 atau 81.11% daripada 5,812 bilangan ujian WQI yang dibuat bagi tempoh 11 tahun menunjukkan kategori sungai adalah bersih. Selain itu, hanya di bawah 34.57% berlaku pelanggaran parameter bagi COD, Aluminium, Ferum, Total Coliform, Warna dan Mangan untuk tahun 2013 hingga 2015 yang dipantau oleh JKNS/KKM dan JANS.

3.4.3. Kawasan Tadahan Air Belum Diwartakan

3.4.3.1. Enakmen Sumber Air Sabah No. 6 Tahun 1998, Seksyen 36 (1), atas nasihat Majlis, Yang Dipertua Negeri berpuas hati bahawa suatu kawasan tanah Kerajaan, yang boleh merangkumi tanah Kerajaan yang mana adalah suatu rizab hutan ditubuhkan di bawah Enakmen Hutan 1968, menghendaki perlindungan khusus untuk memastikan suatu sumber air atau sumber-sumber air dalam suatu badan air atau tempat tertentu, adalah terlindung secukupnya daripada kekurangan dalam pengairan atau daripada pencemaran atau penurunan kualiti. Seksyen 36 (2), Yang Di-Pertua Negeri boleh dengan perintah disiarkan dalam Warta mengisytiharkan hasrat untuk menubuhkan kawasan tanah Kerajaan sebagai kawasan perlindungan air.

3.4.3.2. Enakmen Sumber Air Sabah No. 6 Tahun 1998, Seksyen 38(1), atas syor Majlis, Yang Dipertua Negeri berpuas hati bahawa adalah perlu untuk mengawal, mengehadkan atau mengubahsuai aktiviti-aktiviti dalam suatu kawasan tanah, untuk menghalang pencemaran dan penurunan kualiti permukaan air atau air bawah tanah, atau kehilangan kesediaan air atau untuk melindungi suatu badan air atau suatu akuifer untuk mana rancangan pengurusan tadahan atau penyiasatan lain telah mengenal pasti bahawa perlindungan itu dikehendaki. Seksyen 38 (2), Yang di-Pertua Negeri boleh dengan perintah disiarkan dalam Warta, mengisytiharkan kawasan tanah sebagai kawasan pemeliharaan air.

3.4.3.3. Semakan Audit mendapati pihak JPS telah mengenal pasti 79 lembangan sungai yang berkeluasan sepanjang 72,468.15 km² berpotensi untuk diwartakan sama ada sebagai kawasan perlindungan atau pemeliharaan air. Sebanyak 20 daripada 79 lembangan sungai tersebut akan diwartakan terlebih dahulu kerana ia merupakan sumber air mentah kepada Loji Rawatan Air (LRA) seperti di **Jadual 3.14**.


Jadual 3.14
20 Lembangan Sungai Yang Akan Diwartakan Terlebih Dahulu

Bil.	Lembangan Sungai	Loji Rawatan Air
1.	Papar	Limbahau EWSS
		Kogopon
2.	Moyog	Kasigui
		Moyog
3.	Tuaran	Telibong I
		Telibong II
		Tambulungu
4.	Langkun/Bandau	Kampung Simpangan
5.	Bengkoka	Pekan Pitas
6.	Labuk	Kampung Kibbas
7.	Kolopis/Muanad	Kampung Muanad
8.	Kinabatangan	Kampung Muhibbah
9.	Segama	Kampung Buang Sayang
10.	Tungku	Kampung Muanad
11.	Sepagaya	Empangan Bekalan Air Kampung Temanau
12.	Kalumpang	Ladang Tudung
		Kalumpang
13.	Tawau	Cinta Mata
		Utara
14.	Merotai	Kampung Merotai
15.	Sapulut	Pekan Nabawan
16.	Lakutan	Mesapol
17.	Padas	Tondulu
		Semalang
		Bundukang
		Pekan Tenom
		Sook
		Batu 58 Mentenior
		Kampung Lawa-lawa Gadong
		Kemabong Baru
18.	Membakut/ Binsuluk	Membakut
19.	Kadamaian/Tempasuk	Pekan Kota Belud
20.	Tegaragan	Kampung Pinangso

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran


3.4.3.4. Semakan Audit selanjutnya sehingga 19 Julai 2016 mendapati JPS masih belum mewartakan kesemua 79 lembangan sungai. Walau bagaimanapun, JPS dalam proses mengisytiharkan Kawasan Tadahan Babagon dan Kawasan Tadahan Tondulu sebagai kawasan pemeliharaan air seperti di **Peta 3.1** dan **Peta 3.2**.

Peta 3.1
Kawasan Tadahan Babagon



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

Peta 3.2
Kawasan Tadahan Tondulu



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

3.4.3.5. Kawasan Tadahan Babagon merupakan sebahagian daripada Lembangan Moyog menjadi perintis untuk pewartaan. Beberapa kajian tanah, pemeriksaan aktiviti dan temu bual dengan penduduk setempat telah dibuat bagi mengumpul data yang dikehendaki. Sehingga 27 Jun 2016, proses pengisytiharan Kawasan Tadahan Babagon di peringkat cadangan dibawa ke Mesyuarat Majlis Sumber Air Negeri untuk mendapatkan kelulusan. Manakala pengisytiharan Kawasan Tondulu di peringkat penyediaan laporan seperti di **Jadual 3.15**.

Jadual 3.15
Proses Pengisytiharan Kawasan Pemeliharaan Air Kawasan Tadahan
Babagon dan Kawasan Tadahan Tondulu


Bil.	Tugas	Tanggungjawab	Kawasan Tadahan Babagon	Kawasan Tadahan Tondulu
1.	Penentuan lokasi mengikut kriteria kawasan tadahan yang telah ditentukan oleh JPS.	Jawatankuasa Pengurusan Tadahan Daerah disokong oleh Pengarah Sumber Air (Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran)	√	√
2.	Pengarah Sumber Air sedia laporan yang merangkumi: a) Tujuan pengisytiharaan kawasan tersebut b) Garis panduan aktiviti guna tanah di dalam kawasan pemeliharaan air. c) Jenis-jenis aktiviti yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dalam kawasan tersebut d) Kesan ekonomi dan sosial ke atas pemunya/penduduk tanah	Pengarah Sumber Air (Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran)	√	Dalam proses
3.	Cadangan Kawasan Pemeliharaan Air di bawa ke Mesyuarat Majlis Sumber Air Negeri.	Setiausaha Majlis Sumber Air Negeri (Setiausaha Hasil Bumi)	Dalam proses	x
4.	Yang di-Pertua Negeri menyiarkan Warta mengisytiharkan kawasan pemeliharaan air. (Seksyen 38 (2))	Setiausaha Majlis Sumber Air Negeri (Setiausaha Hasil Bumi)	x	x
5.	Pengarah memaklumkan kepada pemunya/penduduk tanah jenis-jenis aktiviti yang dibenarkan dan dilarang dan cara menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut.	Pengarah Sumber Air (Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran)	x	x

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

3.4.3.6. Proses pengisytiharan kawasan tadahan air mengambil masa yang panjang kerana JPS perlu memastikan kawasan terlibat tiada konflik dengan milikan sedia ada dan menyediakan peraturan dan garis panduan untuk kawasan pemeliharaan air.

3.4.3.7. Semakan Audit mendapati, meskipun pewartaan belum dilaksanakan di 79 lembangan sungai tersebut, Taman-Taman Sabah telah mewartakan 166,900 hektar dan Jabatan Perhutanan telah mewartakan rezab hutan kelas 1 sejumlah 593,100 hektar yang berada di dalam kawasan 20 lembangan sungai seperti di **Peta 3.3**.

Peta 3.3
Kawasan Yang Telah Diwartakan Oleh Jabatan Perhutanan Dan Taman-Taman Sabah



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

3.4.3.8. Maklum balas daripada JPS bertarikh 15 Julai 2016, memaklumkan bahawa proses pewartaan sedang dipercepatkan dengan menjadikan pewartaan kawasan tadahan sebagai keutamaan JPS. Kawalan aktiviti di kawasan tadahan ditangani dengan mekanisme sedia ada oleh jabatan lain sebagai contoh keperluan EIA oleh JPAS dan ulasan terhadap permohonan tanah di kawasan yang melibatkan cadangan kawasan perlindungan air dan kawasan pemeliharaan air.

Pada pendapat Audit, pewartaan kawasan tadahan air adalah kurang memuaskan kerana semua lembangan sungai belum diwartakan. Perkara ini perlu diberi keutamaan bagi memastikan bekalan air kepada pengguna tidak terjejas.

3.4.4. Pelesenan Terhadap Aktiviti Air Belum Dilaksanakan

3.4.4.1. Enakmen Sumber Air Sabah No. 6 Tahun 1998, Seksyen 12(2)(d), fungsi Pengarah hendaklah untuk memutuskan permohonan lesen bagi aktiviti-aktiviti air selain daripada yang telah ditentukan oleh Majlis. Seksyen 17(1)(a) dan (b), tiada seorang pun boleh, melainkan dibenarkan oleh lesen untuk aktiviti air atau sebaliknya dibenarkan menurut Enakmen ini terlibat dalam aktiviti air, bertujuan untuk (a) mengambil atau menggunakan air daripada badan air dan (b) mengembalikan air kepada badan air secara langsung atau tidak langsung dengan cara tiruan. Mengikut seksyen 17(2), mana-mana orang yang melanggar atau gagal untuk mematuhi subseksyen (1) atau gagal untuk mematuhi syarat ditetapkan dalam lesen bagi aktiviti air adalah bersalah atas suatu kesalahan dan akan dikenakan, atas sabitan, denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih daripada 5 tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal kesalahan yang berterusan, kepada denda selanjutnya lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari semalam mana kesalahan itu berterusan.

3.4.4.2. Semakan Audit mendapati pihak JPS belum lagi melaksanakan pelesenan ke atas aktiviti pengambilan dan pengembalian air. Satu garis panduan telah disediakan pada tahun 2014 iaitu *State Water Management Policy And Guidelines* yang menerangkan jenis lesen yang dikeluarkan, jenis borang permohonan dan pegawai pelulus permohonan. Namun begitu, caj bayaran lesen aktiviti pengambilan air belum ditetapkan. Selain itu, pihak JPS masih belum mewujudkan Bahagian Penguatkuasaan yang berfungsi untuk melaksanakan penguatkuasaan, penyiasatan dan pendakwaan. Walau bagaimanapun, seramai 5 orang jurutera Bahagian Sumber Air telah diberikan latihan atau kursus penyiasatan dan pendakwaan bagi melaksanakan tugas penguatkuasaan.

3.4.4.3. Kelewatan melaksanakan pelesenan terhadap aktiviti-aktiviti air menyebabkan aktiviti air dan kesannya tidak dapat dipantau. Selain itu, penguatkuasaan tidak dapat dijalankan selagi pelesenan belum dilaksanakan. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 15 Julai 2016, memaklumkan bahawa JPS dalam proses akhir untuk menyediakan mekanisme pelesenan aktiviti pengambilan air dengan kajian yang telah dijalankan. JPS akan menyediakan maklumat lengkap mengenai cadangan kadar caj, entiti yang perlu dikenakan caj dan kaedah untuk menentukan jumlah air yang digunakan. Selain itu, JPS telah mengenal pasti 130 buah kilang kelapa sawit yang boleh dikenakan caj pengambilan air dengan anggaran jumlah RM673,920 setiap tahun.**

Pada pendapat Audit, pelesenan dan penguatkuasaan adalah kurang memuaskan kerana belum dilaksanakan.

3.4.5. Tadbir Urus

3.4.5.1. Perjawatan yang dipohon belum diluluskan

- a. Enakmen Sumber Air Sabah No. 6 Tahun 1998, Seksyen 12 (2), menyatakan 12 fungsi Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Air antaranya:
 - i. Mengurus sumber air negeri;
 - ii. Mengambil tindakan untuk melindungi kuantiti dan kualiti sumber air dan persekitaran akuatik;
 - iii. Memutuskan permohonan lesen bagi aktiviti-aktiviti air;
 - iv. Melindungi rizab sungai dan pantai;
 - v. Memajukan, melaksanakan dan menyelia rancangan-rancangan pengurusan tadahan;

- vi. Mengumpul dan menyelenggarakan data sumber air dan melaporkan kepada Majlis dan Menteri;
 - vii. Mengurus kawasan perlindungan air untuk mengekalkan kualiti dan kuantiti dan persekitaran akuatik.
- b. Bagi melaksanakan fungsi dan tugas mengurus sumber air negeri, bahagian atau unit yang diwujudkan perlu mempunyai tenaga kerja yang mencukupi dan berkemahiran serta kelayakan yang bersesuaian. Selain daripada melaksanakan 12 fungsi-fungsi tersebut Bahagian Sumber Air juga secara langsung dengan fungsi tambahan seperti MSMA, penilaian EIA, pengurusan sungai dan lain-lain yang berkaitan.
- c. Pengauditan setakat 17 Julai 2016, Bahagian Sumber Air JPS hanya mempunyai 10 orang kakitangan. Pada tahun 2008, JPS telah menyediakan Kertas Cadangan Bagi Mengkaji Penstrukturan Semula Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah yang bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Perjawatan Negeri ke atas cadangan penyusunan semula struktur organisasi Jabatan selaras dengan wawasan Jabatan ke arah kecemerlangan. Sebanyak 24 perjawatan telah dipohon iaitu tambahan 14 perjawatan daripada pengisian jawatan yang sedia ada. Kertas cadangan ini telah dikemukakan kepada JPA Malaysia untuk mendapatkan kelulusan penstrukturan semula dan pertambahan jawatan. Berikut adalah permohonan perjawatan berbanding bilangan jawatan yang sedia ada seperti di **Jadual 3.16**.

Jadual 3.16
Permohonan Perjawatan Bahagian Sumber Air

Bil.	Nama Jawatan	Gred Jawatan	Bil. Jawatan Dipohon	Bil. Jawatan Sedia Ada	Perbezaan
1.	Jurutera	J52	1	0	1
2.	Jurutera	J48	2	0	2
3.	Jurutera	J44	4	1	3
4.	Jurutera	J41	9	5	4
5.	Pegawai Sains	41	1	0	1
6.	Penolong Jurutera	J36	1	0	1
7.	Penolong Jurutera	J29	1	2	-1
8.	Pembantu Tadbir	N22	-	1	-1
9.	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	1	0	1
10.	Pembantu Tadbir (K)	N17	1	0	1
11.	Pembantu Tadbir Rendah	N11	1	0	1
12.	Pemandu Kenderaan	R11	-	1	-1
13.	Pemandu Kenderaan	R3	2	0	2
Jumlah			24	10	14

Sumber: Carta Organisasi Bahagian Sumber Air dan Kertas Cadangan Perjawatan JPS

- d. Pihak JPA Malaysia masih belum memberikan maklum balas mengenai cadangan tersebut. Keadaan ini menjejaskan keberkesanan fungsi jabatan dalam mengurus sumber air negeri.
- e. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 15 Julai 2016, memaklumkan bahawa daripada 10 kakitangan di Bahagian Pengurusan Sumber Air hanya 5 jawatan jurutera diperuntukkan untuk fungsi pengurusan sumber air. Kakitangan selebihnya adalah daripada kakitangan yang diperuntukkan untuk fungsi JPS yang lain.**

3.4.5.2. Mesyuarat Majlis Sumber Air Negeri Sabah

- a. Enakmen Sumber Air Sabah 1998, Bahagian II, Seksyen 4(1), menetapkan untuk menubuhkan Majlis Sumber Air Negeri yang mempunyai antara lain fungsi-fungsi seperti menasihati Menteri atas pengurusan dan penggunaan sumber air, melapor tentang keadaan sumber air, menentukan lesen aktiviti air yang penting, mengawasi rancangan tadahan dan pelaksanaannya dan mengehendaki pihak berkuasa awam untuk bekerjasama melaksanakan syor-syor rancangan pengurusan tadahan dan bertindak mencegah kerosakan kepada sumber air. Selain itu, Seksyen 5(1) juga menetapkan Majlis Sumber Air ini terdiri daripada Pengerusi; Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan dan Pembangunan Alam Sekitar; Setiausaha Hasil Bumi; Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur; Pengarah Jabatan Pertanian; Pengarah Sumber Air; Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri; Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah; Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran; Pengarah Jabatan Perikanan; Pengarah Jabatan Air; Pengarah Pelabuhan dan Dermaga; Pengarah Jabatan Alam Sekitar Persekutuan (Wilayah Sabah); Pengarah Jabatan Penyiasatan Kajibumi dan dua orang ahli dengan kemahiran teknikal atau akademik yang bersesuaian dalam perkara berhubung dengan sumber air.
- b. Semakan Audit terhadap fail Majlis Sumber Air Negeri Sabah mendapati Majlis ini telah ditubuhkan dengan mesyuarat pertamanya telah diadakan pada 16 Februari 2006 dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri Sabah. Mesyuarat-mesyuarat seterusnya telah diadakan pada 9 Januari 2007, 25 Mac 2010, 28 Januari 2014 dan 2 Mac 2016. Antara perkara-perkara yang telah dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Sumber Air Negeri Sabah adalah seperti di **Jadual 3.17**.

Jadual 3.17
Bilangan Dan Perkara Dibincangkan Dan Diminitkan Dalam Mesyuarat
Majlis Sumber Air Negeri Sabah

Bil.	No.	1 1/2006	2 1/2007	3 1/2010	4 1/2014	5 1/2016
Tarikh		16 Februari 2006	9 Januari 2007	25 Mac 2010	28 Januari 2014	2 Mac 2016
Perkara- Perkara Yang Dibincangkan	1.	Taklimat berkenaan Pengurusan Sumber Air di Sabah	Cadangan Piawai Pengurusan Sumber Air; Cadangan kriteria untuk menentukan kawasan pengurusan tadahan; cadangan kawasan perlindungan air dan kawasan pemuliharaan air di daerah Kota Marudu; dan permohonan rizab pantai oleh Kunak Refinery Sdn Bhd.	Kawasan Perlindungan Air dan Kawasan Pemeliharaan Air bagi Kawasan Tadahan dalam Daerah Kota Marudu	Langkah-langkah dan tindakan bagi mengemaskini, mengenalpasti dan mengistihar Kawasan Tadahan Air	Belum terima
	2.	Pembentangan Laporan Keadaan Sumber Air Negeri Sabah	Taklimat 'Pengurusan Rizab Sungai berdasarkan kepda Enakmen Sumber Air Negeri Sabah Seksyen 40'.	Pengurusan Rizab Sungai Menurut Seksyen 40, Enakmen Sumber Air Negeri Sabah 1998	Pelantikan Juruperunding	
	3.	Pembentangan Cadangan Piawaian Pengurusan Sumber Air		Kertas Pertimbangan 1: Perlaksanaan Program Ops Lumpur di Negeri Sabah	Status Pewartaan Kawasan Tadahan Air Babagon	
	4.	Pembentangan Cadangan kriteria untuk menentukan kawasan pengurusan tadahan		Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Tanah Lembap Negeri Sabah	Senarai Terkini Kawasan Tadahan Air Dalam Hutan Simpan	
	5.	Pembentangan cadangan kawasan perlindungan air dan kawasan pemuliharaan air di daerah Kota Marudu		Kertas Makluman 1: Status Perlaksanaan Perkara-perkara yang berbangkitkan dalam Mesyuarat Sumber Air Negara yang berkenaan dengan Negeri Sabah	Kawasan Tadahan Air Babagon Dan Kaiduan	

Bil.	No.	1	2	3	4	5
		1/2006	1/2007	1/2010	1/2014	1/2016
Tarikh		16 Februari 2006	9 Januari 2007	25 Mac 2010	28 Januari 2014	2 Mac 2016
	6.	Pertimbangan Permohonan rizab Pantai oleh Kunak Refinery Sdn Bhd		Kertas Makluman 2: Tahap Pencapaian Pelaksanaan Pelan Induk Sumber Air Negeri Sabah 1994	Pelantikan Ahli Majlis Sumber Air	
	7.			Kertas Makluman 3: Kajian 'Semakan Semula Kajian Sumber Air Kebangsaan (2000-2050) dan Penentuan Polisi Sumber Air Kebangsaan'	Pertindihan Pewartaan Kawasan-kawasan Tadahan Air/enakmen Hutan 1968/Enakmen Perbekalan Air /dan lain-lain	
	8.			Kebolehdapatan air mengikut lembangan sungai dan daerah. Permintaan air untuk domestik dan pertanian mengikut lembangan sungai dan daerah. Kualiti air sungai mengikut lembangan dan daerah.	Kawasan Taman-taman Sabah	
	9.			Peguam Besar Negeri dimasukkan sebagai ahli Majlis	Pengumpulan Data Kawasan Tadahan Air	
	10.			Kekerapan Bermesyuarat		

Sumber: Fail Majlis Sumber Air Negeri Sabah

Pada pendapat Audit, perjawatan Bahagian Sumber Air adalah kurang memuaskan kerana bilangan perjawatan masa kini tidak dapat melaksanakan sepenuhnya fungsi jabatan dengan cekap dan berkesan. Selain itu, pelaksanaan mesyuarat Majlis Sumber Air Negeri kurang memuaskan kerana bermesyuarat hanya 5 kali sejak ditubuhkan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan kawal selia air dapat dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, adalah disyorkan JPS Sabah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

3.5.1. Satu badan kawal selia air hendaklah ditubuhkan bagi memastikan pengurusan kawal selia air dijalankan dengan cekap dan teratur.

3.5.2. JPS hendaklah mempercepatkan proses pewartaan bagi memastikan kawasan tadahan air sentiasa dilindungi serta menguatkuasakan perlesenan bagi menjana hasil dan memantau aktiviti air.

DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

4. PENGURUSAN PENGENAAN DAN KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (Dewan Bandaraya) ditubuhkan dengan rasminya pada 2 Februari 2000 melalui Enakmen Bandaraya Kota Kinabalu 1996 (Bil. 15 Tahun 1996) setelah diwartakan dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah pada bulan November 1996. Kawasan perkadaran meliputi seluruh kawasan daerah Kota Kinabalu dengan keluasan 90,449 ekar atau 366 kilometer persegi yang dibahagikan kepada kawasan operasi (kawasan yang dikenakan cukai) dan kawasan kawalan (kawasan yang belum dikenakan cukai). Keluasan kawasan operasi Dewan Bandaraya ialah 26,910 ekar atau 29.8% daripada keluasan kawasan perkadaran dan kawasan tersebut dibahagi kepada 3 bahagian iaitu *urban*, *sub urban* dan *new rating area*. Dewan Bandaraya ditadbir oleh Mayor, pegawai dan kakitangan.

4.1.2. Antara aktiviti Dewan Bandaraya adalah mengurus kutipan cukai am, cukai saluran najis, penyenggaraan jalan raya, perparitan dan lampu jalan. Cukai taksiran merupakan hasil utama Dewan Bandaraya iaitu melebihi 60% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Dewan Bandaraya. Pada tahun 2015, sejumlah 92,809 harta pegangan direkodkan dalam kawasan operasi Dewan Bandaraya termasuk harta pegangan persendirian, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Berdasarkan jumlah tersebut, cukai taksiran yang dikutip daripada pemilik hartanah berjumlah RM84.67 juta. Pada tahun 2013 dan 2014, cukai taksiran menyumbang 72.4% dan 68.4% daripada pendapatan Dewan Bandaraya yang masing-masing berjumlah RM80.88 juta dan RM85.14 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Jumlah Cukai Taksiran Dikutip Berbanding
Jumlah Pendapatan Dewan Bandaraya Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Bil. Harta Pegangan	Jumlah Pendapatan Dewan Bandaraya (RM Juta)	Jumlah Cukai Taksiran Dikutip (RM Juta)	Peratus Cukai Taksiran Dikutip (%)
2013	84,688	111.78	80.88	72.4
2014	87,424	124.54	85.14	68.4
2015	92,809	119.48	84.67	70.9

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

4.1.3. Pada tahun 2008, pengauditan terhadap pengurusan kutipan cukai taksiran telah dijalankan di Dewan Bandaraya dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Antara perkara yang dibangkitkan pada masa itu ialah penilaian semula perkadaran tidak dilaksanakan pada tempoh yang sepatutnya manakala kutipan tunggakan cukai taksiran tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan cukai taksiran dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan sebagai sumber utama pendapatan Dewan Bandaraya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi pengurusan harta pegangan bagi tahun 2013 hingga 2015. Antara aspek yang dikaji adalah proses pengenaan cukai iaitu kawasan operasi, kerja penilaian hartanah, proses pungutan cukai dan penguatkuasaan. Semakan Audit dibuat terhadap fail, laporan kewangan, rekod dan daftar yang berkaitan serta membuat analisis terhadap pangkalan data dalam sistem berkomputer cukai taksiran. Bilangan sampel yang dipilih untuk menganalisis data adalah 1% atau 800 (mana yang terendah) daripada jumlah unit harta pegangan. Selain itu, lawatan Audit dibuat terhadap 160 harta pegangan yang mempunyai cukai taksiran tertunggak RM10,000 ke atas setakat tahun 2015 dan taman perumahan baru bagi menentukan kewujudan bangunan berkenaan serta memastikan ketepatan kadar cukai taksiran yang dikenakan terhadap pelbagai jenis hartanah. Sejumlah 160 borang soal selidik telah diedarkan untuk mendapatkan maklum balas terhadap kecekapan dan keberkesanan urusan kutipan cukai taksiran serta perkhidmatan yang diterima daripada Dewan Bandaraya. *Exit conference* bersama Pengarah Dewan Bandaraya telah diadakan pada 14 Julai 2016 yang turut dihadiri oleh Akauntan/Penolong Setiausaha Jabatan Ketua Menteri, Setiausaha Rendah Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan Pegawai Penilaian Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap Pengurusan Pengenaan Dan Kutipan Cukai Taksiran telah dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2016. Secara keseluruhannya, Pengurusan Pengenaan Dan Kutipan Cukai Taksiran Dewan Bandaraya adalah baik dari segi prestasi kutipan cukai taksiran tahunan, penilaian semula hartanah dan tempoh proses penilaian hartanah. Bagaimanapun, terdapat kelemahan seperti berikut:

- Tunggakan cukai taksiran melebihi 5 tahun berjumlah RM13.27 juta.
- Tindakan kutipan tunggakan cukai taksiran kurang berkesan.

4.4.1. Prestasi Kutipan Cukai Taksiran

4.4.1.1. Kadar Cukai Taksiran

- a. Cukai taksiran adalah cukai yang dikenakan terhadap hartanah yang diperuntukkan di bawah Bahagian 10 hingga 12, Ordinan Kerajaan Tempatan 1961. Hartanah yang dikenakan cukai taksiran adalah terdiri daripada rumah kediaman (rumah

pangsa, apartmen, rumah teres, kondominium, banglo dan rumah kedai); bangunan komersil/industri (kedai, kilang, stesen minyak, gudang, hotel, panggung wayang, bengkel dan bangunan pejabat) dan tanah kosong.

- b. Kadar cukai taksiran yang dikenakan adalah berbeza mengikut jenis harta pegangan dan lokasi harta pegangan. Cukai taksiran yang dikenakan adalah pada kadar antara 2% hingga 26% daripada nilai tahunan harta seperti di **Jadual 4.2**.


Jadual 4.2
Kadar Cukai Taksiran Dewan Bandaraya Pada Tahun 2015

Bil.	Bahagian	Jenis Hartanah	Kadar Cukai (%)	
			Am	Pembentungan
1.	Urban	Komersil	26	1
			20	-
			24	1
			18	-
		Industri	26	1
			20	-
			24	1
			18	-
		Kediaman	26	1
			20	-
			24	1
			18	-
		Tanah Kosong	18	-
2.	Urban (Dulu dikenali sebagai Sub Urban)	Komersil	21	1
			15	-
		Industri	21	1
			15	-
		Kediaman	13	1
			7	-
		Tanah Kosong	5	-
3.	Sub Urban (Juga dikenali sebagai Kawasan Perkadaran Baru)	Komersil	11	1
			10	-
		Industri	11	1
			10	-
		Kediaman	8	1
			6	-
		Tanah Kosong	2	-

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

- c. Namun, terdapat juga harta pegangan yang dikecualikan daripada cukai taksiran antaranya bagi harta pegangan tanah kosong berstatus *Native Title* (NT) dan *Field Register* (FR), harta pegangan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan untuk tujuan keagamaan. Kawasan Dewan Bandaraya yang telah diwartakan sebagai kawasan perkadaran adalah seperti di **Peta 4.1**.

Peta 4.1
Kawasan Perkadaran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu




Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

4.4.1.2. Prestasi Kutipan Cukai Taksiran Tahunan

- a. Dewan Bandaraya menganggarkan kutipan cukai taksiran sejumlah RM72.88 juta pada tahun 2013, RM80.04 juta pada tahun 2014 dan RM81.54 juta pada tahun 2015 daripada jumlah cukai taksiran yang patut dikutip pada tahun-tahun berkenaan. Bagaimanapun, jumlah cukai taksiran yang berjaya dikutip pada tahun 2013 adalah sejumlah RM68.22 juta atau 82.5%, RM68.87 juta atau 80.2% pada tahun 2014 dan RM70.25 juta atau 75.8% pada tahun 2015. Jumlah cukai taksiran yang dikutip berbanding dengan yang sepatutnya dikutip bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Carta 4.1** dan **Jadual 4.3**.

Carta 4.1
Prestasi Kutipan Cukai Taksiran Bagi Tahun 2013 Hingga 2015



Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Jadual 4.3
Prestasi Kutipan Cukai Taksiran Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Kategori Kutipan			Peratus Kutipan Sebenar Berbanding Jumlah Patut Dikutip (%)
	Jumlah Patut Dikutip (RM Juta)	Anggaran Kutipan (RM Juta)	Kutipan Sebenar (RM Juta)	
2013	82.66	72.88	68.22	82.5
2014	85.89	80.04	68.87	80.2
2015	92.73	81.54	70.25	75.8
Jumlah	261.28	234.46	207.34	79.4

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu


- b. Analisis Audit terhadap **Jadual 4.3** mendapati berlaku penurunan kutipan cukai taksiran pada tahun 2014 dan 2015. Peratus kutipan cukai taksiran menurun sebanyak 2.3% pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 manakala bagi tahun 2015 peratus kutipan menurun 4.4% berbanding tahun 2014.
- c. **Berdasarkan maklum balas Dewan Bandaraya bertarikh 3 Ogos 2016, pihak Dewan Bandaraya akan terus memperbaiki prestasi kutipan dan adalah menjadi hasrat Dewan Bandaraya untuk mencapai kutipan 100%.**

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan cukai taksiran tahunan adalah memuaskan dengan pencapaian 79.4% daripada jumlah patut dikutip bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015.

4.4.1.3. Prestasi Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran

- a. Cukai Taksiran yang gagal dibayar oleh pemilik harta pegangan dalam tahun semasa diambil kira sebagai tunggakan pada tahun berikutnya. Dewan Bandaraya menyasarkan kutipan tunggakan cukai taksiran bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah masing-masing RM15.40 juta, RM14.50 juta dan RM14.80 juta daripada jumlah tunggakan. Tunggakan cukai taksiran tahun 2013 sejumlah RM18.80 juta, 2014 sejumlah RM26.14 juta dan 2015 sejumlah RM23.00 juta. Bagaimanapun, kutipan sebenar bagi tahun 2013 hingga 2015 masing-masing berjumlah RM12.66 juta atau 67.3%, RM16.28 juta atau 62.3% dan RM14.42 juta atau 62.7% berbanding jumlah tunggakan. Jumlah tunggakan cukai taksiran dan kutipan sebenar adalah seperti di **Carta 4.2** dan **Jadual 4.4**.

Carta 4.2
Prestasi Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran Bagi Tahun 2013 Hingga 2015



Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Jadual 4.4
Prestasi Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Kategori Tunggakan			Peratus Kutipan Tunggakan Berbanding Jumlah Tunggakan (%)
	Jumlah Tunggakan (RM Juta)	Anggaran Kutipan Tunggakan (RM Juta)	Kutipan Sebenar Tunggakan (RM Juta)	
2013	18.80	15.40	12.66	67.3
2014	26.14	14.50	16.28	62.3
2015	23.00	14.80	14.42	62.7
Jumlah	67.94	44.70	43.36	63.8

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

- b. Analisis Audit terhadap **Jadual 4.4** mendapati penurunan kutipan tunggakan cukai taksiran pada tahun 2014 dan 2015. Peratus kutipan tunggakan cukai taksiran menurun sebanyak 5% pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 manakala bagi tahun 2015 peratus kutipan tunggakan cukai taksiran bertambah 0.4% berbanding tahun 2014.
- c. **Berdasarkan maklum balas Dewan Bandaraya bertarikh 3 Ogos 2016, pihak Dewan Bandaraya belum berpuas hati dengan kutipan tunggakan cukai taksiran tersebut dan akur akan wujud masalah-masalah tertentu yang menyukarkan kutipan tunggakan berkenaan. Pihak Dewan Bandaraya akan menangani masalah ini melalui tindakan-tindakan yang lebih fokus kepada masalah berkenaan.**

Pada pendapat Audit, walaupun kutipan tunggakan cukai taksiran adalah memuaskan tetapi Dewan Bandaraya hendaklah mempertingkatkan lagi usaha mengutipnya.

4.4.2. Penilaian Semula Hartanah

4.4.2.1. Mengikut Seksyen 74(1), Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, penilaian semula harta pegangan boleh dilakukan setiap tahun atau tempoh yang lebih panjang dengan kebenaran Menteri, dengan syarat penilaian semula hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 4 tahun sekali. Sekiranya penilaian semula tidak dijalankan pada tahun berkenaan, maka penilaian pada tahun sebelumnya boleh diguna pakai bagi penilaian tahun berkenaan.

4.4.2.2. Semakan Audit mendapati setakat April 2016, nilai hartanah yang digunapakai oleh Dewan Bandaraya untuk tujuan menentukan jumlah cukai taksiran adalah berdasarkan penilaian yang dibuat pada tahun 1997. Penilaian semula terhadap harta pegangan di kawasan operasi Dewan Bandaraya tidak dilaksanakan sejak tahun 1997 kerana tidak mempunyai bajet yang mencukupi bagi membiayai projek penilaian semula.

4.4.2.3. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati usaha dan inisiatif pihak Dewan Bandaraya akhirnya mendapat kelulusan daripada pihak Kerajaan Negeri Sabah untuk melaksanakan penilaian semula melalui Kertas Kabinet bertarikh 17 Mac 2014. Di samping itu juga, Dewan Bandaraya diberi peruntukan kewangan oleh pihak Kementerian Kewangan yang berjumlah RM7.21 juta di mana RM3 juta dalam bentuk geran dan RM4.21 juta dalam bentuk pinjaman tanpa faedah bagi membiayai kos penilaian semula Dewan Bandaraya.

4.4.2.4. Dewan Bandaraya telah memohon kelulusan pengecualian daripada tatacara tender biasa untuk lantikan terus bagi projek penilaian semula. Sebanyak 9 firma penilaian swasta menerima tawaran kerja-kerja penilaian semula hartanah di kawasan perkadaran Kota Kinabalu. Tempoh pelaksanaan adalah dari 1 September 2016 hingga 30 April 2017.

Pada pendapat Audit, penilaian semula hartanah Dewan Bandaraya perlu disegerakan bagi menggambarkan nilai semasa yang lebih realistik.

4.4.3. Tempoh Proses Penilaian Hartanah

4.4.3.1. Kerja ukur periksa dijalankan berdasarkan Sijil Layak Menduduki dan Pelan Bangunan bagi mendapatkan ukuran sebenar bangunan/harta pegangan. Merujuk kepada Piagam Pelanggan Jabatan Penilaian Dewan Bandaraya, tempoh penilaian yang diambil ke atas hartanah baru yang mempunyai maklumat lengkap menerima Sijil Menduduki (*Occupational Certificate (OC)*) dan tanah kosong adalah seperti di **Jadual 4.5.**

Jadual 4.5
Piagam Pelanggan Tempoh Penilaian Hartanah Baru

Jenis Hartanah	Bil. Hari Bekerja Dari Tarikh Lawat Periksa
Tanah kosong	7
Hartanah kediaman	30
Hartanah komersil	30
Hartanah perindustrian	30

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

4.4.3.2. Semakan Audit terhadap Laporan Pemantauan Ke Atas Penyelesaian Kes Penilaian dan Laporan Pematuhan Piagam Pelanggan mendapati tempoh proses penilaian harta pegangan bagi maksud pengenaan cukai taksiran bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Tempoh Proses Penilaian Harta Pegangan
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Bil. Kes Diproses	Tempoh					
		< 30 Hari	Peratus (%)	> 30 Hingga 60 Hari	Peratus (%)	> 60 Hari	Peratus (%)
2013	2,623	2,623	100.0	0	0	0	0
2014	2,477	2,461	99.4	14	0.6	2	0.1
2015	6,035	6,025	99.8	10	0.2	0	0
Jumlah	11,135	11,109	99.8	24	0.2	2	0

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

4.4.3.3. Analisis Audit terhadap **Jadual 4.6** di atas menunjukkan daripada 11,135 kes yang diproses, sebanyak 11,109 atau 99.8% kes diproses dalam tempoh 30 hari bekerja, 24 atau 0.2% kes diproses melebihi 30 hingga 60 hari dan 2 kes diproses lebih dari 60 hari bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015.

4.4.3.4. Bagi kes tanah kosong, semakan Audit mendapati 76 kes diproses dalam tempoh 7 hingga 30 hari, 145 kes diproses melebihi 30 hingga 60 hari dan 1 kes diproses melebihi 60 hari bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan keseluruhan bagi tanah kosong disebabkan rekod yang didaftarkan tidak kemas kini. Pihak Dewan Bandaraya memaklumkan kekeliruan timbul akibat daripada kes tanah kosong yang melibatkan *subdivision* di mana hanya satu kes (*parent title*) yang didaftarkan, sedangkan banyak rekod cukai baru yang perlu diwujudkan berkaitan dengannya.

4.4.3.5. Antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan memproses penilaian hartanah adalah:

- a. Pelan pembangunan dan pelan bangunan Dewan Bandaraya dalam bentuk pelan yang bersaiz besar (manual) mengambil masa dan menyukarkan pihak Dewan Bandaraya semasa membuat rujukan.

- b. Kekurangan kapasiti capaian internet sedia ada di Jabatan Penilaian telah mengganggu kelancaran proses kerja penilaian.
- c. Bilangan unit hartanah yang banyak dan terdapat kes penilaian lain yang perlu diselesaikan serentak.
- d. Kelewatan pengesahan status/jenis kegunaan tanah daripada Jabatan Perancangan Bandaraya.

4.4.3.6. Berdasarkan exit conference pada 14 Julai 2016, pihak Dewan Bandaraya memaklumkan antara punca kelewatan tempoh proses penilaian hartanah adalah disebabkan masih terdapat pemilik hartanah yang lewat menyerahkan geran tanah yang berkaitan untuk proses penilaian. Pada masa yang sama, ketika proses pemeriksaan premis ingin dijalankan oleh pegawai penilaian terdapat sesetengah pemilik hartanah memohon penangguhan pemeriksaan tersebut. Berdasarkan maklum balas Dewan Bandaraya bertarikh 3 Ogos 2016, pihak Dewan Bandaraya memaklumkan Jabatan Penilaian akan terus mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi sebab-sebab tersebut di mana selaras dengan “corrective action” yang perlu diambil oleh Jabatan Penilaian di bawah sijil MS ISO.


Pada pendapat Audit, prestasi kerja penilaian hartanah adalah baik kerana hanya 26 atau 0.2% kes yang diproses melebihi 30 hari manakala bagi tanah kosong, 222 kes diproses melebihi 7 hingga 61 hari.

4.4.4. Tunggakan Cukai Taksiran

4.4.4.1. Tempoh Cukai Taksiran Tertunggak

- a. Setakat 31 Disember 2015, sebanyak 21.7% jumlah tunggakan cukai taksiran mempunyai tempoh tunggakan (pengumuran) melebihi 5 tahun, 13.1% cukai taksiran tertunggak antara 3 hingga 5 tahun dan sebanyak 27.2% cukai taksiran tertunggak antara 1 hingga 3 tahun seperti di **Carta 4.3**.

Carta 4.3
Pengumuman Tunggakan Cukai Taksiran Setakat 31 Disember 2015



Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

- b. Semakan Audit mendapati sebanyak 20 harta pegangan yang mempunyai tunggakan cukai taksiran tertinggi adalah terdiri daripada harta komersil, kediaman dan tanah kosong seperti di **Jadual 4.7**. 9 daripadanya telah diambil tindakan undang-undang oleh Dewan Bandaraya dan 2 kes diserahkan kepada agen pemungut cukai manakala surat peringatan dan notis perundangan dikeluarkan kepada 9 pemilik hartanah.

Jadual 4.7
20 Harta Pegangan Yang Mempunyai Tunggakan Cukai Taksiran Tertinggi

Jenis Harta	Bil.	*Jumlah Cukai Tertunggak (RM)	Tempoh (Tahun)	Kadar Setahun (RM)	Sebab Berlaku Tunggakan
Kediaman	4	374,179	32	443 hingga 799	• Pemilik meninggal dunia • Terlibat dengan perundangan • Masalah tuntutan oleh waris • Sengaja abaikan tuntutan cukai
Komersil	15	1,795,941	1 hingga 8	7,688 hingga 121,590	• Lambat bayar • Terlibat dengan perundangan • Sengaja abaikan tuntutan cukai • Pemilik tidak dapat dikesan
Tanah Kosong	1	78,077	32	500	• Dalam proses tukar pemilikan
Jumlah	20	2,248,197	1 hingga 32	443 hingga 121,590	

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Nota: Termasuk faedah dan caj notis

- c. Berdasarkan maklum balas Dewan Bandaraya bertarikh 3 Ogos 2016, usaha untuk terus memperkasakan kutipan hasil cukai dilaksanakan melalui pelbagai strategi seperti tindakan pemantauan bulanan oleh Jawatankuasa Kutipan Dan Tunggakan Hasil, tindakan mahkamah yang lebih agresif, penghantaran notis peringatan secara tangan, panggilan telefon, melantik agen pengutip tunggakan cukai, mempelbagaikan serta memudahkan kaedah pembayaran hasil, mengiklankan dalam surat khabar nama-nama yang mempunyai tunggakan cukai dan mengadakan kempen galakan membayar cukai, pemberian diskaun dan rebat ke atas tunggakan cukai dan kompaun. Dewan Bandaraya juga sedang dalam proses mengkategorikan bil cukai rumah berkonsepkan *Delivery Code* yang mengambil kira latar belakang bil tersebut agar tindakan yang lebih fokus, cekap dan berkesan serta pelaporan yang lebih jelas dapat dibuat. Selain itu, penilaian semula hartanah yang akan dilaksanakan dalam tahun 2016 akan mengemas kini maklumat hartanah dan membolehkan pengurusan cukai yang lebih cekap dan berkesan.

Pada pendapat Audit, kedudukan tunggakan cukai taksiran adalah kurang memuaskan kerana 21.7% tunggakan telah melebihi tempoh 5 tahun.

4.4.4.2. Tindakan Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran

- a. Antara kaedah yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya untuk memberi kesedaran kepada pemilik harta pegangan tentang tanggungjawab membayar cukai taksiran adalah seperti berikut:
- i. Menyediakan kemudahan kaunter pembayaran yang mudah dikunjungi seperti pejabat Dewan Bandaraya yang terletak di kompleks membeli-belah Centre Point Kota Kinabalu, Dewan Serbaguna Damai dan Ibu Pejabat Dewan Bandaraya.
 - ii. Menyebarkan maklumat dalam akhbar tempatan.
 - iii. Mengadakan Kempen Galakan Membayar Cukai Taksiran pada Januari hingga Mac setiap tahun dengan memberi diskaun.
- b. Kemudahan pembayaran yang disediakan adalah seperti berikut:
- i. Menerima bayaran melalui tunai, cek, kad kredit, draf bank atau internet.
 - ii. Menerima kemudahan pembayaran melalui aplikasi E-Cukai.
 - iii. Memberi kemudahan pembayaran 24 jam melalui mesin kiosk yang terletak di bangunan Dewan Bandaraya.

- iv. Dalam proses memperkenalkan kemudahan pembayaran melalui laman web Dewan Bandaraya (E-Services).
 - v. Dalam proses memperkenalkan kemudahan pembayaran melalui JOMPAY.
- c. Dewan Bandaraya memberi rebat 5% (suku pertama setiap tahun) atas cukai tahunan, 100% diskaun atas notis pemberitahuan, 75% diskaun atas faedah bagi pemilik hartanah yang menjelaskan jumlah cukai sekaligus sebagai galakan membayar cukai taksiran tertunggak. Selain itu, Dewan Bandaraya menghantar surat peringatan dan notis perundangan, memberi kemudahan pembayaran ansuran, membuat panggilan telefon kepada pemilik hartanah, mengiklankan hartanah yang mempunyai tunggakan dalam surat khabar, menggunakan agen pemungut cukai untuk mengutip tunggakan cukai taksiran serta mengambil tindakan mahkamah terhadap pemilik hartanah yang mempunyai tunggakan cukai taksiran.

i. Surat Peringatan

- Dewan Bandaraya memberi “*grace period*” selama 6 bulan sebelum surat peringatan dikeluarkan kepada pemilik hartanah yang belum membayar cukai taksiran. Semakan Audit terhadap Laporan Kutipan Surat Peringatan Keseluruhan Kumpulan di Unit Tunggakan Hasil bagi tahun 2013 hingga 2015 mendapati bilangan surat peringatan yang dikeluarkan adalah sebanyak 24,207 seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8
Surat Peringatan Yang Dikeluarkan Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Bil. Surat Peringatan Dikeluarkan	Bil. Surat Peringatan Yang Dibayar	Peratus Surat Peringatan Dibayar Berbanding Bil. Surat Dikeluarkan (%)	Jumlah Tunggakan Semasa Surat Peringatan Dikeluarkan (RM Juta)	Jumlah Kutipan (RM Juta)	Peratus Kutipan Berbanding Jumlah Tunggakan (%)
2013	6,827	3,182	46.6	21.96	6.79	30.9
2014	12,135	4,740	39.1	25.50	5.83	22.9
2015	5,245	2,119	40.4	11.93	2.78	23.3
Jumlah	24,207	10,041	41.5	59.39	15.40	25.9

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

- Analisis Audit terhadap **Jadual 4.8** di atas menunjukkan surat peringatan yang dikeluarkan telah dibuat bayaran oleh pemilik hartanah di mana jumlah kutipan bagi tahun 2013 hingga 2015 masing-masing berjumlah RM6.79 juta, RM5.83 juta dan RM2.78 juta.

ii. Notis Perundangan

- Bagi surat peringatan yang telah dikeluarkan dan masih belum ada bayaran, notis perundangan akan dikeluarkan kepada pemilik hartanah yang mempunyai maklumat lengkap seperti kad pengenalan dalam sistem. Sekiranya masih tiada pembayaran dibuat dalam masa dua minggu selepas notis perundangan dikeluarkan, pemilik hartanah akan diambil tindakan saman oleh Unit Perundangan Dewan Bandaraya. Semakan Audit terhadap Ringkasan Jumlah Notis Dikeluarkan Serta Kutipan Oleh Semua Kumpulan di Unit Tunggakan Hasil bagi tahun 2013 hingga 2015 mendapati bilangan notis perundangan yang dikeluarkan adalah sebanyak 6,075 seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9
Notis Perundangan Yang Dikeluarkan Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Bil. Notis Dikeluarkan	Bil. Notis Yang Dibayar	Peratus Notis Dibayar Berbanding Bil. Notis Dikeluarkan (%)	Jumlah Tunggakan Semasa Notis Dikeluarkan (RM Juta)	Jumlah Kutipan (RM Juta)	Peratus Kutipan Berbanding Jumlah Tunggakan (%)
2013	1,645	734	44.6	4.65	1.18	25.4
2014	2,352	908	38.6	4.22	1.26	29.9
2015	2,078	507	24.4	4.58	1.23	26.9
Jumlah	6,075	2,149	35.4	13.45	3.67	27.3

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

- Analisis Audit terhadap **Jadual 4.9** di atas menunjukkan daripada 6,075 notis perundangan yang dikeluarkan, sebanyak 2,149 atau 35.4% notis perundangan telah dibuat bayaran oleh pemilik hartanah di mana jumlah kutipan bagi tahun 2013 hingga 2015 masing-masing adalah RM1.18 juta, RM1.26 juta dan RM1.23 juta.

iii. Pembayaran Ansuran

- Dewan Bandaraya memberi kemudahan pembayaran ansuran sebanyak 6 kali bagi syarikat dan 12 kali bagi individu yang mengemukakan permohonan. Semakan Audit terhadap Laporan Kutipan Bayaran Ansuran di Unit Tunggakan Hasil bagi tahun 2013 hingga 2015 menunjukkan statistik pembayaran ansuran seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10
Statistik Pembayaran Ansuran Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Bil. Kes Terlibat	Bil. Kes Selesai	Peratus Kes Selesai (%)	Jumlah Tunggakan Terlibat (RM Juta)	Jumlah Kutipan (RM Juta)	Peratus Kutipan Berbanding Jumlah Tunggakan (%)
2013	344	201	58.4	1.17	0.35	29.9
2014	364	154	42.3	1.25	0.35	28.0
2015	494	237	48.0	1.25	0.25	20.0
Jumlah	1,202	592	49.3	3.67	0.95	25.9

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

- Analisis Audit terhadap **Jadual 4.10** di atas mendapati daripada 1,202 pemilik hartanah yang membuat permohonan bayaran ansuran, sebanyak 592 atau 49.3% kes telah selesai dibuat pembayaran di mana jumlah kutipan bagi tahun 2013 dan 2014 masing-masing berjumlah RM0.35 juta dan bagi tahun 2015 jumlah kutipan adalah RM0.25 juta.

iv. Panggilan Telefon

- Dewan Bandaraya membuat panggilan telefon secara rawak untuk mengingatkan pemilik hartanah membuat pembayaran cukai taksiran. Statistik Panggilan Telefon di Unit Tunggakan Hasil bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.11**.

Jadual 4.11
Statistik Panggilan Telefon Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Bil. Kes Terlibat	Bil. Kes Selesai	Peratus Kes Selesai (%)	Jumlah Tunggakan Terlibat (RM Juta)	Jumlah Kutipan (RM Juta)	Peratus Kutipan Berbanding Jumlah Tunggakan (%)
2013	483	451	93.4	8.64	7.61	88.1
2014	169	107	63.3	6.63	5.35	80.7
2015	410	379	92.4	12.86	11.06	86.0
Jumlah	1,062	937	88.2	28.13	24.02	85.4

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

- Analisis Audit terhadap **Jadual 4.11** di atas menunjukkan daripada 1,062 kes yang dibuat panggilan telefon, sebanyak 937 atau 88.2% kes telah selesai dibuat pembayaran di mana jumlah kutipan bagi tahun 2013 hingga 2015 masing-masing berjumlah RM7.61 juta, RM5.35 juta dan RM11.06 juta. Panggilan telefon adalah antara usaha Dewan Bandaraya yang paling berkesan dalam mengutip tunggakan cukai taksiran.

v. Pengiklanan Surat Khabar

- Bagi pemilik hartanah yang gagal membayar tunggakan cukai taksiran selepas notis perundangan dikeluarkan, Dewan Bandaraya menyenaraikan


nama dan akaun pemilik hartanah dalam surat khabar tempatan. Pada tahun 2013 dan 2015, Dewan Bandaraya telah menyenaraikan nama dan akaun pemilik hartanah masing-masing sekali sahaja yang melibatkan 230 kes seperti di **Jadual 4.12**. Tiada pengiklanan surat khabar dibuat bagi tahun 2014.

Jadual 4.12
Statistik Pengiklanan Surat Khabar Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Nama Surat khabar	Tarikh Iklan	Bil. Kes Terlibat	Bil. Kes Selesai	Peratus Kes Selesai (%)	Jumlah Tunggakan Terlibat (RM Juta)	Jumlah Kutipan (RM Juta)	Peratus Kutipan Berbanding Jumlah Tunggakan (%)
2013	Borneo Post, Daily Express	4.12.13	230	68	29.6	1.03	0.26	25.2
2014	Tiada pengiklanan	-	-	-	-	-	-	-
2015	Borneo Post	30.05.15	230	52	22.6	0.82	0.14	17.1
Jumlah			460	120	26.1	1.85	0.40	21.6

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

- Suratkhabar yang dipilih untuk menyiarkan kes tunggakan cukai taksiran adalah *Borneo Post* dan *Daily Express* bagi tahun 2013 dan hanya satu suratkhbar sahaja yang dipilih bagi tahun 2015 iaitu *Borneo Post*. Analisis Audit terhadap **Jadual 4.12** mendapati tindakan ini kurang berkesan kerana daripada bilangan kes yang diiklankan, hanya 120 atau 26.1% kes telah diselesaikan dengan pungutan cukai taksiran berjumlah RM0.26 juta bagi tahun 2013 dan RM0.14 juta bagi tahun 2015. Pegawai Dewan Bandaraya memaklumkan bahawa mulai tahun 2016, pengiklanan suratkhbar akan dibuat bagi setiap suku tahun, iaitu sebanyak 4 kali dalam setahun.
- Senarai nama dan akaun pemilik hartanah yang diiklankan dalam suratkhbar juga akan disiarkan di Laman Web Dewan Bandaraya www.dbkk.sabah.gov.my seperti di **Gambar 4.1**.



Gambar 4.1
Senarai Hartanah Yang Mempunyai Tunggakan Cukai Yang Disiarkan Dalam Laman Web Dewan Bandaraya

Sumber: Laman Web Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Tarikh: 3 Jun 2016


vi. Penswastaan Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran

- Syarikat Menggaris IT Sdn. Bhd. telah dilantik oleh Dewan Bandaraya pada 2 Oktober 2015 sebagai agen pemungut cukai bagi mengutip tunggakan cukai taksiran. Mengikut surat perjanjian, syarikat perlu mengutip semua tunggakan cukai taksiran yang dipertanggungjawabkan oleh Dewan Bandaraya selama 5 tahun dari tarikh surat perjanjian. Bayaran terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat adalah 15% daripada jumlah tunggakan cukai taksiran yang berjaya dikutip dan bayaran tersebut dibuat pada setiap suku tahun.
- Sejumlah 217 kes tunggakan cukai taksiran berjumlah RM3.74 juta telah diserahkan kepada syarikat berkenaan pada bulan Disember 2015. Jumlah tunggakan cukai yang telah dikutip setakat 29 Februari 2016 adalah RM109,758 bagi 18 atau 8.3% kes. Kaedah ini sedang dipantau kerana di peringkat awal untuk dikaji.

vii. Tindakan Mahkamah

- Mengikut Seksyen 90(1), Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, Dewan Bandaraya mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap pemilik hartanah yang mempunyai tunggakan cukai taksiran. Kutipan tunggakan bagi hartanah yang telah diambil tindakan undang-undang diurus oleh Jabatan Perundangan Dewan Bandaraya manakala bagi kes-kes yang lebih rumit akan diserahkan kepada syarikat panel peguam yang dilantik oleh Dewan Bandaraya iaitu Tetuan Sitiwin dan Jintoni.
- Setakat pengauditan yang dijalankan pada bulan April 2016, sebanyak 333 kes yang berjumlah RM1.07 juta dibawa ke Mahkamah Bandaraya pada tahun 2013, 312 kes berjumlah RM1.61 juta pada tahun 2014 dan 65 kes berjumlah RM0.12 juta pada tahun 2015 seperti di **Carta 4.4**.

Carta 4.4
Bilangan Kes Tunggakan Cukai Taksiran Yang Dibawa Ke
Mahkamah Bandaraya Bagi Tahun 2013 Hingga 2015



Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

- Perbezaan jumlah kes yang dibawa ke mahkamah bagi tahun 2015 berbanding tahun-tahun sebelumnya berlaku disebabkan pada tahun tersebut Dewan Bandaraya dalam proses membuat penambahbaikan prosedur pemfailan dokumen-dokumen mahkamah daripada yang sebelumnya secara manual kepada *E-filing System* (EFS) ke laman web *Sabah Law Courts*.
- Daripada 710 kes yang dibawa ke Mahkamah Bandaraya dalam tempoh 2013 hingga 2015, sebanyak 433 atau 61% kes telah dapat diselesaikan, 277 atau 39% kes masih dalam penghakiman dan tiada kes menunggu tarikh sebutan. Butiran kes adalah seperti di **Jadual 4.13**.

Jadual 4.13
Status Tindakan Mahkamah Bandaraya Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Bil. Kes	Status Tindakan Mahkamah Bandaraya					
		Bil. Kes Selesai	Peratus (%)	Bil. Kes Dalam Penghakiman	Peratus (%)	Bil. Kes Menunggu Sebutan	Peratus (%)
2013	333	240	72.1	93	27.9	0	0
2014	312	168	53.8	144	46.2	0	0
2015	65	25	38.5	40	61.5	0	0
Jumlah	710	433	61.0	277	39.0	0	0

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

- Secara keseluruhannya, daripada 433 kes yang selesai selepas tindakan mahkamah sejumlah RM0.73 juta atau 68.2% tunggakan cukai taksiran dikutip bagi tahun 2013, RM0.54 juta atau 33.5% bagi tahun 2014 dan pada tahun 2015 sejumlah RM0.04 juta atau 33.3% tunggakan cukai taksiran dapat dikutip seperti di **Jadual 4.14**.

Jadual 4.14
Status Kutipan Selepas Tindakan Mahkamah Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Bil. Kes	Bil. Kes Selesai	Jumlah Tunggakan (RM Juta)	Jumlah Kutipan Tunggakan (RM Juta)	Peratus Kutipan Tunggakan (%)
2013	333	240	1.07	0.73	68.2
2014	312	168	1.61	0.54	33.5
2015	65	25	0.12	0.04	33.3
Jumlah	710	433	2.80	1.31	46.8

Sumber: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

- Selain itu, daripada 160 harta pegangan yang dipilih untuk lawatan Audit mendapati 58 atau 36.3% pemegang hartanah sahaja yang sedang atau telah diambil tindakan mahkamah setakat 22 Jun 2016 manakala 102 pemegang hartanah dikeluarkan surat peringatan, notis perundangan atau notis bayaran. Maklumat lanjut mengenai tarikh tindakan mahkamah dan tarikh penghakiman bagi setiap kes tersebut tidak dikemukakan oleh Jabatan Perundangan Dewan Bandaraya.

- d. **Berdasarkan maklum balas Dewan Bandaraya bertarikh 3 Ogos 2016, Jawatankuasa Kutipan Dan Tunggakan Hasil merupakan jawatankuasa tetap di Jabatan Kewangan Dan Belanjawan yang bermesyuarat pada setiap bulan bertujuan memantau tindakan-tindakan pengutipan tunggakan cukai taksiran dan lain-lain hasil Dewan Bandaraya. Pihak Dewan Bandaraya juga sedang mempertimbangkan pewujudan Pasukan Task Force Mengutip Tunggakan Cukai Berinsentifkan Bayaran berdasarkan prestasi kutipan. Satu jawatankuasa pengutipan cukai kadaran melibatkan pelbagai jabatan berkenaan sedang diwujudkan bagi mengemas kini rekod tunggakan cukai kadaran, mengenal pasti masalah-masalah yang mengakibatkan tunggakan cukai kadaran, mengenal pasti tindakan-tindakan susulan yang diambil, menyenaraikan tunggakan cukai kadaran berdasarkan kepada tindakan yang telah diambil dan menjalankan pemantauan berterusan. Empat mesyuarat telah diadakan berkenaan *Delivery Code* bagi bil cukai kadaran bertarikh 27 Jun 2016.**

Pada pendapat Audit, pelbagai usaha Dewan Bandaraya dalam mengutip tunggakan ada menunjukkan hasil yang positif namun peratus keseluruhan kutipan tunggakan masih rendah.

4.4.5. Maklum Balas Daripada Pemilik/Penghuni Harta Pegangan

4.4.5.1. Pihak Audit telah mengadakan lawatan ke kawasan operasi Dewan Bandaraya pada 27 April hingga 11 Mei 2016. Sebanyak 160 sampel yang terdiri daripada 4 kategori harta pegangan telah dipilih bagi mendapatkan maklum balas pemilik/penghuni mengenai penerimaan bil cukai taksiran tahunan seperti di **Jadual 4.15**.

Jadual 4.15
Jenis Harta Di Kawasan Operasi Dewan Bandaraya Yang Dilawati

Bil.	Zon	Rumah Kediaman	Rumah Kedai	Bangunan Komersil/Industri	Tanah Kosong	Jumlah
1.	Api-api Centre	0	9	0	0	9
2.	Marina Court	9	0	0	0	9
3.	Kota Kinabalu	0	1	10	0	11
4.	Bukit Bendera /Damai /Luyang	10	0	1	1	12
5.	Sembulan	9	1	4	1	15
6.	Likas / Teluk Likas	8	0	5	0	13
7.	Fung Yee Ting / Kolombong	0	1	7	0	8
8.	Tanjung Aru	4	0	0	1	5
9.	Menggatal	16	0	0	0	16
10.	Inanam/ Inanam Laut	4	0	6	0	10
11.	Luyang Timur/ Kolam / Bukit Padang	8	0	1	1	10
12.	Kuala Menggatal (1Borneo)	0	0	26	0	26
13.	Salut / Lobou	8	1	7	0	16
Jumlah		76	13	67	4	160

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.4.5.2. Daripada 160 sampel yang dilawati, pihak Audit berjaya menemu bual seramai 71 atau 44.4% responden manakala sebanyak 89 atau 55.6% penghuni tiada di rumah semasa lawatan dijalankan, bangunan terbiar dan tidak lagi beroperasi serta tanah kosong.

4.4.5.3. Analisis Audit terhadap 71 maklum balas responden mendapati seramai 23 atau 32.4% responden telah menerima bil cukai taksiran manakala seramai 28 atau 39.4% responden mendapati bil cukai taksiran dihantar ke alamat surat-menyurat pemilik. Selain itu, seramai 17 atau 23.9% responden tiada maklumat mengenai penerimaan bil cukai taksiran kerana kediaman tersebut disewakan. Seramai 3 atau 4.2% responden memaklumkan tidak pernah menerima bil cukai taksiran.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi Pengurusan Dan Pengenaan Kutipan Cukai Taksiran, pihak Audit mengesyorkan selain tindakan yang telah dilakukan Dewan Bandaraya turut membuat lawatan fizikal ke lokasi pemilik hartanah yang mempunyai tunggakan cukai taksiran yang tinggi atau melebihi tempoh 3 tahun bagi mengenal pasti sebab sebenar pemilik gagal menjelaskan bil cukai taksiran yang dihantar setiap tahun.

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH TAMAN-TAMAN SABAH

5. PENGURUSAN KEMUDAHAN PELANCONGAN TAMAN-TAMAN SABAH

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah (TTS) ditubuhkan pada tahun 1964 dan merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar Sabah (KePKAS). Objektif penubuhan TTS adalah untuk melindungi selamanya kawasan yang mengandungi nilai-nilai geografi, biologi dan sejarah alam semulajadi sebagai warisan Negara bagi kepentingan pendidikan dan rekreasi manusia sejagat. Bagi mencapai objektif tersebut, TTS antara lainnya melaksanakan fungsi-fungsi seperti berikut:

- Melindungi dan memulihara kawasan semula jadi taman;
- Memulakan, menyelaraskan dan mengawal semua aktiviti dalam kawasan taman;
- Membuat syor kepada Kerajaan tentang cara, langkah dan dasar yang hendak dipakai bagi memudahkan pembangunan taman-taman;
- Mengenal pasti danewartakan kawasan yang berpotensi sebagai kawasan taman;
- Menyediakan tempat penginapan, kemudahan dan perkhidmatan yang mungkin menjadi tarikan kepada pelancong ke taman-taman tanpa menjejaskan kawalan dan penjagaannya; dan
- Mengawal, mengurus dan menjana kumpulan wang TTS.

5.1.2. TTS mempunyai 9 kawasan taman seluas 1,345,654 hektar yang telah diwartakan sebagai kawasan Taman Alam Semula Jadi Negeri antara tahun 1964 hingga 2016. Taman-taman tersebut terdiri daripada 6 Taman Marin dan 3 Taman Daratan seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Senarai Taman-Taman Sabah Setakat 30 Jun 2016

Bil.	Nama Taman	Lokasi	Jenis Taman	Tahun Diwartakan	Keluasan (Hektar)
1.	Taman Tunku Abdul Rahman	Kota Kinabalu	Marin	1974	4,929
2.	Taman Pulau Penyu	Sandakan	Marin	1977	1,740
3.	Taman Marin Tun Sakaran	Semporna	Marin	2004	35,000
4.	Taman Pulau-Pulau Tiga	Kuala Penyu	Marin	1978	15,864
5.	Taman Pulau Sipadan	Semporna	Marin	2006	16,860
6.	Taman Tun Mustapha	Kudat	Marin	2016	1,028,000
7.	Taman Kinabalu	Ranau	Daratan	1964	75,370
8.	Taman Banjaran Crocker	Keningau	Daratan	1984	139,919
9.	Taman Bukit Tawau	Tawau	Daratan	1979	27,972
Jumlah					1,345,654

Sumber: Taman-Taman Sabah

5.1.3. TTS merancang dan melaksanakan pelbagai projek kemudahan pelancongan seperti projek membina pejabat, asrama, restoran, kedai cenderamata, pusat penerangan/pameran, *chalet*, jeti, pelantar pemandangan, jalan dan pembelian bot dan enjin sangkut. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, TTS telah menerima peruntukan berjumlah RM19.44 juta daripada Kerajaan Persekutuan, Negeri dan dana TTS sendiri untuk melaksanakan 88 projek. Butiran lanjut seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Pelaksanaan Projek Kemudahan
Pelancongan TTS Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Sumber Peruntukan	Bil. Projek	Nilai Projek (RM Juta)
1.	Persekutuan	3	1.10
2.	Negeri	5	3.75
3.	Dana TTS	80	14.59
Jumlah		88	19.44

Sumber: Taman-Taman Sabah

5.1.4. TTS juga perlu melaksanakan penyenggaraan terhadap kemudahan pelancongan yang ada untuk memastikan ia berada dalam keadaan baik bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengunjung. Untuk maksud tersebut, TTS telah menyediakan peruntukan tahunan bagi menyenggara setiap stesen. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, TTS telah membelanjakan sejumlah RM16.57 juta atau 93.9% daripada peruntukan yang diluluskan berjumlah RM17.64 juta untuk menyenggara kemudahan pelancongan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Peruntukan Dan Perbelanjaan Sebenar Kerja-kerja
Penyenggaraan Kemudahan Taman Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Butiran	2013		2014		2015		Jumlah	
		Anggaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Anggaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Anggaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Anggaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)
1.	Memperbaiki Taman-Taman	3.91	3.52	4.52	3.67	3.41	3.16	11.84	10.35
2.	Pemeliharaan Dan Penggantian Mesin Dan Kelengkapan	0.73	0.67	0.80	0.65	0.48	0.78	2.01	2.10
3.	Penyenggaraan Bangunan Dan Penggantian Kemudahan	1.19	1.17	1.06	0.97	0.62	1.06	2.87	3.20
4.	Pengindahan Dan Penyenggaraan Taman-Taman	0.27	0.25	0.34	0.33	0.31	0.34	0.92	0.92
Jumlah		6.10	5.61	6.72	5.62	4.82	5.34	17.64	16.57

Sumber: Taman-Taman Sabah

5.1.5. Pengendalian kemudahan pelancongan diuruskan sama ada oleh TTS sendiri atau diswastakan kepada syarikat konsesi atau pengusaha pelancongan swasta tempatan. Kemudahan pelancongan yang diserahkan kepada syarikat konsesi antara lainnya adalah penginapan, restoran dan kedai cenderamata. Selain itu, TTS juga menyewakan kawasan tanah tertentu kepada pihak syarikat konsesi untuk dimajukan sebagai kawasan tarikan pelancongan.

5.1.6. Salah satu sumber kewangan TTS adalah kutipan hasil pelancongan seperti bayaran konservasi (yuran masuk), bayaran kebenaran mendaki gunung, penginapan dan bayaran sewa daripada syarikat konsesi atau pengusaha pelancongan swasta. Mengikut rekod TTS, bilangan pelancong yang mengunjungi taman-taman yang terletak di bawah kawalan TTS bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah seramai 4,001,760 orang dengan kutipan hasil berjumlah RM51.96 juta.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada kemudahan pelancongan TTS telah diuruskan dengan cekap, ekonomi dan berkesan.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

5.3.1. Skop pengauditan meliputi pengurusan kemudahan pelancongan bagi tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2013 hingga 2015. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat TTS dan 3 pejabat taman yang melibatkan 2 taman marin dan 1 taman daratan. Taman tersebut adalah Taman Tunku Abdul Rahman (Kota Kinabalu), Taman Pulau Tiga (Kuala Penyu) dan Taman Kinabalu (Ranau). Pemilihan taman dibuat dengan mengambil kira saiz taman, bilangan dan kos projek yang dilaksanakan bagi tempoh tersebut serta bilangan syarikat konsesi/pengusaha pelancongan yang dilantik untuk menguruskan kemudahan pelancongan berkaitan.

5.3.2. Pemeriksaan Audit dijalankan terhadap fail, rekod, perjanjian kontrak dan dokumen berkaitan. Pihak Audit juga mengadakan temu bual dan perbincangan dengan pegawai-pegawai TTS dan kakitangan syarikat konsesi atau pengusaha pelancongan swasta. Fail bagi 26 daripada 42 syarikat konsesi atau pengusaha pelancongan swasta telah dipilih untuk pengauditan. Sebanyak 11 syarikat konsesi atau pengusaha pelancongan swasta telah dilawati untuk pemeriksaan fizikal Audit. Pemeriksaan fizikal juga telah dijalankan terhadap 47 daripada 88 projek yang dilaksanakan pada tahun 2013 hingga 2015 bagi menentukan kerja-kerja telah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan serta kemudahan pelancongan sedia ada telah disenggara dengan baik oleh TTS atau syarikat konsesi seperti ditetapkan dalam perjanjian. *Exit Conference* bersama wakil Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar Sabah serta Pengarah Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah telah diadakan pada 18 Julai 2016.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pengurusan kemudahan pelancongan oleh TTS yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2016 mendapati pengurusannya adalah memuaskan dari segi prestasi pelaksanaan projek dan penyenggaraan kemudahan pelancongan yang disewa oleh syarikat konsesi. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Dokumen kontrak/perjanjian tidak menjaga kepentingan Kerajaan.
- Kerja pembinaan projek kurang berkualiti/kemas.
- Kemudahan pelancongan tidak digunakan.
- Syarat perjanjian penswastan operasi kemudahan pelancongan tidak dipatuhi.
- Kemudahan rosak tidak disenggara.
- Tunggakan sewa tahunan, yuran konservasi dan sumbangan konservasi berjumlah RM4.48 juta.

5.4.1. Prestasi Pelaksanaan Projek

Setakat bulan Jun 2016, sebanyak 87 daripada 88 projek atau 98.9% yang melibatkan 4 projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri, 3 projek yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan dan 80 projek yang dibiayai melalui dana TTS sendiri telah disiapkan. Hanya satu projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri masih dalam pelaksanaan iaitu projek penambahbaikan kemudahan infrastruktur di Kompleks Taman Kinabalu bernilai RM1 juta. Tempoh kontrak adalah selama 12 bulan bermula dari bulan Disember 2015 dan dijadualkan siap pada Disember 2016. Peruntukan asal projek tersebut adalah untuk melaksanakan projek rangkaian denai sekitar kompleks Taman Kinabalu dan Mesilau Nature Resort, Ranau. Bagaimanapun, peruntukan itu dipindahkan kerana tidak dapat dilaksanakan di Mesilau Nature Resort, Ranau berikutan kerosakan laluan denai (tanah runtuh) akibat gempa bumi yang berlaku pada pertengahan tahun 2015. Analisis Audit mendapati semua 87 projek yang telah disiapkan itu telah dilaksanakan dalam tempoh kontrak asal. Ringkasan pelaksanaan projek berkenaan adalah seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Ringkasan Peruntukan Dan Pelaksanaan Projek
Kemudahan Pelancongan TTS Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Sumber Peruntukan	Bil. Projek	Nilai Projek (RM Juta)	Status Pelaksanaan Projek		
				Siap	Sedang Dilaksana	Peratus (%)
1.	Persekutuan	3	1.10	3	-	100.0
2.	Negeri	5	3.75	4	1	80.0
3.	Dana TTS	80	14.59	80	-	100.0
Jumlah		88	19.44	87	1	98.9

Sumber: Taman-Taman Sabah

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan projek adalah sangat baik kerana 87 atau 98.9% daripada 88 projek yang dilaksanakan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

5.4.2. Pelaksanaan Perolehan

5.4.2.1. Semua agensi Kerajaan bertanggungjawab memastikan semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diurus dengan telus, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama. Oleh itu, perolehan agensi hendaklah mematuhi dan selaras dengan pekeliling dan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

5.4.2.2. Semakan Audit terhadap 47 pelaksanaan perolehan kerja yang dibuat oleh TTS, mendapati semua perolehan dilaksanakan secara rundingan terus dengan kelulusan Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Bagaimanapun, perolehan kerja yang dibuat secara rundingan terus tersebut tidak dapat disahkan sama ada dibuat berdasarkan kriteria keperluan mendesak, maksud penyeragaman, pembelian khusus, keselamatan atau untuk syarikat pembuat Bumiputera. Perkara ini tidak menggambarkan perolehan diurus secara telus dan memberi peluang kepada semua pihak yang layak untuk bersaing dengan adil. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5
Kaedah Perolehan Projek Kemudahan
Pelancongan TTS Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Sumber Peruntukan	Bil. Sampel Projek	Nilai Projek (RM Juta)	Kaedah Perolehan Projek			
				Pemberian Terus	Sebut Harga	Tender	Rundingan Terus
1.	Persekutuan	3	1.10	0	0	0	3
2.	Negeri	3	2.75	0	0	0	3
3.	Dana TTS	41	7.71	0	0	0	41
Jumlah		47	11.56	0	0	0	47

Sumber: Taman-Taman Sabah

5.4.2.3. Berdasarkan maklum balas bertarikh 9 September 2016, pihak TTS akan melaksanakan perolehan kerja melalui tender terbuka untuk mendapatkan harga lebih ekonomik dan menguntungkan Kerajaan kecuali bagi kerja-kerja yang memerlukan kepakaran tertentu.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan perolehan TTS boleh ditambah baik dengan menggunakan kaedah sebut harga dan tender bagi meningkatkan akauntabiliti dan menggambarkan perolehan Kerajaan diurus dengan telus.

5.4.3. Dokumen Kontrak/Perjanjian Tidak Menjaga Kepentingan Kerajaan

Dokumen kontrak hendaklah disediakan dengan lengkap dan terperinci serta menjaga kepentingan Kerajaan. Antaranya berkaitan dengan syarat-syarat am kontrak seperti jaminan bank, insurans, syarat dan spesifikasi kerja serta syarat perjanjian penswastaan hendaklah seragam. Semakan Audit terhadap penyediaan dokumen kontrak dan perjanjian penswastaan mendapati beberapa syarat yang tidak menjaga kepentingan Kerajaan seperti berikut:

5.4.3.1. Spesifikasi Kerja Tidak Dinyatakan Dengan Jelas Dan Terperinci

- a. Spesifikasi kerja adalah dokumen yang memberi secara terperinci butir kerja yang perlu dilaksanakan berserta dengan kuantitinya di dalam satu susunan yang logik dan mudah difahami untuk membolehkan penender menghargakan kerja tanpa perlu mengukur sendiri kuantiti daripada lukisan atau spesifikasi. Spesifikasi kerja adalah asas untuk menentukan harga kontrak, disediakan oleh seseorang yang terlatih dan berkecualan dan boleh terdiri daripada wakil-wakil agensi lain yang berkaitan.
- b. Semakan Audit terhadap 43 atau 91.5% dokumen kontrak mendapati spesifikasi kerja telah disediakan dengan lengkap dan terperinci. Bagaimanapun, 4 atau 8.5% spesifikasi kerja projek pada tahun 2013 tidak menyatakan butiran kerja dengan jelas dan terperinci. Perkara ini disebabkan tiada perancangan yang teliti dalam penyediaan spesifikasi kerja yang dilaksanakan. Oleh itu, kerja penyenggaraan dan pembaikan yang dilakukan oleh pihak kontraktor sukar dipantau dan *value for money* tidak dapat dipastikan. Spesifikasi kerja perolehan yang tidak jelas dan lengkap tersebut adalah seperti di **Jadual 5.6**.

Jadual 5.6
Spesifikasi Kerja Projek Perolehan Tidak Dinyatakan Dengan Jelas Dan Terperinci

Bil.	Tajuk Projek	Tahun	Lokasi	Amaun (RM)	Catatan
1.	Projek Menaik Taraf Jeti Base Camp Pulau Gaya	2013	Base Camp Pulau Gaya	200,000	Kerja-kerja pembaikan jeti seperti <i>Jety Head, Jety Walkway, Jety Post dan Shelter</i> dibuat secara <i>Lump Sum</i> .
2.	Projek Menaik Taraf Jeti Padang Point, TTAR	2013	Padang Point, Pulau Gaya	250,000	
3.	Pembaikan Bangunan Sub Stesen Serinsim	2013	Sub Stesen Serinsim	142,500	Kerja penyenggaraan bagi <i>Veranda, Handrail and Balusters</i> dan <i>Staircase</i> dibuat secara <i>Lump Sum</i> .
4.	Pendawaian Semula Bangunan Pejabat Pulau Tiga	2013	Pulau Tiga, Kuala Penyu	43,700	Kerja-Kerja Pendawaian Semula tidak terperinci dan jelas dan dibuat secara <i>Lump Sum</i> .

Sumber: Jabatan Audit Negara

- c. Berdasarkan maklum balas bertarikh 9 September 2016, bermula bulan Julai 2016 pihak TTS akan memantau penyediaan spesifikasi kerja bagi memastikan ia disediakan dengan jelas dan terperinci.

Pada pendapat Audit, penyediaan dokumen perolehan yang dibuat oleh TTS adalah memuaskan kecuali 4 projek di mana spesifikasi kerja tidak dinyatakan dengan jelas dan terperinci serta justifikasi rundingan terus yang tidak jelas.

5.4.3.2. Syarat Perjanjian Penswastan Tidak Seragam

- a. Operasi taman (kemudahan pelancongan) dikendalikan oleh TTS sendiri dan sebahagiannya diswastakan kepada syarikat konsesi. Kemudahan pelancongan yang diserahkan kepada syarikat konsesi adalah seperti penginapan, restoran dan kedai cenderamata. Selain itu, TTS juga menyewakan kawasan tanah tertentu kepada pihak syarikat konsesi untuk dimajukan sebagai kawasan tarikan pelancongan. Perjanjian kontrak yang dipersetujui menggariskan tanggungjawab syarikat konsesi seperti urusan bayaran jaminan bank, deposit, sewa, kutipan yuran konservasi/sumbangan konservasi, kebersihan, keselamatan, penyediaan makanan halal dan penyenggaraan kemudahan pelancongan yang terlibat. Syarat perjanjian tersebut hendaklah dinyatakan dengan jelas dan menjaga kepentingan Kerajaan.
- b. Semakan Audit terhadap syarat-syarat perjanjian penswastan mendapati berlaku ketidakseragaman syarat-syarat perjanjian. Perkara ini adalah disebabkan pegawai yang menyediakan dan menyemak draf perjanjian kurang teliti menyebabkan terdapat klausa-klausa penting tidak diambil kira. Tanpa klausa-klausa tersebut, tiada jaminan bahawa makanan yang disediakan adalah halal, potensi hasil (kutipan sumbangan konservasi) dapat dikutip dan dapat memberi jaminan kepada Kerajaan jika penyewa gagal mematuhi mana-mana syarat perjanjian. Syarat-syarat perjanjian yang tidak seragam adalah seperti berikut:

i. Syarat Penyediaan Makanan Halal

Sebanyak 4 daripada 9 perjanjian penswastan yang melibatkan syarikat konsesi/pengusaha pelancongan yang mengendalikan premis makanan (restoran) tidak menyatakan syarat penyediaan makanan halal. Semakan Audit mendapati TTS tidak konsisten dalam semua perjanjian penswastan mengenai keperluan untuk syarikat konsesi/pengusaha pelancongan menyediakan makanan halal seperti di **Jadual 5.7**.

Jadual 5.7
Syarat Menyediakan Makanan Halal Tidak Dinyatakan Dalam Perjanjian

Bil.	Taman	Bil. Syarikat	Syarat Penyediaan Makanan Halal Dinyatakan	
			Ya	Tidak
1.	Taman Tunku Abdul Rahman, Kota Kinabalu	4	1	3
2.	Taman Kinabalu, Ranau	1	-	1
3.	Taman Pulau Tiga, Kuala Penyu	1	1	-
4.	Taman Pulau Penyu, Sandakan	1	1	-
5.	Taman Banjaran Crocker, Keningau	1	1	-
6.	Taman Bukit Tawau, Tawau	1	1	-
Jumlah		9	5	4

Sumber: Taman-Taman Sabah

ii. Syarat Bayaran Sumbangan Konservasi

Sumbangan konservasi (*contribution to conservation*) merupakan bayaran yang dikenakan kepada syarikat konsesi yang menyewa tapak untuk dimajukan sebagai pusat pelancongan. Syarikat konsesi perlu membayar sumbangan konservasi ini bagi setiap pelawat yang menginap di *chalet* yang dibangunkan oleh syarikat konsesi berkenaan mengikut kadar yang ditetapkan oleh TTS. Semakan Audit terhadap 14 perjanjian penswastan yang menyediakan tempat penginapan mendapati syarat bayaran sumbangan konservasi tidak ditetapkan secara menyeluruh. Sebanyak 7 perjanjian mempunyai klausa yang menghendaki syarikat konsesi/pengusaha pelancongan membayar sumbangan konservasi antara RM10 hingga RM20 bagi setiap pelawat yang menginap. Manakala, perjanjian bagi 7 syarikat konsesi lagi tidak menetapkan syarat tersebut seperti di **Jadual 5.8**.

Jadual 5.8
Syarat Bayaran Sumbangan Konservasi Tidak Dinyatakan Dalam Perjanjian

Bil.	Taman	Bil. Syarikat	Syarat Bayaran Sumbangan Konservasi Dinyatakan	
			Ya	Tidak
1.	Taman Pulau Tiga Resort, Kuala Penyu	1	0	1
2.	Taman Kinabalu, Ranau	1	0	1
3.	Taman Marin Tun Sakaran, Semporna	3	2	1
4.	Taman Tunku Abdul Rahman, Kota Kinabalu	6	5	1
5.	Taman Bukit Tawau, Tawau	1	0	1
6.	Taman Pulau Penyu, Sandakan	1	0	1
7.	Taman Banjaran Crocker, Keningau	1	0	1
Jumlah		14	7	7

Sumber: Taman-Taman Sabah

iii. Syarat Pembayaran *Security Deposit*

TTS juga menyewakan premisnya kepada syarikat/pengusaha pelancongan swasta untuk satu tempoh dan tujuan tertentu seperti premis makanan, kedai cenderamata, pejabat dan sebagainya. Salah satu syarat penting bagi penyewaan ini adalah keperluan penyewa membayar sejumlah deposit kepada TTS "*as security against breach by the tenant of any of the stipulations and their covenants herein contained...*". Semakan Audit terhadap *Tenancy Agreement* bagi 14 penyewa mendapati sebanyak 4 perjanjian tidak mempunyai klausa pembayaran *security deposit* seperti di **Jadual 5.9**.

Jadual 5.9
Syarat Pembayaran Security Deposit Tidak Dinyatakan Dalam Tenancy Agreement

Bil.	Taman	Bil. Syarikat	Syarat Pembayaran Security Deposit Dinyatakan	
			Ya	Tidak
1.	Taman Kinabalu, Ranau	3	1	2
2.	Taman Tunku Abdul Rahman, Kota Kinabalu	8	6	2
3.	Taman Marin Tun Sakaran, Semporna	3	3	0
Jumlah		14	10	4

Sumber: Taman-Taman Sabah

- c. Berdasarkan maklum balas bertarikh 9 September 2016, pihak TTS telah mengeluarkan surat bertarikh 13 Julai 2016 kepada syarikat konsesi berhubung penyediaan makanan halal di premis masing-masing. Pihak TTS juga akan mengadakan perbincangan di antara Pegawai Perundangan dan pihak syarikat konsesi yang terlibat untuk menambah baik syarat-syarat perjanjian sedia ada. Pihak TTS juga telah mendapat kelulusan untuk melantik seorang pembantu Tadbir (Sementara) di bawah Unit Pemantauan Swasta. Pegawai ini bertanggungjawab memantau semua syarat-syarat pematuhan dalam perjanjian yang melibatkan semua konsesi di dalam kawasan Taman-Taman Sabah. Selain itu, polisi TTS ditambah baik dengan menambah/menyeragamkan syarat-syarat perjanjian termasuklah keperluan bagi bayaran/sumbangan konservasi daripada pihak swasta.

Pada pendapat Audit, penyediaan dokumen perjanjian dengan syarikat konsesi boleh ditambah baik. Pihak TTS perlu menyeragamkan syarat perjanjian demi menjaga kepentingan Kerajaan.

5.4.4. Kerja Kurang Berkualiti/Kemas

5.4.4.1. Setiap perolehan kerja yang dilaksanakan hendaklah diperakukan bahawa kerja telah dibuat dengan sempurna dengan mematuhi spesifikasi, pelan dan butiran kerja yang telah diluluskan. Pegawai yang diberi kuasa untuk memantau projek hendaklah memastikan pihak kontraktor melaksanakan kerja dengan sempurna dan berkualiti. Pembayaran kepada kontraktor hendaklah mengikut nilai kerja setakat mana yang telah dilaksanakan atau nilai bahan-bahan yang sebenarnya yang telah dibekalkan.

5.4.4.2. Semakan Audit mendapati pelaksanaan 43 daripada 47 sampel projek (91.5%) di Taman Tunku Abdul Rahman (TTAR), Taman Pulau Tiga (TPT) dan Taman Kinabalu (TK) telah dilaksanakan dengan baik dan berkualiti. Bagaimanapun, 4 projek (8.5%) penyenggaraan jeti yang dilaksanakan di TTAR kurang berkualiti atau kemas. Perkara ini berlaku disebabkan pelan dan spesifikasi kerja tidak diserahkan kepada Pengurus Taman yang menyelia kerja-kerja pembinaan di tapak projek sebaliknya disimpan di Ibu Pejabat TTS. Berikutan perkara tersebut, pemantauan kerja kontraktor tidak dapat dibuat dengan terperinci mengikut pelan spesifikasi kerja yang diluluskan. Lawatan Audit bersama

pegawai TTS ke tapak projek berkenaan pada bulan Mei hingga Jun 2016 mendapati kerja kurang berkualiti seperti di **Jadual 5.10** dan **Gambar 5.1** hingga **Gambar 5.10**.

Jadual 5.10
Kerja Penyenggaraan Jeti Yang
Kurang Berkualiti/Kemas Di Taman Tunku Abdul Rahman

Bil.	Perkara	Lokasi			
		Pulau Manukan	Pulau Mamutik	Pulau Sapi	Pulau Gaya
1.	Pemasangan tiang jeti tidak kemas	/	x	x	/
2.	Pemasangan <i>bracing</i> tidak kemas	x	x	x	/
3.	Pemasangan panjang dan <i>gap</i> lantai jeti tidak sama/rata	x	/	/	/
4.	Pemasangan tangga dan <i>handrail</i> jeti tidak kemas	x	x	x	/
5.	Pemasangan fender tidak kemas	x	/	x	/

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 5.1
Pemasangan Tiang Tidak Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Base Camp, Pulau Gaya
Tarikh: 18 Mei 2016

Gambar 5.2
Pemasangan Bracing Tidak Kemas




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Base Camp, Pulau Gaya
Tarikh: 18 Mei 2016

Gambar 5.3
Panjang Dan Gap Lantai Tidak Sekata



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Base Camp, Pulau Gaya
Tarikh: 18 Mei 2016

Gambar 5.4
Gap Lantai Tidak Sekata



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Base Camp, Pulau Gaya
Tarikh: 18 Mei 2016

Gambar 5.5
Panjang Dan Gap Lantai Tidak Sekata



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Pulau Sapi, Pulau Sapi
Tarikh: 19 Mei 2016

Gambar 5.6
Gap Lantai Tidak Sekata



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Pulau Sapi, Pulau Sapi
Tarikh: 19 Mei 2016

Gambar 5.7
Pemasangan Tangga
Dan Handrail Tidak Kemas




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Padang Point, Pulau Gaya
Tarikh: 18 Mei 2016

Gambar 5.8
Pemasangan Tangga
Dan Lantai Yang Tidak Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Base Camp, Pulau Gaya
Tarikh: 18 Mei 2016

Gambar 5.9
Pemasangan Fender Tidak Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Pulau Memutik, Pulau Mamutik
Tarikh: 19 Mei 2016

Gambar 5.10
Pemasangan Fender Tidak Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Padang Point, Pulau Gaya
Tarikh: 18 Mei 2016

5.4.4.3. Berdasarkan maklum balas bertarikh 9 September 2016, pihak TTS akan melaksanakan pemantauan kerja kontraktor secara teliti bersama-sama dengan pegawai penyelia projek dan kakitangan lapangan. Pengesahan daripada kedua-dua pihak adalah diwajibkan bagi kelulusan penyiapan kerja pihak kontraktor. Selain itu, salinan pelan lukisan dan spesifikasi kerja akan diserahkan kepada Pengurus Taman yang berkaitan sebagai keperluan kakitangan lapangan dalam pemantauan kerja-kerja kontraktor yang lebih berkesan.

Pada pendapat Audit, pihak TTS perlu memastikan pelan dan spesifikasi kerja diserahkan kepada Pengurus Taman yang menyelia kerja-kerja pembinaan di tapak projek bagi memastikan kerja kontraktor dilaksanakan dengan kemas dan berkualiti.

5.4.5. Kemudahan Pelancongan Tidak Digunakan

5.4.5.1. Taman-Taman Sabah bertanggungjawab menyediakan kemudahan pelancongan bagi memastikan ia mencukupi dan memberi keselesaan kepada pelancong. Antara kemudahan asas yang disediakan adalah seperti jeti, kaunter tiket, pondok rehat, chalet, restoran, ruang pameran dan sebagainya. Kemudahan yang dibina hendaklah digunakan sepenuhnya dan dijaga bagi memastikan ianya selesa dan selamat digunakan. Lawatan Audit pada bulan Mei hingga Jun 2016 mendapati semua kemudahan digunakan sepenuhnya kecuali 2 kemudahan tidak digunakan seperti berikut:

a. Restoran Di Sub Stesen Serinsim, Taman Kinabalu

Kemudahan Sub Stesen Serinsim merupakan salah satu kawasan pelancongan bagi Taman Kinabalu yang dibina pada tahun 2010 dengan kos berjumlah RM0.97 juta. Antara kemudahan di sub stesen ini adalah seperti *chalet*, asrama, bangunan pejabat, pondok rehat dan juga restoran. Lawatan Audit pada 15 Jun 2016 mendapati restoran tidak digunakan. Perkara ini disebabkan tiada pihak swasta yang berminat untuk beroperasi di restoran tersebut kerana pelancong kurang berkunjung ke sub stesen berkenaan. Restoran berkenaan adalah seperti di **Gambar 5.11**.

b. Kaunter Tiket Dan Jeti Di Kuala Penyu, Taman Pulau Tiga

Kaunter tiket dan jeti di Kuala Penyu dibina pada tahun 2009 dengan kos berjumlah RM339,467. Kemudahan ini bertujuan bagi operasi pembelian tiket dan kemudahan jeti ke Taman Pulau Tiga. Lawatan Audit pada 23 Mei 2016 mendapati kaunter tiket tersebut tidak digunakan. Pihak Audit mendapati sebuah syarikat swasta telah beroperasi di Pulau Tiga, namun tidak menggunakan kaunter dan jeti yang telah disediakan kerana syarikat tersebut telah membina jeti sendiri lebih awal daripada jeti tersebut seperti di **Gambar 5.12**.

Gambar 5.11
Restoran Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sub Stesen Serinsim, Taman Kinabalu
Tarikh: 15 Jun 2016

Gambar 5.12
Kaunter Tiket dan Jeti Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Penyu, Taman Pulau Tiga
Tarikh: 23 Mei 2016

5.4.5.2. Berdasarkan maklum balas bertarikh 9 September 2016, pembinaan jeti dan 4 kaunter perkhidmatan adalah untuk kegunaan TTS dan penyewaan pengusaha resort yang beroperasi di Pulau Tiga. Satu syarikat telah menyewa satu unit kaunter bagi tempoh 3 tahun dan telah berakhir pada 31 Julai 2015. Disebabkan sambutan yang tidak menggalakkan, syarikat tidak menyambung penyewaan. Pengurusan TTS menjangkakan jeti dan kaunter tersebut akan digunakan dengan optimum apabila dua buah syarikat yang telah mendapat kelulusan konsesi untuk membina resort di Pulau Tiga beroperasi kelak. Bagi Sub Stesen Serinsim, pihak TTS pernah menawarkan kepada Koperasi Kakitangan Taman-Taman Sabah dan ditawarkan kepada orang awam melalui iklan di akhbar. Bagaimanapun, koperasi dan syarikat atau perseorangan tidak berminat kerana tiada kemampuan kewangan dan perhubungan jalan raya pada ketika itu sukar dilalui oleh kenderaan kecil. Pengurusan TTS akan mengesyorkan kepada Lembaga untuk mempelawa Syarikat awam atau pengusaha pelancongan atau mengizinkan anak syarikat TTS iaitu Sabah Park Eco-Holdings Sdn Bhd untuk mengendalikan operasi kemudahan di Sub Stesen tersebut. Pihak TTS menjangkakan akan ramai pelancong tempatan berkunjung apabila jalan raya Kota Marudu ke Ranau yang menjadi akses ke Sub Stesen Serinsim siap sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, TTS perlu mengkaji semula keperluan kemudahan yang tidak digunakan agar dapat dimanfaatkan oleh pengusaha dan pelancong.

5.4.6. Syarat Perjanjian Penswastan Tidak Dipatuhi

5.4.6.1. Syarikat konsesi yang dilantik untuk mengendalikan operasi kemudahan pelancongan TTS atau menyewa tanah milik TTS untuk dimajukan sebagai kawasan pelancongan perlu mematuhi syarat-syarat perjanjian yang ditetapkan. Antara syarat-syarat perjanjian tersebut adalah seperti berikut:

- a. Syarikat konsesi hendaklah mengemukakan jaminan bank “...for due observance and performance of the Agreement and such bank guarantee shall be for the sum and period as required or imposed by the 1st Party”.
- b. Syarikat konsesi perlu mengambil perlindungan insurans terhadap kemudahan pelancongan TTS yang disewa atau kemudahan pelancongan yang dibangunkan oleh syarikat konsesi yang menyewa tapak (tanah). Selain itu, terdapat juga *tenancy agreement* yang mensyaratkan pengambilan insurans untuk *employees, servants, agents, licencees or invitees of the tenant*.
- c. *The 2nd party shall submit its annual audited account to the Management for its record.*
- d. *All food prepared and served in any restaurant or canteen must be HALAL.*

5.4.6.2. Semakan Audit terhadap kepatuhan syarikat konsesi terhadap syarat-syarat perjanjian tersebut mendapati perkara berikut:

a. Jaminan Bank

Semakan Audit terhadap Daftar Jaminan Bank dan 12 fail syarikat konsesi mendapati 6 syarikat konsesi tidak pernah mengemukakan sijil jaminan bank. Manakala, 5 syarikat konsesi lagi telah mengemukakan sijil jaminan bank tetapi telah tamat tempoh antara bulan Mei 2010 hingga Mei 2014. Hanya jaminan bank sebuah syarikat konsesi sahaja masih berkuat kuasa sehingga bulan Februari 2017. Jaminan bank adalah penting sebagai jaminan kepada Kerajaan jika syarikat konsesi gagal melaksanakan tanggungjawabnya mengikut perjanjian seperti di **Jadual 5.11**.

Jadual 5.11
Bilangan Syarikat Yang Tidak Mengemukakan Jaminan Bank Dan Tamat Tempoh

Bil.	Taman	Bil. Syarikat	Jaminan Bank Dikemukakan		
			Ya		Tidak
			Kemas kini	Tamat Tempoh	
1.	Taman Pulau Tiga, Kuala Penyu	3	1	2	0
2.	Taman Marin Tun Sakaran, Semporna	1	-	1	0
3.	Taman Tunku Abdul Rahman dan Taman Kinabalu	5	-	2	3
4.	Taman Bukit Tawau	1	-	-	1
5.	Taman Pulau Penyu, Sandakan	1	-	-	1
6.	Taman Banjaran Crocker, Keningau	1	-	-	1
Jumlah		12	1	5	6

Sumber: Taman-Taman Sabah

b. Insurans Bangunan (Kemudahan)

Semakan Audit terhadap rekod dan 10 fail syarikat konsesi mendapati 4 syarikat konsesi tidak mengemukakan salinan polisi perlindungan insurans. Perkara ini berlaku kerana syarat perjanjian tidak mewajibkan syarikat mengemukakan salinan polisi insurans semasa sebagai bukti perlindungan insurans berkenaan telah diambil. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.12**.

Jadual 5.12
Bilangan Syarikat Yang Tidak Mengemukakan Salinan Polisi Insurans

Bil.	Taman	Bil. Syarikat	Insurans Dikemukakan	
			Ya	Tidak
1.	Taman Pulau Tiga, Kuala Penyu	1	0	1
2.	Taman Kinabalu, Ranau	1	0	1
3.	Taman Tunku Abdul Rahman dan Taman Kinabalu	5	3	2
4.	Taman Bukit Tawau	1	1	0
5.	Taman Pulau Penyu, Sandakan	1	1	0
6.	Taman Banjaran Crocker, Keningau	1	1	0
Jumlah		10	6	4

Sumber: Taman-Taman Sabah

c. Penyata Kewangan Tahunan Syarikat

Semakan Audit terhadap 17 fail syarikat konsesi mendapati semua syarikat konsesi berkenaan tidak mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada TTS seperti ditetapkan dalam perjanjian. Penyata kewangan ini adalah penting bagi membolehkan TTS menilai prestasi kewangan dan keupayaan syarikat konsesi yang terlibat melaksanakan tanggungjawab mereka mengikut perjanjian. Selain itu, penyata kewangan juga boleh digunakan untuk menilai kutipan hasil yang dikutip oleh syarikat. Bilangan syarikat yang tidak mengemukakan penyata kewangan tahunan mengikut taman adalah seperti di **Jadual 5.13**.

Jadual 5.13
Bilangan Syarikat Yang Tidak Mengemukakan Penyata Kewangan Tahunan

Bil.	Taman	Bil. Syarikat
1.	Taman Pulau Tiga, Kuala Penyu	3
2.	Taman Kinabalu, Ranau	2
3.	Taman Tunku Abdul Rahman dan Taman Kinabalu	10
4.	Taman Bukit Tawau	1
5.	Taman Banjaran Crocker, Keningau	1
Jumlah		17

Sumber: Taman-Taman Sabah

d. Menyediakan Makanan Halal

Pemeriksaan Audit di 2 premis makanan syarikat konsesi yang memperuntukkan syarat penyediaan makanan halal mendapati sebuah premis makanan/restoran tidak memperolehi sijil halal yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Sabah.

5.4.6.3. Ketidakpatuhan syarikat konsesi terhadap syarat perjanjian ini adalah disebabkan pemantauan yang kurang berkesan oleh pihak TTS. TTS perlu menyediakan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan seperti penyediaan proses kerja pemantauan, peringatan dan tindakan susulan serta penyediaan rekod atau daftar yang teratur dan kemas kini.

5.4.6.4. Berdasarkan maklum balas bertarikh 9 September 2016, Lembaga Pemegang Amanah TTS telah meluluskan permohonan untuk melantik seorang Pembantu Tadbir (sementara) di bawah Unit Pemantauan Swasta. Pegawai ini bertanggungjawab memantau pematuan semua syarat-syarat dalam perjanjian yang melibatkan semua syarikat konsesi di dalam kawasan TTS. Pihak TTS telah mengeluarkan surat kepada syarikat terbabit pada 9 September 2016 mengehendaki syarikat berkenaan mengemukakan Sijil Jaminan Bank dan Penyata Kewangan Tahunan. Mengikut Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, kelulusan pelan pembangunan pelancongan di dalam kawasan TTS hanya perlu mendapat kelulusan daripada LPATTS. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan TTS telah menetapkan agar semua pihak konsesi mengemukakan pelan pembangunan terperinci kepada Dewan Bandaraya atau Majlis Daerah Tempatan bagi mendapatkan Sijil Kedudukan (O.C) bagi membolehkan bangunan diinsuranskan. Pihak TTS akan mengadakan perbincangan di antara Pegawai Perundangan serta semua pihak konsesi yang terlibat untuk menambah baik syarat-syarat perjanjian sedia ada (*Supplementary Agreement*).

Pada pendapat Audit, pihak TTS perlu menguatkuasakan syarat perjanjian kontrak syarikat konsesi bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara.

5.4.7. Penyenggaraan Kemudahan Pelancongan

Penyenggaraan terbahagi kepada penyenggaraan pembaikan dan penyenggaraan pencegahan. Penyenggaraan pembaikan merupakan pembaikan aset apabila berlaku kerosakan/kegagalan supaya aset/fasiliti dapat berfungsi semula mengikut fungsi yang ditetapkan dan penyenggaraan pencegahan pula mengikut jadual/program bagi memastikan setiap komponen aset/fasiliti berfungsi dengan baik dan mengelakkan berlakunya kerosakan besar. Penyenggaraan kemudahan pelancongan yang dilaksanakan adalah terbahagi kepada penyenggaraan oleh TTS sendiri atau syarikat swasta seperti berikut:

5.4.7.1. Kemudahan Yang Rosak Tidak Disenggara

- a. Pengendalian operasi dan penyenggaraan kemudahan pelancongan dilaksanakan sepenuhnya oleh TTS menggunakan tenaga Jabatan atau sebahagiannya melalui kontrak kecil mengikut skop yang ditetapkan. Pemeriksaan Audit mendapati kemudahan TTS rosak dan tidak disenggara. Perkara ini berlaku kerana program penyenggaraan tidak disediakan, kurang pemantauan dan penyeliaan ke atas kemudahan pelancong serta peruntukan yang terhad.
- b. Selain itu, kesan gempa bumi yang berlaku pada tahun 2015 menyebabkan kerosakan teruk akses utama jalan raya ke Sub Stesen Mesilau. Perkara ini telah menyebabkan operasi pelancongan di Sub Stesen Mesilau terpaksa dihentikan. Pihak konsesi yang beroperasi di Sub Stesen Mesilau juga telah menghentikan operasi di kawasan tersebut. Ketiadaan akses ke kawasan sub stesen tersebut menyukarkan pihak TTS memantau dan menyenggara bangunan/fasiliti di kawasan berkenaan. TTS memerlukan peruntukan yang besar untuk memperbaiki jalan raya tersebut supaya Sub Stesen Masilau dapat beroperasi seperti sedia kala.
- c. Senarai kerosakan kemudahan TTS tersebut adalah seperti di **Jadual 5.14** dan **Gambar 5.13** hingga **Gambar 5.26**.

Jadual 5.14
Senarai Kemudahan TTS Yang Rosak Dan Memerlukan Penyenggaraan

Bil.	Jenis Kemudahan	Lokasi	Kerosakan
1.	Jalan raya utama	Sub Stesen Mesilau	- Jalan raya dan jambatan rosak dan terputus (Gambar 5.13 dan 5.14)
2.	Jeti	Pulau Manukan Pulau Memutik Pulau Sapi Pulau Tiga	- Tiang <i>fender</i> rosak (Gambar 5.15) - Pondok jeti rosak (Gambar 5.16) - Kepala jeti rosak (Gambar 5.16) - Tiang jeti rosak
3.	Pondok kaunter	Pulau Memutik Pulau Tiga	- Lantai reput - Atap bocor - Kipas rosak
4.	Laluan pejalan kaki	Pulau Manukan	- Struktur laluan pejalan kaki rosak - Lampu jalan rosak
5.	Pejabat	Pulau Sapi Pulau Tiga	- Dinding reput dimakan anai-anai (Gambar 5.25 dan 5.26) - Gutter atap rosak (Gambar 5.23 dan 5.24) - Tiang bangunan reput
6.	Stor penyelamat pantai	Pulau Tiga	- Keadaan stor yang rosak dan using (Gambar 5.18)
7.	Bilik audio visual	Kundasang	- Siling rosak dan atap bocor (Gambar 5.19 dan 5.20)
8.	Bilik pameran @ Galeri	Pulau Manukan Pulau Tiga Kundasang	- Tidak beroperasi dan masih disenggara
9.	Rumah rehat @ Chalet	Pulau Manukan Sub Stesen Serinsim	- Siling dan <i>gutter</i> atap luar chalet rosak (Gambar 5.17) - Dinding tandas retak - BRC Sinki terkeluar dan berkarat - Penyaman udara bilik no. 3 rosak
10.	Surau	Pulau Manukan,	- Ruang tempat wudhu tidak dibersihkan
11.	Tandas	Pulau Manukan, Pulau Sapi	- <i>Beam</i> tandas retak dan pecah - Open Shower rosak (Gambar 5.21 dan 5.22) - Ruangan mandi terbuka tidak dibersihkan
12.	Tembok penahan ombak	Pulau Sapi	- Tembok tidak dibersihkan - Tembok tidak dipasang kemas

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 5.13
Jalan Utama Rosak Dan Terputus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sub Stesen Mesilau, Taman Kinabalu
Tarikh: 16 Jun 2016

Gambar 5.14
Jalan Utama Rosak Dan Terputus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sub Stesen Mesilau, Taman Kinabalu
Tarikh: 16 Jun 2016

Gambar 5.15
Tiang Fender Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Manukan, Taman Tunku Abdul Rahman
Tarikh: 19 Mei 2016

Gambar 5.16
Atap Pondok Dan Kepala Jeti Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pulau Tiga, Kuala Penyu
Tarikh: 23 Mei 2016

Gambar 5.17
Siling Dan Gutter Chalet Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sub Stesen Serinsim, Taman Kinabalu
Tarikh: 15 Jun 2016

Gambar 5.18
Stor Penyelamat Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pulau Tiga, Kuala Penyu
Tarikh: 23 Mei 2016

Gambar 5.19
Siling Bilik Audio Visual Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Kinabalu, Ranau
Tarikh: 14 Jun 2016

Gambar 5.20
Atap Dewan Seminar Bocor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Kinabalu, Ranau
Tarikh: 14 Jun 2016

Gambar 5.21
Open Shower Rosak Dan Kotor



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Manukan, Taman Tunku Abdul Rahman
Tarikh: 18 Mei 2016

Gambar 5.22
Open Shower Telah Dibersihkan Dan Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Manukan, Taman Tunku Abdul Rahman
Tarikh: 18 Julai 2016

Gambar 5.23
Gutter dan Dinding Pejabat Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pulau Tiga, Kuala Penyu
Tarikh: 23 Mei 2016

Gambar 5.24
Gutter dan Dinding Pejabat Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pulau Tiga, Kuala Penyu
Tarikh: 18 Julai 2016

Gambar 5.25
Dinding Pejabat Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pulau Tiga, Kuala Penyu
Tarikh: 23 Mei 2016

Gambar 5.26
Dinding Pejabat Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pulau Tiga, Kuala Penyu
Tarikh: 18 Julai 2016

5.4.7.2. Penyenggaraan Kemudahan Yang Disewa Oleh Pihak Swasta

- a. Mengikut perjanjian penswastaaan, *“The 2nd Party shall repair, operate and maintain all the 1st Party’s buildings (where applicable) and all the other buildings erected or built by the 2nd Party during the term of this agreement at the 2nd Party’s own cost and expenses”*. Pemeriksaan Audit di Taman Tunku Abdul Rahman (Kota Kinabalu), Taman Pulau Tiga (Kuala Penyu) dan Taman Kinabalu (Ranau) mendapati penyenggaraan kemudahan pelancongan yang disewa daripada TTS atau bangunan yang dibina oleh syarikat konsesi telah disenggara dengan baik berdasarkan perjanjian.

5.4.7.3. Berdasarkan maklum balas bertarikh 9 September 2016, pihak TTS akan menyediakan satu garis panduan untuk memastikan urusan penyenggaraan bangunan dan kemudahan-kemudahan pelancongan TTS dapat dijalankan dengan cekap dan memenuhi peraturan yang telah ditetapkan. Pemantauan penyenggaraan akan dibuat secara harian oleh kakitangan lapangan dan berjadual oleh Unit Penyenggaraan. Kaedah pelaksanaan penyenggaraan akan difokuskan kepada penyenggaraan pencegahan dan pembaikan. Pihak TTS telah mengambil tindakan segera membaiki kerosakan-kerosakan kecil yang dilaporkan. Selain itu, pembinaan semula jalan raya dan jambatan di Sub Stesen Mesilau akan dilaksanakan oleh Angkatan Tentera Malaysia. Manakala bagi pembaikan jeti di Pulau Manukan, Taman Tunku Abdul Rahman dan Taman Pulau Tiga akan dilaksanakan dalam Projek Penambahbaikan Dan Menaiktaraf Jeti di bawah peruntukan projek RMKe11 Kerajaan Negeri dan pelaksanaannya bagi tahun 2016 dan 2017. Seterusnya, kerja pembaikan bilik Audio Visual akan dilaksanakan dalam Projek Pembangunan Semula Taman Kinabalu Kesan Gempa Bumi Kinabalu 2015 di bawah peruntukan projek RMKe11 Kerajaan Negeri dan pelaksanaannya bagi tahun 2017. Kertas kerja untuk pembaikan jeti, pondok kaunter dan stor penyelamat pantai di Pulau Mamutik, Pulau Sapi dan Pulau Tiga akan dibawa ke mesyuarat LPATTS bagi mendapatkan kelulusan peruntukan di bawah pembiayaan Tabung Amanah TTS.

Pada pendapat Audit, TTS perlu menyediakan program penyenggaraan yang terancang bagi memastikan kemudahan pelancongan tidak terjejas dan mengelakkan peningkatan kos penyenggaraan bangunan/fasiliti dari semasa ke semasa. Selain itu, TTS perlu memastikan keselamatan pengunjung dan imej pelancongan negara dijaga.

5.4.8. Kutipan hasil

Bayaran kebenaran mendaki gunung, bayaran konservasi, bayaran sewa konsesi adalah antara hasil pelancongan yang dikutip oleh TTS. Kutipan hasil pelancongan ini menyumbang antara 87% hingga 92% kepada keseluruhan hasil TTS. Semakan Audit terhadap kutipan hasil mendapati perkara seperti berikut:

5.4.8.1. Prestasi Kutipan Hasil

- a. TTS menganggarkan kutipan hasil sejumlah RM16.30 juta, RM17.73 juta dan RM19.60 juta masing-masing bagi tahun 2013, 2014 dan 2015. Manakala, kutipan hasil sebenar adalah RM19.56 juta, RM18.40 juta dan RM14.00 juta masing-masing bagi tempoh tahun yang sama. Butiran lanjut prestasi kutipan hasil Taman adalah seperti di **Jadual 5.15**.

Jadual 5.15
Prestasi Kutipan Hasil Taman Berbanding
Anggaran Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Anggaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Pencapaian (%)
2013	16.30	19.56	120.0
2014	17.73	18.40	103.8
2015	19.60	14.00	71.4
Jumlah	53.63	51.96	96.9

Sumber: Taman-Taman Sabah

- b. Jadual di atas menunjukkan bahawa prestasi kutipan hasil TTS adalah baik, di mana kutipan sebenar hasil TTS pada tahun 2013 dan 2014 adalah melebihi anggaran iaitu masing-masing 120% dan 103%. Bagaimanapun, kutipan hasil sebenar pada tahun 2015 tidak mencapai anggaran iaitu hanya 71.4%. Selain itu, jumlah kutipan hasil pada tahun 2015 juga menurun sebanyak 32.4% berbanding tahun sebelum. Punca utama penurunan kutipan hasil adalah disebabkan penutupan sementara pendakian ke Gunung Kinabalu akibat kejadian gempa bumi pada pertengahan tahun 2015. Perincian lengkap kutipan hasil TTS bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 5.16**.

Jadual 5.16
Perincian Lengkap Kutipan Hasil TTS Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Jenis Hasil	2013		2014		2015	
		Anggaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Anggaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Anggaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)
1.	Bayaran Kebenaran Mendaki Gunung	4.00	3.56	3.40	3.73	3.80	1.76
2.	Bayaran Konservasi	6.00	8.70	6.50	7.44	8.00	5.88
3.	Sewa Konsesi	1.43	2.54	2.17	1.81	2.17	2.53
4.	Pelbagai Hasil Berkaitan Pelancongan	3.79	2.24	4.98	2.94	4.93	2.36
5.	Pelbagai Hasil Bukan Pelancongan *	1.08	1.52	0.68	2.48	0.71	1.46
Jumlah		16.30	19.56	17.73	18.40	19.61	13.99

Sumber: Taman-Taman Sabah

Nota: * Permit penyelidikan; sewa gelanggang dan alat sukan; sewa rumah kakitangan; dan bangunan lain

5.4.8.2. Tunggakan Hasil

- a. Semakan Audit ke atas Penyata Kewangan TTS bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 menunjukkan penghutang perniagaan berjumlah RM4.48 juta dan meningkat setiap tahun iaitu sebanyak 145.5% pada tahun 2014 dan 36.2% pada tahun 2015. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.17**.

Jadual 5.17
Penghutang Perniagaan Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Tahun	Tunggakan			Peratus Peningkatan (%)
		Penghutang (RM Juta)	Peruntukan Hutang Ragu (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	
1.	2013	1.40	0.06	1.34	-
2.	2014	3.35	0.06	3.29	145.5
3.	2015	4.54	0.06	4.48	36.2

Sumber: Taman-Taman Sabah

- b. Semakan Audit terhadap penghutang perniagaan bagi tahun 2015 mendapati penghutang terbesar adalah syarikat konsesi atau pengusaha pelancongan swasta yang tidak membayar sewa tahunan atau bulanan mengikut jadual yang ditetapkan dalam perjanjian atau *tenancy agreement* berjumlah RM1.96 juta. Selain itu, terdapat juga tuntutan yuran konservasi dan sumbangan konservasi yang belum dibayar oleh syarikat konsesi berjumlah RM2.44 juta. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

i. Sewa Tahunan Atau Bulanan Kemudahan Pelancongan/Tapak (Tanah)

Sebanyak 20 daripada 42 syarikat konsesi (47.6%) tidak membayar sewa tahunan atau bulanan mengikut jadual dengan tunggakan berjumlah RM1.96 juta. Analisis Audit menunjukkan tempoh tunggakan bagi sewa bulanan adalah antara 3 hingga 37 bulan dan antara 1 hingga 3 tahun bagi sewa yang dibayar secara tahunan yang melibatkan jumlah tunggakan antara RM504 hingga RM1.35 juta seperti di **Jadual 5.18**.

Jadual 5.18
Sewa Tahunan/Bulanan Yang Tertunggak Sehingga Disember 2015

Bil.	Taman	Bil. Syarikat	Bayaran Sewa (RM)		Tempoh Tunggakan		Jumlah Tunggakan (RM)
			Bulanan	Tahunan	Bulanan	Tahunan	
1.	Taman Tunku Abdul Rahman	16	23,484	127,000	3 - 37	1 - 3	1,830,347
2.	Taman Kinabalu	2	2,694	-	11 - 15	-	37,988
3.	Taman Banjaran Crocker	1	-	36,000	-	2	72,000
4.	Taman Pulau Tiga	1	-	20,000	-	1	20,000
Jumlah		20	-	-	3 - 37	1 - 3	1,960,335

Sumber: Taman-Taman Sabah

ii. Yuran Konservasi Dan Sumbangan Konservasi

Yuran konservasi adalah bayaran yang dikenakan kepada setiap pelawat yang memasuki mana-mana taman yang terletak di bawah kawalan TTS. Yuran ini dikutip oleh syarikat konsesi bagi pihak TTS. Manakala sumbangan konservasi pula merupakan bayaran yang dikenakan kepada syarikat konsesi bagi setiap pelawat yang menginap di *resort* yang dibangunkan oleh syarikat konsesi. Yuran konservasi dan sumbangan konservasi ini akan dituntut oleh TTS berdasarkan senarai pelawat yang dikemukakan oleh syarikat konsesi dan disahkan oleh TTS setiap bulan. Sehingga bulan Disember 2015, jumlah yuran konservasi dan sumbangan konservasi yang telah dituntut tetapi belum dibayar oleh syarikat konsesi berjumlah RM2.44 juta dan melibatkan 6 syarikat konsesi seperti di **Jadual 5.19**.

Jadual 5.19
Tunggakan Yuran Konservasi Dan Sumbangan Konservasi Sehingga Disember 2015

Bil.	Taman	Bil. Syarikat	Jumlah Tunggakan (RM Juta)
1.	Taman Tunku Abdul Rahman, Kota Kinabalu	4	1.66
2.	Taman Kinabalu, Ranau	1	0.68
3.	Taman Pulau Tiga, Kuala Penyu	1	0.10
Jumlah		6	2.44

Sumber: Taman-Taman Sabah

5.4.8.3. Berdasarkan maklum balas bertarikh 9 September 2016, pihak TTS telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 13 dan 14 Julai 2016 kepada penghutang yang terlibat. Seorang Pembantu Tadbir (sementara) telah dilantik bagi memantau pematuan semua syarat dalam perjanjian termasuk kutipan tunggakan hasil yang melibatkan semua syarikat konsesi di dalam kawasan TTS.

Pada pendapat Audit, pihak TTS perlu mengambil tindakan proaktif untuk memastikan syarikat konsesi atau pengusaha pelancongan membayar sewa bulanan atau tahunan mengikut jadual dan menjelaskan yuran konservasi serta sumbangan konservasi selepas tuntutan dibuat. TTS hendaklah mengambil tindakan mengikut syarat perjanjian terhadap syarikat konsesi yang enggan membayar bagi mengelakkan ia berlarutan.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pengurusan kemudahan pelancongan TTS untuk menyediakan tempat penginapan, kemudahan dan perkhidmatan kepada pelancong tanpa menjejaskan kawalan dan penjagaannya dengan teratur dan Kerajaan mendapat *value for money*, TTS disyorkan untuk mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

5.5.1. Merancang semua perolehan secara tahunan dengan mematuhi peraturan perolehan yang berkuat kuasa.

5.5.2. Memastikan semua projek yang dilaksanakan perlu dimanfaatkan dan disenggara secara berjadual bagi mengelakkan berlaku pembaziran wang Kerajaan kerana tidak digunakan.

5.5.3. Memastikan spesifikasi kerja dan syarat-syarat perjanjian disediakan dengan lengkap, jelas dan terperinci. Pemantauan dan penguatkuasaan syarat perjanjian yang teliti perlu dibuat bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara.

6. PENGURUSAN TERNAKAN LEMBU DAN KAMBING

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak (JPHPT) bertanggungjawab untuk menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri ternakan di Negeri Sabah agar menjadi mapan dan berdaya saing. JPHPT memelihara sebanyak 8,917 ekor ternakan daripada jenis mamalia dan unggas di 22 buah pusat pembiakan bagi pelaksanaan program pembiakan, pengeluaran baka dan bibit serta pembangunan industri ternakan. Sebanyak 17 daripada 22 buah pusat pembiakan dikhususkan sebagai ladang untuk menternak lembu dan kambing manakala 5 buah pusat pembiakan lagi menternak unggas, itik, payau dan kerbau.

6.1.2. Pusat pembiakan JPHPT diwujudkan bertujuan untuk menghasilkan bahan genetik berkualiti untuk diperluaskan penggunaannya kepada penternak. Hasil daripada program pembiakan yang sistematik di pusat pembiakan dapat dimanfaatkan bagi meningkatkan pengeluaran daging melalui penjualan ternakan atau stok ternakan di pusat pembiakan sebagai baka atau bibit kepada penternak. Pengeluaran baka jantan dan bibit ternakan bertujuan memenuhi keperluan pembangunan industri bagi menghasilkan daging lembu dan kambing serta mengurangkan import.

6.1.3. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, JPHPT menerima peruntukan sejumlah RM13.98 juta dan sejumlah RM12.75 juta atau 91.2% telah dibelanjakan untuk pengurusan ternakan lembu dan kambing. Di peringkat ibu pejabat, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Ternakan bertanggungjawab terhadap pengurusan pusat pembiakan JPHPT manakala di peringkat wilayah dan daerah, pengurus ladang bertanggungjawab menguruskan pusat pembiakan.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan ternakan lembu dan kambing di pusat pembiakan JPHPT telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai objektif.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan ternakan lembu dan kambing di 7 daripada 17 buah pusat pembiakan lembu dan kambing yang diselia oleh Bahagian Pembangunan Industri Ternakan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Pengauditan telah dilaksanakan di ibu pejabat JPHPT dan 7 buah pusat pembiakan lembu dan kambing di daerah Sandakan, Tawau dan

Keningau di bawah Program Pembiakan Dan Pengeluaran Bibit/Stok Ternakan. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, kertas kerja dan dokumen berkaitan di Ibu Pejabat dan lawatan ke pusat pembiakan yang dipilih sebagai sampel Audit. Selain itu, analisis maklumat yang diperolehi dan temu bual dengan pegawai yang terlibat turut dilakukan. *Exit Conference* bersama Pengarah JPHPT dengan dihadiri oleh wakil dari Kementerian Kewangan Negeri Sabah bagi membincangkan isu-isu yang dibangkitkan telah diadakan pada 25 Julai 2016.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Februari hingga April 2016 mendapati, pengurusan ternakan lembu dan kambing di 7 buah pusat pembiakan JPHPT adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- Pengeluaran baka dan bibit tidak mencapai sasaran.
- Pusat pembiakan beroperasi di bawah kapasiti.
- Pusat pembiakan tidak disenggara.
- Pelupusan ternakan tidak direkod dengan lengkap.

6.4.1. Pengeluaran Baka Dan Bibit Tidak Mencapai Sasaran

6.4.1.1. *Key Performance Indicator* (KPI) atau Petunjuk Prestasi Utama adalah indikator pencapaian yang digunakan untuk mengukur prestasi dan pencapaian program. Ia digunakan untuk menentukan tindakan yang perlu dilakukan untuk meningkatkan pencapaian. JPHPT menetapkan KPI yang perlu dicapai oleh pusat pembiakan seperti jumlah penyelidikan, bilangan baka dikeluarkan, permintaan pengusaha dan peratus kelahiran dan kematian.

6.4.1.2. Pusat pembiakan JPHPT berperanan sebagai ladang untuk menghasilkan bahan genetik berkualiti iaitu baka dan bibit untuk diperluaskan penggunaannya oleh penternak. JPHPT berhasrat meningkatkan pengeluaran daging lembu dan kambing dan mengurangkan import melalui program pembiakan yang sistematik dan pengeluaran genetik ternakan yang berkualiti. JPHPT menetapkan faedah projek iaitu pengeluaran baka dan bibit yang meningkat menjelang 2015 dan pengusaha ternakan mendapat manfaat daripada penggunaan baka pejantan dan bibit genetik bermutu dengan peningkatan kadar tumbesaran serta pencapaian berat badan pasaran yang lebih singkat.

6.4.1.3. JPHPT telah menetapkan sasaran pengeluaran baka dan bibit kepada penternak bagi setiap pusat pembiakan dan membuat pemantauan melalui laporan bulanan, tahunan dan mesyuarat yang diadakan secara berkala. Bagi tempoh 2013 hingga 2015, 7 pusat pembiakan JPHPT telah mengeluarkan sebanyak 984 ekor atau 21.7% daripada sasaran 4,520 ekor baka dan bibit lembu tenusu, lembu pedaging dan kambing seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Prestasi Pengeluaran Baka dan Bibit Bagi 7 Pusat Pembiakan JPHPT
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Pusat Pembiakan	Jenis Ternakan	Sasaran Bibit Dan Baka Dikeluarkan (Ekor)	Pencapaian Bibit Dan Baka Dikeluarkan (Ekor)	Peratus (%)
1.	Stesen Pembiakan Ternakan Sebrang, Keningau	Lembu tenusu	470	191	40.6
2.	Skim Pembangunan Ternakan, Nabawan	Lembu pedaging dan kambing	690	4	0.6
3.	Pusat Peningkatan Baka Lembu, Pulau Sebatik, Tawau	Lembu pedaging	225	7	3.1
4.	Stesen Pembiakan Ternakan, Tawau		495	131	26.5
5.	Pusat Penjanaan Baka Lembu Kalumpang, Tawau		240	92	38.3
6.	Projek Pengeluaran Baka Dan Bibit Lembu Pedaging Kota Belud dan Tongod		600	64	10.7
7.	Pusat Pembiakan Kambing Bongawan, Tambunan, Ranau, Telupid, Lahad Datu	Kambing	1800	495	27.5
Jumlah			4,520	984	21.7

Sumber: JPHPT

Nota: Sasaran dan pencapaian termasuk bibit dan baka lembu pedaging, lembu tenusu dan kambing

6.4.1.4. Jadual 6.1 menunjukkan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, kesemua 7 pusat pembiakan hanya mengeluarkan antara 4 hingga 495 ekor berbanding sasaran ditetapkan iaitu antara 225 ekor hingga 1,800 ekor baka dan bibit bagi setiap pusat pembiakan. Semakan Audit terhadap statistik import dan eksport daging Negeri Sabah bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 mendapati pengimportan daging meningkat daripada 16,455 metrik tan kepada 19,361 metrik tan manakala pengeksportan daging menurun daripada 112 metrik tan kepada 88 metrik tan.

6.4.1.5. Semakan Audit juga mendapati JPHPT telah menetapkan sasaran peratusan permintaan baka dan bibit daripada penternak dan pengusaha untuk dipenuhi bagi setiap pusat pembiakan. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, JPHPT telah menetapkan sasaran untuk memenuhi antara 50% hingga 85% permintaan baka dan bibit daripada penternak dan pengusaha bagi 6 daripada 7 buah pusat pembiakan seperti di **Jadual 6.2.**

Jadual 6.2
Prestasi Pencapaian Sasaran Permintaan Baka
Dan Bibit Dari Penternak Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Pusat Pembiakan	Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran	Pencapaian
1.	Skim Pembangunan Ternakan, Nabawan	Memenuhi sekurang-kurangnya 50% permintaan baka dan bibit daripada penternak atau pengusaha	50%	TM
2.	Pusat Peningkatan Baka Lembu, Pulau Sebatik, Tawau	Memenuhi sekurang-kurangnya 50% permintaan baka dan bibit bermula pada tahun 2016.	50%	
3.	Stesen Pembiakan Ternakan, Tawau	Memenuhi sekurang-kurangnya 85% permintaan baka dan bibit lembu Brahman daripada penternak atau pengusaha	85%	
4.	Pusat Penjanaan Baka Lembu Kalumpang, Tawau	Memenuhi sekurang-kurangnya 50% permintaan baka dan bibit daripada penternak atau pengusaha	50%	
5.	Projek Pengeluaran Baka Dan Bibit Lembu Pedaging Kota Belud dan Tongod	Memenuhi sekurang-kurangnya 65% permintaan baka dan bibit lembu Brahman daripada penternak atau pengusaha	65%	
6.	Pusat Peningkatan Baka Kambing Kunak	Memenuhi sekurang-kurangnya 70% permintaan baka dan bibit daripada penternak atau pengusaha	70%	

Sumber: JPHPT

Nota: TM-Tiada maklumat kerana JPHPT tidak ada data berkaitan

6.4.1.6. Jadual 6.2 menunjukkan 6 pusat pembiakan mensasarkan untuk memenuhi antara 50% hingga 85% permintaan baka dan bibit daripada penternak dan pengusaha. Manakala 1 pusat pembiakan lagi tidak menetapkan sasaran permintaan daripada penternak. Bagaimanapun, peratus pencapaian sasaran ini tidak dapat diukur kerana JPHPT tidak memiliki data permintaan baka dan bibit daripada penternak dan pengusaha. Ini disebabkan JPHPT tidak menjalankan kajian penawaran dan permintaan daripada penternak dan sasaran yang ditetapkan adalah anggaran JPHPT sendiri. Oleh itu, peratus pencapaian sasaran permintaan baka dan bibit daripada penternak tidak dapat diukur.

6.4.1.7. Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Julai 2016, JPHPT menyatakan pengeluaran baka dan bibit tidak mencapai sasaran kerana tiada perolehan baru baka dan bibit sejak tahun 2012. Oleh itu, jumlah penjualan baka dan bibit berkurangan kerana pertambahan pembiak baka dan bibit hanya bergantung kepada penggantian secara dalaman daripada anak-anak yang dilahirkan.

Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran baka dan bibit bagi 7 buah pusat pembiakan tidak memuaskan kerana amat rendah berbanding sasaran yang ditetapkan.

6.4.2. Pusat Pembiakan Beroperasi Di Bawah Kapasiti

6.4.2.1. Kapasiti bilangan ternakan yang dipelihara di pusat pembiakan diukur berdasarkan keluasan *improve pasture* dan *local pasture* untuk makanan ternakan. Nisbah bilangan ternakan yang ditetapkan berdasarkan *improve pasture* dan *local pasture* ialah 1 hektar bagi 1 hingga 20 ekor lembu atau kambing seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Nisbah Kapasiti Bilangan Ternakan Dipelihara

Jenis Ternakan	Improve Pasture		Local Pasture	
	Luas (Hektar)	Bil. Ternakan (Ekor)	Luas (Hektar)	Bil. Ternakan (Ekor)
Lembu Pedaging/Tenusu	1	2.4	1	1
Kambing	1	20	1	6-8

Sumber: JPHPT

6.4.2.2. Analisis Audit berdasarkan keluasan pastura mendapati, ternakan yang dipelihara di 7 pusat pembiakan ialah sebanyak 2,932 ekor iaitu kurang 6,398 ekor berbanding kapasiti 9,330 ekor lembu dan kambing seperti di **Jadual 6.4**.

Jadual 6.4
Bilangan Ternakan Di Pusat Pembiakan Lembu Dan Kambing Berbanding Kapasiti

Bil.	Pusat Pembiakan	Keluasan Pastura (Hektar)	Bil. Kapasiti Ternakan (Ekor)	Bil. Ternakan Dipelihara (Ekor)	Lebih/(Bawah) Kapasiti (Ekor)
1.	Stesen Pembiakan Ternakan Sebrang Keningau	404.69	971	209	(762)
2.	Skim Pembangunan Ternakan, Nabawan	L - 80.94	194	L - 62	(132)
		K - 7.28	145	K - 110	(35)
3.	Pusat Peningkatan Baka Lembu Pedaging, Pulau Sebatik	153.78	300	129	(171)
4.	Stesen Pembiakan Ternakan Batu 16. Tawau	351.27	824	572	(252)
5.	Pusat Menternak Lembu Dara Kalumpang, Semporna	52.61	97	143	46
6.	Projek Pengeluaran Baka Dan Bibit Lembu Pedaging Kota Belud dan Tongod	464.57	642	470	(172)
7.	Pusat Pembiakan Kambing Bongawan, Tambunan, Ranau, Telupid dan Lahad Datu	337.49	6,157	1,237	(4,920)
Jumlah		1,852.63	9,330	2,932	(6,398)

Sumber: JPHPT

Nota: L = Lembu, K=Kambing

6.4.2.3. Berdasarkan analisis Audit, 7 pusat pembiakan JPHPT memiliki keluasan pastura seluas 1,852.63 hektar yang terdiri daripada *improve pasture* dan *local pasture* dengan kapasiti ternakan sebanyak 9,330 ekor. Bagaimanapun, bilangan ternakan yang dipelihara di 7 pusat pembiakan ini ialah sebanyak 2,932 ekor atau 31.4% iaitu kurang sebanyak 6,398 ekor daripada kapasiti sepatutnya. **Jadual 6.4** menunjukkan hanya 1 daripada 7 pusat pembiakan yang mencapai kapasiti berdasarkan keluasan pastura. Perkara ini disebabkan JPHPT tidak membuat perolehan tambahan ternakan lembu dan kambing untuk pusat-pusat pembiakan. Selain itu, kebanyakan pusat-pusat pembiakan mengalami masalah kekurangan sumber tenaga kerja untuk menjaga ternakan dan pastura. Keadaan kandang di pusat pembiakan kambing yang telah usang juga menyebabkan pusat pembiakan tidak dapat menampung pertambahan pembiak. Kesannya, kawasan yang telah ditanam dengan *improve pasture* dan *local pasture* tidak digunakan. **Gambar 6.1** hingga **Gambar 6.4** menunjukkan contoh *improve pasture* dan *local pasture*.

Gambar 6.1



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu 16, Tawau
Tarikh: 29 Mac 2016

Gambar 6.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu 16, Tawau
Tarikh: 29 Mac 2016

Improve Pasture

Gambar 6.3



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HRC Kalumpang, Tawau
Tarikh: 30 Mac 2016

Gambar 6.4



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Skim Pembangunan Ternakan, Nabawan
Tarikh: 18 Februari 2016

Local Pasture

6.4.2.4. Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Julai 2016, secara keseluruhannya JPHPT bersetuju pusat-pusat pembiakan beroperasi di bawah kapasiti. JPHPT menjelaskan nisbah kapasiti bilangan ternakan yang dipelihara merupakan satu panduan umum pemeliharaan lembu dan kambing secara ideal. Namun, nisbah kapasiti tersebut bergantung kepada faktor-faktor cuaca, kesuburan tanah, pembajaan, spesis pastura, pengairan dan sistem ragutan yang akan mempengaruhi pertumbuhan kuantiti dan kualiti pastura. Oleh itu, penggunaan nisbah kapasiti bilangan ternakan perlu mengambil kira faktor-faktor tersebut.

Pada pendapat Audit, 6 daripada 7 pusat pembiakan lembu dan kambing perlu beroperasi mengikut kapasiti berbanding keluasan pastura supaya dapat mencapai matlamat pusat pembiakan.

6.4.3. Pengurusan Pusat Pembiakan

6.4.3.1. Penerimaan Ternakan

- a. Ternakan yang diterima hendaklah diperiksa dengan teliti oleh pegawai yang berkecualan untuk memastikan ia menepati spesifikasi yang ditetapkan. Pegawai yang menerima perlu menyemak butiran di dalam dokumen yang sah bagi memastikan ternakan yang diterima adalah betul seterusnya diperiksa serta merta atau dalam tempoh yang sesuai sebelum disahkan penerimaannya.
- b. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, 7 buah pusat pembiakan JPHPT telah menerima sebanyak 2,866 ekor ternakan melalui permindahan daripada pusat pembiakan yang lain dan pembayaran balik daripada penternak. Pemindahan ternakan daripada pusat pembiakan JPHPT menggunakan borang penghantaran dan Baucar Pengeluaran Barang-Barang (SIV) dan ditandatangani oleh pegawai yang meluluskan pengeluaran manakala penghantaran oleh pembekal menggunakan *Delivery Order* (DO).
- c. Semakan Audit mendapati, kesemua 7 buah pusat pembiakan yang dilawati telah memeriksa dan merekodkan penerimaan ternakan dengan lengkap dan kemas kini.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod penerimaan ternakan di 7 buah pusat pembiakan adalah baik.

6.4.3.2. Pendaftaran

- a. Rekod stok ternakan termasuk bilangan semasa di ladang, pembelian, jualan dan bilangan ternakan yang sakit dan mati hendaklah disediakan dengan lengkap dan kemaskini. Ini bertujuan mewujudkan pangkalan data yang lengkap, tepat dan kemaskini bagi memudahkan pengesanan dan pemantauan; status semasa dan transaksi ternakan serta memudahkan penjagaan, pemeriksaan dan pelupusan ternakan. Ternakan akan didaftarkan menggunakan kad ternakan yang mengandungi butiran tarikh lahir, berat lahir, jantina, nombor induk, nombor bapa, warna bulu, tarikh cerai susu dan sebagainya. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 1,472 ekor ternakan telah didaftarkan di 7 buah pusat pembiakan lembu dan kambing seperti di **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5
Pendaftaran Ternakan Di Pusat Pembiakan Lembu Dan Kambing

Bil.	Nama Pusat pembiakan	Jenis Ternakan	Bil. Ternakan (Ekor)	Bil. Ternakan Didaftarkan (Ekor)
1.	Stesen Pembiakan Ternakan Sebrang, Keningau	Lembu Tenusu	209	209
2.	Skim Pembangunan Ternakan Nabawan	Lembu Pedaging Dan Kambing	203	0
3.	Pusat Peningkatan Baka Lembu Pedaging, Pulau Sebatik, Tawau	Lembu Pedaging	95	95
4.	Stesen Pembiakan Ternakan, Tawau	Lembu Pedaging	572	572
5.	Pusat Menternak Lembu Dara Kalumpang, Semporna	Lembu Pedaging	143	143
6.	Pusat Pembanyakan Ternakan Wario, Kota Belud	Lembu Pedaging	127	127
7.	Pusat Pembiakan Bebiri dan Kambing, Ranau	Kambing	326	326
Jumlah			1,675	1,472

Sumber: JPHPT

- b. Pemeriksaan Audit mendapati, 6 daripada 7 buah pusat pembiakan lembu dan kambing telah menyelenggara kad ternakan. Menurut pegawai yang bertanggungjawab di Stesen Pembiakan Ternakan Tawau yang tidak menyelenggara kad ternakan, perkara ini berlaku disebabkan kekurangan kakitangan bertugas di pusat pembiakan untuk menyelenggara rekod ternakan dan pentadbiran.

Pada pendapat Audit, proses pendaftaran ternakan yang diterima di 6 daripada 7 buah pusat pembiakan adalah baik.

6.4.3.3. Pusat Pembiakan Tidak Disenggara

- a. Penjagaan ternakan bertujuan untuk memastikan bahawa ternakan sentiasa sihat dan produktif; memelihara dan memanjangkan jangka hayat produktif; mengurangkan singkiran dan kematian; dan menjimatkan perbelanjaan Kerajaan. Urusan penjagaan ternakan meliputi kriteria seperti berikut iaitu menyediakan tempat pemeliharaan yang sesuai dan selamat; mengamalkan biosekuriti (*foot bath*, *tyre bath*); dan mengadakan program pencegahan penyakit (vaksinasi, nyahcacing, *coccidiostats*) untuk mencegah daripada mendapat jangkitan penyakit; melakukan rawatan/pemulihan kepada ternakan yang sakit; dan menggunakan panduan pemeliharaan yang standard dengan prosedur pengurusan ternakan.
- b. Lawatan Audit ke 7 buah pusat pembiakan lembu dan kambing mendapati, pusat pembiakan diketuai oleh seorang pengurus ladang dan dibantu oleh 2 hingga 7 orang kakitangan dan dibahagikan kepada tugas-tugas menjaga ternakan serta pastura. Setiap pusat pembiakan melakukan tugas memberi makanan kepada ternakan, merawat ternakan yang sakit, melakukan penimbangan, memeriksa ternakan yang bunting, membersihkan kandang, memeriksa dan membaiki pagar serta menanam,

membaja dan meracun rumput dan memantau ternakan seperti di **Gambar 6.5** hingga **Gambar 6.7**.

Gambar 6.5
Pekerja Sedang Memberi Makanan
Kepada Ternakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu 16, Tawau
Tarikh: 29 Mac 2016

Gambar 6.6
Pekerja Sedang Memberi Rawatan
Kepada Ternakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu 16, Tawau
Tarikh: 29 Mac 2016



Gambar 6.7
Pekerja Sedang Membersihkan Kandang

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Wario, Kota Belud
Tarikh: 25 Februari 2016

- c. Pemeriksaan Audit dilakukan menggunakan senarai semak Skim Akreditasi Ladang Terbaik (SALT) yang diguna pakai di JPHPT. Senarai semak ini menghendaki pemeriksaan terhadap 8 komponen iaitu biosekuriti ladang, sanitasi ladang, kawalan pencemaran, pengurusan dan pengendalian ternakan, pencegahan dan kawalan penyakit, penyimpanan rekod dan utiliti. Lawatan Audit mendapati, pusat pembiakan tidak memenuhi kriteria seperti penyediaan *vehicle dip* dan *foot dip* atau *vehicle dip* dan *foot dip* tidak diisi air, air bertakung di kandang dan lain-lain seperti di **Jadual 6.6**.

Jadual 6.6
Keadaan Fizikal Pusat Pembiakan Lembu dan Kambing Semasa Lawatan

Bil.	Pusat Pembiakan Lembu dan Kambing	Keadaan Fizikal
1.	Stesen Pembiakan Ternakan Tawau	Air bertakung di kandang rawatan seperti di Gambar 6.8 . Kandang rawatan lembu kelihatan uzur seperti di Gambar 6.9 .
2.	Pusat Menternak Lembu Dara Kalumpang	Bumbung kandang lembu telah uzur seperti di Gambar 6.10 . Ternakan lembu tidak bersih. Stor makanan ternakan tidak disenggara dengan dengan teratur seperti di Gambar 6.11 .
3.	Pusat Peningkatan Baka Lembu Pedaging, Pulau Sebatik	<i>Vehicle dip</i> tidak disediakan di pintu masuk ladang. Air bertakung di kandang seperti di Gambar 6.12 . Ternakan lembu tidak bersih seperti di Gambar 6.13 . Stor tidak disenggara dengan dengan teratur.
4.	Pusat Pembanyakan Ternakan Entilibon, Telupid	<i>Vehicle dip</i> tidak disediakan di pintu masuk ladang seperti di Gambar 6.14 . Kawasan ladang semak dan tidak diselenggara dengan baik seperti di Gambar 6.15 . Kandang rawatan dan pemeriksaan lembu tidak disenggara dengan baik seperti di Gambar 6.16 .
5.	Pusat Pembiakan Kambing, Telupid	<i>Vehicle dip</i> dan <i>foot dip</i> tidak disediakan di pintu masuk ladang dan kandang seperti di Gambar 6.17 hingga Gambar 6.18 . Rekod berkaitan pengurusan ternakan kambing tidak disenggara dengan teratur.
6.	Skim Pembangunan Ternakan, Nabawan	<i>Vehicle dip</i> tidak disediakan di pintu masuk seperti di Gambar 6.19 .
7.	Pusat Pembiakan Kambing Purutan, Tambunan	<i>Vehicle dip</i> tidak disediakan di pintu masuk ladang seperti di Gambar 6.20 . Rekod berkaitan pengurusan ternakan kambing tidak diselenggara dengan teratur.
8.	Program Pengeluaran Baka Lembu Tenusu, Tajau	<i>Vehicle dip</i> kering seperti di Gambar 6.21 . Rekod berkaitan pengurusan ternakan lembu tenusu tidak diselenggara dengan teratur.
9.	Pusat Pembanyakan Ternakan Wario	<i>Vehicle dip</i> tidak disediakan di pintu masuk ladang seperti di Gambar 6.22 . Kawasan ladang semak dan tidak disenggara dengan baik seperti di Gambar 6.23 . Ternakan lembu tidak bersih seperti di Gambar 6.24 . Stor penyimpanan racun dan baja dibina di luar kawasan ladang seperti di Gambar 6.25 .
10.	Pusat Pembiakan Bebiri dan Kambing, Ranau	<i>Foot dip</i> kering seperti di Gambar 6.26 . Bangunan kandang kambing uzur dan dipenuhi semak seperti di Gambar 6.27 .

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 6.8
Air Bertakung Di Kandang Rawatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu 16, Tawau
Tarikh: 29 Mac 2016

Gambar 6.9
Kandang Rawatan Lembu Uzur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu 16, Tawau
Tarikh: 29 Mac 2016

Gambar 6.10
Bumbung Kandang Lembu Uzur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HRC Kalumpang, Semporna
Tarikh: 30 Mac 2016

Gambar 6.11
Stor Makanan Ternakan Tidak Diasingkan Dari Stor Lain



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HRC Kalumpang, Semporna
Tarikh: 30 Mac 2016

Gambar 6.12
Air Bertakung Di Kandang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Sebatik, Tawau
Tarikh: 31 Mac 2016

Gambar 6.13
Ternakan Lembu Kotor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Sebatik, Tawau
Tarikh: 31 Mac 2016

Gambar 6.14
Vehicle Dip Tidak Disediakan
Di Pintu Masuk Ladang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Entilibon, Tongod
Tarikh: 22 Mac 2016

Gambar 6.15
Kawasan Ladang Semak
Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Entilibon, Tongod
Tarikh: 22 Mac 2016

Gambar 6.16
Kandang Rawatan Dan Pemeriksaan Lembu
Tidak Disenggara Dengan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Entilibon, Tongod
Tarikh: 22 Mac 2016

Gambar 6.17
Vehicle Dip Tidak Disediakan
Di Pintu Masuk Ladang




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Pembiakan Kambing, Telupid
Tarikh: 22 Mac 2016

Gambar 6.18
Foot Dip Tidak Disediakan Di Pintu Masuk
Kandang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Pembiakan Kambing, Telupid
Tarikh: 24 Mac 2016

Gambar 6.19
Vehicle Dip Tidak Disediakan Di Pintu Masuk
Ladang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Skim Pembangunan Ternakan, Nabawan
Tarikh: 18 Februari 2016

Gambar 6.20
Vehicle Dip Tidak Disediakan
Di Pintu Masuk Ladang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Pembiakan Kambing Purutan,
Tambunan
Tarikh: 16 Februari 2016

Gambar 6.21
Vehicle Dip Kering



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tajau, Kudat
Tarikh: 7 Mac 2016

Gambar 6.22
Vehicle Dip Tidak Disediakan
Di Pintu Masuk Ladang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Wario, Kota Belud
Tarikh: 25 Februari 2016

Gambar 6.23
Kawasan Ladang Semak
Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Wario, Kota Belud
Tarikh: 25 Februari 2016

Gambar 6.24
Ternakan Lembu Kotor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Wario, Kota Belud
Tarikh: 25 Februari 2016

Gambar 6.25
Stor Menyimpan Racun dan Baja
Dibina Diluar Kawasan Ladang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Wario, Kota Belud
Tarikh: 25 Februari 2016

Gambar 6.26
Foot Dip Kering



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Pembiakan Kambing, Ranau
Tarikh: 1 Mac 2016

Gambar 6.27
Kandang Kambing Usang Dan Tidak Disenggara Dengan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Pembiakan Kambing, Ranau
Tarikh: 1 Mac 2016

- c. Berdasarkan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab, keadaan ini disebabkan pusat pembiakan kekurangan kakitangan dan perkara ini boleh menjejaskan keadaan kesihatan ternakan di pusat pembiakan.
- d. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Julai 2016, JPHPT menyatakan perkara tersebut berlaku disebabkan kekangan tenaga kerja. Bagaimanapun, JPHPT akan mengambil tindakan untuk menambah baik fasiliti pusat pembiakan serta melaksanakan program bagi meningkatkan kesedaran kepentingan kebersihan di kalangan kakitangan.**

Pada pendapat Audit, 7 buah pusat pembiakan lembu dan kambing tidak disenggara dengan baik kerana aspek seperti biosekuriti ladang, sanitasi ladang, kawalan pencemaran, pengurusan dan pengendalian ternakan serta penyimpanan rekod tidak dipatuhi.

6.4.3.4. Pelupusan Ternakan Tidak Direkod Dengan Lengkap

- a. Pelupusan ternakan ialah proses mengeluarkan ternakan daripada rekod dan simpanan kerana tidak boleh diguna atau tidak diperlukan mengikut kaedah yang ditetapkan. Pelupusan dilaksanakan untuk memastikan JPHPT tidak menyimpan ternakan yang tidak produktif, atau berpenyakit yang tidak dapat dipulihkan; menjimatkan ruang/tempat pemeliharaan; menjimatkan kos penjagaan; mengelakkan penyebaran penyakit; memberikan pulangan hasil kepada Kerajaan dan menyokong perolehan ternakan baru.
- b. JPHPT memberi kuasa kepada pengurus ladang untuk melupuskan ternakan yang mati setelah *post mortem* dilakukan. *Post mortem* dibuat terhadap ternakan yang mati dengan mengambil sampel organ hati, limfa, paru-paru, buah pinggang dan jantung dan dihantar ke makmal veterinar JPHPT Kepayan untuk diuji. Laporan kematian

ternakan perlu dilakukan secara lisan, bertulis dan bergambar serta mengemas kini rekod stok ternakan.

- c. Semakan yang dilakukan terhadap 12 daripada 22 laporan tahunan pusat pembiakan yang dikemukakan mendapati, bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 sebanyak 1,487 ekor ternakan telah dilupuskan kerana mati akibat penyakit seperti di **Jadual 6.7**.

Jadual 6.7
Bilangan Ternakan Dilupuskan Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Nama Pusat Pembiakan	Tahun			Bil. (Ekor)
		2013	2014	2015	
1.	Stesen Pembiakan Ternakan Batu 16, Tawau	14	44	69	127
2.	Pusat Menternak Lembu Dara Kalumpang	34	39	10	83
3.	Pusat Peningkatan Baka Lembu Pedaging, Pulau Sebatik	0	2	0	2
4.	Pusat Pembanyakan Ternakan Entilibon	35	45	50	130
5.	Pusat Pembiakan Kambing, Telupid	10	37	25	72
6.	Stesen Pembiakan Ternakan Sebrang	70	77	65	212
7.	Skim Pembangunan Ternakan Lembu, Nabawan	1	3	0	4
8.	Skim Pembangunan Ternakan Kambing, Nabawan	43	79	26	148
9.	Pusat Pembiakan Kambing Purutan, Tambunan	52	47	39	138
11.	Pusat Pembanyakan Ternakan Wario, Kota Belud	17	18	21	56
12.	Pusat Pembiakan Bebiri dan Kambing, Ranau	161	230	124	515
Jumlah		437	621	429	1,487

Sumber: JPHPT

- d. Semakan Audit berdasarkan rekod di pusat pembiakan mendapati, hanya Stesen Pembiakan Ternakan Batu 16, Tawau dan Pusat Menternak Lembu Dara Kalumpang, Semporna telah menyelenggara rekod pelupusan dengan lengkap secara bertulis dan bergambar. Temu bual Audit mendapati perkara ini berlaku kerana pegawai di pusat pembiakan hanya melaporkan secara lisan tentang kematian ternakan kepada Pengurus Ladang dan rekod stok ternakan tidak dikemas kini. Kesannya, bilangan sebenar kematian ternakan tidak dapat disahkan.
- e. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Julai 2016, JPHPT memaklumkan telah mengeluarkan arahan kepada Pengurus Ladang untuk melaporkan kematian ternakan menggunakan Borang KEW.AH-18 Tatacara Pengurusan Aset Hidup yang perlu disahkan oleh Ketua Unit Ternakan dan Pengurus Ladang.**

Pada pendapat Audit, proses pelupusan ternakan di pusat pembiakan adalah tidak memuaskan kerana bilangan sebenar kematian ternakan tidak dapat disahkan.

6.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan ternakan lembu dan kambing dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, adalah disyorkan JPHPT mengambil langkah berikut:

6.5.1. Mengkaji semula pengeluaran baka dan bibit agar mencapai sasaran yang ditetapkan.

6.5.2. Menambah baik dan mengoptimumkan kemudahan penternakan di pusat pembiakan.

6.5.3. Merekodkan pelupusan ternakan dengan lengkap bagi memudahkan pengesanan dan pemantauan proses pelupusan.

JABATAN PERHUTANAN SABAH

7. PENGURUSAN PROJEK PELANCONGAN

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Jabatan Perhutanan Sabah (Jabatan) selain daripada bertanggungjawab dalam mengurus dan mengawal aktiviti hutan, Jabatan ini juga terlibat dalam aktiviti pembangunan projek pelancongan berasaskan alam semula jadi. Pada awalnya, aktiviti tersebut diinisiatifkan di bawah Program Pendidikan Alam Sekitar di mana beberapa kawasan telah dikenal pasti berpotensi untuk dijadikan pusat pelancongan. Objektif aktiviti pembangunan tersebut adalah seperti berikut:

- a. Menyediakan prasarana bagi menggalakkan aktiviti eko-pelancongan berasaskan keaslian sumber air;
- b. Menjana pendapatan negeri daripada sektor eko-pelancongan dengan sasaran pelancong domestik;
- c. Memupuk dan menggalakkan kesedaran pendidikan alam sekitar (*environmental education*) melalui aktiviti bercirikan *first-hand experience*; dan
- d. Mempromosi dan memupuk kesedaran orang awam mengenai kepentingan konservasi alam sekitar dan habitat hidupan liar melalui pengurusan hutan lestari.

7.1.2. Aktiviti pembangunan projek ini bermula apabila sebanyak 5 projek Penubuhan Stesen Hutan Sejadi Sabah telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1996 dengan kos berjumlah RM4.84 juta. Seterusnya Jabatan Perhutanan Sabah juga telah menerima peruntukan di bawah RMKe-8 hingga RMKe-10 dengan jumlah peruntukan yang diluluskan berjumlah RM40.07 juta. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1
Pembiayaan Kerajaan Untuk Projek-Projek Pelancongan
Berasaskan Alam Semulajadi

Berasaskan Alan Semaja			
Bil.	Rancangan Pembangunan Malaysia		Peruntukan Diluluskan (RM Juta)
1.	RMKe-7 (1996 – 2000)		4.84
2.	RMKe-8 (2001 – 2005)		6.33
3.	RMKe-9 (2006 – 2010)		1.72
4.	RMKe-10 (2011 – 2015) Berasaskan <i>Rolling Plan</i>	Persekutuan	18.24
		Negeri	13.78
Jumlah			44.91

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

7.1.3. Berdasarkan **Jadual 7.1**, sejumlah RM18.24 juta yang diperuntukkan dalam RMKe-10 telah dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan disalurkan kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Manakala sejumlah RM13.78 juta lagi peruntukan telah dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan disalurkan kepada Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KePKAS). Sebanyak 8 projek telah diluluskan di bawah RMKe-10 (tahun 2011 hingga 2015). Maklumat lanjut seperti di **Jadual 7.2**.

Jadual 7.2
Projek-Projek Yang Dibiayai Di Bawah Rancangan Malaysia Ke-10

Bil.	Kod Projek	Nama Projek	Peruntukan (RM)
Peruntukan Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia - MOTAC			
1.	P31 0110 00120002	Pembangunan <i>Kawag Riverside Lodge</i> (KRL) Di Hutan Simpan Ulu Segama Malua, Lahad Datu	4,500,000
2.	P31 0190 00120005	Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Hutan Simpan Trusmadi	4,000,000
Peruntukan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan & Alam Sekitar – KePKAS			
3.	D43 0200 0012	Cadangan Projek Mempertingkatkan Kemudahan Pelancongan di Pusat Luar Hutan Paya Gambut Klias, Beaufort bagi tujuan eko-pelancongan	3,900,000
4.	D43 0200 0013	Pembangunan Hutan Lipur Kawang, Papar	3,500,000
5.	D43 0200 0016	Pembinaan 4 buah Chalet di Hutan Simpan Deramakot FMU 19	2,011,000
6.	D43 0200 0017	Projek Menaiktaraf Kemudahan Kawasan Eko-Pelancongan di Hutan Simpan Padas Damit (Kelas IV), Klias Beaufort.	499,950
7.	D43 0200 0018	Pembangunan <i>Sandakan Rainforest Park</i> di Hutan Simpan Kebun Cina, Sandakan, Sabah.	2,874,570
8.	D43 0200 0022	Projek Pembinaan Kemudahan Pelancongan & Pendakian di Kawasan Pemuliharaan Hutan Simpan Trusmadi (FMU10)	500,000

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek pelancongan Jabatan Perhutanan Sabah telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomik dan mencapai objektif program yang ditetapkan.

7.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi 7 projek yang dilaksanakan dalam RMKe-10 bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen berkaitan dan lawatan Audit juga telah dijalankan untuk setiap projek yang dipilih. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang bertanggungjawab dan kontraktor yang terlibat juga telah dijalankan. Mesyuarat *Exit* telah diadakan pada 28 Julai 2016 bersama Jabatan Perhutanan Sabah.

7.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang telah dijalankan pada bulan April hingga Mei 2016 terhadap 7 projek yang dilaksanakan di 7 lokasi sekitar Sabah mendapati prestasi perbelanjaan, kutipan hasil dan bilangan pelawat, pengurusan kontrak, pelaksanaan program kesedaran, penyediaan borang

maklum balas pelanggan dan latihan pegawai yang dilaksanakan adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian dan tindakan seperti berikut:

- Hasil kerja kurang memuaskan dan tidak siap.
- Kemudahan tidak digunakan.
- Kemudahan rosak tidak disenggara.
- Kemudahan dibina tidak mengambil kira ciri-ciri keselamatan.

7.4.1. Prestasi Perbelanjaan Dan Pelaksanaan Projek

7.4.1.1. Sebanyak 7 projek bernilai RM16.44 juta telah dilaksanakan bagi tahun 2013 hingga 2015. Projek-projek tersebut adalah terdiri daripada 2 projek yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan bernilai RM7.12 juta dan 5 projek yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri bernilai RM9.32 juta. Projek yang diluluskan perlu dilaksanakan dan disiapkan tanpa kelewatan agar dapat digunakan secepat mungkin untuk faedah orang awam.

7.4.1.2. Semakan Audit mendapati setakat bulan Disember 2015, semua 7 sampel projek telah disiapkan. Analisis Audit mendapati 3 daripada 7 projek telah disiapkan dalam tempoh kontrak manakala 4 projek lagi disiapkan dengan lanjutan masa [*Extension Of Time (EOT)*]. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 7.3** dan **Jadual 7.4**.

Jadual 7.3
Prestasi Perbelanjaan Projek Pelancongan Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Nama Projek	Peruntukan (RM)	Peruntukan Dibelanjakan (RM)
Peruntukan Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia - MOTAC			
1.	Pembangunan <i>Kawag Riverside Lodge</i> (KRL) Di Hutan Simpan Ulu Segama Malua, Lahad Datu	4,500,000	4,119,539
2.	Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Hutan Simpan Trusmadi	4,000,000	2,997,639
Peruntukan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan & Alam Sekitar - KePKAS			
3.	Cadangan Projek Mempertingkatkan Kemudahan Pelancongan di Pusat Luar Hutan Paya Gambut Klias, Beaufort bagi tujuan eko-pelancongan	3,900,000	1,423,875
4.	Pembangunan Hutan Lipur Kawang, Papar	3,500,000	2,828,771
5.	Pembinaan 4 buah Chalet di Hutan Simpan Deramakot FMU 19	2,011,000	1,727,806
6.	Projek Menaiktaraf Kemudahan Kawasan Eko-Pelancongan di Hutan Simpan Padas Damit (Kelas IV), Klias Beaufort.	499,950	498,700
7.	Pembangunan <i>Sandakan Rainforest Park</i> di Hutan Simpan Kebun Cina, Sandakan, Sabah.	2,874,570	2,840,000
Jumlah		21,285,520	16,436,330

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

Jadual 7.4
Prestasi Pelaksanaan Projek Pelancongan Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM)	Tempoh Kontrak		Tarikh Akhir EOT	Tarikh Siap Sebenar
			Mula	Siap		
1.	Pembangunan <i>Kawag Riverside Lodge</i> (KRL) Di Hutan Simpan Ulu Segama Malua, Lahad Datu	4,119,539	1.6.2012	30.9.2013	31.8.2014	27.11.2014
2.	Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Hutan Simpan Trusmadi	2,997,639	9.9.2011	8.2.2013	20.12.2013	12.8.2014
3.	Cadangan Projek Mempertingkatkan Kemudahan Pelancongan di Pusat Luar Hutan Paya Gambut Klias, Beaufort bagi tujuan eko-pelancongan	1,423,875	4.10.2013	3.8.2014	-	25.7.2014
4.	Pembangunan Hutan Lipur Kawang, Papar	2,828,771	18.2.2014	17.2.2015	14.5.2015	6.5.2015
5.	Pembinaan 4 buah Chalet di Hutan Simpan Deramakot FMU 19	1,727,806	20.12.2013	19.10.2014	19.12.2014	25.11.2014
6.	Projek Menaiktaraf Kemudahan Kawasan Eko-Pelancongan di Hutan Simpan Padas Damit (Kelas IV), Klias Beaufort.	498,700	15.8.2014	7.11.2015	-	18.12.2015
7.	Pembangunan <i>Sandakan Rainforest Park</i> di Hutan Simpan Kebun Cina, Sandakan, Sabah.	2,840,000	28.10.2013	27.4.2015	-	5.3.2015

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek adalah memuaskan kerana nilai projek adalah tidak melebihi peruntukan yang diluluskan dan projek disiapkan sepenuhnya walaupun dengan lanjutan masa.

7.4.2. Prestasi Pelawat

7.4.2.1. Strategi pemasaran atau promosi bagi pusat-pusat pelancongan yang diadakan oleh Jabatan adalah melalui laman web, media sosial serta promosi yang dijalankan oleh Lembaga Pelancongan Negeri Sabah. Tempahan juga boleh dibuat terus melalui panggilan telefon atau emel kepada pengurus di lapangan. Pelawat yang datang adalah terdiri daripada pelawat tempatan dan luar Negara. Kebanyakan pelawat yang datang dari luar Negara melawat ke tempat-tempat pelancongan ini adalah melalui pengusaha pelancongan dalam negeri. Selain daripada aktiviti meninjau keindahan flora dan fauna, terdapat juga pelawat yang datang bagi menjalankan kajian terhadap tumbuh-tumbuhan serta binatang di hutan-hutan simpan. Bagaimanapun semakan Audit mendapati tiada sasaran pelawat ditetapkan oleh Jabatan.

7.4.2.2. *Sandakan Rainforest Park (SRFP)* merupakan hutan simpan rekreasi seluas 148.6 hektar yang terletak di Hutan Simpan Kebun Cina di daerah Sandakan. Hutan ini telah diwartakan sebagai hutan simpan pada Januari 2007. Antara tarikan hutan simpan ini adalah trek jogging, *jungle tracking*, taman permainan kanak-kanak, galeri tumbuhan dan serangga, Taman Herba, Taman Periuk Kera dan Menara Peninjau. Tarikan utama pelawat tempatan adalah lebih kepada aktiviti riadah seperti berjoging. Selain itu terdapat pelawat tempatan dan luar negara yang datang untuk membuat kajian terhadap tumbuhan herba dan periuk kera. Data prestasi pelawat hanya diperolehi bermula bulan Julai 2015 setelah yuran kemasukan dikenakan terhadap pelawat. **Jadual 7.5** menunjukkan jumlah pelawat bagi tempoh Julai 2015 hingga Disember 2015.

Jadual 7.5
Prestasi Pelawat di SRFP
Bagi Tempoh Julai 2015 Hingga Disember 2015

Bulan	Warganegara	Bukan Warganegara	Jumlah Pelawat (Orang)
Julai	2,069	7	2,076
Ogos	1,886	5	1,891
September	1,708	1	1,709
Oktober	1,683	2	1,685
November	1,321	9	1,330
Disember	1,564	7	1,571
Jumlah			10,262

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

7.4.2.3. Hutan Simpan Deramakot yang terletak di Telupid adalah seluas 55,507 hektar dan merupakan hutan simpan kelas II iaitu hutan simpan komersil. Selain daripada aktiviti komersil pembalakan, ia juga menawarkan tarikan pelancongan dan pendidikan serta lokasi bagi para pengkaji menjalankan kajian terhadap flora dan fauna di hutan simpan tersebut. antara tarikan pelancongan yang ditawarkan adalah *night safari*, *birding*, *boat ride*, *mountain biking*, *jungle tracking*, demonstrasi proses penuaian balak serta aktiviti rekreasi. Seramai 962 pelawat telah direkodkan sejak tahun 2013 hingga 2015. **Jadual 7.6** menunjukkan prestasi pelawat bagi tempoh tersebut.

Jadual 7.6
Prestasi Pelawat di HS Deramakot
Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Warganegara	Bukan Warganegara	Jumlah Pelawat (Orang)
2013	156	14	170
2014	223	135	358
2015	222	212	434
Jumlah			962

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

7.4.2.4. Pusat Sejadi Hutan Lipur Kawang terletak di Hutan Lipur Kawang, Papar yang berkeluasan 1,551 hektar. Hutan lipur tersebut telah diwartakan sebagai hutan simpan Kelas I pada tahun 2014 merupakan hutan rekreasi yang menawarkan tarikan pelawat dengan aktiviti riadah seperti mandi kolam dan berkhemah serta aktiviti yang lebih

mencabar seperti meredah hutan, melawat air terjun dan Gua Kelawar. Kemudahan penginapan seperti *chalet* dan asrama juga disediakan. Prestasi pelawat yang direkodkan bagi tempoh 2013 sehingga 2015 adalah seperti di **Jadual 7.7**.

Jadual 7.7
Prestasi Pelawat di Hutan Lipur Kawang
Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Warganegara	Bukan Warganegara	Jumlah Pelawat (Orang)
2013	6,487	162	6,649
2014	9,237	307	9,544
2015	10,958	184	11,142
Jumlah			27,335

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

7.4.2.5. Hutan Simpan Padas Damit terletak di Klias, Beaufort berkeluasan 312 hektar. Antara aktiviti pelancongan yang terdapat di sepanjang sungai Padas Damit adalah aktiviti pelayaran sungai, melihat monyet *Proboscis*, burung dan Kelip-kelip. Bilangan pelawat berkurangan seramai 53,279 orang bagi tahun 2015 berbanding seramai 107,087 orang pelawat pada tahun 2014. Penurunan prestasi pelawat adalah disebabkan oleh kewujudan beberapa lokasi baharu yang memperkenalkan produk pelancongan yang serupa iaitu di Mantanani – Kota Belud, Weston, Bongawan dan Binsuluk sekaligus pelawat beralih ke lokasi yang baharu. Prestasi pelawat yang direkodkan bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 7.8**.

Jadual 7.8
Prestasi Pelawat di HS Padas Damit
Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Warganegara	Bukan Warganegara	Jumlah Pelawat (Orang)
2013	6,079	88,397	94,476
2014	11,135	95,952	107,087
2015	5,491	47,788	53,279
Jumlah			254,842

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

7.4.2.6. Hutan Simpan Paya Gambut yang terletak di Daerah Beaufort berkeluasan 3,620 hektar. Antara aktiviti yang boleh dijalankan di sini adalah seperti berjoging, *bird watching/photographing*, pusat *retreat/seminar/mesyuarat/bengkel*. **Jadual 7.9** menunjukkan prestasi pelawat bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015.

Jadual 7.9
Prestasi Pelawat di HS Paya Gambut
Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Warganegara	Bukan Warganegara	Jumlah Pelawat (Orang)
2013	213	71	284
2014	621	44	665
2015	869	85	954
Jumlah			1,903

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

7.4.2.7. Hutan Simpan Trusmadi terletak di persempadanan Daerah Keningau dan Tambunan. Pendakian Gunung Trusmadi merupakan aktiviti utama selain daripada aktiviti perkhemahan di Hutan Simpan tersebut. Gunung Trusmadi boleh didaki melalui 3 laluan iaitu Wayaan Kaingaran, Tambunan; Wayaan Sinua, Keningau dan Wayaan Mannan, Apin-apin, Keningau. **Jadual 7.10** menunjukkan prestasi pelawat bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015.

Jadual 7.10
Prestasi Pelawat di HS Trusmadi
Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Warganegara	Bukan Warganegara	Jumlah Pelawat (Orang)
2013	83	42	125
2014	272	47	319
2015	848	373	1,221
Jumlah			1,665

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

Pada pendapat Audit, prestasi pelawat adalah baik kerana trend meningkat bagi tempoh 2013 hingga 2015 bagi semua pusat pelancongan kecuali di Hutan Simpan Padas Damit.

7.4.3. Prestasi Kutipan Hasil

7.4.3.1. Pelawat yang mengunjungi pusat sejadi yang disediakan oleh pihak Jabatan akan dikenakan yuran bagi memasuki hutan simpan. Selain itu, bayaran-bayaran lain juga dikenakan mengikut Enakmen Yuran 1981, Perintah Fi (Hutan Simpan) (Pindaan) 2015 seperti di **Jadual 7.11**.

Jadual 7.11
Kadar Yuran Masuk Dan Yuran Perkhidmatan Lain
Di Pusat-Pusat Sejadi/Hutan-Hutan Simpan Di Sabah

Bil.	Perihal Yuran	Warganegara	Warga Asing
1.	Yuran Kemasukan ke Hutan Simpan/Kawasan Hutan Rekreasi	RM5 (Dewasa) RM3 (Kanak-kanak)	RM15 (Dewasa) RM7 (Kanak-kanak)
2.	Peralatan Perfileman	RM1,000 (sehari/Hutan Simpan)	RM3,000 (sehari/Hutan Simpan)
3.	Sewaan Bot	RM250 sejam (200hp-400hp) RM200 sejam (200hp ke bawah)	
4.	Kenderaan Persendirian dan Swasta	RM100 seunit/trip	
5.	Pacuan 4 Roda	RM800 sehari termasuk pemandu dan minyak	
6.	Chalet	RM250 / 1 malam	
7.	Rumah Rehat Dengan Penghawa Dingin	RM80 1 malam/seorang	
8.	Rumah Rehat Tiada Penghawa Dingin	RM40 1 malam/seorang	
9.	Asrama	RM20 1 malam/seorang	
10.	Pemandu Pelancong	RM50/ 1 pemandu/ 5 orang/sehari	RM100/ 1 pemandu/ 5 orang/sehari
11.	Tapak Perkhemahan	RM5 seorang	RM10 seorang

Bil.	Perihal Yuran	Warganegara	Warga Asing
12.	Sewaan Bilik Mesyuarat	RM100 sejam (termasuk LCD Projektor, <i>flipchart</i> , Sistem PA dan dll.) RM50 sejam (Tanpa LCD Projektor, <i>flipchart</i> , Sistem PA dan dll.)	
13.	Sewaan Dewan Serbaguna	RM50 sejam	
14.	Sewaan Auditorium	RM600 Sehari	
15.	Permit Mendaki Gunung Trusmadi	RM30 (Dewasa) RM10 (Kanak-kanak)	RM80 (Dewasa) RM40 (Kanak-Kanak)
16.	Sewa Gerai (tanpa payung, meja, dll.)	RM5 sehari	
17.	Sewa Kemudahan Yang Disediakan Oleh Jabatan Perhutanan; gerai, tandas, kantin, dll.	RM2 sebulan/kaki persegi	
18.	Kolam Renang	RM5 (Dewasa)	
19.	Sijil Mendaki Gunung	RM3 (Kanak-kanak di bawah 18 tahun)	
Kadar Khas Sandakan Rainforest Park			
20.	Bayaran Masuk	RM2 (Dewasa) RM1 (Kanak-kanak)	RM5(Dewasa) RM3(Kanak-kanak)

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

7.4.3.2. Semakan Audit mendapati pengurusan *Kawag Riverside Lodge* telah diambil alih oleh syarikat Borneo Refugia Sdn Bhd bermula pada 10 Februari 2016 dan kontrak perjanjian masih di peringkat draf. Manakala **Jadual 7.12** menunjukkan prestasi kutipan hasil bagi lokasi yang dilawat untuk tempoh tahun 2013 hingga 2015.

Jadual 7.12
Prestasi Kutipan Hasil Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015


Bil.	Pusat Sejadi	Tahun		
		2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)
1.	<i>Sandakan Rainforest Park</i> (Hutan Simpan Kebun Cina)	-	-	19,210*
2.	Hutan Simpan Deramakot	39,129	37,960	74,976
3.	Hutan Lipur Kawang	44,082	50,932	69,697
4.	Hutan Simpan Padas Damit	416,799	473,540	211,639
5.	Hutan Simpan Paya Gambut	7,735	9,763	8,163
6.	Hutan Simpan Trusmadi	1,193	2,674	86,089
Jumlah		508,938	574,869	450,564

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

Nota: * Hasil dikutip bermula dari bulan Julai 2015

7.4.3.3. Berdasarkan **Jadual 7.12**, jumlah kutipan hasil bagi pusat sejadi yang dilawat untuk tahun 2013, 2014 dan 2015 masing-masing adalah RM508,938, RM574,869 dan RM450,564. **Carta 7.1** menunjukkan trend kutipan hasil bagi 6 hutan simpan tersebut bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015.

Carta 7.1
Trend Kutipan Hasil Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015



Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

7.4.3.4. Berdasarkan **Carta 7.1**, trend kutipan hasil adalah meningkat pada setiap tahun bagi semua lokasi yang dilawati kecuali di Hutan Simpan Padas Damit dan Hutan Simpan Paya Gambut yang mengalami penurunan pada tahun 2015. Peningkatan yang sangat ketara ialah bagi Hutan Simpan Trusmadi iaitu daripada RM2,674 pada tahun 2014 kepada RM86,089 pada tahun 2015 disebabkan peralihan para pendaki dari Gunung Kinabalu ke Gunung Trusmadi akibat bencana gempa bumi yang berlaku di Gunung Kinabalu pada tahun 2015. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kenaikan kutipan hasil bagi Hutan Simpan Deramakot pada tahun 2015 sebanyak 97.5% daripada tahun sebelum adalah kerana ia telah mendapat maklum balas yang baik daripada pelancong luar negara melalui laman web *Tripadvisor.com* dan ini menyebabkan kutipan hasil yang meningkat daripada kedatangan pelancong luar negara.

7.4.3.5. Manakala bagi Hutan Simpan Paya Gambut, prestasi pelawat adalah meningkat pada tahun 2015 seperti dinyatakan dalam **Jadual 7.9**. Namun kutipan hasil adalah menurun pada tahun tersebut kerana pengecualian bayaran telah diberikan kepada agensi dan jabatan kerajaan yang memohon untuk mengadakan program-program rasmi. Bagi Hutan Simpan Padas Damit pula, pihak Pejabat Perhutanan Daerah (PPD) Beaufort memaklumkan bahawa penurunan kutipan hasil di Hutan Simpan Padas Damit disebabkan kurangnya kedatangan pelancong ke Sungai Kota Klias atas faktor kenaikan kadar permit masuk ke hutan simpan yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2015 walaupun tempoh penangguhan diberikan sehingga 1 Januari 2016. Maklumat perubahan kadar kemasukan ke hutan simpan seperti di **Jadual 7.13**. Selain daripada itu, pihak PPD Beaufort juga memaklumkan bahawa pengusaha pelancongan juga telah beralih ke ulu Sungai Kota Klias yang mempunyai tarikan sama serta tidak diwartakan sebagai hutan simpan sebagai laluan mereka untuk membawa pelancong.

Jadual 7.13
Kadar Baru Dan Kadar Lama Permit Masuk ke Hutan Simpan

Perihal	Kadar Lama		Kadar Baru	
	Warganegara	Warga Asing	Warganegara	Warga Asing
Kadar Permit Masuk Ke Hutan Simpan	RM2.00 (Dewasa)	RM5.00 (Dewasa)	RM5.00 (Dewasa)	RM15.00 (Dewasa)
	RM1.00 (Kanak-kanak)	RM2.00 (Kanak-kanak)	RM3.00 (Kanak-kanak)	RM7.00 (Kanak-kanak)

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan hasil adalah memuaskan kerana trend kutipan adalah meningkat bagi tempoh 2013 hingga 2015 kecuali di Hutan Simpan Padas Damit dan Hutan Simpan Paya Gambut yang mengalami penurunan kutipan bagi tahun 2015.

7.4.4. Program Kesedaran

7.4.4.1. Selain menjana pendapatan, objektif projek pelancongan ini juga adalah bertujuan memupuk dan menggalakkan pendidikan alam sekitar melalui aktiviti bercirikan *first-hand experience*, mempromosi dan memupuk kesedaran orang awam mengenai kepentingan konservasi alam sekitar dan habitat hidupan liar melalui pengurusan hutan lestari.

7.4.4.2. Semakan Audit terhadap program-program yang dijalankan oleh pihak Jabatan mendapati beberapa program bagi menggalakkan kesedaran orang awam telah diadakan sepanjang tempoh tahun 2011 hingga 2015. Antara objektif program kesedaran yang diadakan adalah bagi memberi kefahaman kepada orang awam tentang fungsi dan peranan hutan simpan, kepentingan hutan simpan dari segi ekonomi, alam sekitar dan sosial serta pencegahan dan pemuliharaan hutan simpan. Selain memberi penerangan tentang kesedaran awam, program seperti penanam pokok gaharu, aktiviti mewarna dan acara sukan turut diadakan. Walau bagaimanapun, tempoh yang lebih panjang diperlukan bagi mengukur keberkesanan program kesedaran yang diadakan. Maklumat berkenaan program yang dijalankan adalah seperti di **Jadual 7.14**. **Gambar 7.1** dan **Gambar 7.2** menunjukkan program kesedaran yang telah diadakan.

Jadual 7.14
Program Kesedaran Awam Yang Diadakan Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga 2015

Bil.	Tajuk	Tarikh	Lokasi
1.	Cabaran dan Aktiviti Kesedaran Alam Sekitar oleh Kementerian Belia dan Sukan	9 Ogos 2012	Hutan Simpan Paya Gambut
2.	River Environmental Education	17-21 Oktober 2011	
3.	Lawatan Sambil Belajar dari Negara Filipina Mengenai Pengurusan Tanah Gambut	5 – 7 Oktober 2011	
4.	Konferens Hutan SeMalaysia	13 November 2014	
5.	Lawatan Kerja dari Wetland International, Belanda	30 Jun – 4 Julai 2014	
6.	Program Kesedaran Awam	Ogos 2015	Hutan Simpan Trusmadi

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

Gambar 7.1
Aktiviti Mewarna Dengan Orang Kampung



Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah
Lokasi: Kampung Sinua, Trusmadi
Tarikh: 22 Ogos 2015

Gambar 7.2
Penerangan Mengenai Hutan Simpan
Diberikan Kepada Orang Kampung



Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah
Lokasi: Kampung Kepayan Baru, Trusmadi
Tarikh: 15 Ogos 2015

7.4.4.3. Selain itu, pelbagai program yang dianjurkan oleh agensi-agensi kerajaan juga telah diadakan di hutan simpan yang berupa rekreasi. Antara program-program yang diadakan adalah seperti di **Jadual 7.15**.

Jadual 7.15
Program Yang Diadakan Oleh Agensi Kerajaan Yang Lain

Bil.	Tajuk	Tahun	Lokasi
1.	<i>Survival Camping - Malaysian Royal Navy</i>	2014	Sandakan Rainforest Park
2.	<i>The Volunteer of Malaysian People fitness training programme.</i>		
3.	Hari Keluarga – KWSP		
4.	<i>Jungle Tracking - Sandakan Hash Group</i>	2013	
5.	<i>Survival Camping - Malaysian Royal Navy</i>		Hutan Lipur Kawang
6.	Hari Keluarga – Universiti Malaysia Sabah		
7.	Lawatan Rekreasi -Taman Didikan kanak-kanak Kurang Upaya	2014	
8.	Perkhemahan Jati Diri – Jabatan Penjara Negeri Sabah		
9.	<i>Training Of Trainers</i> Kepenggunaan Peringkat Borneo 2014 - KPDNK		Hutan Lipur Kawang
10.	Program Perkhemahan – Politeknik Kota Kinabalu	2015	
11.	<i>Adventure Week Program (Compass Marching Training)</i>		
12.	Kajian Projek Tahunan (Program Biologi Pemuliharaan) – Universiti Malaysia Sabah		
13.	Pengurusan dan Pemantauan Aktiviti di Hutan Simpan Paya Gambut – <i>Forest Research Institute Malaysia</i>	2012	Hutan Simpan Paya Gambut
14.	<i>Cycling For All (CYFORA)</i> – Pejabat Daerah Beaufort	2016	

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

Pada pendapat Audit, program kesedaran kepada orang awam yang telah dijalankan adalah baik. Walau bagaimanapun, tempoh yang lebih panjang diperlukan bagi mengukur keberkesanan program kesedaran yang diadakan.

7.4.5. Hasil Kerja Kurang Memuaskan dan Tidak Siap

7.4.5.1. Setiap perolehan kerja atau projek yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi atau butiran kerja dalam kontrak serta pelan yang diluluskan. Pihak Jabatan berhak untuk menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja yang tidak menepati spesifikasi. Setiap penggantian peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam kontrak tidak dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada pihak Jabatan secara bertulis. Bagi setiap projek yang telah siap dilaksanakan, pihak jabatan hendaklah memastikan kontraktor membersihkan sebarang kotoran, sampah dan sisa-sisa kerja seperti yang terkandung dalam kontrak perjanjian.

7.4.5.2. Berdasarkan 7 sampel projek yang dipilih, pihak Audit mendapati hasil kerja pembinaan adalah kurang memuaskan bagi projek Pembangunan *Kawag Riverside Lodge* Di Hutan Simpan Ulu Segama Malua, Lahad Datu. Berdasarkan **Gambar 7.9**, pihak Audit dimaklumkan bahawa struktur tersebut akan dikekalkan untuk tujuan rancangan pembinaan *reception centre* kelak. Pihak Audit berpendapat bahawa struktur lebihan tersebut boleh menjejaskan keselamatan pengguna serta mencacatkan pemandangan. Manakala **Gambar 7.10** menunjukkan kerja menyimen paip pembentungan tidak terdapat dalam spesifikasi kerja dan hasil menyimen yang tidak kemas mencacatkan pemandangan di sekitar *Tourist Lodge*. **Gambar 7.5** dan **Gambar 7.7** adalah sisa-sisa kerja yang belum dibersihkan sehingga Sijil Pengesahan Kerja Siap dikeluarkan. **Gambar 7.6** dan **Gambar 7.8** adalah tindakan yang telah diambil selepas teguran Audit. Perkara ini berlaku kerana kelemahan pemantauan semasa pengesahan kerja siap dijalankan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 7.16**.

Jadual 7.16
Hasil Kerja Kurang Memuaskan Dan Tidak Siap

Bil.	Butiran Kerosakan	Lokasi	Gambar
1.	Kerja menyimen dinding <i>Genset Room</i> tidak disimen sepenuhnya.	<i>Kawag Riverside Lodge</i>	7.3 – 7.4
2.	<i>Site Clearing</i> tidak dibuat sepenuhnya		7.5 – 7.6
3.	Lebihan besi tidak dipotong		7.9
4.	Kerja menyimen paip, tiang dan <i>beam</i> tidak kemas.		7.10 – 7.12
5.	<i>Site Clearing</i> tidak dibuat sepenuhnya.	Hutan Simpan Trusmadi	7.7 – 7.8

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

Gambar 7.3
Dinding Genset Room
Tidak Disimen Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 19 April 2016

Gambar 7.4
Kerja Menyimen Dinding Genset Room
Telah Dibuat



Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 28 Julai 2016

Gambar 7.5
Sisa Besi Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 19 April 2016

Gambar 7.6
Sisa Besi Telah Dibersihkan



Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 28 Julai 2016

Gambar 7.7
Sisa Papan Tidak Dibersihkan




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gunung Trusmadi, Tambunan
Tarikh: 24 Mei 2016

Gambar 7.8
Sisa Papan Telah Dialihkan




Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah
Lokasi: Gunung Trusmadi, Tambunan
Tarikh: 28 Julai 2016

Gambar 7.9
Lebih Besi Tidak Di Potong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 19 April 2016

Gambar 7.10
Kerja Menyimen Paip Tidak Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 19 April 2016

Gambar 7.11
Kerja Menyimen Tiang Dan Beam Tidak Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 19 April 2016

Gambar 7.12
Kerja Menyimen Tiang Dan Beam Tidak Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 19 April 2016

7.4.5.3. Berdasarkan maklum balas Jabatan pada 28 Julai 2016, pihak Jabatan merancang mengekalkan struktur seperti di Gambar 7.7 untuk tujuan pembinaan Reception Centre yang akan dilaksanakan dalam Fasa Kedua seperti yang dijanjikan oleh pihak Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia. Oleh yang demikian, tinggalan lebih besi adalah bertujuan bagi sambungan untuk pembinaan Reception Centre. Pihak Jabatan juga memaklumkan bahawa kerja menyimen atau menutup paip kumbahan akan diperbaiki oleh syarikat Borneo Refugia Sdn. Bhd.. Manakala bagi hasil kerja menyimen tiang dan beam pula, pihak Jabatan memaklumkan tiang dan beam tersebut sengaja tidak diratakan bagi tujuan penanaman spesies pepanjat (*creeper*) yang akan ditanam kemudian.

Pada pendapat Audit, perancangan pemantauan yang teliti perlu dibuat bagi memastikan kerja disiapkan dengan sempurna sebelum pembayaran dilakukan.

7.4.6. Kemudahan Tidak Digunakan

7.4.6.1. Setiap projek pembangunan yang dilaksanakan haruslah digunakan selaras dengan objektifnya agar tidak menjadi projek gajah putih dan mengakibatkan pembaziran wang kerajaan.

7.4.6.2. Semakan Audit mendapati, projek pembinaan kolam renang di Hutan Lipur Kawang yang siap dibina pada 12 Januari 2013 bernilai RM452,740 masih belum beroperasi. Terdapat 6 komponen dalam projek tersebut iaitu *preliminaries*, *site clearing*, *access road*, *drain works*, kolam renang dan *belian platform*. Selain itu terdapat juga pembinaan pondok kutipan hasil dan tandas. Semakan Audit mendapati kolam renang, pondok kutipan hasil dan tandas masih belum beroperasi. Pihak PPD Kota Kinabalu memaklumkan bahawa kolam renang tersebut tidak dapat beroperasi kerana tiada kakitangan yang terlatih untuk mengendalikan kemudahan dari aspek pertolongan cemas serta masalah bekalan air. Semakan lanjut mendapati bekalan air di Hutan Lipur Kawang adalah daripada punca air graviti dan bergantung kepada cuaca. **Gambar 7.13** dan **Gambar 7.14** menunjukkan kolam renang dan pondok kutipan hasil yang belum beroperasi.

Gambar 7.13
Kolam Renang Belum Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Kawang
Tarikh: 9 Mei 2016

Gambar 7.14
Pondok Kutipan Hasil Kolam Renang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Kawang
Tarikh: 9 Mei 2016

7.4.6.3. Berdasarkan maklum balas Jabatan pada 28 Julai 2016, pihak Jabatan menyatakan bahawa kolam renang tersebut tidak dibuka atas sebab kerosakan penapis air akibat runtuh tanah pada tahun 2014 dan kerja pembaikan siap pada Mei 2015. Kemudian musim kemarau yang berlaku sepanjang tempoh November 2015 hingga April 2016 telah menyebabkan kolam renang masih belum dibuka. Manakala maklum balas Jabatan pada 26 September 2016, menyatakan bahawa kerja-kerja memasang penapis air sedang berjalan dan dijangka siap pada 15 Oktober 2016. Selain itu, pihak Jabatan juga mengendalikan latihan bertajuk Kursus Latihan Tindakan Kecemasan (Rawatan Kecemasan, Mencari & Menyelamat dan Menyelamat Dalam Air) di Rainforest Discovery Centre (RDC), Sepilok pada 8 hingga 11 Ogos 2016.

7.4.6.4. Lawatan Audit ke PPD Deramakot bagi projek Pembinaan 4 buah Chalet di Hutan Simpan Deramakot pada 26 dan 27 April 2016 mendapati tiada kaunter hasil disediakan bagi urusan pungutan hasil dan urusan pungutan dilaksanakan di ruang menunggu pejabat. Semakan Audit mendapati bangunan *Reception Centre* di bawah projek Cadangan Pembangunan Kemudahan Eko-Pelancongan Di Hutan Simpan Deramakot: DFR *Reception Centre* Sabah telah siap dibina pada tahun 2012 dengan kos sejumlah RM0.81 juta tetapi masih belum digunakan sepenuhnya. Pihak PPD Deramakot memaklumkan bahawa bangunan tersebut belum mampu beroperasi sepenuhnya kerana kekurangan kakitangan serta perabot dan pada masa ini hanya ruangan dapur dan meja makan digunakan oleh pelawat atau syarikat pelancongan. **Gambar 7.15** hingga **Gambar 7.17** menunjukkan keadaan bangunan tersebut.



Gambar 7.15
Bangunan Reception Centre

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Perhutanan Daerah Deramakot
Tarikh: 27 April 2016

Gambar 7.16
Ruang Dapur di Reception Centre



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Perhutanan Daerah Deramakot
Tarikh: 27 April 2016

Gambar 7.17
Ruang Menunggu di Reception Centre



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Perhutanan Daerah Deramakot
Tarikh: 27 April 2016

7.4.6.5. Berdasarkan maklum balas Jabatan pada 28 Julai 2016, bangunan *Reception Centre* telah diubah suai sepenuhnya untuk tujuan aktiviti pelancongan iaitu tempat menerima pelancong (*Reception Centre*), *Exhibition*, *Holding Lounge* dan *Dining Hall*. **Gambar 7.18** hingga **Gambar 7.21** menunjukkan keadaan bangunan selepas dinaik taraf dengan menggunakan peruntukan sedia ada. Langkah-langkah menaik taraf bangunan ini adalah dengan membekalkan kelengkapan bangunan sedia ada. Manakala latihan berterusan akan diadakan.

Gambar 7.18
Ruang Makan



Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah
Lokasi: Pejabat Perhutanan Daerah Deramakot
Tarikh: 28 Julai 2016

Gambar 7.19
Ruang Rujukan Dan Menunggu/Santai



Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah
Lokasi: Pejabat Perhutanan Daerah Deramakot
Tarikh: 28 Julai 2016

Gambar 7.20
Reception Counter Telah Disediakan



Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah
Lokasi: Pejabat Perhutanan Daerah Deramakot
Tarikh: 28 Julai 2016

Gambar 7.21
Keadaan Semasa Ruang Dalam Bangunan



Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah
Lokasi: Pejabat Perhutanan Daerah Deramakot
Tarikh: 28 Julai 2016

7.4.6.6. Lawatan Audit ke Kawag Riverside Lodge pada 18 dan 19 April 2016 bagi projek Pembangunan 'Kawag Riverside Lodge' (KRL) mendapati, komponen *Genset Room* bernilai RM197,471 yang dibina tidak digunakan. Syarikat Borneo Refugia Sdn. Bhd. yang menguruskan pusat pelancongan tersebut telah memasang 2 buah genset di dalam *Bin Centre* kerana saiz *Genset Room* tersebut tidak dapat memuatkan genset yang dibeli. Kesan daripada itu, KRL tidak mempunyai *Bin Centre* dan *Genset Room* yang dibina berserta *Switchboard* yang dipasang tidak digunakan. Pihak Audit berpendapat kelemahan berlaku di peringkat perancangan dan reka bentuk. **Gambar 7.22** hingga **Gambar 7.24** menunjukkan keadaan Bilik Genset dan *Bin Centre*.

Gambar 7.22
Bilik Genset



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 19 April 2016

Gambar 7.23
Genset Yang Dipasang Di Bin Centre



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 19 April 2016



Gambar 7.24
Switchboard Yang Tidak Digunakan Di Bilik Genset

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 19 April 2016

7.4.6.7. Berdasarkan maklum balas Jabatan pada 28 Julai 2016, pihak Jabatan menyatakan pembinaan Genset Room adalah berdasarkan pelan kontrak asal oleh NZ Noorzehan Architect. Pemasangan dua unit Genset telah dibuat oleh Borneo Refugia (syarikat yang akan mengendalikan Eko Pelancongan KRL) setelah projek siap dan diserahkan. Memandangkan dua Genset yang berkapasiti 100kVA (setiap satu) tidak dapat menampung ruang dalam Genset Room, maka Borneo Refugia berkeputusan untuk memindahkan Genset tersebut ke dalam Bin Centre yang lebih luas. Pembelian dua Genset oleh Borneo Refugia adalah berserta dengan switchboard khas dan dipasang di dalam Bin Centre. Sehubungan itu, switchboard yang sedia ada (dalam Genset Room) tidak digunakan dan akan dipasang di bangunan lain.

Pihak Audit berpendapat kemudahan yang disediakan hendaklah beroperasi sepenuhnya agar dapat menjana hasil dan tidak membazir wang kerajaan.

7.4.7. Penyenggaraan Kemudahan

7.4.7.1. Penyenggaraan aset Kerajaan bertujuan memastikan agar aset berfungsi dengan lancar secara berterusan dan selamat digunakan; memelihara dan memanjangkan jangka hayat; meningkat keupayaan; mengurangkan kerosakan; menjimatkan perbelanjaan Kerajaan; menjamin keselamatan pengguna; mewujudkan suasana kerja yang kondusif serta produktif; dan memelihara imej Kerajaan. Dalam memastikan program penyenggaraan dapat dilaksanakan dengan cekap, pegawai yang bertanggungjawab hendaklah memastikan setiap aset di bawah seliaanya sentiasa dipantau dari masa ke semasa agar kerosakan dapat dikenal pasti dan dilaporkan segera untuk tujuan baik pulih.

7.4.7.2. Semakan Audit terhadap anggaran belanjawan penyenggaraan dan pembaikan kecil bagi Pengurusan Pelancongan (Pusat Sejadi) adalah berjumlah RM150,000, RM300,000 dan RM330,000 masing-masing bagi tempoh 2013, 2014 dan 2015. Lawatan Audit ke 7 lokasi projek mendapati beberapa kerosakan kemudahan perlu diambil tindakan segera di *Kawag Riverside Lodge*, Hutan Simpan Padas Damit, Hutan Simpan Paya Gambut dan Gunung Trusmadi. Pihak Audit dimaklumkan bahawa masalah kekurangan peruntukan bagi penyenggaraan menyebabkan kemudahan tersebut belum disenggara. Kerosakan kemudahan di KRL ditemui ketika lawatan Audit dijalankan dan kerja pembaikan akan dilaksanakan oleh syarikat Borneo Refugia Sdn. Bhd.

7.4.7.3. Kerosakan kemudahan di Hutan Simpan Paya Gambut telah dilaporkan pada 17 Jun 2015 dan permohonan untuk menggunakan baki peruntukan Pembiayaan Kerajaan Negeri Di Bawah RMKe-10 (Rolling Plan 3) dengan anggaran kos RM350,000 telah dibuat kepada KePKAS. Pihak Jabatan juga telah memohon pandangan daripada pihak Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) dan dicadangkan agar pihak jabatan merujuk semula kepada Perunding yang telah dilantik bagi mendapatkan pandangan, cadangan pembaikan dan kos yang terlibat. Kerosakan kemudahan tersebut boleh menjejaskan keselamatan pengguna serta imej jabatan. Bagaimanapun tindakan pembaikan telah diambil oleh pihak Jabatan selepas teguran Audit. Keadaan kerosakan dan pembaikan adalah seperti di **Gambar 7.25** hingga **Gambar 7.40**. Manakala kerosakan yang memerlukan penyenggaraan adalah seperti di **Gambar 7.41** hingga **Gambar 7.55**. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 7.17**.

Jadual 7.17
Kerosakan Kemudahan Yang Memerlukan Penyenggaraan

Bil.	Butiran Kerosakan	Lokasi	Gambar
1.	Papan boardwalk yang patah.	<i>Kawag Riverside Lodge</i>	7.25 – 7.26
2.	Keretakan pada dinding <i>Tourist Lodge</i> .		7.27 – 7.32
3.	Atap Gazebo dan <i>Timber Cover Deck</i> rosak ditimpa kayu.		7.41 – 7.42
4.	Pintu rumah generator diserang anai-anai di <i>Checking Station</i> .	Hutan Simpan Padas Damit	7.33 – 7.34
5.	Keretakan pada dinding <i>Guard House</i> .	Huta Simpan Paya Gambut	7.35 – 7.36
6.	Pintu almari asrama rosak.		7.37 – 7.38
7.	Jubin tertanggal di dapur.		7.43
8.	<i>Boardwalk</i> condong.		7.44 – 7.45
9.	Tiang Bangunan Serbaguna dan Pejabat condong dan hampir patah.		7.46 – 7.49
10.	Dinding dan lantai Bangunan Pejabat retak.		7.50 – 7.51
11.	Lampu <i>walkway</i> rosak.		7.52 – 7.53
12.	CCTV tidak berfungsi.		7.54 – 7.55
13.	Atap <i>Resthouse</i> rosak ditimpa pokok.	Gunung Trusmadi	7.39 – 7.40


Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 7.25
Papan Boardwalk Patah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 19 April 2016

Gambar 7.26
Papan Boardwalk Telah Dibaiki




Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 28 Julai 2016

Gambar 7.27
Dinding Tourist Lodge Retak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 19 April 2016

Gambar 7.28
Keretakan Dinding Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 28 Julai 2016

Gambar 7.29
Dinding *Tourist Lodge* Retak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 19 April 2016

Gambar 7.30
Dinding *Tourist Lodge* Telah Dibaiki




Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 28 Julai 2016

Gambar 7.31
Dinding Tandas Restoran Retak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 19 April 2016

Gambar 7.32
Dinding Tandas Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 28 Julai 2016

Gambar 7.33
Pintu Genset Room Diserang Anai-anai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Padas Damit
Tarikh: 11 Mei 2016

Gambar 7.34
Pintu Genset Room Telah Digantikan




Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 28 Julai 2016

Gambar 7.35
Dinding *Guard House* Retak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Paya Gambut
Tarikh: 12 Mei 2016

Gambar 7.36
Dinding *Guard House* Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 28 Julai 2016

Gambar 7.37
Pintu Almari Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Paya Gambut
Tarikh: 12 Mei 2016

Gambar 7.38
Pintu Almari Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 28 Julai 2016

Gambar 7.39
Atap *Resthouse* Rosak Ditimpa Pokok



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gunung Trusmadi, Tambunan
Tarikh: 24 Mei 2016

Gambar 7.40
Atap *Resthouse* Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah
Lokasi: Gunung Trusmadi, Tambunan
Tarikh: 26 September 2016

Gambar 7.41
Atap Timber Cover Deck Rosak
Ditimpa Kayu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 19 April 2016

Gambar 7.42
Atap Timber Cover Deck Rosak
Ditembusi Kayu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Kawag Riverside Lodge*
Tarikh: 19 April 2016

Gambar 7.43
Jubin di Dapur Tertanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Paya Gambut
Tarikh: 12 Mei 2016

Gambar 7.44
Boardwalk Condong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Paya Gambut
Tarikh: 12 Mei 2016

Gambar 7.45
Boardwalk Condong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Paya Gambut
Tarikh: 12 Mei 2016

Gambar 7.46
Tiang Bangunan Serbaguna Condong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Paya Gambut
Tarikh: 12 Mei 2016

Gambar 7.47
Tiang Bangunan Serbaguna Condong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Paya Gambut
Tarikh: 12 Mei 2016

Gambar 7.48
Tiang Bangunan Pejabat Hampir Patah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Paya Gambut
Tarikh: 12 Mei 2016

Gambar 7.49
Tiang Bangunan Pejabat Hampir Patah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Paya Gambut
Tarikh: 12 Mei 2016

Gambar 7.50
Dinding Bangunan Pejabat Hampir Roboh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Paya Gambut
Tarikh: 12 Mei 2016

Gambar 7.51
Lantai Pejabat Retak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Paya Gambut
Tarikh: 12 Mei 2016

Gambar 7.52
Lampu Walkway Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Paya Gambut
Tarikh: 12 Mei 2016

Gambar 7.53
Lampu Walkway Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Paya Gambut
Tarikh: 12 Mei 2016

Gambar 7.54
CCTV Tidak Berfungsi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Paya Gambut
Tarikh: 12 Mei 2016



Gambar 7.55
CCTV Tidak Berfungsi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Paya Gambut
Tarikh: 12 Mei 2016

7.4.7.4. Berdasarkan maklum balas Jabatan pada 28 Julai 2016 dan 26 September 2016, tindakan pembaikan dan penyenggaraan kerosakan kemudahan sedang dilaksanakan di Kawag Riverside Lodge dan Hutan Simpan Paya Gambut. Manakala isu kerosakan dan keretakan bangunan di Hutan Simpan Paya Gambut telah dibawa kepada perhatian Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar pada bulan Mei 2014 untuk menggunakan baki peruntukan daripada Projek Mempertingkatkan Kemudahan Pelancongan di Pusat Luar Hutan Paya Gambut Klias, Beaufort. Namun kelulusan tidak diperolehi kerana pihak JKR tidak boleh memberi komen atas struktur bangunan maka kerja pembaikan struktur tidak dapat dilaksanakan dan pihak Jabatan akan menyusuli perkara ini. Selain itu, pihak Jabatan memaklumkan bahawa peruntukan bagi menyenggara kemudahan yang dibina sukar diperolehi daripada Kerajaan Negeri. Manakala, hasil kutipan daripada pusat sejadi ini dimasukkan ke dalam akaun kerajaan negeri.

Pada pendapat Audit, pembaikan kerosakan kemudahan tersebut hendaklah dibaiki segera agar tidak menjejaskan keselamatan pengguna.

7.4.8. Aspek Keselamatan

7.4.8.1. Bagi menjamin keselamatan pengguna kemudahan pelancongan, reka bentuk setiap projek kerajaan yang dilaksanakan hendaklah mengambil kira aspek keselamatan semasa di peringkat perancangan.

7.4.8.2. Semakan Audit terhadap projek Kawag Riverside Lodge mendapati pembinaan *Canoe Storage* yang berketinggian melebihi 3 meter tidak mempunyai dinding atau pagar. Kedudukan *Canoe Storage* yang tinggi boleh menjejaskan keselamatan pengguna tanpa pagar atau dinding. **Gambar 7.56** dan **Gambar 7.57** menunjukkan keadaan *Canoe Storage* tersebut.

Gambar 7.56
***Canoe Storage* Tidak Mempunyai Dinding/Pagar**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawag Riverside Lodge, Ulu Segama
Tarikh: 19 April 2016

Gambar 7.57
Kedudukan *Canoe Storage* Yang Tinggi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawag Riverside Lodge, Ulu Segama
Tarikh: 19 April 2016

7.4.8.3. Semakan lanjut mendapati berlaku perbezaan antara lukisan dengan spesifikasi kerja di mana struktur dinding *Canoe Storage* ada pada lukisan namun keterangan kerja tiada dalam spesifikasi kerja.

7.4.8.4. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 28 Julai 2016, pihak Jabatan menyatakan bahawa dinding *Canoe Storage* tidak dibina kerana tidak terdapat dalam BQ dan pelan arkitek. Sehubungan dengan itu, pihak kontraktor telah memohon tambahan kos (VO) dengan anggaran RM25,000. Pada ketika itu, peruntukan tersedia untuk projek ini tidak ada tambahan peruntukan disediakan. Oleh yang demikian, dinding serta penghalang tidak dapat dilaksanakan. Tambahan pula keadaan *canoe storage* yang terbuka tanpa dinding akan dilindungi oleh *canoe* yang akan diletakkan di *Canoe Shelves*.**

7.4.8.5. Lawatan Audit ke Hutan Simpan Trusmadi pada 23 hingga 25 Mei 2016 mendapati, pembinaan *handrail boardwalk* di Gunung Trusmadi sebahagiannya tidak dipasang di kedua-dua belah *boardwalk* tersebut. Semakan Audit terhadap lukisan asal pembinaan *boardwalk* mendapati 9 Jenis *boardwalk* yang akan dibina di mana Jenis 1

dan 8 tidak memerlukan *handrail* dan Jenis 2, 3, 5, 6, 7 dan 9 memerlukan pembinaan *handrail* di kedua belah sisi. Manakala bagi Jenis 4 pula, pembinaan *boardwalk* adalah bagi cerun bukit yang hanya memerlukan sebelah *handrail* dibina. Bagaimanapun, selepas Arahan Perubahan Kerja No.1 diluluskan, pembinaan *Boardwalk* dibahagikan kepada Jenis A (untuk ketinggian <1.2m), Jenis A1 (untuk ketinggian >1.2m), Jenis B (untuk ketinggian >1.2m <1.8m) dan Jenis C (untuk Curam). Berdasarkan spesifikasi kerja yang baharu, *handrail* perlu dipasang bagi Jenis A1 dan Jenis C. Lukisan baharu berdasarkan APK No.1 tidak diserahkan semasa lawatan dan menyukarkan pihak Audit untuk membuat semakan *Boardwalk* yang dibina mengikut spesifikasi yang baharu. Pemeriksaan Audit terhadap *Boardwalk* mendapati laluan yang tinggi dan curam memerlukan *handrail* di kedua-dua belah laluan demi keselamatan pengguna. Selain itu, pihak Audit mendapati jarak papan yang dipasang bagi pembinaan tangga di Gunung Trusmadi boleh menjejaskan keselamatan pengguna. **Gambar 7.58** hingga **Gambar 7.60** menunjukkan keadaan *boardwalk* dan tangga tersebut.



Gambar 7.58
Boardwalk Yang Tiada Handrail

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gunung Trusmadi, Tambunan
Tarikh: 24 Mei 2016

Gambar 7.59
Jarak Papan Tangga Yang Jauh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gunung Trusmadi, Tambunan
Tarikh: 24 Mei 2016

Gambar 7.60
Jarak Papan Yang Jauh Telah Diperbaiki



Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah
Lokasi: Gunung Trusmadi, Tambunan
Tarikh: 28 Julai 2016

7.4.8.6. Berdasarkan maklum balas Jabatan pada 26 September 2016, pihak Jabatan menyatakan dalam kontrak asal, pemasangan *handrail* hanya untuk *boardwalk type A1 & C*, di mana ia lebih tertumpu pada kawasan curam. Selain itu, *handrail* tidak dipasang di sebelah kiri dan kanan untuk sepanjang 2.4 km *boardwalk* kerana *spot* yang tertentu dirizabkan untuk laluan kecemasan sekiranya berlaku kemalangan semasa pendakian.

7.4.8.7. Lawatan Audit ke Hutan Lipur Kawang mendapati pembinaan kolam renang bagi kanak-kanak adalah bersebelahan dengan kolam renang dewasa. Pihak kontraktor telah membina pagar pemisah bagi kolam tersebut. Bagaimanapun, pembinaan pagar keselamatan tersebut adalah kerja tambahan dan tidak terdapat dalam spesifikasi kerja. Pemerhatian Audit mendapati pembinaan pagar keselamatan tersebut masih boleh dilalui kerana ruangan yang lebar dan tiada dinding dipasang. **Gambar 7.61** dan **Gambar 7.62** menunjukkan pagar kolam tersebut.

Gambar 7.61
Kolam Renang Kanak-kanak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Kawang
Tarikh: 9 Mei 2016

Gambar 7.62
Ruang Pagar Yang Lebar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Kawang
Tarikh: 9 Mei 2016

7.4.8.8. Berdasarkan maklum balas Jabatan pada 26 September 2016, pihak Jabatan menyatakan ciri-ciri keselamatan pada kolam renang telah diambil tindakan di mana kerja-kerja menaiktaraf sedang dijalankan dan dijangka siap pada 19 Oktober 2016.

Pada pendapat Audit, pihak jabatan hendaklah memastikan aspek keselamatan diambil kira dalam pembinaan kemudahan pelancongan bagi menjamin keselamatan pengguna.

7.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan projek pelancongan yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan, beberapa syor Audit yang perlu diambil tindakan adalah seperti berikut:

7.5.1. Memastikan kemudahan yang dibina seperti kolam renang di Hutan Lipur Kawang dan *genset room* di *Kawag Riverside Lodge* dapat digunakan secara optimum agar tidak berlaku pembaziran wang kerajaan.

7.5.2. Memastikan kemudahan yang dibina mempunyai ciri-ciri keselamatan bagi menjamin keselamatan pengguna.

7.5.3. Menubuhkan Akaun Amanah bagi kutipan hasil daripada pusat sejadi agar dapat digunakan untuk penyenggaraan kemudahan.

MAJLIS DAERAH TENOM
MAJLIS DAERAH NABAWAN
MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

8. PENGURUSAN PEROLEHAN

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Sabah ditubuhkan di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961 (No. 11) berkuat kuasa pada 1 Januari 1962 di bawah GN No.134 bertarikh 15 November 1961. Terdapat 24 PBT di Sabah yang terdiri daripada 1 Dewan Bandaraya, 2 Majlis Perbandaran, 1 Lembaga Bandaran dan 20 Majlis Daerah. Objektif utama penubuhan PBT adalah untuk menyelia dan menyenggara kemudahan awam dan infrastruktur serta mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan awam untuk masyarakat setempat. Pengurusan perolehan PBT adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang seperti Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, Arahan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah, Undang-undang Kecil PBT, Arahan Perbendaharaan dan pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah dari semasa ke semasa. Perolehan yang dijalankan oleh PBT dilaksanakan mengikut kaedah pembelian/pemberian terus, sebut harga dan tender/lantikan terus. Perolehan yang dibuat berteraskan aspek akauntabiliti awam, integriti, ekonomi, cekap dan berkesan serta mengambil kira kepentingan Kerajaan. Kajian pasaran juga perlu dibuat bagi memperoleh kerja/perkhidmatan/bekalan yang mempunyai *value for money*.

8.1.2. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, Majlis Daerah Tenom (MDTnm), Majlis Daerah Nabawan (MDN) dan Majlis Daerah Tambunan (MDTbn) telah melaksanakan sebanyak 1,310 perolehan melibatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Dana Majlis berjumlah RM17.39 juta. Pelaksanaan perolehan bagi 3 Majlis ini bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah mengikut kaedah pembelian/pemberian terus, sebut harga dan lantikan terus seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Kaedah Perolehan MDTnm, MDN Dan MDTbn Bagi Tempoh Tahun 2013 Sehingga 2015

PBT	Tahun	Sumber	Pembelian/ Pemberian Terus		Sebut Harga		Lantikan Terus		Jumlah Keseluruhan	
			Bil.	(RM)	Bil.	(RM)	Bil.	(RM)	Bil.	(RM)
MDTnm	2013	Persekutuan	0	0	8	955,750	18	360,000	26	1,315,750
		Negeri	0	0	0	0	0	0	0	0
		Majlis	153	187,490	0	0	0	0	153	187,490
	2014	Persekutuan	0	0	7	1,269,160	23	460,000	30	1,729,160
		Negeri	0	0	0	0	0	0	0	0
		Majlis	142	150,880	0	0	0	0	142	150,880
	2015	Persekutuan	0	0	9	2,305,180	34	1,090,000	43	3,395,180
		Negeri	0	0	0	0	0	0	0	0
		Majlis	111	97,020	0	0	0	0	111	97,020
MDN	2013	Persekutuan	0	0	7	1,371,802	5	190,000	12	1,561,802
		Negeri	0	0	0	0	0	0	0	0
		Majlis	44	60,882	0	0	0	0	44	60,882
	2014	Persekutuan	0	0	5	1,147,517	18	390,000	23	1,537,517
		Negeri	0	0	0	0	0	0	0	0
		Majlis	119	132,237	0	0	0	0	119	132,237
	2015	Persekutuan	0	0	5	854,134	3	60,000	8	914,134
		Negeri	0	0	0	0	0	0	0	0
		Majlis	128	166,749	0	0	0	0	128	166,749
MDTbn	2013	Persekutuan	0	0	5	1,561,496	13	400,000	18	1,961,496
		Negeri	0	0	0	0	0	0	0	0
		Majlis	156	81,184	0	0	0	0	156	81,184
	2014	Persekutuan	0	0	7	1,250,203	20	400,000	27	1,650,203
		Negeri	0	0	0	0	2	190,850	2	190,850
		Majlis	118	62,114	0	0	0	0	118	62,114
	2015	Persekutuan	0	0	11	1,421,760	14	304,834	25	1,726,594
		Negeri	0	0	0	0	2	390,000	2	390,000
		Majlis	123	82,561	0	0	0	0	123	82,561
Jumlah			1,094	1,021,117	64	12,137,002	152	4,235,684	1,310	17,393,803

Sumber: Majlis Daerah Tenom, Majlis Daerah Nabawan dan Majlis Daerah Tambunan

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan MDTnm, MDN dan MDTbn telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan, ekonomik serta mematuhi peraturan yang ditetapkan.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perolehan yang dilaksanakan oleh MDTnm, MDN dan MDTbn bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen berkaitan dan lawatan Audit dijalankan untuk memeriksa setiap projek/perolehan yang dipilih. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang bertanggungjawab dan kontraktor yang terlibat juga dijalankan. Sampel Audit yang dipilih adalah 30% atau RM5.22 juta daripada keseluruhan nilai perolehan di MDTnm, MDN dan MDTbn. *Exit Conference* bersama Pegawai-pegawai Eksekutif MDTnm, MDN dan MDTbn, wakil Kementerian Kewangan Negeri Sabah, wakil Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sabah (KKTP) serta kakitangan PBT terlibat telah diadakan pada 15 Julai 2016.

8.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pengurusan perolehan PBT telah dijalankan pada bulan Mac hingga Mei 2016. Pada keseluruhannya, pihak Audit mendapati pengurusan perolehan di MDTnm, MDN dan MDTbn adalah kurang memuaskan. Perkara berikut perlu diberi perhatian dan diambil tindakan pembetulan:

- Sebanyak 32 perolehan bernilai RM201,295 daripada Dana Majlis di MDTnm dan MDN tidak mematuhi had nilai perolehan yang ditetapkan.
- Sebanyak 6 perolehan di MDTnm dan 22 perolehan di MDN masing-masing bernilai RM21,491 dan RM150,037 yang menggunakan Dana Majlis sepatutnya dilaksanakan dengan kaedah sebut harga/tender telah dilaksanakan menggunakan kaedah pembelian/pemberian terus.
- Sebanyak 89 perolehan telah lewat dibayar di MDTnm dan MDN.
- Sebanyak 3 kerja bernilai RM14,500 di MDN dibuat tidak mengikut spesifikasi.
- Sebanyak 3 kemudahan awam di MDN dan satu di MDTbn telah mengalami kerosakan dan kecurian disebabkan tiada pemeriksaan dan penjagaan keselamatan.

8.4.1. Proses Perolehan

8.4.1.1. Pematuhan Had Nilai Perolehan

- a. Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, Sabah 1961, Pindaan 2007, perolehan yang dilaksanakan oleh pihak PBT hendaklah mematuhi had nilai perolehan yang telah ditetapkan seperti di **Jadual 8.2**.

Jadual 8.2
Had Nilai Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan

Bil.	Kaedah Perolehan	Peruntukan	Had Nilai Perolehan
1.	Pemberian/ Pembelian Terus	Dana Majlis	Sehingga RM2,000
		Negeri	Sehingga RM20,000
		Persekutuan	Sehingga RM50,000
2.	Sebut Harga	Dana Majlis	RM2,001 – RM25,000
		Negeri	RM20,001 – RM250,000
		Persekutuan	RM50,001 – RM500,000
3.	Tender/Lantikan Terus	Dana Majlis	Melebihi RM25,001 memerlukan
		Negeri	Melebihi RM250,000
		Persekutuan	Melebihi RM500,000

Sumber: Majlis Daerah Tenom, Majlis Daerah Nabawan dan Majlis Daerah Tambunan

- b. Semakan Audit terhadap 383 sampel perolehan di MDTnm, MDN dan MDTbn mendapati 351 perolehan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Dana Majlis telah mematuhi had nilai yang ditetapkan. Bagaimanapun, 32 perolehan berjumlah RM201,295 daripada Dana Majlis di MDTnm dan MDN tidak mematuhi had nilai tersebut. Perolehan tersebut sepatutnya dilaksanakan melalui

tatacara sebut harga tetapi dibuat secara pembelian terus. Butiran berkaitan 32 sampel tersebut adalah seperti di **Jadual 8.3**.

Jadual 8.3
Perolehan Sebut Harga Di Bawah Peruntukan Dana Majlis
Dibuat Secara Pemberian Terus Di MDTnm Dan MDN

Bil.	Butiran	No. Pesanan Kerajaan	Tahun	Amaun (RM)
Majlis Daerah Tenom (MDTnm)				
1.	Membekal cat bagi pengecatan bangunan Majlis	B604049	2013	4,887
2.	Barang keperluan untuk kempen Anti Kutu Sampah	B603985	2013	3,430
3.	Mbaiki lampu jalan di kawasan Pekan Tenom	B603984	2013	4,200
4.	Membekal pam air untuk lanskap air terjun	B603982	2013	4,215
5.	Barang keperluan operasi Majlis	B604121	2013	3,950
6.	Barang keperluan operasi Majlis	B604122	2013	3,033
7.	Mbaiki dan menukar alarm kereta	B604160	2013	2,800
8.	Membekal canvas 20" x 20"	B603987	2013	4,980
9.	16" screen display chanel	B603986	2013	14,600
10.	Pembelian pokok bunga	TM	2013	8,560
11.	Pembelian tayar baru kenderaan SAA1863F	B604240	2013	2,990
12.	Pembelian komputer riba (laptop)	TM	2013	4,799
13.	Pembelian 5 set high back chair	B604257	2014	3,495
14.	Pembelian sebuah mesin fotostat	B604261	2014	4,950
15.	Pembelian tayar baru SAA3202A	B604194	2014	2,360
16.	Pembelian cat	B604047	2014	17,863
17.	Barang untuk pekerja operasi Majlis	B604482	2015	2,644
18.	Komputer laptop	B604469	2015	2,470
19.	Toner dan Cartridge	B604484	2015	3,571
20.	Beli Tayar dan Tube Baru SAA1863F	B604485	2015	2,940
Jumlah				102,737
Majlis Daerah Nabawan (MDN)				
1.	Pembaikan kenderaan SAA1854F	867324	2013	2,318
2.	Pembelian printer dan mesin faks	316834	2013	2,098
3.	Pendawaian pejabat Majlis	867253	2014	4,134
4.	Kerja-kerja pendawaian Tamu Ground MDN	714138	2014	8,900
5.	Kerja-kerja pendawaian bangunan Majlis	714139	2014	9,155
6.	Kerja-kerja pendawaian dewan MDN	714140	2014	11,934
7.	Pembekalan tanaman hiasan MDN	317000	2015	20,330
8.	Pemasangan papan tanda di perkadaran Majlis	317011	2015	3,922
9.	Penggantian tayar baru kenderaan SAA207N	317028	2015	2,170
10.	Pembelian pakaian seragam Unit Penguatkuasa	317040	2015	3,597
11.	Menaiktaraf Pentas Terbuka Tamu MDN	867327	2015	20,000
12.	Menaiktaraf Pentas Terbuka Tamu MDN (Kerja-Kerja Tambahan)	867328	2015	10,000
Jumlah				98,558
Jumlah Keseluruhan				201,295

Sumber: Majlis Daerah Tenom dan Majlis Daerah Nabawan

- c. **Maklum balas MDTnm dan MDN masing-masing bertarikh 25 dan 27 Julai 2016, pihak PBT akan memperbaiki segala kelemahan dan mematuhi had harga pembelian barangan. MDTnm dan MDN telah mengemukakan surat memohon kelulusan penggunaan dana yang melebihi had nilai perolehan kepada Setiausaha Tetap, KKTP melalui surat masing-masing bertarikh 18 Julai 2016 dan 21 Julai 2016. Pihak KKTP memaklumkan melalui *Exit Conference* yang**

diadakan pada 15 Julai 2016, had nilai perolehan di bawah dana Majlis sedang dinilai semula dan penambahbaikan akan dibuat selaras dengan keperluan semasa. Penjelasan lanjut MDTnm melalui surat bertarikh 29 September 2016, senarai pembelian barangan seperti dalam Jadual 1.3 dibuat secara berkala dan terdapat beberapa invois tuntutan yang sepatutnya dikemukakan pembekal. Bagaimanapun, pembekal telah menjumlahkan tuntutan-tuntutan tersebut dalam satu invois sahaja yang dikemukakan kepada MDTnm untuk pembayaran. MDTnm telah mengambil tindakan dengan mewajibkan setiap pegawai mengisi 'Borang Khas Pembelian/Pengambilan Barang Keperluan' yang diluluskan oleh Pegawai Pengawal dan disertakan dengan LPO supaya had nilai perolehan dipatuhi sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, kelulusan pengecualian daripada mematuhi nilai perolehan yang ditetapkan hendaklah diperolehi sebelum perolehan dibuat.

8.4.1.2. Perolehan Dipecah Kecil

- a. Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, Sabah 1961, Pindaan 2007 perenggan 328(b) menetapkan perolehan antara RM2,001 hingga RM25,000 hendaklah dilaksanakan melalui tatacara sebut harga dan keputusan dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan di peringkat Majlis. Manakala, sekiranya nilai bagi sesuatu perolehan melebihi RM25,001 setahun maka perolehan tersebut hendaklah dibuat secara tender iaitu dengan mendapat kelulusan daripada Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan (KKTP) sebelum dilaksanakan.
- b. Semakan Audit mendapati MDTbn telah melaksanakan perolehan menggunakan Dana Majlis mengikut kaedah perolehan yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat perolehan di MDTnm dan MDN masing-masing berjumlah RM21,491 dan RM150,037 menggunakan Dana Majlis dengan kaedah pembelian/pemberian terus yang sepatutnya dilaksanakan secara sebut harga/tender. Keadaan ini berlaku kerana perolehan dipecah kecil dan dibuat secara pembelian/pemberian terus seperti di **Jadual 8.4** dan **Jadual 8.5**.

Jadual 8.4
Senarai Perolehan MDTnm Yang Dipecah Kecil

Bil.	Butiran	Tahun	Tarikh Dilaksanakan	Amaun (RM)	Jumlah (RM)	Cara Perolehan Dibuat	
						Pelaksanaan	Sepatutnya
1.	Penyenggaraan kenderaan SAA1863F	2013	08.01.2013	7,419	9,893	Pembelian Terus	Sebut Harga
2.	Penyenggaraan kenderaan SAA4417G	2013	12.03.2013	2,474		Pembelian Terus	
3.	Beli Tayar dan Tube Baru SAA815K	2014	11.09.2014	2,800	11,598	Pembelian Terus	Sebut Harga
4.	Beli Tayar dan Tube Baru SAA1863F	2014	03.12.2014	2,963		Pembelian Terus	
5.	Beli Tayar dan Tube Baru SAA815K	2014	15.08.2014	3,045		Pembelian Terus	
6.	Beli Tayar dan Tube Baru SAB4932D	2014	13.10.2014	2,790		Pembelian Terus	

Sumber: Majlis Daerah Tenom

Jadual 8.5
Senarai Perolehan MDN Yang Dipecah Kecil

Bil.	Butiran	Tahun	Tarikh Dilaksanakan	Amaun (RM)	Jumlah (RM)	Cara Perolehan Dibuat	
						Pelaksanaan	Sepatutnya
1.	Pembaikan kenderaan SAA1854F	2014	14.07.2014	5,208	39,089	Pembelian Terus	Tender
2.	Pembaikan kenderaan SB7314A	2014	14.07.2014	5,712		Pembelian Terus	
3.	Pembaikan kenderaan SAA1854F	2014	14.07.2014	9,827		Pembelian Terus	
4.	Pembaikan kenderaan SAA3189R	2014	06.06.2014	2,054		Pembelian Terus	
5.	Pembaikan kenderaan SAA3189R	2014	06.06.2014	2,750		Pembelian Terus	
6.	Pembaikan kenderaan SAA207N	2014	06.06.2014	4,378		Pembelian Terus	
7.	Pembaikan kenderaan SAA1854F	2014	06.06.2014	3,052		Pembelian Terus	
8.	Pembaikan kenderaan SB7314A	2014	06.06.2014	6,108		Pembelian Terus	
9.	Penggantian tayar baru kenderaan SAB2074N	2014	28.05.2014	4,992	9,124	Pembelian Terus	Sebut Harga
10.	Penggantian tayar baru kenderaan SAA1854F	2014	08.08.2014	2,092		Pembelian Terus	

Bil.	Butiran	Tahun	Tarikh Dilaksanakan	Amaun (RM)	Jumlah (RM)	Cara Perolehan Dibuat	
						Pelaksanaan	Sepatutnya
11.	Penggantian tayar baru kenderaan SAA207N	2014	14.08.2014	2,040		Pembelian Terus	
12.	Kerja-kerja pendawaian Tamu Ground Majlis Daerah Nabawan	2014	12.10.2014	8,900	29,989	Pemberian Terus	Tender
13.	Kerja-kerja pendawaian bangunan pejabat Majlis Daerah Nabawan	2014	12.10.2014	9,155		Pemberian Terus	
14.	Kerja-kerja pendawaian dewan Majlis Daerah Nabawan	2014	12.10.2014	11,934		Pemberian Terus	
15.	Pembaikan kenderaan SAA3189R	2015	24.02.2015	2,583	41,835	Pembelian Terus	Tender
16.	Pembaikan kenderaan SAA1854F	2015	24.02.2015	4,770		Pembelian Terus	
17.	Pembaikan kenderaan SB7314A	2015	24.02.2015	13,446		Pembelian Terus	
18.	Pembaikan kenderaan SAA1854F	2015	26.03.2015	3,814		Pembelian Terus	
19.	Pembaikan kenderaan SAA3819R	2015	19.08.2015	12,104		Pembelian Terus	
20.	Pembaikan kenderaan SAB8504B	2015	19.08.2015	5,118		Pembelian Terus	
21.	Menaiktaraf Pentas Terbuka Tamu Majlis Daerah Nabawan	2015	08.05.2015	20,000	30,000	Pemberian Terus	Tender
22.	Menaiktaraf Pentas Terbuka Tamu Majlis Daerah Nabawan (Kerja-kerja Tambahan)	2015	08.05.2015	10,000		Pemberian Terus	

Sumber: Majlis Daerah Nabawan

- c. **Maklum balas MDN bertariikh 27 Julai 2016**, menjelaskan isu pecah kecil dalam perolehan Menaiktaraf Pentas Terbuka Tamu Majlis Daerah Nabawan tersebut berlaku kerana keperluan mendesak untuk perayaan Pesta Kaamatan. Manakala, pecah kecil dalam perolehan bagi kerja-kerja pendawaian berlaku kerana keperluan pembaikan dengan segera.
- d. **Maklum balas MDTnm melalui surat bertariikh 29 September 2016**, menjelaskan pihak Majlis mengambil maklum tentang perkara Bil. 1 dan 2 di Jadual 1.4. Manakala bagi perkara Bil. 3, 4, 5 dan 6, MDTnm mengamalkan pembelian bila diperlukan dan tidak menyimpan stok terutama tayar kenderaan. Bagi mengelakkan perkara ini berulang, MDTnm adalah dalam proses memanggil sebut harga pembekal tayar kenderaan untuk tahun 2017.

Pada pendapat Audit, MDN perlu mematuhi tatacara perolehan yang menggunakan Dana Majlis bagi mendapatkan *value for money* dan menjamin ketelusan.

8.4.1.3. Pembayaran Mengikut Tempoh

- a. Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bil. 95 menyatakan bahawa semua pembayaran untuk perbelanjaan mestilah dilaksanakan pada tahun semasa dan sekiranya tidak dapat dielakkan, baucar bayaran tersebut perlu mempunyai keterangan penuh berkaitan sebab pembayaran tidak dapat dilaksanakan pada tahun tersebut.
- b. Semakan Audit mendapati pembayaran perolehan bagi MDTbn dibayar mengikut tempoh. Bagaimanapun, 58 daripada 123 sampel perolehan di MDTnm dan 31 daripada 113 sampel perolehan di MDN lewat dibayar antara 68 hari hingga 1,673 hari daripada tarikh Perakuan Siap Kerja (PSK)/invois diterima. Antara contoh kelewatan adalah seperti di **Jadual 8.6** dan **Jadual 8.7**.

Jadual 8.6
Perolehan MDTnm Yang Lewat Dibayar

Bil.	Butiran Projek /Pembelian	No. Pesanan Kerajaan	Jumlah (RM)	Perakuan Siap Kerja (PSK)	Tarikh Invois/ Terima Invois	Bayaran Dijelaskan	Kelewatan Bayaran (Hari)	
							PSK	Invois
1.	Pembelian resit rasmi Kerajaan	B604052	1,500	09.07.2012	28.06.2012	27.03.2013	259	270
2.	Pembelian resit rasmi Kerajaan	B604053	360	09.07.2012	28.06.2012	27.03.2013	259	270
3.	Alat-alat komputer	B603993	217	04.05.2012	30.04.2012	20.03.2013	314	318
4.	Membaiki lampu jalan	B603984	4,200	02.05.2012	27.04.2012	08.03.2013	304	309
5.	Membekal kanvas	B603987	4,980	02.05.2012	02.05.2012	24.07.2013	442	442
6.	16" screen display panel	B603986	14,600	02.05.2012	02.05.2012	24.07.2013	442	442
7.	Beli tayar kereta	B604194	2,360	14.06.2013	13.06.2013	21.05.2014	337	338
8.	Beli Tayar & Tube Baru	B604407	3,045	16.08.2014	16.08.2014	14.05.2015	268	268
9.	Bina Pembahagi Jalan	B604342	5,825	22.06.2014	24.12.2013	14.05.2015	322	500
10.	Bina Pembahagi Jalan	B604343	4,810	22.06.2014	16.12.2013	14.05.2015	322	492
Jumlah			41,897					

Sumber: Majlis Daerah Tenom

Jadual 8.7
Perolehan MDN Yang Lewat Dibayar

Bil.	Butiran Projek/ Pembelian	No. Pesanan Kerajaan	Jumlah (RM)	Perakuan Siap Kerja (PSK)	Tarikh Invois/ Terima Invois	Bayaran Dijelaskan	Kelewatan Bayaran (Hari)	
							PSK	Invois
1.	Pembaikan kenderaan	867251	1,508	TM	5.5.2010	12.6.2013	TM	1,135
2.	Pembaikan kenderaan	86764	5,208	TM	29.8.2011	12.6.2013	TM	654
3.	Pembaikan kenderaan	867265	3,969	TM	25.7.2012	12.6.2013	TM	323
4.	Pembaikan kenderaan	867266	3,392	TM	16.8.2011	12.6.2013	TM	667
5.	Pembaikan kenderaan	867267	1,048	TM	30.9.2011	12.6.2013	TM	622
6.	Pembaikan kenderaan	867270	982	TM	3.3.2012	12.6.2013	TM	467
7.	Pembaikan kenderaan	867272	2,579	TM	30.12.2011	12.6.2013	TM	531
8.	Pendawaian Pejabat MDN	867253	4,134	15.8.2009	10.11.2009	9.6.2014	1,760	1,673
9.	Pembaikan kenderaan	867311	1,037	20.8.2014	18.11.2014	22.6.2015	307	217
10.	Pembaikan kenderaan	867312	665	30.9.2014	3.9.2014	22.6.2015	266	293
Jumlah			24,522					

Sumber: Majlis Daerah Nabawan

Nota: TM – Tiada maklumat kerana PSK/invois tidak catat tarikh.

- c. Maklum balas MDTnm dan MDN, masing-masing bertarikh 25 dan 27 Julai 2016, menjelaskan isu berlaku disebabkan masalah kekangan kewangan yang dialami oleh pihak Majlis dan akan memperbaiki kelemahan ini. Pihak MDN turut menyatakan perlu menunggu geran bantuan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri supaya dapat membuat pembayaran.**

Pada pendapat Audit, MDTnm dan MDN perlu mengambil kira kecairan kewangan sebelum melaksanakan perolehan agar pembayaran dapat dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan dan tidak menjejaskan imej Kerajaan.

8.4.2. Pelaksanaan Perolehan

8.4.2.1. Kerja Mengikut Spesifikasi

- Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan, butiran kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga. Pihak PBT adalah berhak untuk menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja yang tidak menepati spesifikasi. Setiap penggantian peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima tidak dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada pihak PBT secara bertulis.
- Lawatan Audit ke tapak projek yang dipilih telah dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2016. Hasil pemeriksaan Audit mendapati pelaksanaan projek di MDTnm dan MDTbn adalah mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit di MDN pada 4 hingga 7 April 2016 mendapati sebanyak 3 kerja bernilai RM14,500 dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi seperti di **Jadual 8.8**. Perkara ini berlaku disebabkan ketidaktelitian Penolong Jurutera semasa pengesahan kerja dilaksanakan.

Jadual 8.8
Senarai Kerja Yang Tidak Dilaksanakan Mengikut Spesifikasi
Di Majlis Daerah Nabawan

Bil.	Butiran Kerja	Spesifikasi	Laksana	Perbezaan	
				Kurang	Jumlah (RM)
1.	Projek Memasang Lampu Jalan Di Jalan Rumah Kerajaan (Baru) MDN				
	a. Pemasangan <i>control panel box</i> iaitu sebuah untuk kawasan jalan JKR yang lengkap dengan kelengkapan sebagaimana arahan/standard SESB termasuk memohon untuk pemasangan meter elektrik seperti di Gambar 8.1 . Selepas teguran Audit, maklum balas bertarikh 2 Ogos 2016, MDN memaklumkan meter telah dipasang dan lampu jalan berfungsi dengan sempurna seperti di Gambar 8.2.	2 unit	0 unit	2 unit	3,000
	Jumlah				3,000
2.	Membina Sistem Pencahayaan Di Jalan Masuk Ke Masjid Nabawan				
	a. Pemasangan sebuah <i>control panel box</i> iaitu sebuah untuk kawasan jalan JKR yang lengkap dengan kelengkapan sebagaimana arahan/standard SESB termasuk memohon untuk pemasangan meter elektrik seperti Gambar 8.3 . Selepas teguran Audit, maklum balas bertarikh 2 Ogos 2016, MDN memaklumkan meter telah dipasang dan lampu jalan berfungsi dengan sempurna seperti di Gambar 8.4.	1 unit	0 unit	1 unit	6,000
	Jumlah				6,000
3.	Membina Sistem Pencahayaan Di Jalan SMK Pekan Nabawan, MDN				
	a. Pemasangan sebuah <i>control panel box</i> iaitu sebuah untuk kawasan jalan JKR yang lengkap dengan kelengkapan sebagaimana arahan/standard SESB termasuk memohon untuk pemasangan meter elektrik seperti di Gambar 8.5 . Selepas teguran Audit, maklum balas bertarikh 2 Ogos 2016, MDN memaklumkan meter telah dipasang dan lampu jalan berfungsi dengan sempurna seperti di Gambar 8.6.	1 unit	0 unit	1 unit	5,500
	Jumlah				5,500
Jumlah Keseluruhan					14,500

Sumber: Majlis Daerah Nabawan

Gambar 8.1
Meter Elektrik Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Rumah Kerajaan (Baru), Nabawan
Tarikh: 16 Jun 2016

Gambar 8.2
Meter Elektrik Telah Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Rumah Kerajaan (Baru), Nabawan
Tarikh: 8 Ogos 2016

Gambar 8.3
Meter Elektrik Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Masuk Masjid Nabawan, Nabawan
Tarikh: 4 April 2016

Gambar 8.4
Meter Elektrik Telah Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Masuk Masjid Nabawan, Nabawan
Tarikh: 8 Ogos 2016

Gambar 8.5
Meter Elektrik Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan SMK Pekan Nabawan, Nabawan
Tarikh: 5 April 2016

Gambar 8.6
Meter Elektrik Telah Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan SMK Pekan Nabawan, Nabawan
Tarikh: 8 Ogos 2016

- c. **Maklum balas MDN bertarikh 25 Julai 2016**, pihak kontraktor yang terlibat melaksanakan projek telah dipanggil untuk memasang meter di jalan tersebut. **Status terkini melalui maklum balas lanjut MDN bertarikh 2 Ogos 2016**, menyatakan bahawa meter-meter SESB telah dipasang di setiap lokasi tersebut dan lampu berfungsi dengan sempurna.

Pada pendapat Audit, pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai yang bertanggungjawab mengeluarkan Sijil Siap Kerja adalah tidak memuaskan menyebabkan bayaran penuh ke atas projek telah dibuat walaupun kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak mengikut spesifikasi kerana kemudahan awam berkaitan tidak berfungsi dengan sempurna.

8.4.3. Penyenggaraan

8.4.3.1. Penyenggaraan Kemudahan Awam Dan Aset Kerajaan

- a. Perolehan terutamanya yang melibatkan kemudahan awam dan aset kerajaan perlu diperiksa untuk memastikan ia berfungsi dengan sempurna dan selamat digunakan bagi memanjangkan jangka hayat, meningkatkan keupayaan, mengurangkan kerosakan dan menjimatkan perbelanjaan Kerajaan.
- b. Semakan Audit mendapati penyenggaraan kemudahan awam dan aset kerajaan di MDTnm telah dilaksanakan dengan baik. Bagaimanapun, terdapat 3 kemudahan awam di MDN dan satu aset MDTbn mengalami kerosakan atau kehilangan disebabkan tiada pemeriksaan dan program penyenggaraan berjadual dilaksanakan. Keadaan ini menyebabkan perolehan yang telah dibina atau dinaiktaraf tidak dapat digunakan dalam tempoh yang lama kerana rosak, tidak selamat dan hilang seperti di **Jadual 8.9**.

Jadual 8.9
Kemudahan Awam Dan Aset Kerajaan Tidak Disenggara

Bil.	Butiran Kerja	PBT	Tarikh Siap	Jumlah (RM)	Keadaan Fizikal
1.	Membina Baru Tandas Awam Tapak Tamu Pekan Nabawan, Majlis Daerah Nabawan	MDN	06.04.2014	303,432	- Tandas rosak dan tidak dapat digunakan seperti di Gambar 8.7 - Kemasan jubin tertanggal seperti di Gambar 8.8 Maklum balas MDN bertarikh 25 Julai 2016, kerosakan disebabkan kegiatan <i>vandalisme</i>.
2.	Projek Program MyBeautiful Malaysia (MyBM): Menceriakan Tandas Awam Bangunan MDN, Majlis Daerah Nabawan	MDN	11.11.2014	103,200	- Siling tandas rosak, paip pecah dan kepala paip rosak seperti di Gambar 8.9 hingga Gambar 8.12. Maklum balas MDN bertarikh 25 Julai 2016, kerosakan disebabkan oleh kebocoran paip yang tidak disenggara dengan sempurna.

Bil.	Butiran Kerja	PBT	Tarikh Siap	Jumlah (RM)	Keadaan Fizikal
3.	Naiktaraf Dewan Serbaguna Majlis Daerah Nabawan Fasa II Majlis Daerah Nabawan	MDN	01.07.2014	166,380	- Lantai dewan rosak seperti di Gambar 8.13 - Kemasan <i>craftstones</i> di dinding dewan rosak seperti di Gambar 8.14. Maklum balas MDN bertarikh 25 Julai 2016, kerosakan lantai dewan disebabkan penebat air tidak dipasang sebelum pelaksanaan kerja pemasangan lantai. Manakala, dinding <i>craftstones</i> yang rosak berpunca daripada kegiatan <i>vandalisme</i>.
4.	Membina Bangunan Stor Dan Pemagaran Bangunan Tempat Mencuci Kenderaan di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MD Tambunan	MDTbn	26.08.2014	55,203	2 buah tangki air berukuran 400 gelen hilang seperti di Gambar 8.15 - Cermin tingkap dan mentol lampu di bangunan stor hilang seperti di Gambar 8.16 dan Gambar 8.17.

Sumber: Majlis Daerah Nabawan dan Majlis Daerah Tambunan

Gambar 8.7
Tandas Rosak




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Awam Tapak Tamu, Nabawan
Tarikh: 5 April 2016

Gambar 8.8
Jubin Tertanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Awam Tapak Tamu, Nabawan
Tarikh: 5 April 2016

Gambar 8.9
Siling Jatuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Awam Bangunan MDN, Nabawan
Tarikh: 7 April 2016

Gambar 8.10
Paip Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Awam Bangunan MDN, Nabawan
Tarikh: 7 April 2016

Gambar 8.11
Siling Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Awam Bangunan MDN, Nabawan
Tarikh: 7 April 2016

Gambar 8.12
Kepala Paip Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Awam Bangunan MDN, Nabawan
Tarikh: 7 April 2016

Gambar 8.13
Lantai Dewan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Serbaguna MDN, Nabawan
Tarikh: 6 April 2016

Gambar 8.14
Craftstones Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Serbaguna MDN, Nabawan
Tarikh: 7 April 2016

Gambar 8.15
Tangki Air Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MDTbn, Tambunan
Tarikh: 27 April 2016



Gambar 8.16
Cermin Tingkap Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MDTbn,
Tambunan
Tarikh: 27 April 2016

Gambar 8.17
Mentol Lampu Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MDTbn,
Tambunan
Tarikh: 27 April 2016

- c. **Maklum balas MDN bertarikh 25 Julai 2016, pihak Majlis akan memohon peruntukan untuk membaik pulih dan menyenggara kemudahan awam tersebut.**
- d. **Maklum balas MDTbn bertarikh 15 Julai 2016, selepas projek ini disiapkan pada 26 Ogos 2014, syarikat Horizon Foster telah mendapat kebenaran khas daripada KKTP untuk menguruskan aktiviti pengasingan dan pengurusan di tapak pelupusan sampah MDTbn. Syarikat juga bersetuju untuk mengambil alih penjagaan termasuk keselamatan semua bangunan sedia ada di tapak pelupusan sampah. Bagaimanapun, sebelum perjanjian dimuktamadkan berlaku kecurian dan kehilangan aset seperti tangki air dan cermin tingkap. Laporan polis mengenai kehilangan tersebut telah dibuat dan pihak MDTbn juga telah mengambil tindakan menempatkan penjaga keselamatan di tapak pelupusan sampah tersebut.**

Pada pendapat Audit, PBT perlu merancang dan memasukkan program penyenggaraan ke dalam anggaran belanjawan tahunan PBT supaya perolehan yang dilaksanakan dapat disenggara dengan teratur serta berkeadaan baik untuk digunakan.

8.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan perolehan PBT dapat dilaksanakan dengan teratur dan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dibuat serta kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang lagi pada masa hadapan, adalah disyorkan supaya Majlis Daerah Tenom (MDTnm), Majlis Daerah Nabawan (MDN) dan Majlis Daerah Tambunan (MDTbn) mengambil tindakan seperti berikut:

8.5.1. Merancang semua perolehan secara tahunan dengan mengambil kira kedudukan kecairan PBT dan mematuhi peraturan perolehan yang berkuatkuasa.

8.5.2. Penyeliaan rapi dibuat terhadap kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor bagi memastikan spesifikasi yang ditetapkan dipatuhi.

8.5.3. Semua projek yang dilaksanakan perlu disenggara secara berjadual agar tidak berlaku pembaziran wang Kerajaan kerana tidak dapat digunakan.

9. SABAH DEVELOPMENT BANK BERHAD

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Pada 9 Ogos 1977, Bank Pembangunan Sabah telah diperbadankan oleh Kerajaan Negeri Sabah sebagai sebuah syarikat awam berhad di bawah Akta Syarikat 1965. Setahun kemudian, namanya telah ditukar kepada Sabah Development Bank Berhad (SDB). Pada tahun 1996, SDB telah dibeli oleh Suria Capital Holdings Berhad iaitu sebuah syarikat pelaburan di Sabah. Bagaimanapun, pada tahun 1999 SDB telah dibeli semula oleh Kerajaan Negeri Sabah bagi membolehkan SDB bergerak sebagai perantara kewangan yang aktif kepada Kerajaan Negeri Sabah. Pada tahun 2015, SDB mempunyai modal saham dibenarkan dan berbayar masing-masing berjumlah RM1 bilion dan RM550 juta.

9.1.2. SDB berperanan sebagai sebuah syarikat berorientasikan keuntungan dan bergerak seiring dengan rancangan pembangunan dan objektif negeri dan negara. Objektif SDB adalah menjalankan pelbagai jenis perniagaan berkaitan bank pembangunan dan membantu perniagaan *enterprise* di Malaysia. Aktiviti utama SDB adalah menjadi pembiaya kewangan untuk projek-projek pembangunan seperti perkilangan, perumahan, resort dan pembinaan.

9.1.3 Pada tahun 2015, kakitangan SDB adalah seramai 83 orang yang diketuai oleh seorang Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah (ALP). Manakala ALP adalah seramai 6 orang yang terdiri daripada 3 orang ahli perniagaan dan seorang daripadanya telah dilantik sebagai Pengerusi iaitu Datuk Peter Siau Wui Kee, seorang mantan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan seorang lagi adalah kakitangan awam Kerajaan Negeri.

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah baik atau sebaliknya dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

9.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Kaedah pengauditan ialah dengan membuat semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan. Analisis terhadap penyata kewangan telah dijalankan untuk menilai prestasi kewangan SDB. Pengauditan pengurusan aktiviti seperti pembiayaan projek, pinjaman untuk pembangunan hartanah komersial dan kediaman, pinjaman pembiayaan modal dan projek rehabilitasi telah dijalankan dengan menyemak semua dokumen berkaitan. Temu bual juga telah dibuat

dengan pegawai terlibat, di samping melaksanakan pemeriksaan fizikal terhadap projek dan cagaran bagi pinjaman yang dibiayai oleh SDB di Kuantan, Selangor, Kota Kinabalu dan Labuan masing-masing pada 26 dan 27 April 2016 serta 20 dan 23 Mei 2016. *Exit Conference* bersama Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif SDB telah diadakan pada 26 Julai 2016 yang turut dihadiri wakil Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

9.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga April 2016 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah baik di mana keuntungan terkumpul syarikat pada 31 Disember 2015 berjumlah RM375.68 juta; SDB berjaya mencatat keuntungan 3 tahun berturut-turut; dan mematuhi manual prosedur pengurusan pinjaman dan tadbir urus korporat. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui dan secara ringkasnya dijelaskan dalam perenggan berikut:

- Jumlah *non-performing loan* (NPL) meningkat daripada RM671.66 juta pada tahun 2013 kepada RM753.47 juta pada tahun 2015.
- Pencapaian sebenar jumlah pinjaman antara RM261.50 juta (36.3%) hingga RM1,909.75 juta (156.5%) berbanding sasaran. Sasaran yang ditetapkan adalah tidak realistik bagi tempoh 2013 hingga 2015.
- Tiga syarikat subsidiari mengalami defisit dalam dana pemegang saham berjumlah antara RM0.60 juta hingga RM56.86 juta setakat 31 Disember 2014.

9.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan SDB, analisis terhadap trend dan nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

9.4.1.1. Analisis Trend

- a. Bagi tempoh 2013 hingga 2015, prestasi kewangan SDB adalah baik di mana SDB telah mencatat keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut masing-masing RM124.83 juta, RM115.05 juta dan RM147.83 juta pada tahun 2013, 2014 dan 2015. Selain itu, keuntungan terkumpul berjumlah RM375.68 juta pada tahun 2015.
- b. Pendapatan SDB terdiri daripada 3 komponen utama iaitu pendapatan faedah, lain-lain pendapatan dan pendapatan daripada perbankan Islam. Pada tahun 2014, pendapatan faedah telah meningkat sejumlah RM58.22 juta atau 20.6% menjadi RM340.47 juta berbanding tahun 2013 berjumlah RM282.25 juta. Seterusnya meningkat sejumlah RM74.31 juta atau 21.8% menjadi RM414.78 juta pada tahun 2015. Bagaimanapun, lain-lain pendapatan mencatat penurunan sebanyak RM2.52

juta atau 5% menjadi RM48.34 juta pada tahun 2014 berbanding tahun 2013. Pada tahun 2015, lain-lain pendapatan terus mencatat penurunan sebanyak 20.1% menjadi RM38.60 juta. Manakala pendapatan daripada perbankan Islam agak konsisten iaitu masing-masing berjumlah RM0.77 juta, RM0.79 juta dan RM0.93 juta bagi tahun 2013, 2014 dan 2015.


- c. Perbelanjaan SDB pula terdiri daripada perbelanjaan faedah, peruntukan bagi kerugian rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan serta lain-lain perbelanjaan. Pada tahun 2014 perbelanjaan faedah telah meningkat sejumlah RM31.77 juta atau 21.8% menjadi RM177.81 juta berbanding tahun 2013. Perbelanjaan faedah mencatat peningkatan sebanyak 15.7% menjadi RM205.77 juta pada tahun 2015 berbanding tahun 2014. Pada tahun 2014, lain-lain perbelanjaan telah meningkat sebanyak 26.1% menjadi RM20.37 juta berbanding tahun 2013. Seterusnya pada tahun 2015 lain-lain perbelanjaan meningkat sebanyak 29.3% menjadi RM26.33 juta berbanding tahun 2014. Peruntukan rosot nilai bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan telah meningkat sebanyak 63% pada tahun 2014 menjadi RM76.37 juta berbanding tahun 2013. Bagaimanapun, ia telah menurun sejumlah RM1.99 juta atau 2.6% pada tahun 2015.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan semasa dan terkumpul SDB adalah seperti di **Jadual 9.1**, **Carta 9.1** dan **Carta 9.2**.

Jadual 9.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian SDB
Bagi Tempoh 2013 Hingga 2015

Butiran	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
Pendapatan Faedah	282.25	340.47	414.78
Pendapatan Perbankan Islam	0.77	0.79	0.93
Lain-lain Pendapatan	50.86	48.34	38.60
Jumlah Pendapatan	333.88	389.60	454.31
Perbelanjaan Faedah	(146.04)	(177.81)	(205.77)
Lain-lain Perbelanjaan	(16.16)	(20.37)	(26.33)
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	(46.85)	(76.37)	(74.38)
Jumlah Perbelanjaan	(209.05)	(274.55)	(306.48)
Keuntungan Sebelum Cukai	124.83	115.05	147.83
Cukai Pendapatan	(28.99)	(23.56)	(34.52)
Keuntungan Bersih	95.84	91.49	113.31
Keuntungan Terkumpul	260.89	307.38	375.68


Sumber: Penyata Kewangan SDB

Carta 9.1
Keuntungan Sebelum Cukai Dan
Keuntungan Terkumpul
Bagi Tahun Kewangan 2013 Hingga 2015



Sumber: Penyata Kewangan SDB

Carta 9.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan
Bagi Tahun Kewangan 2013 Hingga 2015



Sumber: Penyata Kewangan SDB

9.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Analisis yang dibuat adalah meliputi analisis Nisbah Semasa, Margin Keuntungan, Nisbah Pulangan Atas Aset dan Nisbah Pulangan Atas Ekuiti. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 9.2**.

Jadual 9.2
Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan
Berakhir 31 Disember 2013 Hingga 2015

Butiran	Tahun		
	2013	2014	2015
Nisbah Semasa	0.96:1	1.07:1	0.74:1
Margin Keuntungan	37.4%	29.5%	32.5%
Pulangan Atas Aset	0.02:1	0.02:1	0.02:1
Pulangan Atas Ekuiti	0.16:1	0.14:1	0.16:1

Sumber: Penyata Kewangan SDB

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 menunjukkan syarikat berkemampuan melunaskan hutang semasanya. Manakala Nisbah Semasa pada kadar 1:1 adalah dianggap setara. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati Nisbah Semasa meningkat daripada 0.96:1 pada tahun 2013 kepada 1.07:1 pada tahun 2014. Nisbah Semasa menurun kepada 0.74:1 pada tahun 2015. Ini menunjukkan kecairan SDB berada pada tahap yang kurang memuaskan pada tahun 2015.

b. Margin Keuntungan

Margin Keuntungan mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi tahun kewangan 2013, 2014 dan 2015, SDB telah menjana keuntungan masing-masing RM0.374, RM0.295 dan RM0.325. Pada keseluruhannya, keuntungan ini menunjukkan trend yang tidak konsisten dan perlu diberi perhatian.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya bagi mendapatkan pulangan terbaik. Analisis menunjukkan bagi tempoh 2012 hingga 2015 tahap kecekapan menggunakan aset bagi menjana pendapatan adalah konsisten iaitu RM0.02.

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah ekuiti syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit ekuiti yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Ekuiti pada tahun 2013 dan 2015 adalah 0.16:1. Manakala pada tahun 2014 adalah 0.14:1.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan SDB adalah baik kerana SDB berjaya mencatat keuntungan 3 tahun berturut-turut dan keuntungan terkumpul berjumlah RM375.68 juta pada tahun 2015. Bagaimanapun, trend yang menurun perlu diberi perhatian.

9.4.2. Pengurusan Aktiviti

SDB merupakan sebuah institusi pemberi pinjaman kepada sektor korporat/syarikat swasta. SDB menyediakan 7 jenis kemudahan pinjaman iaitu *revolving credit*, *short term advance*, *term loan*, *bridging loan*, *bank guarantee*, *letter of credit* dan *performance bond*. Kemudahan pinjaman tersebut dikategorikan kepada 8 sektor ekonomi iaitu *real estate*, *sector N.E.C*, *construction*, *agriculture*, *transport*, *storage & telecommunication*, *education*, *health & others*, *manufacturing* dan *electricity, gas & water supply*. Selain itu, SDB juga membuat pelaburan dalam saham dan *unit trust (securities)* bagi mendapatkan pulangan dalam bentuk dividen dan faedah.

9.4.2.1. Prestasi Pinjaman Yang Diberi

Prestasi aktiviti bagi SDB adalah diukur berdasarkan prestasi pinjaman. Prestasi pinjaman yang baik akan mengukuhkan kedudukan kewangan. Bagi tempoh 2013 hingga 2015, keseluruhan pinjaman yang diberi adalah RM3.89 bilion. Jumlah pinjaman yang diberi bagi tahun 2013 adalah RM1.91 bilion dan telah menurun masing-masing kepada RM1.72 bilion dan RM261.50 juta pada tahun 2014 dan 2015. Sektor *real estate* merupakan penyumbang pinjaman tertinggi iaitu berjumlah RM1.71 bilion atau 44.0% manakala sektor *electricity, gas and water supply* merupakan penyumbang pinjaman terendah iaitu RM26.58 juta atau 0.7%. Pinjaman yang diberi bagi tempoh 2013 hingga 2015 mengikut sektor adalah seperti di **Jadual 9.3**.

Jadual 9.3
Pinjaman Yang Diberi Mengikut Sektor Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Economic Sector	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
1.	Real Estate	1,109.31	502.86	95.30
2.	Construction	367.35	478.34	63.50
3.	Sector N.E.C.	300.00	308.30	-
4.	Agriculture	-	400.00	-
5.	Transport, Storage & Telecommunications	8.00	5.00	87.20
6.	Education, Health & Others	78.00	2.00	15.50
7.	Manufacturing	46.00	-	-
8.	Electricity, Gas and Water Supply	1.09	25.49	-
Jumlah		1,909.75	1,721.99	261.50

Sumber: SDB

a. Pencapaian Sebenar Pinjaman Yang Diberi Berbanding Sasaran

SDB telah menetapkan sasaran bagi pinjaman tahunan mengikut sektor ekonomi. Bagi tempoh 2013 hingga 2015, pencapaian sebenar pinjaman diberi berbanding sasaran adalah antara 36.3% hingga 156.5% seperti di **Jadual 9.4**. Selain itu, analisis Audit mendapati perkara berikut:

Jadual 9.4
Pencapaian Sebenar Pinjaman Yang Diberi Berbanding Sasaran Bagi Tempoh 2013 Hingga 2015

Bil.	Economic Sector	2013			2014			2015		
		a (RM Juta)	b (RM Juta)	c (%)	a (RM Juta)	b (RM Juta)	c (%)	a (RM Juta)	b (RM Juta)	c (%)
1.	Real Estate	675.00	1,109.31	164.3	677.00	502.86	74.3	288.90	95.30	33.0
2.	Construction	280.00	367.35	131.2	278.00	478.34	172.1	187.00	63.50	34.0
3.	Sector N.E.C.	64.00	300.00	468.8	74.00	308.30	416.6	125.30	0	TB
4.	Agriculture	55.00	0	TB	55.00	400.00	727.3	34.60	0	TB
5.	Transport, Storage & Telecommunications	0	8.00	TB	0	5.00	TB	0	87.20	TB
6.	Education, Health & Others	80.00	78.00	97.5	80.00	2.00	2.5	30.00	15.50	51.7
7.	Manufacturing	66.00	46.00	69.7	66.00	0	TB	34.60	0	TB
8.	Electricity, Gas and Water Supply	0	1.09	TB	0	25.49	TB	19.60	0	TB
Jumlah		1,220.00	1,909.75	156.5	1,230.00	1,721.99	140.0	720.00	261.50	36.3

Sumber: SDB

Nota: a – sasaran, b – sebenar, c – pencapaian (b/a), TB – tidak berkenaan
N.E.C. – Not Elsewhere Classified

- i. Pada tahun 2013, pinjaman yang diberi adalah berjumlah RM1.91 bilion melebihi sasaran ditetapkan sebanyak 56.5% iaitu RM1.22 bilion. Jumlah pinjaman yang diberi telah menurun pada tahun 2014 kepada RM1.72 bilion namun telah melebihi sasaran sebanyak 40%. Jumlah pinjaman pada tahun 2015 seterusnya menurun kepada RM261.50 juta dan hanya mencapai 36.3% daripada sasaran yang ditetapkan.
- ii. SDB telah menetapkan sasaran bagi sektor *real/ estate* berjumlah RM675 juta pada tahun 2013 dan pencapaian adalah RM1,109.31 juta iaitu 164.3%. Seterusnya pada tahun 2014, sasaran yang ditetapkan oleh SDB adalah RM677 juta dan pencapaian adalah RM502.86 juta atau 74.3%. Pada tahun 2015, sasaran yang ditetapkan adalah RM288.39 juta iaitu penurunan 57.3% berbanding sasaran tahun 2014 dan pencapaian sebenar adalah RM95.30 juta atau 33%.
- iii. Pencapaian sebenar pinjaman yang diberi bagi sektor *construction* adalah RM367.35 juta atau 131.2% berbanding sasaran RM280 juta bagi tahun 2013. Seterusnya pada tahun 2014, pencapaian sektor *construction* telah melebihi sasaran sebanyak 72.1% iaitu RM478.34 juta berbanding RM278 juta yang ditetapkan. Bagaimanapun, pada tahun 2015 pencapaian sebenar hanya 34.0% iaitu RM63.50 juta berbanding sasaran RM187 juta.
- iv. Pencapaian sebenar jumlah pinjaman berbanding sasaran bagi sektor *N.E.C* adalah masing-masing RM300 juta atau 468.8% dan RM308.30 juta atau 416.6% bagi tempoh 2013 dan 2014. Bagaimanapun, pada tahun 2015 tiada pinjaman diberikan. Sektor *agriculture* pula menunjukkan pencapaian 727.3% atau RM400 juta berbanding sasaran RM55 juta bagi tahun 2014 dan tidak ada pinjaman diberikan bagi tahun 2013 dan 2015. Selain itu, SDB tidak menetapkan sasaran bagi sektor *transport, storage & telecommunications* tetapi pinjaman yang diberikan adalah masing-masing RM8 juta, RM5 juta dan RM87.20 juta pada tahun 2013, 2014 dan 2015.
- v. Pencapaian sebenar sektor *education, health & others* adalah masing-masing 97.5%, 2.5% dan 51.7% bagi tahun 2013, 2014 dan 2015. Sektor *Manufacturing* telah mencapai 69.7% pada tahun 2013 dan tidak ada pinjaman diberikan pada tahun 2014 dan 2015. Selain itu, sektor *electricity, gas and water supply* tidak ada sasaran ditetapkan bagi tempoh 2013 dan 2014 tetapi pinjaman sebenar diberikan adalah sejumlah RM1.09 juta dan RM25.49 juta. Sasaran ditetapkan pada tahun 2015 adalah RM19.60 juta tetapi tidak ada pinjaman diberikan.
- vi. Analisis Audit mendapati pencapaian sebenar jumlah pinjaman diberi berbanding sasaran adalah tidak realistik dan perlu dikaji secara menyeluruh. Ini disebabkan oleh persaingan bank tempatan dan komitmen pelanggan. Kesannya adalah jumlah pinjaman menurun.

- vii. Berdasarkan maklum balas SDB bertarikh 22 Julai 2016, pinjaman sebenar yang diberi adalah rendah berbanding sasaran pada tahun 2015 disebabkan pengurusan SDB bersikap *prudent* memandangkan keadaan ekonomi yang lembab dan persekitaran perniagaan yang lemah.

b. Prestasi Pinjaman Diberi Mengikut Sektor

- i. SDB mengklasifikasikan pinjaman diberi kepada jangka pendek (kurang daripada 1 tahun) dan jangka panjang (1 tahun dan ke atas). Mengikut rekod SDB, pinjaman jangka panjang yang diberikan adalah antara 66.4% hingga 72.5% bagi tempoh 2013 hingga 2015. Manakala pinjaman jangka pendek adalah antara 27.5% hingga 33.6% bagi tempoh yang sama seperti di **Jadual 9.5**. Pembiayaan jangka panjang boleh memberi kesan terhadap kos pembiayaan dana dan seterusnya memberi kesan terhadap faedah dikenakan dan kemampuan daya saing dengan bank tempatan yang lain.

Jadual 9.5
Jenis Pembiayaan Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Jenis Pembiayaan	2013		2014		2015	
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
Jangka Pendek (< 1 tahun)	1,639.05	32.3	1,910.17	33.6	1,692.87	27.5
Jangka Panjang (> 1 tahun)	3,439.58	67.7	3,773.69	66.4	4,470.02	72.5
Jumlah	5,078.63	100	5,683.86	100	6,162.89	100

Sumber: SDB

- ii. Keseluruhan pinjaman yang diberi oleh SDB setakat akhir tahun 2013 adalah RM5.08 bilion yang terdiri daripada *performing loan* (PL) berjumlah RM4.41 bilion (86.8%) dan *non performing loan* (NPL) berjumlah RM671.66 juta (13.2%). Jumlah ini meningkat kepada RM5.68 bilion iaitu PL berjumlah RM4.95 bilion (87.1%) dan NPL berjumlah RM735.82 juta (12.9%) pada tahun 2014. Seterusnya pada tahun 2015, ianya meningkat kepada RM6.16 bilion masing-masing PL berjumlah RM5.41 bilion (87.8%) dan NPL berjumlah RM753.47 juta (12.2%). Prestasi pinjaman diberi mengikut sektor bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 9.6**.

Jadual 9.6
Prestasi Pinjaman Diberi Mengikut Sektor

Sektor	2013			2014			2015		
	PL (RM Juta)	NPL (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	PL (RM Juta)	NPL (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	PL (RM Juta)	NPL (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
<i>Real Estate</i>	1,112.88	52.77	1,165.65	1,243.87	58.24	1,302.11	1,092.25	84.78	1,177.03
<i>Construction</i>	1,254.56	358.38	1,612.94	1,490.00	392.13	1,882.13	1,671.25	241.51	1,912.76
<i>Sector N.E.C.</i>	663.81	34.67	698.48	908.42	36.97	945.39	1,049.75	39.32	1,089.07
<i>Agriculture</i>	282.10	16.65	298.75	246.30	16.95	263.25	664.89	17.28	682.17
<i>Transport, Storage & Tele- communications</i>	34.27	0	34.27	28.30	0	28.30	31.71	0	31.71
<i>Education, Health & Others</i>	360.51	70.91	431.42	346.18	74.39	420.57	336.86	77.92	414.78
<i>Manufacturing</i>	204.05	138.28	342.33	227.32	146.80	374.12	154.02	233.92	387.94
<i>Electricity, Gas and Water Supply</i>	494.79	0	494.79	457.65	10.34	467.99	408.69	58.74	467.43
Jumlah	4,406.97	671.66	5,078.63	4,948.04	735.82	5,683.86	5,409.42	753.47	6,162.89
Peratus (%)	86.8	13.2	100	87.1	12.9	100	87.8	12.2	100

Sumber: SDB

Nota: PL – Performing Loan, NPL – Non Performing Loan

9.4.2.2. Pengurusan Pinjaman Diberi

Mengikut amalan terbaik, keutamaan pemilihan sektor untuk diberikan pinjaman adalah berdasarkan sektor yang mempunyai nilai strategik kepada Negara. Kriteria pemilihan projek juga menekankan sumbangan terhadap produktiviti sosio ekonomi, kestabilan ekonomi, pembangunan infrastruktur dan pemuliharaan alam sekitar. Semakan Audit secara persampelan mendapati proses permohonan dan kelulusan pinjaman adalah teratur di mana setiap permohonan telah disemak oleh bahagian perbankan SDB dan diperaku oleh CEO seterusnya dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Bagaimanapun, jawatankuasa yang bebas tidak diwujudkan untuk membuat penilaian terhadap permohonan pinjaman bagi menjamin ketelusan dalam pemberian pinjaman.

a. Cagaran

Cagaran adalah satu kaedah keselamatan yang diguna pakai sebagai jaminan atas pinjaman yang diberikan. Mengikut *Section VI, Bank Policy Manual SDB, loan security/support* hanya boleh diterima oleh SDB sekiranya ia mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti nilai cagaran mudah ditentukan dan konsisten; cagaran mudah direalisasi dan dipindah milik; geran tidak boleh dipersoal/dipertikai dan cagaran adalah bebas daripada liabiliti kepada pihak ketiga. Cagaran yang diterima oleh SDB adalah seperti tanah, *stock* dan bon didaftar atas nama Sabah Development (Nominee) Sdn. Bhd. dan deposit tunai yang disokong dengan surat *set-off*. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- i. Mengikut amalan SDB, *minimum requirement* untuk *security coverage* adalah sekurang-kurangnya 1 atau 1.25 kali daripada jumlah kemudahan kredit yang diberikan. Berdasarkan rekod SDB, sejumlah RM1.91 bilion pinjaman melibatkan 36 syarikat telah diluluskan pada tahun 2013 dengan kadar cagaran 2.70:1. Pada

tahun 2014 dan 2015, jumlah cagaran adalah 2.45:1 dan 4.13:1 masing-masing bagi 32 dan 10 peminjam. Ini menunjukkan jumlah cagaran adalah melebihi *minimum requirement* untuk *security coverage* yang ditetapkan. Cagaran berbanding pinjaman diberi bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 9.7**.

Jadual 9.7
Cagaran Berbanding Pinjaman Bagi Tempoh 2013 Hingga 2015

Perihal	2013	2014	2015
Bilangan Peminjam/Syarikat	36	32	10
Jumlah Diluluskan (RM Juta)	1,909.75	1,721.99	261.50
Nilai Cagaran Tanah/Saham/ Surat Jaminan (RM Juta)	2,120.42	2,450.88	841.72
Construction Cost/Gross Development Value (RM Juta)	3,027.72	1,765.71	238.51
Jumlah Cagaran (RM Juta)	5,148.14	4,216.59	1,080.23
Nisbah Cagaran	2.70:1	2.45:1	4.13:1

Sumber: SDB

- ii. Mengikut rekod NPL, 8 akaun pinjaman jangka pendek bagi 4 syarikat dan 3 akaun pinjaman jangka panjang bagi 2 syarikat dengan tunggakan pinjaman berjumlah RM149.66 juta dan RM123.57 juta mempunyai cagaran masing-masing bernilai RM73.91 juta dan RM38.27 juta. Manakala baki 35 pinjaman jangka pendek (25 syarikat) dan 9 pinjaman jangka panjang (7 syarikat) dengan tunggakan pinjaman masing-masing sejumlah RM369.77 juta dan RM110.47 juta tidak dinyatakan nilai cagarannya. **Berdasarkan maklum balas SDB bertarikh 22 Julai 2016, cagaran pinjaman tersebut telah dilupuskan sepenuhnya.**
- iii. Pihak Audit bersama dengan SDB dan peminjam telah membuat lawatan pada 26 dan 27 April 2016 serta 20 dan 23 Mei 2016 ke 7 tapak tanah/projek yang dijadikan cagaran untuk memastikan kewujudannya seperti di **Gambar 9.1** hingga **Gambar 9.7**.

Gambar 9.1
Tapak Tanah Cagaran Pinjaman
Linear Classics (M) Sdn. Bhd.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gambang, Kuantan Pahang
Tarikh: 26 April 2016

Gambar 9.2
Tapak Tanah Cagaran Pinjaman
Sri Aman Bakti Sdn. Bhd.



Sumber: SDB
Lokasi: Rawang, Selangor
Tarikh: 26 April 2016

Gambar 9.3
Tapak Tanah Cagaran Pinjaman
Metal Reclamation Sdn. Bhd.



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Port Klang, Selangor
 Tarikh: 27 April 2016

Gambar 9.4
Tapak Tanah Cagaran Pinjaman BCI Sabah
International Petroleum Sdn. Bhd.




Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Serdang, Selangor
 Tarikh: 27 April 2016

Gambar 9.5
Tapak Tanah Cagaran Pinjaman Tekun
Cemerlang Sdn. Bhd.



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Tuaran, Sabah
 Tarikh: 20 Mei 2016

Gambar 9.6
Tapak Tanah Cagaran Pinjaman Docomo
Home Sdn. Bhd.



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Penampang, Kota Kinabalu
 Tarikh: 20 Mei 2016



Gambar 9.7
Tapak Tanah Cagaran Pinjaman BCI
Sabah International Petroleum Sdn. Bhd.

Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Wilayah Persekutuan Labuan
 Tarikh: 23 Mei 2016

b. Dana Pembiayaan

Sumber dana pembiayaan SDB adalah pinjaman daripada bank tempatan dan deposit daripada agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti di **Jadual 9.8**. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

Jadual 9.8
Sumber Dana Pembiayaan SDB Pada Akhir Tahun 2013, 2014 Dan 2015

Sumber Dana	Pembiaya/Pendeposit	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
Pinjaman	Bank Perdagangan Tempatan	3,316.00	3,422.00	4,055.00
Deposit	Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri	834.94	1,059.87	888.12
Jumlah Pinjaman Dan Deposit		4,150.94	4,481.87	4,943.12

Sumber: SDB

- i. Sumber dana pembiayaan SDB daripada pinjaman bank tempatan adalah masing-masing berjumlah RM3.32 bilion, RM3.42 bilion dan RM4.06 bilion bagi tahun 2013, 2014 dan 2015. Sumber pembiayaan terbesar adalah *Commercial Paper/Medium Term Notes Programmes* iaitu berjumlah RM3.14 bilion atau 94.6% daripada komposisi pembiayaan keseluruhan pada tahun 2013. Jumlah ini meningkat kepada RM3.23 bilion (94.4%) dan RM3.92 bilion (96.6%) masing-masing pada tahun 2014 dan 2015. Pihak SDB memaklumkan bahawa pembiayaan dana tersebut adalah untuk menampung kesemua perbelanjaan modal, operasi dan pentadbiran SDB. Pihak SDB tidak mengasingkan sumber pembiayaan dana tersebut mengikut jenis perbelanjaan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat membuat analisis terhadap kos pembiayaan dana yang dibayar dan diterima bagi dana pembiayaan.
- ii. Pendeposit yang menampung dana SDB adalah dari sumber yang terhad iaitu Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri (Badan Berkanun dan GLC). Deposit yang diterima pada tahun 2013 adalah berjumlah RM834.94 juta dan meningkat kepada RM1.06 bilion pada tahun 2014. Bagaimanapun, jumlah ini menurun kepada RM888.12 juta pada tahun 2015. Pendeposit terbesar adalah Jabatan Bendahari Negeri dengan simpanan masing-masing sejumlah RM744.37 juta atau 89.2%, RM964.37 juta atau 91% dan RM794.37 juta atau 89.4% daripada keseluruhan deposit pada tahun 2013, 2014 dan 2015.
- iii. **Berdasarkan maklum balas SDB bertarikh 22 Julai 2016, Base Lending Rate SDB adalah mengikut industri perbankan. Net interest margin adalah masing-masing 3.5%, 3.6% dan 4.2% bagi tempoh 2013, 2014 dan 2015.**

c. Penstrukturan/Penjadualan Semula Pinjaman

Penjadualan semula pinjaman adalah salah satu proses ubah suai pembayaran balik tanpa mengubah terma dan syarat utama kontrak dengan ketara. Antaranya adalah

melanjutkan tempoh pembayaran balik pinjaman, pembiayaan atau permodalan faedah sebagai prinsipal dan penangguhan atau tempoh moratorium. Penjadualan semula pinjaman dapat membantu peminjam mengatasi masalah pinjaman kewangan jangka pendek terutamanya prospek jangka panjang perniagaan atau projek dianggap berdaya maju. Pihak Audit dimaklumkan, SDB tidak menetapkan had maksimum bagi penjadualan semula pinjaman. Semakan Audit mendapati sebanyak 65 akaun pinjaman dengan baki pinjaman berjumlah RM889.42 juta telah dijadualkan semula pada tahun 2013. Bilangan ini meningkat kepada 70 dan 87 akaun pinjaman berjumlah RM1.75 bilion dan RM1.96 bilion masing-masing pada tahun 2014 dan 2015.

d. *Non Performing Loan*

Berdasarkan amalan terbaik, semua pinjaman hendaklah dibayar mengikut jadual bayaran balik yang telah dipersetujui dalam perjanjian pinjaman. *Non Performing Loan* (NPL) adalah jumlah pinjaman wang di mana penghutang tidak membuat bayaran dalam tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan. Ini bermakna pinjaman tersebut tidak ada transaksi pembayaran dan dikategorikan sebagai ingkar atau hampir berada dalam ingkar. Sesuatu pinjaman yang tidak ada transaksi pembayaran berisiko tinggi untuk tidak dibayar sepenuhnya. Oleh itu, pinjaman tidak berbayar akan mengakibatkan implikasi kewangan serta untung/rugi syarikat. Semakan Audit terhadap rekod NPL SDB pada akhir tahun 2015 mendapati perkara berikut:

- i. NPL bagi tahun 2015 berjumlah RM753.47 juta yang melibatkan 37 peminjam (57 akaun pinjaman) seperti di **Jadual 9.9**. Tempoh tunggakan adalah antara 10 bulan hingga 20 tahun. Analisis terhadap NPL SDB mendapati ia telah meningkat daripada RM671.66 juta pada tahun 2013 kepada RM735.82 juta dan RM753.47 juta masing-masing pada tahun 2014 dan 2015. NPL terbesar adalah daripada sektor *construction* yang merupakan 32.1% hingga 53.3% daripada jumlah keseluruhan NPL bagi tempoh 2013 hingga 2015. NPL kedua terbesar adalah daripada sektor *manufacturing* yang merangkumi 20% hingga 31% bagi tempoh yang sama. Analisis Audit seterusnya mendapati nilai NPL bagi semua sektor menunjukkan trend meningkat kecuali sektor *construction*.

Jadual 9.9
NPL Mengikut Sektor Bagi Tempoh 2013 Hingga 2015

Sektor	2013		2014		2015	
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
<i>Real Estate</i>	52.77	7.9	58.24	7.9	84.78	11.3
<i>Construction</i>	358.38	53.3	392.13	53.3	241.51	32.1
<i>N. E. C. (Not Elsewhere Classified)</i>	34.67	5.2	36.97	5.0	39.32	5.2
<i>Agriculture</i>	16.65	2.5	16.95	2.3	17.28	2.3
<i>Education, Health & Others</i>	70.91	10.5	74.39	10.1	77.92	10.3
<i>Manufacturing</i>	138.28	20.6	146.80	20.0	233.92	31.0
<i>Electricity, Gas and Water Supply</i>	-	-	10.34	1.4	58.74	7.8
Jumlah	671.66	100	735.82	100	753.47	100

Sumber: SDB

- ii. Mengikut polisi SDB, pinjaman yang tidak dibayar bagi tempoh 6 bulan adalah dikategorikan/dianggap sebagai NPL. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 49 syarikat tidak membayar balik pinjaman mereka melebihi 6 bulan tetapi tidak dikategorikan sebagai NPL antara lainnya disebabkan projek belum dimulakan dan pinjaman dalam proses penstrukturan semula.
- iii. Analisis pengumuran NPL mendapati tempoh NPL melebihi 15 tahun merupakan kategori yang terbesar berjumlah RM308.97 juta melibatkan 14 akaun. Ini diikuti oleh kategori antara 1 hingga kurang 5 tahun berjumlah RM237.45 juta melibatkan 24 akaun dan kategori 5 hingga kurang 10 tahun yang berjumlah RM205.56 juta melibatkan 17 akaun. Amaun pinjaman NPL terbesar melibatkan kategori baki pinjaman RM40 juta dan ke atas berjumlah RM305.31 juta melibatkan 5 akaun. Dua daripada akaun tersebut dalam proses liquidasi, satu akaun akan diselesaikan melalui *debt settlement scheme*, satu akaun sedang dalam proses perundingan dan satu lagi dalam proses untuk melupuskan aset yang dicagarkan. Kedua terbesar adalah kategori baki pinjaman RM30 juta hingga kurang RM40 juta berjumlah RM181.64 juta bagi 5 akaun. Ini diikuti oleh kategori baki pinjaman RM10 juta hingga kurang RM20 juta berjumlah RM134.01 juta untuk 10 akaun. Analisis pengumuran NPL adalah seperti di **Jadual 9.10**.

Jadual 9.10
Pengumuran NPL

Kategori	Tempoh Tunggakan NPL SDB										Jumlah Keseluruhan
	< 1 Tahun (2015)		1 - <5 Tahun (2010 – 2014)		5 - <10 Tahun (2005 – 2009)		10 – <15 Tahun (2000 – 2004)		>15 Tahun (1996 – 1999)		
(RM Juta)	Bil.	Jumlah (RM Juta)	Bil.	Jumlah (RM Juta)	Bil.	Jumlah (RM Juta)	Bil.	Jumlah (RM Juta)	Bil.	Jumlah (RM Juta)	(RM Juta)
<1.00	1	0.27	2	1.08	6	3.42	1	1.22	3	0.003	5.99
1.00 – <10.00	0	0	13	47.89	6	18.09	0	0	3	13.82	79.80
10.00 – <20.00	0	0	5	69.85	2	23.73	0	0	3	40.43	134.01
20.00 – <30.00	0	0	2	46.72	0	0	0	0	0	0	46.72
30.00 – <40.00	0	0	2	71.91	1	39.32	0	0	2	70.41	181.64
40.00 & ke atas	0	0	0	0	2	121.00	0	0	3	184.31	305.31
Jumlah	1	0.27	24	237.45	17	205.56	1	1.22	14	308.97	753.47

Sumber: SDB

- iv. Berdasarkan maklum balas SDB bertarikh 22 Julai 2016, purata kasar NPL adalah pada kadar tetap iaitu 12% dan telah diperuntukkan sepenuhnya. Akaun NPL yang tertunggak melebihi 15 tahun adalah dikategorikan sebagai *legacy loans* dan sedang dalam proses *write down*.

e. Loan Recovery

Loan Recovery Unit secara dasarnya berfungsi untuk mengurus segala aktiviti pemulihan pinjaman secara berkesan bagi mengurangkan NPL. Ini dilakukan dengan mengambil usaha yang berterusan mengutip baki tunggakan bayaran balik pinjaman. Mengikut rekod SDB sejumlah RM0.82 juta, RM0.32 juta dan RM2.97 juta NPL telah dikutip masing-masing pada tahun 2013, 2014 dan 2015.

9.4.2.3. Pengurusan Pelaburan

Pengurusan pelaburan yang berkesan adalah penting supaya kepentingan pelabur sentiasa terpelihara. Penilaian pengurusan pelaburan adalah untuk memastikan ianya teratur, mengikut had kuasa yang dibenarkan dan rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. SDB membuat pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu, *fund manager*, *capital venture fund* dan *unit trust (securities)*.

a. Pelaburan Di Bursa Malaysia Dan Saham Sabah Berhad

Semakan Audit mendapati pelaburan SDB dalam *quoted shares* dan *unit trust* setakat bulan Disember 2015 adalah berjumlah RM13.79 juta. Pelaburan dalam 21 *quoted shares* berjumlah RM5.08 juta dan mengalami peningkatan nilai antara 1.1% hingga 176.6% menjadi RM8.17 juta. Manakala 13 *quoted shares* dengan pelaburan berjumlah RM3.03 juta mengalami penurunan nilai antara 4.5% hingga 79.5% menjadi RM1.78 juta. Selain itu pelaburan dalam 1 *unit trust* berjumlah RM5.68 juta telah mengalami penurunan nilai sebanyak 55.2% menjadi RM2.55 juta.

b. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Setakat 31 Disember 2015, SDB telah melabur sejumlah RM11.51 juta dalam syarikat subsidiari. Aktiviti utama syarikat subsidiari SDB adalah dalam bidang pelaburan dan *property holding*, agen insurans, perkhidmatan pengurusan dana dan perniagaan emas serta perak. Semakan Audit terhadap prestasi kewangan syarikat subsidiari mendapati perkara berikut:

- i. Empat syarikat subsidiari masih dalam kedudukan kerugian terkumpul setakat 31 Disember 2014 berjumlah RM0.70 juta hingga RM29.87 juta.
- ii. Tiga syarikat subsidiari SDB telah mengalami defisit dalam dana pemegang saham pada 2014.

- iii. Syarikat subsidiari iaitu Sedia Usaha Sdn. Bhd. telah membayar dividen antara RM12 juta hingga RM150 juta kepada SDB pada tahun 2012 hingga 2014.
- iv. Baki terhutang oleh 2 syarikat subsidiari pada akhir tahun 2014 adalah RM520.20 juta.
- v. **Berdasarkan maklum balas SDB bertarikh 22 Julai 2016, satu syarikat adalah berstatus dormant, satu tidak menjalankan apa-apa operasi perniagaan dan satu lagi bertujuan untuk memegang saham dalam Felda Global Ventures Holdings Berhad.**

Secara keseluruhannya, objektif SDB untuk membantu usahawan korporat adalah tercapai. Bagaimanapun, kelemahan seperti NPL yang meningkat dan 3 syarikat subsidiari yang mengalami defisit dana perlu diambil tindakan pemulihan.

9.4.3. Tadbir Urus Korporat

Amalan tadbir urus korporat yang baik amat penting kerana ia membantu sektor korporat bersaing dengan lebih cekap dan memperoleh pencapaian terbaik dalam sektor kewangan dan mengukuhkan nama baik syarikat serta meningkatkan budaya kerja yang sihat. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat SDB mendapati perkara berikut:

9.4.3.1. Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah merupakan badan eksekutif tertinggi yang diberi kuasa untuk melaksanakan semua aktiviti dan tanggungjawab seperti mana yang diperuntukkan dalam Memorandum Dan Artikel Syarikat serta Akta Syarikat 1965. Bagi memastikan pengurusan syarikat diuruskan dengan sempurna dan mencapai objektif penubuhannya, Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat seberapa kerap yang boleh selaras dengan kehendak Buku Hijau - *Enhancing Board Effectiveness* yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad. Pihak Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sebanyak 10 kali masing-masing pada tahun 2013 dan 2014 serta 6 kali pada tahun 2015. Kehadiran ahli Lembaga Pengarah adalah memuaskan.

9.4.3.2. Audit Dalam

Pewujudan Unit Audit Dalam (UAD) adalah penting kerana ia berfungsi sebagai *added value* kepada pengurusan syarikat yang efektif dan efisien serta memaksimumkan keuntungan melalui tindakan pengurangan kos. Semakan Audit mendapati UAD ada ditubuhkan dan mempunyai 6 kakitangan yang diketuai oleh seorang Pengurus Kanan. Rancangan tahunan pengauditan bagi tahun 2013, 2014 dan 2015 ada disediakan yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu *Audit Master Plan*, *Audit Strategy Plan* dan *Audit Assignment Control Sheet*. Semakan Audit selanjutnya mendapati 28 perkara yang dibangkitkan oleh UAD sedang diambil tindakan setakat bulan Mac 2016 antara lainnya

seperti pindah milik tanah belum dibuat, *unsatisfactory conduct of account* – tertunggak selama 8 bulan, *temporary withdrawal of land title has yet to be returned*, *non submission of security supports* dan *inadequacy of security coverage*.

9.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Menurut *Take-Over Register* (Seksyen 1) Bahagian Audit Dalam, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan hendaklah dianggotai oleh tiga ahli Lembaga Pengarah bukan eksekutif atau mana-mana dua ahli Lembaga Pengarah bukan eksekutif dan satu ahli bebas (bukan pengarah dan pengurusan) dengan Audit Dalam SDB sebagai Setiausaha kepada Jawatankuasa tersebut. Keperluan mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali bagi setiap tiga bulan dan apabila diarahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan telah ditubuhkan dan mempunyai 3 orang ahli yang terdiri daripada seorang pengerusi (Ahli Lembaga Pengarah SDB), Ketua Pegawai Eksekutif dan seorang ahli bebas (Ahli Lembaga Pengarah SDB). Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali masing-masing pada tahun 2013, 2014 dan 2015 untuk membincangkan isu berbangkit yang dilaporkan UAD.

9.4.3.4. Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Amalan Kod Tadbir Urus Korporat Bahagian A4.2 (i) untuk Badan Berkanun Negeri dan syarikat-syarikat subsidiari yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 yang diluluskan oleh Jemaah Kabinet Negeri pada 26 Januari 2010 menetapkan agar Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dilaksanakan bagi memantau prestasi entiti dan menentukan operasi diuruskan dengan betul. Semakan Audit mendapati KPI tidak disediakan setakat 31 Mac 2016. **Berdasarkan maklum balas SDB bertarikh 22 Julai 2016, SDB belum menerima arahan daripada Kerajaan Negeri.**

9.4.3.5. Strategi Dan Rancangan Korporat

Mengikut amalan terbaik, Syarikat Kerajaan perlu menyediakan Rancangan Korporat. Setiap syarikat perlu merancang strategi perniagaan bagi memastikan perniagaan yang diusahakan mencapai objektif penubuhannya dan mendatangkan pulangan yang baik. Rancangan korporat yang lengkap dan jelas hendaklah disediakan bagi memastikan pelaksanaan operasi perniagaan adalah lebih teratur dan tersusun. Semakan Audit mendapati Pelan Strategik SDB telah disediakan.

9.4.3.6. Sistem dan Prosedur (Polisi/Garis Panduan/Prosedur)

Sistem dan prosedur yang lengkap, jelas dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Ia dapat membantu pihak pengurusan membuat keputusan dan mengambil tindakan dengan segera dan seterusnya dapat membantu syarikat mencapai misi dan objektifnya. *Standard Operating Procedures* (SOP)

merupakan rujukan penting kepada setiap anggota kerana dokumen ini mengandungi segala fungsi, prosedur, proses kerja dan kuasa kewangan. Semakan Audit mendapati SDB mengguna pakai Bank Policy Manual dan *Take-Over Register* sebagai SOP dan telah menetapkan polisi dan menggariskan beberapa garis panduan untuk dipatuhi mengikut bahagian masing-masing. Semakan Audit mendapati SOP sedia ada adalah kemas kini dan digunakan sebagai panduan dalam menjalankan operasi harian SDB.

9.4.3.7. Pembayaran Dividen

Berdasarkan amalan terbaik dan Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bilangan 7 Tahun 2001, bayaran dividen sekurang-kurangnya 10 peratus daripada keuntungan setiap tahun perlu dibayar oleh syarikat Kerajaan kepada Kerajaan Negeri sebagai pemegang saham. Semakan Audit mendapati SDB telah mengisytiharkan dividen antara 5.33% hingga 13.3% berasaskan jumlah saham biasa. SDB telah membayar dividen sejumlah RM70 juta pada tahun 2013 dan RM45 juta masing-masing pada tahun 2014 dan 2015.

9.4.3.8. Ikrar Integriti Korporat

Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge*) ialah akujanji dan komitmen sesebuah syarikat dan pegawainya untuk mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah. Dengan menandatangani ikrar ini, sesebuah syarikat membuat keputusan satu pihak (*unilateral*) bahawa syarikat tidak akan terlibat dalam jenayah rasuah dan akan berganding bahu untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah dan mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah untuk Syarikat di Malaysia dalam urusan perniagaan dan interaksinya dengan rakan perniagaan dan juga Kerajaan. Semakan Audit mendapati SDB telah menandatangani ikrar tersebut pada 1 Mac 2016.

9.4.3.9. Pengurusan Kewangan

Pihak Audit mendapati pengurusan kewangan meliputi aspek kawalan hasil, perbelanjaan dan pengurusan aset adalah baik.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat adalah baik kecuali KPI yang perlu disediakan.

9.5. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan pengurusan SDB dari aspek pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut:

9.5.1. Menyediakan sasaran jumlah pinjaman yang lebih praktikal dan realistik dengan mengawal pemberian pinjaman.

9.5.2. Memastikan hanya peminjam yang mempunyai nilai cagaran munasabah dan memenuhi kriteria minimum diberi pinjaman bagi mengelakkan atau mengurangkan risiko pinjaman menjadi NPL atau lapuk.

9.5.3. Menetapkan KPI agar tadbir urus korporat berada pada tahap yang lebih baik.

10. DESA PLUS SDN. BHD.

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Desa Plus Sdn. Bhd. adalah merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri di bawah Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Syarikat ini ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 5 Ogos 1995 dengan nama Vikajaya Sdn. Bhd. sebelum ditukar nama kepada Desa Plus Sdn. Bhd. (DPSB) pada 15 Mei 1996 dengan saham dibenarkan berjumlah RM5 juta dan berbayar penuh sejumlah RM2 juta. DPSB mempunyai 4 syarikat subsidiari dan 1 syarikat bersekutu.

10.1.2. Objektif utama DPSB adalah untuk mencapai misi kecemerlangan dalam produk dan perkhidmatan serta memaksimumkan nilai pemegang saham, memastikan produk dan perkhidmatan dihasilkan dan diedarkan pada kos yang kompetitif, komited untuk keselamatan makanan dan kelestarian alam sekitar, menarik dan mengekalkan bakat terbaik dalam industri makanan serta membina pertumbuhan perniagaan di persekitaran. Aktiviti utama yang dijalankan oleh DPSB adalah menguruskan pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu serta pengurusan Kumpulan Desa.

10.1.3. Ahli Lembaga Pengarah DPSB dipengerusikan oleh YB. Datuk Raime Bin Unggi iaitu Ahli Parlimen Tenom dan dibantu oleh 3 orang pengarah yang terdiri daripada wakil Kementerian Kewangan Negeri serta 2 orang ahli bebas. DPSB adalah di bawah Kumpulan Desa dan diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan serta dibantu oleh 20 orang kakitangan.

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah baik dan pengurusan aktiviti utama serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

10.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti syarikat, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Kaedah pengauditan ialah dengan membuat semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015. Pengauditan pengurusan aktiviti dijalankan dengan menyemak semua dokumen berkaitan dengan pengurusan dan pemantauan aktiviti anak syarikat dan pelaburan di syarikat bersekutu serta di pasaran saham. Temu bual juga dibuat dengan pegawai DPSB di

samping melaksanakan pemeriksaan fizikal terhadap peralatan dan aset syarikat. Pemeriksaan fizikal Audit turut dijalankan di syarikat subsidiari iaitu ladang ternakan ayam milik Solidev Sdn. Bhd., Bahagian Pemasaran milik DIFI Sdn. Bhd., ladang ternakan lembu tenusu milik Desa Cattle (Sabah) Sdn. Bhd., ladang penanaman bunga tanah tinggi milik Desa Highlands Sdn. Bhd. dan 2 bidang tanah Kumpulan Desa milik Desa Cattle (Sabah) Sdn. Bhd. yang terletak di Mesilau, Kundasang dan Sook, Keningau bagi meninjau pelaksanaan aktiviti. *Exit Conference* yang dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif DPSB serta wakil Kementerian Kewangan telah dijalankan pada 26 Mei 2016.

10.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga April 2016, mendapati pada umumnya prestasi kewangan DPSB adalah baik di mana syarikat berjaya mencatat keuntungan bersih 3 tahun berturut-turut berjumlah antara RM4.90 juta hingga RM6.41 juta. Manakala keuntungan terkumpul pada 31 Disember 2015 berjumlah RM99.93 juta. Dari segi pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat masih terdapat kelemahan. Secara ringkasnya kelemahan yang diperhatikan adalah:

- Pulangan daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari adalah tidak memuaskan di mana daripada 4 syarikat subsidiari yang dilaburkan, 3 syarikat mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM32.63 juta.
- Projek lewat disiapkan.
- Tanah Kumpulan Desa di Kg. Mesilau, Kundasang diceroboh.
- Ikrar Integriti Korporat belum ditandatangani.
- Manual Prosedur bagi pengurusan aset tidak lengkap.

10.4.1. Prestasi Kewangan DPSB

Bagi menilai prestasi kewangan DPSB, analisis terhadap *trend* dan nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

10.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis trend bagi tahun 2013 hingga 2015 mendapati jumlah pendapatan telah meningkat daripada RM6.82 juta pada tahun 2013 kepada RM8.52 juta pada tahun 2015. Manakala perbelanjaan menurun daripada RM1.88 juta pada tahun 2013 kepada RM1.87 juta pada tahun 2014 dan meningkat semula kepada RM2.08 juta pada tahun 2015.


- b. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan DPSB adalah seperti di **Jadual 10.1, Carta 10.1 dan Carta 10.2.**

Jadual 10.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan DPSB
Bagi Tempoh 2013 Hingga 2015

Butiran	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
Jumlah Pendapatan	6.82	7.92	8.52
Jumlah Perbelanjaan	(1.88)	(1.87)	(2.08)
Keuntungan Sebelum Cukai	4.94	6.07	6.44
Cukai Pendapatan	(0.036)	(0.029)	(0.031)
Keuntungan Bersih	4.90	6.04	6.41
Keuntungan Berkumpul	89.48	94.52	99.93


Sumber: Penyata Kewangan DPSB

Carta 10.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan
Keuntungan Berkumpul Bagi Tahun
Kewangan 2013 Hingga 2015



Sumber: Penyata Kewangan DPSB

Carta 10.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan
Bagi Tahun Kewangan 2013 Hingga 2015



Sumber: Penyata Kewangan DPSB

10.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan DPSB, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Kewangan DPSB bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 10.2.**

Jadual 10.2
Analisis Nisbah Kewangan DPSB Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Butiran	Tahun Kewangan		
	2013	2014	2015
Nisbah Semasa	3.59:1	4.17:1	4.89:1
Margin Untung Bersih	72.4%	76.6%	75.6%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.04:1	0.06:1	0.06:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.05:1	0.07:1	0.07:1

Sumber: Penyata Kewangan DPSB

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Nisbah Semasa pada kadar 2:1 menunjukkan kemampuan syarikat untuk membayar hutang manakala Nisbah Semasa pada kadar 1:1 adalah dianggap setara. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati Nisbah Semasa mencatatkan peningkatan setiap tahun di mana Nisbah Semasa adalah pada 3.59:1, 4.17:1 dan 4.89:1 bagi tahun 2013, 2014 dan 2015 masing-masing. Ini menunjukkan DPSB berkemampuan untuk menjelaskan keseluruhan tanggungan semasanya.

b. Margin Keuntungan

Margin Keuntungan mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit hasil yang dijana daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan kecekapan sesebuah syarikat yang memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, syarikat telah memperolehi keuntungan sebelum cukai sejumlah RM0.72 pada tahun 2013 dan meningkat kepada RM0.76 pada tahun 2014. Bagaimanapun, pada tahun 2015 margin keuntungan menurun kepada RM0.75.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya bagi mendapatkan pulangan terbaik. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2013, 2014 dan 2015, Nisbah Pulangan Atas Aset syarikat menunjukkan keuntungan masing-masing pada kadar RM0.04, RM0.06 dan RM0.06.

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Ekuiti pada tahun 2013, 2014 dan 2015 masing-masing adalah pada 0.05:1, 0.07:1 dan 0.07:1. Ini bermaksud, bagi setiap ringgit modal yang digunakan, syarikat telah menjana keuntungan sebelum cukai pada kadar RM0.05 pada tahun 2013 dan RM0.07 masing-masing pada tahun 2014 serta 2015.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan DPSB adalah baik.

10.4.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti DPSB

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif. Aktiviti utama DPSB adalah pegangan pelaburan dan pengurusan Kumpulan Desa. Setakat 31 Disember 2015, DPSB telah melabur sejumlah RM1.54 juta dalam 4 syarikat subsidiari dan sejumlah RM10,232 dalam 1 syarikat bersekutu. Aktiviti utama syarikat subsidiari dan bersekutu adalah dalam bidang penternakan ayam daging, lembu tenusu dan kambing, agro pelancongan, pemasaran dan perniagaan runcit, memproses makanan ternakan (*feedmill*) serta perladangan bunga tanah tinggi. Status dan pegangan ekuiti DPSB dalam syarikat subsidiari dan bersekutu adalah seperti di **Jadual 10.3**. Selain itu, DPSB juga melabur sejumlah RM35.15 juta dalam sebuah syarikat yang disenaraikan dalam bursa saham.

Jadual 10.3
Kedudukan Syarikat Subsidiari Dan Bersekutu DPSB Sehingga Tahun 2015

Bil.	Nama Syarikat	Modal Berbayar (RM)	Pemilikan (%)	Pelaburan DPSB (RM)	Aktiviti Perniagaan/Status
Syarikat Subsidiari:					
1.	Desa Cattle (Sabah) Sdn. Bhd.	10,750,000	100	39,957*	Dairy, livestock farming & agro-tourism
2.	Solidev Sdn. Bhd.	3,048,486	100	963,174*	Poultry broiler farms
3.	DIFI Sdn. Bhd.	10,000,000	100	537,985*	Marketing, wholesales, trading and retailing of poultry and dairy products
4.	Desa Highlands Sdn. Bhd.	200,000	51	1,152*	Cultivation and sale of temperate highland flowers and vegetables
Jumlah				1,542,268	
Syarikat Bersekutu:					
1.	Desa Cargill Sdn. Bhd.	6,000,000	49	10,232*	Manufacture and sale of animal feeds
Jumlah				10,232	

Sumber: DPSB

Nota: * Pindahmilik saham daripada KPD Holdings Sdn. Bhd atas nilai nominal RM1 dan duti setem

10.4.2.1. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari Dan Bersekutu

a. Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari Dan Bersekutu

- i. Sehingga Disember 2015, daripada 4 syarikat subsidiari yang dilaburkan oleh DPSB, hanya syarikat Desa Cattle (Sabah) Sdn. Bhd. mencatatkan keuntungan bagi 3 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2013 hingga 2015. Syarikat Solidev Sdn. Bhd. dan DIFI Sdn. Bhd. mencatatkan kerugian bagi 3 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2013 hingga 2015. Manakala Desa Highlands Sdn. Bhd. mencatatkan kerugian bagi tahun 2013 dan 2014 namun mencatatkan keuntungan pada tahun 2015. Semakan Audit juga mendapati 3 syarikat subsidiari iaitu syarikat Solidev Sdn. Bhd., DIFI Sdn. Bhd. dan Desa Highlands Sdn. Bhd. mengalami kerugian terkumpul setakat 31 Disember 2015 yang

berjumlah RM17.47 juta, RM15.15 juta dan RM4,785 masing-masing. Bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu iaitu Desa Cargill Sdn. Bhd., adalah didapati syarikat ini mencatatkan keuntungan bagi 3 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2013 hingga 2015. Secara keseluruhannya, semakan Audit terhadap prestasi kewangan 5 syarikat berkenaan mendapati 2 syarikat mencatatkan keuntungan terkumpul sejumlah RM127.30 juta manakala 3 syarikat lagi mencatatkan kerugian terkumpul sejumlah RM32.63 juta. Butiran prestasi kewangan syarikat subsidiari dan bersekutu bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 10.4**.

Jadual 10.4
Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari Dan Bersekutu DPSB
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil. Tahun 2015 hingga 2016							
Bil.	Nama Syarikat	Status	Untung/(Rugi) Semasa			Untung Terkumpul Pada 31.12.2015 (RM)	Kerugian Terkumpul Pada 31.12.2015 (RM)
			2013	2014	2015		
			(RM)	(RM)	(RM)		
Syarikat Subsidiari:							
1.	Desa Cattle (Sabah) Sdn. Bhd.	Aktif	7,762,525	9,522,260	10,168,239	59,335,440	-
2.	Solidev Sdn. Bhd.	Aktif	(1,580,243)	(2,032,791)	(2,451,453)	-	(17,472,883)
3.	DIFI Sdn. Bhd.	Aktif	(900,786)	(1,502,489)	(1,623,618)	-	(15,150,516)
4.	Desa Highlands Sdn. Bhd.	Aktif	(167,213)	(375,118)	36,064	-	(4,785)
Jumlah						59,335,440	(32,628,184)
Syarikat Bersekutu							
1.	Desa Cargill Sdn. Bhd.*	Aktif	14,484,000	13,674,000	12,496,000	67,962,000	-
Jumlah						127,297,440	(32,628,184)

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari dan Bersekutu DPSB

Nota: *Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Mei

- ii. Semakan lanjut mendapati 2 anak syarikat DPSB iaitu Solidev Sdn. Bhd. dan DIFI Sdn. Bhd. dan satu anak syarikat Desa Lestari Sdn. Bhd. iaitu Desa Hatchery Sdn.Bhd. adalah sebahagian daripada *poultry integration* yang merupakan salah satu aktiviti utama Kumpulan Desa. Walaupun kedua-dua anak syarikat DPSB tersebut mengalami kerugian pada tahun 2013 hingga 2015 serta dalam kedudukan kerugian terkumpul pada tahun 2015, secara keseluruhannya, aktiviti *poultry integration* menjana keuntungan bersih masing-masing berjumlah RM4.68 juta dan RM2.22 juta pada tahun 2013 dan 2014. Bagaimanapun, pada tahun 2015, aktiviti *poultry integration* mengalami kerugian berjumlah RM2.25 juta. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 10.5**.

Jadual 10.5
Ringkasan Untung Rugi *Poultry Integration*
Mulai 2013 Hingga 2015

Butiran	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)
Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Susutnilai:			
Desa Hatchery Sdn. Bhd.	2,991,000	1,775,000	14,452
Solidev Sdn. Bhd.	(1,195,000)	(1,472,000)	(1,953,421)
Difi Sdn. Bhd.	(591,000)	(1,140,000)	(2,069,288)
Jumlah	1,205,000	(837,000)	(4,008,257)
Tolak Faedah Pinjaman:			
Desa Hatchery Sdn. Bhd.	460,000	(360,000)	-
Solidev Sdn. Bhd.	-	-	(76,836)
Difi Sdn. Bhd.	-	-	-
Jumlah	460,000	(360,000)	(76,836)
Keuntungan/(Kerugian) Selepas Faedah Pinjaman & Sebelum Susutnilai	745,000	(1,197,000)	(4,085,093)
Tolak Susutnilai:			
Desa Hatchery Sdn. Bhd.	2,351,000	2,446,000	2,535,117
Solidev Sdn. Bhd.	385,000	561,000	574,869
Difi Sdn. Bhd.	379,000	470,000	481,577
Jumlah	3,115,000	3,477,000	3,591,563
Keuntungan/(Kerugian) Bersih:			
Desa Hatchery Sdn. Bhd.	180,000	(1,031,000)	(2,520,665)
Solidev Sdn. Bhd.	(1,580,000)	(2,033,000)	(2,451,454)
Difi Sdn. Bhd.	(970,000)	(1,610,000)	(2,550,865)
Kerugian Sebelum Feed Mill	(2,370,000)	(4,674,000)	(7,522,984)
Tambah:			
Keuntungan Pelaburan Daripada Desa Cargill (49%)	7,049,000	6,892,000	5,273,883
Jumlah Keseluruhan	4,679,000	2,218,000	(2,249,101)

Sumber: DPSB

- iii. Berdasarkan maklum balas pihak DPSB bertarikh 14 Julai 2016, pihak pengurusan akan mengambil inisiatif penambahbaikan untuk memulihkan syarikat-syarikat yang mengalami kerugian.

b. Defisit Dalam Dana Pemegang Saham

Dana Pemegang Saham adalah merupakan modal yang dibayar oleh pemegang saham dan keuntungan terkumpul syarikat. Prestasi sebuah syarikat dianggap baik sekiranya ia berjaya meningkatkan Dana Pemegang Saham secara berterusan selaras dengan objektif syarikat. Semakan Audit mendapati syarikat subsidiari iaitu Solidev Sdn. Bhd. mengalami defisit dalam Dana Pemegang Saham bagi tempoh 3 tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2013 hingga 2015 manakala syarikat DIFI Sdn. Bhd. mengalami defisit Dana Pemegang Saham pada tahun 2015. Jumlah defisit dalam Dana Pemegang Saham bagi syarikat Solidev Sdn. Bhd dan DIFI Sdn. Bhd. pada tahun 2015 adalah masing-masing berjumlah RM7.50 juta dan RM355,417.

c. Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari Dan *Related Companies*

- i. DPSB memberi pendahuluan kepada syarikat subsidiari dan *related companies* bagi membiayai projek pembangunan dan bayaran bagi pihak syarikat-syarikat tersebut. Mengikut rekod DPSB, baki pendahuluan yang terhutang oleh syarikat-syarikat berkenaan pada akhir tahun 2013, 2014 dan 2015 adalah masing-masing berjumlah RM65.18 juta, RM67.44 juta dan RM70.13 juta. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 10.6**.

Jadual 10.6
Baki Pendahuluan Yang Terhutang Oleh Syarikat Subsidiari Dan *Related Companies*
Pada Tahun 2013 Hingga 2015

Pada Tahun 2013 Hingga 2015					
Bil.	Nama Syarikat	Tahun			Ekuiti Pemegang Saham Pada 31.12.2015
		2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	
Syarikat Subsidiari:					
1.	Solidev Sdn. Bhd.	9,435,275	10,963,595	13,215,646	(7,491,398)
2.	DIFI Sdn. Bhd.	18,910,046	19,225,666	19,281,927	(355,417)
3.	Desa Highlands Sdn. Bhd.	1,835	1,835	1,945	12,355,630
Jumlah		28,347,156	30,191,096	32,499,518	4,508,815
Related Companies:					
1.	Sabah Food Corporation Sdn. Bhd.	259,657	269,039	258,948	(8,673,658)
2.	Desa Lestari Sdn. Bhd.	28,073	14,479	15,509	99,417,386
3.	Desa Tapioca Industries Sdn. Bhd.	10,983,293	10,983,491	10,983,491	(12,502,085)
4.	Desa Kurnia Sdn. Bhd.	772,957	776,091	778,408	(3,771,014)
5.	Desa Hatchery Sdn. Bhd.	24,738,584	25,157,022	25,544,734	(28,598,645)
6.	Tropical Fruit Sdn. Bhd.	53,348	53,582	53,601	(2,431,815)
Jumlah		36,835,912	37,253,704	37,634,691	43,440,169
Jumlah Keseluruhan		65,183,068	67,444,800	70,134,209	47,948,984

Sumber: DPSB

- ii. Analisis Audit mendapati 2 syarikat subsidiari dan 5 *related companies* mengalami defisit dana pemegang saham pada 31 Disember 2015. Ini menunjukkan ketidakmampuan syarikat tersebut untuk menjelaskan baki pendahuluan yang terhutang. Selain itu, pendahuluan yang diberi kepada syarikat-syarikat tersebut tidak mempunyai sebarang perjanjian. Pihak DPSB merancang untuk mengkaji semula pendahuluan terkumpul syarikat-syarikat berkenaan dengan menukar sebahagian atau sepenuhnya pendahuluan tersebut kepada ekuiti pemegang saham.
- iii. **Berdasarkan maklum balas pihak DPSB bertarikh 14 Julai 2016, pihak Lembaga Kumpulan Desa telah bersetuju untuk menyusun semula sebahagian atau sepenuhnya pinjaman/pendahuluan antara syarikat sebagai ekuiti atau pinjaman jangka panjang untuk memperbaiki kedudukan dana pemegang saham anak-anak syarikat.**

d. Pendahuluan Daripada Syarikat Subsidiari

- i. Semakan Audit mendapati pada 31 Disember 1998, pihak DPSB menerima pendahuluan daripada syarikat subsidiari iaitu Desa Cattle (Sabah) Sdn. Bhd. (DCSB) berjumlah RM25.71 juta untuk membayar balik syarikat induk (yang dahulunya dikenali sebagai Bentaniaga Sdn. Bhd.) bagi kos pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu yang diagihkan daripada jumlah RM85 juta dibayar oleh Bentaniaga Sdn. Bhd. kepada Kerajaan Negeri Sabah. Semakan lanjut mendapati pembayaran balik pendahuluan kepada DCSB adalah teratur dan baki pendahuluan setakat 31 Disember 2015 berjumlah RM15.51 juta. Butiran terperinci baki pendahuluan bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 10.7**.

Jadual 10.7
Baki Pendahuluan Yang Diterima Daripada Syarikat Subsidiari
Pada Tahun 2013 Hingga 2015

Nama Syarikat	Tahun		
	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)
Desa Cattle (Sabah) Sdn. Bhd.	19,901,548	17,654,880	15,507,197

Sumber: DPSB

- ii. **Berdasarkan maklum balas pihak DPSB bertarikh 14 Julai 2016, pembayaran balik pendahuluan kepada DCSB akan dilakukan melalui penolakan pembayaran dividen tahunan masa hadapan DCSB kepada DPSB.**

10.4.2.2. Pembayaran Dividen Oleh Syarikat Subsidiari, Bersekutu Dan Pelaburan Saham

Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 7 Tahun 2001, Perenggan 7.1.1 menyatakan Lembaga Pengarah Syarikat Induk hendaklah memastikan supaya semua lapisan syarikat subsidiari, bersekutu dan pelaburan membayar dividen kepada syarikat induk masing-masing agar syarikat induk itu pula dapat membayar dividen kepada pemegang-pemegang sahamnya. Manakala perenggan 10.1 pula menyatakan bahawa sekiranya syarikat-syarikat bersekutu dan pelaburan tidak membayar dividen untuk tiga (3) tahun berturut-turut, laporan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Negeri bagi membolehkan pertimbangan dibuat sama ada untuk melupakan kepentingan Kerajaan dalam syarikat-syarikat tersebut atau tidak. Sepanjang tempoh tahun 2013 hingga 2015, sejumlah RM19.60 juta pembayaran dividen kepada DPSB direkodkan. Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 10.8**.

Jadual 10.8
Pembayaran Dividen Bagi Tempoh Tahun Kewangan 2013 Hingga 2015

Butiran Syarikat	Tahun			Jumlah Dividen (RM)
	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	
Desa Cattle (Sabah) Sdn. Bhd.	1,000,000	2,000,000	2,000,000	5,000,000
Desa Cargill Sdn. Bhd.	2,058,000	2,058,000	3,087,000	7,203,000
IJM Plantations Berhad	2,590,000	2,590,000	2,220,000	7,400,000
Jumlah	5,648,000	6,648,000	7,307,000	19,603,000

Sumber: DPSB

10.4.2.3. Strategi Penyusunan Semula Kewangan Korporat

- a. Bagi membiayai operasi dan aktiviti, Kumpulan Desa melalui DPSB dan syarikat subsidiarinya serta Desa Lestari Sdn. Bhd. telah membuat pinjaman bank antara tahun 1986 hingga 2002 yang berjumlah RM47.48 juta. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 10.9**.

Jadual 10.9
Pembayaran Balik Faedah Dan Pinjaman Bank
Bagi Tahun 1986 Hingga 2015

Butiran	Bayaran Balik (1986 – 2003) (17 Tahun)			Bayaran Balik (2004 – 2007) (4 Tahun)			Bayaran Balik (2008 – 2015) (7 Tahun)			Jumlah Bayaran Balik (1986 – 2015) (28 Tahun)		
	Pokok	Faedah	Jumlah	Pokok	Faedah	Jumlah	Pokok	Faedah	Jumlah	Pokok	Faedah	Jumlah
Poultry:	(RM Juta)			(RM Juta)			(RM Juta)			(RM Juta)		
Sabah Dev. Bank	3.43	32.8	36.23	-	1	1	18.77	8.49	27.26	22.2	42.29	64.49
Alliance Bank	-	-	-	-	2.12	2.12	7.11	2.23	9.34	7.11	4.35	11.46
CIMB Bank	1.64	046	2.1	0.88	0.61	1.49	1.98	0.43	2.41	4.5	1.5	6.0
Total Poultry Loan	5.07	33.26	38.33	0.88	3.73	4.61	27.86	11.15	39.01	33.81	48.14	81.95
Livestock:												
Agro Bank	-	-	-	-	0.05	0.05	2.7	0.48	3.18	2.7	0.53	3.23
Tapioca:												
Maybank	5.76	4.21	9.97	-	-	-	5.21	1.12	6.33	10.97	5.33	16.3
Jumlah Keseluruhan	10.83	37.47	48.3	0.88	3.78	4.66	35.77	12.75	48.52	47.48	54.00	101.48
%	47.65			4.6			47.75			100		

Sumber: DPSB

- b. Semakan Audit mendapati pihak DPSB telah melaksanakan strategi penyusunan semula kewangan korporat Kumpulan Desa dengan membuat pembayaran pinjaman berserta faedahnya secara intensif mulai tahun 2008 dan jumlah hutang tersebut telah diselesaikan sepenuhnya pada tahun 2015.

10.4.2.4. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti Syarikat Subsidiari: Desa Cattle (Sabah) Sdn. Bhd.

a. Latar Belakang

- i. Desa Cattle (Sabah) Sdn. Bhd. (DCSB) adalah merupakan syarikat subsidiari yang dimiliki 100% oleh DPSB. DCSB ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 25 Oktober 1978 dengan saham dibenarkan berjumlah RM15 juta dan saham berbayar berjumlah RM10.75 juta.

- ii. DCSB mempunyai 2 syarikat usaha sama dengan Desa Okidville Sdn. Bhd. dan Desa Kim Loong Palm Oil Sdn. Bhd. dengan pegangan saham 49% dan 30% masing masing. Aktiviti utama yang dijalankan oleh DCSB adalah tertumpu pada bidang ternakan lembu bersepadu, kambing dan tenusu. Perniagaan baru yang diceburi oleh DCSB adalah dalam bidang agro pelancongan sementara aktiviti utama dua syarikat usaha sama milik DCSB tertumpu kepada bidang perladangan dan pemprosesan minyak kelapa sawit.
- iii. DCSB memperoleh keuntungan 3 tahun berturut-turut untuk tempoh 2013 hingga 2015 dan keuntungan terkumpul bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 berjumlah RM59.34 juta. Selain itu, DCSB juga menyumbang dividen kepada DPSB berjumlah RM1.00 juta pada tahun 2013 dan RM2.00 juta masing-masing pada tahun 2014 serta 2015.

b. Analisis Nisbah Kewangan DCSB

Bagi menilai prestasi kewangan DCSB, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Kewangan DCSB bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015. Secara keseluruhannya prestasi kewangan DCSB adalah baik walaupun Nisbah Semasa dan Margin Untung Bersih mengalami sedikit penurunan pada tahun 2015. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 10.10**.

Jadual 10.10
Analisis Nisbah Kewangan DCSB Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Butiran	Tahun Kewangan		
	2013	2014	2015
Nisbah Semasa	14.04:1	13.74:1	9.84:1
Margin Untung Bersih	49.4%	49.7%	45.4%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.06:1	0.07:1	0.07:1
Nisbah Pulangan Ke atas Ekuiti	0.07:1	0.08:1	0.08:1

Sumber: Penyata Kewangan DCSB

10.4.2.5. Strategi Peningkatan Operasi Di Syarikat Subsidiari

- a. Pihak DPSB telah menggariskan 4 perkara sebagai strategi peningkatan operasi di syarikat subsidiari selaras dengan Pelan Strategik bagi tahun 2013 hingga 2017 iaitu:
 - Kemudahan pengeluaran (*Production Facilities*)
 - Kemudahan perumahan pekerja/kakitangan (*Staff/Workers Housing Facilities*)
 - Kejuruteraan semula sistem pengeluaran (*Re-engineering Production System*)
 - Pengembangan perniagaan baru (*New Business Expansion*)

- b. Bagi merealisasikan pelan strategik yang telah dirancang maka pihak DPSB telah melaksanakan 5 projek di 2 syarikat subsidiari bagi tempoh 2013 hingga 2015 seperti di **Jadual 10.11**.

Jadual 10.11
Senarai Projek Bagi Tempoh 2013 Hingga 2015

Bil.	Syarikat Subsidiari	Nama Projek	Nama Kontraktor	Amaun Kontrak (RM)
1.	Desa Cattle (Sabah) Sdn. Bhd. (DCSB)	<i>Single Storey Cafeteria & Store To Existing Desa Milk Processing Plant</i>	Kontraktor A	1,731,958.00
2.		<i>New Cow Barn, Renovation & Extension To Existing Desa Milk Processing Plant</i>	Kontraktor M	8,307,201.05
3.		<i>Staff Quarters For Desa Cattle (Sabah) Sdn. Bhd.</i>	Kontraktor M	4,545,553.92
4.	Solidev Sdn. Bhd. (SSB)	<i>Broiler Houses On PL026127122, Kg. Kawari, Kabang, Papar</i>	Kontraktor W	1,944,184.75
5.		<i>4 Units Single Storey Staff & Worker Quarters</i>	Kontraktor P	1,529,674.50

Sumber: DPSB

c. Projek *Single Storey Cafeteria & Store To Existing Desa Milk Processing Plant*

- i. Pelan strategik lima tahun Kumpulan Desa (2013-2017) termasuk menyasarkan pertumbuhan pendapatan daripada agro-pelancongan melalui bayaran masuk, jualan susu ladang, makanan dan minuman serta jualan cenderamata, meningkatkan kemudahan ladang iaitu *modern milking parlour*, *cow barn system* dan *farm feed store* serta menyediakan kafeteria untuk kemudahan pelawat. Pada 14 Januari 2013 Lembaga Pengarah telah bersetuju melantik Kontraktor A dengan nilai kontrak berjumlah RM1.73 juta dan tempoh siap selama 12 bulan iaitu mulai 1 Februari 2013 hingga 31 Januari 2014.
- ii. Pemeriksaan Audit mendapati projek pembinaan tersebut yang sepatutnya siap pada 31 Januari 2014 hanya dapat disiapkan sepenuhnya pada 15 Disember 2014 dengan 2 kali kelulusan tempoh lanjutan masa seperti di **Jadual 10.12**.

Jadual 10.12
Tempoh Lanjutan Masa Projek *Single Storey Cafeteria & Store To Existing Desa Milk Processing Plant*

<i>Extension Of Time (EOT)</i>	Mulai	Hingga	Jumlah (Hari)	Tarikh Dipohon Oleh Kontraktor	Tarikh Kelulusan EOT
No. 1	31.01.2014	21.02.2014	21	07.11.2013	26.11.2013
No. 2	21.02.2014	02.05.2014	70	18.03.2014	03.04.2014
Jumlah			91		
No. 3	02.05.2014	15.08.2014	105	24.07.2014	Tidak diluluskan

Sumber: DPSB

- iii. Bagaimanapun, permohonan lanjutan masa kali ketiga tidak diluluskan oleh Juruperunding. *Certificate of Practical Completion* telah dikeluarkan pada 18 Disember 2014 dan atas kelewatan tempoh siap tersebut maka pihak kontraktor telah dikenakan penalti *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) dengan kadar RM346.39 sehari bagi tempoh 227 hari yang berjumlah RM78,630.53. Pihak Juruperunding hanya mengeluarkan *Certificate Of Non-Completion* pada 10 April 2015 iaitu setelah projek siap pada 15 Disember 2014 dan *Certificate of Making Good Defects* pada 29 Februari 2016. Semakan lanjut mendapati penalti LAD tersebut telah ditolak daripada bayaran kemajuan kerja terakhir pada 5 April 2016 dan Wang Tahanan juga telah dibayar kepada kontraktor.
- iv. Pemeriksaan fizikal terhadap projek tersebut telah dijalankan pada 9 Mac 2016 dan didapati Kafeteria berkenaan belum digunakan. Pihak DPSB memaklumkan dapur Kafeteria tidak sesuai digunakan untuk memberi perkhidmatan kepada pengunjung di samping belum ada pengisian jawatan *Chef* di Kafeteria berkenaan. Pihak Pengurusan juga bercadang untuk menyewakan kafeteria tersebut kepada agensi luar yang berminat. Butiran adalah seperti di **Gambar 10.1** dan **Gambar 10.2**.

Gambar 10.1
Kafeteria Belum Digunakan



Sumber: DPSB
Lokasi: DCSB, Mesilau Kundasang
Tarikh: 9 Mac 2016

Gambar 10.2
Bentuk Dapur Kafeteria



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: DCSB, Mesilau Kundasang
Tarikh: 9 Mac 2016

- v. Berdasarkan maklum balas pihak DPSB bertarikh 14 Julai 2016, pada mulanya susun atur dapur yang dirancang adalah sangat asas dan menjangkakan pengubahsuaian mengikut kemudahan dan keperluan peralatan dapur. Kerja-kerja pengubahsuaian ini tidak termasuk dalam kontrak dan hanya akan dilakukan selepas projek siap. Pihak Pengurusan atas kelulusan Lembaga Pengarah memutuskan untuk menyewakan kemudahan kafeteria kepada pihak ketiga pada pakej harga sewa tetap bulanan termasuk peratus daripada hasil jualan. Pada masa ini pihak pengurusan sedang dalam rundingan terhadap terma dan syarat dengan bakal pengendali kafeteria berkenaan.

d. Projek New Cow Barn, Renovation & Extension To Existing Desa Milk Processing Plant

- i. Antara Pelan strategik lima tahun Kumpulan Desa (2013-2017) adalah untuk mencapai objektif berikut:
- Meningkatkan kecekapan prestasi dan mengurangkan kos pengeluaran susu/liter.
 - Mengembangkan kapasiti pengeluaran susu mentah.
 - Mengembangkan pertumbuhan hasil agro-pelancongan dengan menyediakan lebih banyak aktiviti pendidikan sistem pengeluaran ladang moden bersepadu kepada pengunjung ladang.
- ii. Lembaga Pengarah pada 21 September 2013 telah bersetuju melantik Kontraktor M dengan nilai kontrak berjumlah RM6.29 juta dan tempoh siap selama 8 bulan. Tempoh kerja mulai 8 Oktober 2013 hingga 7 April 2014 bagi Seksyen 1 dan sehingga 7 Jun 2014 bagi keseluruhan kerja. Projek ini mempunyai 2 Seksyen iaitu Seksyen 1 merupakan 2 *Block of New Cow Barns* manakala Seksyen 2 meliputi 1 *Block of New Milking Parlour, Renovation to Existing Milk Processing Plant, Associated Mechanical, Electrical Services, External Works and Services*.
- iii. Dalam pada itu, kerja-kerja tambahan telah dibuat melibatkan *Variation Agreement* dengan nilai kontrak berjumlah RM2.02 juta dan mendapat kelulusan ahli Lembaga Pengarah melalui mesyuarat Bil.107 bertarikh 11 September 2014. Projek tambahan ini melibatkan Pembinaan *Cheese Production Room, Corn Silage Bunker And Young Stock Cow Barn*. Tempoh siap kerja adalah selama 7 bulan mulai 6 Jun 2014 hingga 5 Januari 2015. Semakan terhadap rekod berkaitan projek mendapati perkara berikut:
- iv. Pemeriksaan Audit mendapati projek pembinaan tersebut lewat disiapkan seperti di **Jadual 10.13**.

Jadual 10.13
Prestasi Kerja Projek New Cow Barn, Renovation & Extension To Existing Desa Milk Processing Plant Dan Kerja-Kerja Tambahan

Bil.	Butiran Kerja	Tarikh Patut Siap	Tarikh Siap Sebenar	Tempoh Kelewatan (Hari)	Catatan
1.	Section 1	07.04.2014	16.06.2014	70	EOT
2.	Section 2	07.06.2014	22.08.2014	76	EOT
3.	Corn Silage & Young Stock House	05.01.2015	22.12.2014	-	-
4.	Cheese Production Room	05.01.2015	26.05.2015	141	EOT

Sumber: DPSB

- v. Pihak Kontraktor telah mendapat 3 kali kelulusan tempoh lanjutan masa bagi Projek *New Cow Barn, Renovation & Extension To Existing Desa Milk Processing Plant* dan 1 kali kelulusan tempoh lanjutan masa bagi kerja-kerja tambahan seperti di **Jadual 10.14**.

Jadual 10.14
Tempoh Lanjutan Masa Projek *New Cow Barn, Renovation & Extension To Existing Desa Milk Processing Plant* Dan Kerja-Kerja Tambahan

Tarikh Projek Patut Siap (a)	Extension Of Time (EOT)	Mulai	Hingga	Jumlah (Hari)	Tarikh Dipohon Oleh Kontraktor (b)	Jarak masa (a) berbanding (b) (Hari)	Tarikh Kelulusan EOT
07.04.2014	No. 1	07.04.2014	18.05.2014	41	24.03.2014	-	03.04.2014
18.05.2014	No. 2	18.05.2014	07.06.2014	20	28.05.2014	10	29.05.2014
07.06.2014	No. 3	07.06.2014	15.08.2014	69	18.06.2015	376	31.07.2015
05.01.2015	No. 1	06.01.2015	27.05.2015	141	27.10.2015	295	08.01.2016

Sumber: DPSB

- vi. Semakan Audit mendapati permohonan EOT No.2 dan EOT No.3 bagi Projek *New Cow Barn, Renovation & Extension To Existing Desa Milk Processing Plant* dan EOT No.1 bagi projek tambahan lewat dipohon oleh pihak kontraktor iaitu antara 10 hingga 376 hari selepas tarikh projek sepatutnya siap. Semakan terhadap minit mesyuarat tapak bertarikh 28 Ogos 2014, 8 Januari 2015, 12 Mac 2015 dan 21 Mei 2015 mendapati pihak Juruperunding telah mengingatkan pihak kontraktor untuk menyediakan maklumat terperinci kemajuan kerja bagi proses permohonan lanjutan masa. Bagaimanapun, didapati pihak Juruperunding tidak mengeluarkan *Architect Instruction* (AI) bagi maksud tersebut.
- vii. Berdasarkan surat daripada Juruukur Bahan yang dilantik bertarikh 16 Jun 2015, *potential* LAD yang layak dituntut atas kelewatan siap kerja adalah RM149,700. Bagaimanapun, memandangkan pihak Juruperunding tidak mengeluarkan *Certificate Of Non-Completion* kepada kontraktor atas kelewatan tempoh siap tersebut maka LAD tidak dapat dikenakan.
- viii. Pemeriksaan fizikal terhadap projek tersebut pada 9 Mac 2016 mendapati *New Cow Barns, New Milking Parlour, Corn Silage Bunker & Young Stock House* serta *Cheese Production Room* telah digunakan sepenuhnya.
- ix. Berdasarkan maklum balas pihak DPSB bertarikh 14 Julai 2016, permohonan EOT lewat dikemukakan dan diluluskan oleh Juruperunding telah diuruskan dan 2 *Certificate Of Non-Completion* bertarikh 1 dan 2 Jun 2016 telah dikeluarkan. Penilaian akhir mendapati projek mengalami kelewatan tempoh siap selama 13 hari dan LAD telah dikenakan ke atas kontraktor berjumlah RM3,800.

e. Projek Staff Quarters For Desa Cattle (Sabah) Sdn. Bhd.

- i. Pelan Strategik lima tahun Kumpulan Desa (2013-2017) termasuk menaik taraf perumahan kakitangan DCSB untuk peningkatan prestasi dan pengekalan kakitangan. Rumah duplex sebanyak 4 unit sedia ada yang dibina pada tahun 1980 tidak mencukupi untuk menempatkan bilangan kakitangan di ladang. Lembaga Pengarah pada 2 Disember 2014 telah bersetuju melantik Kontraktor M dengan nilai kontrak berjumlah RM4.55 juta dan tempoh siap selama 10 bulan iaitu mulai 29 Disember 2014 hingga 28 Oktober 2015. Projek ini melibatkan pembinaan 1 unit *Manager House*, 2 block *Executive House (Twin)*, 1 block *Supervisor House (4 units)* dan 1 *Labour Quarters (12 units)*.
- ii. Semakan Audit terhadap rekod yang berkaitan mendapati projek ini yang sepatutnya siap pada 28 Oktober telah mendapat 1 kali tempoh lanjutan masa selama 47 hari dan projek siap sepenuhnya pada 9 Disember 2015. *Certificate of Practical Completion* telah dikeluarkan pada 11 Disember 2015. Pemeriksaan fizikal Audit pada 9 Mac 2016 mendapati perumahan ini telah digunakan sepenuhnya kecuali *Manager House* kerana perjawatan belum diisi. Butiran adalah seperti di **Gambar 10.3** hingga **Gambar 10.6**.

Gambar 10.3
Manager House



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: DCSB, Mesilau Kundasang
Tarikh: 9 Mac 2016

Gambar 10.4
Executive House



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: DCSB, Mesilau Kundasang
Tarikh: 9 Mac 2016

Gambar 10.5
Supervisor House



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: DCSB, Mesilau Kundasang
Tarikh: 9 Mac 2016

Gambar 10.6
Labour Quarters



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: DCSB, Mesilau Kundasang
Tarikh: 9 Mac 2016

Pada pendapat Audit, pihak DPSB perlu memastikan Juruperunding supaya lebih teliti dalam memantau tempoh siap kerja oleh kontraktor yang dilantik. Selain itu, Juruperunding perlu memastikan tempoh lanjutan masa dipohon sebelum tarikh siap yang sepatutnya. Ini bagi membolehkan penalti terhadap LAD dapat dibuat kerana sebarang kelewatan dari tempoh yang ditetapkan boleh mengakibatkan aktiviti syarikat yang telah dirancang terjejas.

10.4.2.6. Tanah Milik Kumpulan Desa

Kumpulan Desa mempunyai beberapa bidang tanah di mana 2 di antaranya dimiliki oleh anak syarikat DPSB iaitu DCSB seperti di **Jadual 10.15**.

Jadual 10.15
Penilaian Tanah Kumpulan Desa

Bil.	Pemilik Berdaftar	Nombor Title	Keluasan (Ekar)	Lokasi	Harga Penilaian (RM)	Catatan
1.	DCSB	CL.065316903	122.95	Kg. Mesilau, Kundasang	13,864,000	Penilaian oleh JS Valuer pada tahun 2012
2.		CL.135367903	1,983.50	Sook, Keningau	11,400,000	Penilaian oleh JS Valuer pada tahun 2009

Sumber: DPSB

a. Tanah CL. 065316903 Di Kg. Mesilau, Kundasang

- i. Pemeriksaan fizikal Audit telah dijalankan pada 10 Mac 2016 terhadap kandang ternakan kambing DCSB yang terletak di atas tanah CL.06316903 di Kg. Mesilau, Kundasang. Pemeriksaan Audit mendapati tanah berkenaan tidak dipagar dan dipasang papan kenyataan yang menunjukkan ianya adalah milik DCSB. Selain itu, sebahagian daripada tanah berkenaan dicero bohi oleh penduduk/peladang tanpa izin yang menjalankan aktiviti penanaman sayur.

Pihak DPSB memaklumkan kawasan itu telah pun dipagar tetapi dirobohkan oleh penduduk yang menjalankan aktiviti penanaman sayur di kawasan tersebut. Butiran adalah seperti **Gambar 10.9** dan **Gambar 10.10**.

Gambar 10.9
Penanaman Sayur Di Tanah DCSB



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Mesilau, Kundasang
Tarikh: 10 Mac 2016

Gambar 10.10
Penanaman Sayur Di Tanah DCSB



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Mesilau, Kundasang
Tarikh: 10 Mac 2016

- ii. Semakan Audit mendapati kes pencerobohan ini telah dibawa ke mahkamah dan melibatkan 43 penduduk kampung melalui *summons No. K24-76 of 2001*. Bagaimanapun, pada 19 Mac 2015, Hakim Mahkamah Tinggi telah menolak kes itu dengan kos RM7,000 kepada defendan dan bahawa kes itu tidak boleh secara terus diputuskan. Pihak Pengurusan telah mengarahkan peguam Jayasuriya Kah & Co. untuk memfailkan Notis Rayuan sementara menunggu nota Prosiding Mahkamah. Bagaimanapun, berdasarkan kepada minit mesyuarat DPSB Bil. 68 bertarikh 26.08.2015, ahli Lembaga Pengarah di atas nasihat Jayasuria Kah & Co. telah memutuskan untuk menarik balik rayuan dan memohon supaya perkara itu dibawa ke Mahkamah Tinggi untuk semua isu.

b. Tanah CL. 135367903 Di Sook, Keningau

- i. Pihak DCSB mempunyai sebidang tanah berkeluasan 1,983.50 ekar yang bernilai RM11.40 juta (penilaian tahun 2009) di Sook, Keningau. Pihak Kumpulan Desa telah merancang untuk menjalankan *Joint Venture* aktiviti penanaman kelapa sawit dan Projek Lembu Bersepadu dengan Desa Kim Loong Palm Oil Sdn. Bhd. (DKLPO) di atas tanah berkenaan. Bagaimanapun, melalui surat Kementerian Kewangan Bil: KEW(S): 100-0/2/51/(102) bertarikh 6 Oktober 2009 telah menetapkan tanah tersebut diserahkan kepada *Sabah Land Development Board* (SLDB) bagi membolehkan pihak SLDB membangunkan kawasan tersebut sebagai *Keningau Integrated Livestock Centre (KILC)* di bawah program *Sabah Development Corridor (SDC)*. Pengurusan Projek KILC diletakkan di bawah *Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA)*.

- ii. Melalui surat DPSB kepada Kementerian Kewangan bertarikh 10 Ogos 2010, pihak DPSB bersedia menyerahkan tanah berkenaan kepada SEDIA mengikut harga pasaran iaitu RM12.64 juta kerana pulangan daripada tanah tersebut akan digunakan untuk membiayai pelan penstrukturan semula kewangan Kumpulan Desa. Bagaimanapun, pihak SEDIA menawarkan sewaan atas tanah tersebut dengan nilai nominal RM1 untuk tempoh 30 tahun dan nilai ini dianggap tidak saksama oleh DPSB.
- iii. Pada tahun 2015, pihak SEDIA kemudiannya menawarkan DPSB untuk menerajui projek KILC tetapi pihak DPSB hanya bersetuju untuk menjadi fasilitator kepada projek berkenaan memandangkan belum mempunyai keupayaan dari segi sumber kewangan dan modal insan.
- iv. Melalui surat bertarikh 30 Oktober 2015, DPSB memaklumkan kepada pihak SEDIA bahawa projek KILC adalah projek komersial yang terlalu besar untuk diambil alih oleh Kumpulan Desa khususnya bagi anak syarikatnya iaitu DCSB tanpa meletakkan tekanan yang berat kepada sumber kewangan dan modal insan sedia ada.
- v. **Berdasarkan maklum balas pihak DPSB bertarikh 14 Julai 2016, pihak pengurusan masih menunggu maklum balas pihak SEDIA berkaitan isu status tanah berkenaan dan akan terus membuat susulan terhadap perkara tersebut.**

Pada pendapat Audit, selain kelemahan yang dibangkitkan di atas, pengurusan aktiviti DPSB adalah memuaskan. Bagaimanapun, pihak DPSB adalah disyorkan untuk mengambil tindakan susulan terhadap kes tanah di Kg. Mesilau, Kundasang.

10.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ianya merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik akan dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat DPSB mendapati perkara berikut:

10.4.3.1. Lembaga Pengarah

- a. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah seperti dinyatakan dalam Akta Syarikat 1965 dan Perkara 81 Memorandum Dan Artikel Syarikat menetapkan ahli Lembaga Pengarah hendaklah tidak kurang daripada 2 dan tidak lebih daripada 7 orang. Semakan Audit mendapati bilangan ahli Lembaga Pengarah DPSB adalah seramai 5 orang yang

terdiri daripada ahli politik, Pengerusi Tabin Wildlife Holidays Sdn. Bhd., mantan Pengarah Pengurusan Kumpulan Suria Capital Holdings Bhd. (meninggal dunia pada 12 Julai 2015), mantan Pengarah Pertanian Sabah dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan.

- b. Bagi memastikan pengurusan DPSB diuruskan dengan sempurna dan mencapai objektif penubuhannya, Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau seberapa kerap yang boleh selaras dengan kehendak Buku Hijau – *Enhancing Board Effectiveness* yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah telah bermesyuarat 5 kali bagi tahun 2013, 4 kali bagi tahun 2014 dan 4 kali bagi tahun 2015. Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah adalah antara 46% hingga 100%. Selain daripada Ahli Lembaga Pengarah, mesyuarat turut dihadiri oleh Setiausaha Syarikat dan pegawai pengurusan Kumpulan Desa.

10.4.3.2. Mesyuarat Agung Tahunan

Seksyen 143, Akta Syarikat 1965 menghendaki Mesyuarat Agung Tahunan diadakan setiap tahun. Semakan Audit mendapati mesyuarat agung tahunan bagi tahun 2013 hingga 2015 masing-masing diadakan pada 6 Jun 2013, 2 Jun 2014 dan 20 Jun 2015.

10.4.3.3. Audit Dalam

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan dalam 1 Pekeliling Perbendaharaan PS3.1/2013, penubuhan Unit Audit Dalam (UAD) adalah untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus bagi membantu organisasi mencapai matlamatnya. Matlamat UAD adalah bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam pentadbiran. Semakan Audit mendapati UAD untuk Kumpulan Desa telah ditubuhkan dan rancangan pengauditan tahunan telah disediakan. Semakan lanjut mendapati skop pengauditan UAD bagi tahun 2013 hingga 2015 meliputi Kawalan Inventori, Pemeriksaan Mengejut Hasil dan Panjar Wang Runcit, Audit Pematuhan, Audit Operasi, Audit Kewangan dan Latihan Pegawai serta Kakitangan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Penemuan UAD dimaklumkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan.

10.4.3.4. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan dalam 1 Pekeliling Perbendaharaan PS3.2/2013, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan bertujuan untuk meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat supaya kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dapat dipelihara sepenuhnya serta mengawasi semua fungsi UAD. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan atau seperti mana yang ditentukan oleh Pengerusinya. Semakan

Audit mendapati Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat sebanyak 3 kali bagi tahun 2013, 3 kali bagi tahun 2014 dan 4 kali bagi tahun 2015. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah Laporan Audit Dalam dan meluluskan Rancangan Tahunan Audit Dalam.

10.4.3.5. Sistem Dan Prosedur

- a. Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, polisi dan garis panduan perlu ditetapkan untuk dipatuhi. Semakan Audit mendapati DPSB mempunyai SOP kewangan yang dikemas kini pada 13 Disember 2013. Bagaimanapun, semakan lanjut terhadap *Financial Policies & Procedures Manual* bagi Aset Tetap mendapati ianya tidak lengkap kerana tidak mengandungi tatacara mengenai pelantikan pegawai yang bertanggungjawab terhadap aset dan keperluan menyediakan Daftar Pemeriksaan Aset setelah ianya dijalankan.
- b. **Berdasarkan maklum balas pihak DPSB bertarikh 14 Julai 2016, pihak pengurusan akan menyemak semula *Financial Policies and Procedures Manual* dengan memasukkan pelantikan Pegawai Aset dan tanggungjawabnya serta keperluan berkaitan.**

10.4.3.6. Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge*)

Ikrar Integriti Korporat ialah dokumen yang membenarkan sesebuah syarikat membuat komitmen untuk mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah untuk Syarikat Korporat di Malaysia. Dengan menandatangani ikrar ini, sesebuah syarikat membuat keputusan satu pihak (*unilateral*) bahawa syarikat tidak akan terlibat dalam jenayah rasuah, dan akan berganding bahu untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah dan mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah untuk Syarikat di Malaysia dalam urusan perniagaan dan interaksinya dengan rakan perniagaan dan juga Kerajaan. Semakan Audit mendapati DPSB belum menandatangani Ikrar Integriti Korporat. **Berdasarkan maklum balas pihak DPSB bertarikh 14 Julai 2016, pihak pengurusan akan mendapatkan maklumat daripada Agensi lain berkaitan CIP.**

10.4.3.7. Rancangan Korporat

Berdasarkan amalan terbaik setiap syarikat perlu menyediakan Rancangan Korporat dan menetapkan strateginya untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang serta rancangan tersebut perlu selaras dengan objektif penubuhannya. Semakan Audit mendapati Pelan Strategik 2013 – 2017 ada disediakan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah DPSB pada 11 Disember 2012. Pelan strategik

ini bertujuan untuk memaksimumkan nilai pegangan saham Kumpulan Desa. Antara pelan strategik yang disediakan adalah seperti berikut:

- Membangunkan perniagaan baru.
- Meningkatkan pendapatan.
- Meningkatkan kecekapan kos.
- Meningkatkan margin produk.

10.4.3.8. Pembayaran Dividen

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993, bayaran dividen sekurang-kurangnya 10 peratus daripada keuntungan selepas cukai setiap tahun perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan lebih diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi tanpa menjejaskan kedudukan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati pihak DPSB telah mengisytiharkan dividen berjumlah RM0.75 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dan RM1 juta masing-masing bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, 2014 dan 2015.

Pada pendapat Audit, pengurusan tadbir urus korporat DPSB adalah baik.

10.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat DPSB adalah memuaskan. DPSB adalah disyorkan untuk mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

10.5.1. Merangka penyusunan semula syarikat yang mempunyai kerugian melebihi 3 tahun bagi menjaga kepentingan pihak Kerajaan.

10.5.2. Merancang dengan teliti pelan pembangunan projek untuk mengelak perubahan kerja dan tambahan masa yang akan meningkatkan kos dan penyelenggaraan.

10.5.3. Memastikan tindakan susulan diambil terhadap kes pencerobohan dan penempatan setingan di Kg. Mesilau, Kundasang.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan serta berdaya saing bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

28 September 2016



www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA